PEMBARATAN PEMERINTAHAN JOHOR

(1800-1945)

Suatu Analisis Sosiologi Sejarah

PEMBARATAN PEMERINTAHAN JOHOR (1800-1945)

Suatu Analisis Sosiologi Sejarah

RAHIMAH ABDUL AZIZ

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
1997

Cetakan Pertama 1997
© Rahimah Abdul Aziz 1997

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Rahimah Abdul Aziz
Pembaratan pemerintahan Johor (1800–1945) : suatu analisis sosiologi sejarah / Rahimah Abdul Aziz.
Bibliografi: hlm. 349–364
Mengandungi indeks
ISBN 983-62-5514-1
1. Johor--Civilization--Western influence. 2. Johor--Politics and government--Western influence. 3. Education--Johor--History--Western influence. 4. Johor--Social conditions--Western influence.
I. Judul.
959.5119

M 945535

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

10 JUN 1998
Perpustakaan Negara Malaysia

KANDUNGAN

Senarai Rajah		xi
Senarai Jadual		xiii
Prakata		xv
Penghargaan		xvii
Mata Wang dan Sukatan		xix
Senarai Kata Singkatan		xxi
BAB 1	**JOHOR: PERSOALAN PEMODENAN DAN PEMBARATAN**	1
	Mempertimbangkan Persoalan	1
	Daripada Pembaratan kepada Pemodenan: Sumber, Konsep dan Proses	7
	Masyarakat Majmuk	25
	Timur dan Barat: Pertembungan Tamadun	28
	Johor: Pemodenan *lwn* Pembaratan	33
BAB 2	**JOHOR: PEMBARATAN MELALUI PERLEMBAGAAN**	37
	(Pemindahan Corak Pentadbiran Barat ke Johor)	
	Dunia Melayu dan Barat	37

Johor di Ambang Kedatangan British 42
Perlunya Mengawal Johor: Kemaraan British 50
Johor Menghalang Proses Pembaratan 53
Organisasi Kerajaan Berperlembagaan Johor 57
Penyusunan Semula Organisasi Kerajaan: Peningkatan Birokrasi 61
Lembaga Penasihat Johor (Johore Advisory Board) 73
Kedudukan Monarki: Daripada Mutlak kepada Berperlembagaan 73
Pengabadian Pembaratan di Johor 76

BAB 3 DARI JAWI KE RUMI: MENEGAKKAN KERASIONALAN 94
Pendidikan di Johor Sebelum Tahun 1800 100
Polisi dan Sistem Pendidikan Selepas 1800 102
Pengurusan dan Pentadbiran 106
Peraturan dan Sukatan Pelajaran Sekolah 122
Sukatan Pelajaran 126
Sekolah Pertukangan 137
Dari Jawi ke Rumi 139

BAB 4 TANAH DAN TANAMAN 147
Ekonomi dan Sistem Pemegangan Tanah Peribumi 148
Organisasi Pentadbiran Tanah Johor 161
Dasar Tanah dan Undang-undang Tanah 1910 164
Kesan Pelaksanaan Dasar dan Undang-undang Tanah 170

Surat Sementara 171
Tanah Simpanan (Rizab) Melayu 172
Sistem Penghulu 179
Pertanian di Johor 181
Jenis Tanaman Ladang 184
Tanaman Makanan 188
Menanam Padi di Johor 189

BAB 5 IMIGRASI DAN TENAGA KERJA 194
Tenaga Kerja Peribumi 199
Mencari Tenaga Kerja 202
Tenaga Kerja Cina 203
Tenaga Kerja India 205
Tenaga Kerja Jawa 210
Pengawalan Tenaga Kerja 213

BAB 6 KESIMPULAN: PEMBARATAN JOHOR 222
Kes Johor 224
Kesan Pembaratan 235

LAMPIRAN

Lampiran A (i): Perjanjian Pertama antara Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dengan Thomas Stamford Raffles bertarikh 4 Rabiulakhir 1234 (30 Januari 1819) 243

Lampiran A (ii): Triti yang Kedua antara Thomas Raffles dengan Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk

	Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja bertarikh 11 Rabiulakhir 1234, (6 Februari 1819)	245
Lampiran A (iii):	Triti yang Ketiga antara Thomas Raffles dengan Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman bertarikh 2 Ramadan 1234	248
Lampiran B:	Triti Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Menyerahkan Pulau Singapura dengan Lautnya dan Selat dan Pulau Kecil-kecil kepada Gabenor Inggeris. Tarikh 2 Ogos 1824	250
Lampiran C:	Persetiaan antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim Menyerahkan Hak Milik Kerajaan dan Semua Tanah Jajahan Johor 10 Mac 1855	255
Lampiran D:	Surat Perjanjian Setia Kerajaan Johor 11 Disember 1885	258
Lampiran E:	Fungsi Pesuruhjaya Besar Kerajaan 1895–1913	262
Lampiran F:	Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895	264
Lampiran G:	Arahan mengenai Pentadbiran Berseiring	305
Lampiran H:	Surat Sultan Ibrahim Johor kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Arthur Young Bertarikh 11 Mei 1914	306
Lampiran I:	Sultan dan Temenggung Johor, Menteri Besar, Gabenor Negeri-	

	Negeri Selat, Penasihat Am, dan Pemangku Penasihat Am Johor (1800–1945)	308
Lampiran J:	Ringkasan Sukatan Pelajaran yang Disyorkan untuk Sekolah-sekolah Melayu Johor, 1937	315
Lampiran K:	Ringkasan Sukatan Pelajaran Sekolah Inggeris Johor 1929	321
Lampiran L:	Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Inggeris Johor Sehingga Tahun 1945	327
Lampiran M:	Sungai-sungai Baru yang Dibuka Menerusi Surat Sungai (1844–1884)	330
Lampiran N:	Premium-premium (Harga Tanah) Sewa-sewa Tanah dan Belanja-belanja	331
Lampiran O:	Cabutan Jadual yang Disediakan oleh Penolong Penasihat Am, Muar, Berhubung dengan Cadangan Membayar Gaji kepada Penghulu	341
Lampiran P:	Beberapa Catatan Perihal Jenis-jenis Surat, Akuan dan Keterangan Berkaitan dengan Tanah yang Pernah Dikeluarkan di Johor	343
Bibliografi		349
Indeks		365

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, 1883	107
Rajah 3.2	Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, 1887–1888	107
Rajah 3.3	Struktur Pentadbiran Jabatan Agama dan Pelajaran Negeri Johor, 1901	108
Rajah 3.4	Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor Setelah Berpecah kepada Bahagian Pelajaran Inggeris dan Bahagian Pelajaran Melayu, 1918	110
Rajah 3.5	Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, 1928	124

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Sekolah Tamil Johor hingga Tahun 1941	119
Jadual 3.2	Perkembangan Sekolah Cina Johor, 1901–1941	119
Jadual 3.3	Mata Pelajaran di Sekolah Agama Perempuan Kerajaan Johor	125
Jadual 3.4	Ringkasan Kandungan Mata Pelajaran Tawarikh (Sejarah) yang Ditawarkan di Sekolah Melayu dan di Sekolah Inggeris	128
Jadual 3.5	Ringkasan Kandungan Mata Pelajaran Ilmu Alam (Geografi) yang Ditawarkan di Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris	129
Jadual 4.1	Bangsa Pemilik Ladang/Estet di Johor	183
Jadual 4.2	Peratus Eksport Berdasarkan *Standard Production* untuk Setiap Suku Tahun	187
Jadual 4.3	Anggaran Keluasan Kawasan Penanaman di Johor pada Akhir Tahun 1932	193
Jadual 5.1	Jumlah Tenaga Kerja Jawa di Johor, 1914–1940	213
Jadual 5.2	Pekerja Imigran di Johor, 1924–1939	219

PRAKATA

Persoalan asas sosiologikal yang sekali gus menjadi dasar dan tumpuan kajian ini adalah juga merupakan suatu persoalan sejagat, iaitu "memahami aspek perubahan sosial dalam pembentukan peradaban manusia". Proses perubahan sosial ini adalah sesuatu yang cukup rumit lagi remeh. Dalam bidang sosiologi sejarah, kajian ini dilakukan secara empirikal terhadap suatu era terpenting dalam sejarah pembentukan peradaban alam Melayu (1800–1945). Pada era ini berlaku pertemuan secara aktif dua peradaban, iaitu Melayu dan Barat. Pada era inilah proses perubahan sosial yang dialami oleh peradaban Melayu mencapai kemuncaknya; ketika "pembaratan" keseluruhan peradaban alam Melayu sudah tidak dapat dihindari lagi. Proses ini berkesudahan dengan wajah Melayu berwarna timur terungkai dan diwarnabaratkan.

Tumpuan khusus kajian empirikal ini adalah pengalaman pembaratan negeri Melayu Johor, terutamanya kesan proses pembaratan terhadap sistem pemerintahannya dari tahun 1800 hingga tahun 1945. Kajian ini memperihal serta menganalisis bagaimana proses perombakan warisan pemerintahan tradisional Johor terjadi dan sekali gus diserapi oleh unsur-unsur Barat sehingga wajah Timurnya berubah. Apabila wajah baru Barat sudah terpahat, maka terlaksanalah usaha memodenkan Johor.

Kajian ini melihat dengan terperinci bagaimana proses pembaratan Johor terjelma jelas dalam (i) perubahan yang dialami oleh organisasi serta institusi tadbirnya; (ii) pengalaman

perubahan yang dilalui oleh sistem pendidikannya; (iii) cara tanah ditadbir, dikawal dan diagih; dan (iv) proses memobilisasi guna tenaga. Ternyata bahawa pertemuan antara unsur Timur dan Barat di Johor ini telah menghasilkan sekurang-kurangnya tiga kesan sosial: (i) penerimaan sepenuhnya beberapa unsur Barat; (ii) saduran dan penyesuaian, atau proses *indigenisation* beberapa unsur Barat yang lain; dan (iii) penolakan unsur Barat yang dianggap cukup bertentangan dengan unsur Timur. Kesan terakhir daripada keseluruhan proses ini ialah "pembaratan sistem pemerintahan Johor" yang kemudiannya telah pula mendasari proses pemodenan Johor.

PENGHARGAAN

Tanam lenggundi tumbuh kelapa,
Terbit bunga pucuk mati;
Budi tuan saya tak lupa,
Sudah terpaku di dalam hati.

Pantun Melayu
Suntingan R.T. Wilkinson dan
R.O. Winstedt. Singapura: Malaya
Publishing House. 1961:149

Penyelidikan dan penulisan buku ini disempurnakan dengan bantuan dan sumbangan banyak pihak. Skim Latihan Tenaga Pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia telah memberikan saya kesempatan cuti belajar selama empat tahun dan geran penyelidikan yang memuaskan. Bantuan yang diberikan oleh British Council, melalui The British High Commissioner's Award Scheme telah membolehkan saya menyertai The School of Oriental and African Studies (SOAS) untuk menjalankan penyélidikan di London selama tiga bulan. Kepada kedua-dua institusi ini, terutamanya Universiti Kebangsaan Malaysia, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Profesor Doktor Shamsul Amri Baharuddin di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kekayaan idea, ketajaman dan ketelitian tunjuk ajar dan bimbingan beliau bukan saja memungkinkan buku ini dihasilkan dengan sempur-

na, tetapi membolehkan saya menimba banyak pengetahuan dan pengalaman yang amat berharga.

Saya sembahkan kasih sayang dan perasaan terhutang budi kepada Allahyarham ayah saya, Haji Abdul Aziz Ahmad (1927–1991), dan ibu saya, Hajah Maimunah Haji Ariffin, atas segala pengorbanan, kasih sayang, sokongan, keyakinan dan bantuan mereka yang tidak berkesudahan, terutama sepanjang penyelidikan dan penulisan buku ini. Sayang sekali arwah ayah tidak berkesempatan menatap buku ini. Buku ini ditujukan kepada mereka.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada suami saya, Ibrahim Komoo, dan anak-anak: Adzrai Aziz, Adzrina Mona, Adil Azhar dan Adzlan Arif, yang terpaksa banyak bersabar dan berkorban akibat tumpuan yang perlu saya berikan untuk menghasilkan buku ini. Akhirnya, soalan "... berapa halaman lagi buku mama nak siap?" telah dapat saya jawab.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya rakamkan untuk Prof. Madya Dr. Sharifah Mastura Abdullah, sahabat yang tidak mengenal batasan persahabatan dalam keinginannya melihat buku ini diterbitkan. Segala bantuannya amat saya hargai. Tidak lupa juga kepada ketua dan kakitangan Arkib Negara, Cawangan Johor Bahru, yang banyak membantu saya, terutamanya dari segi mendapatkan bahan-bahan yang saya perlukan. Akhir sekali, kepada rakan-rakan saya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, juga di luar Jabatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan kepada semua yang telah memberi sokongan kepada saya diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

RAHIMAH ABDUL AZIZ
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi

MATA WANG DAN SUKATAN

Mata Wang

Mata wang yang lazim digunakan di Asia Tenggara pada abad ke-20 ialah *Spanish Dollar.* Maka, simbol $ sentiasa merujuk kepada *Spanish Dollar.* Secara umum, British East India Company menyimpan akaunnya dalam bentuk mata wang *Rupees* (biasanya *Sicca*) dan kadangkala dalam bentuk mata wang *Pounds Sterling.*

$100 ..... 26.50
$100 ..... 252.27 *Dutch Guilders*
$100 ..... 210.85 *Sicca*
$100 ..... 220.34 Surat
$100 ..... 224.81 Madras
100 ..... $366.97
100 ..... 773.76 *Sicca*

Sukatan

Tahil (Tael) ..... 1.33 oz (3.77 gm)
Kati (16 Tahil) ..... 1.33 lb (60.33 gm)
Pikul (100 Kati) ..... 133.33 lb (60.48 gm)
Bahar (3 Pikul) ..... 400 lb (181.44 kg)
Koyan (40 Pikul) ..... 5333.33 lb (2419.18 kg)

Sumber: Trocki, C.A. 1979:xii.

SENARAI KATA SINGKATAN

ag.	acting
bil.	bilangan
dlm.	dalam
ed.	edisi
jil.	jilid
kpd.	kepada
(ed.)	editor
(peny.)	penyelenggara
sunt.	suntingan
terj.	terjemahan
t.th.	tanpa tarikh
t.t.	tanpa tempat

AA	Assistant Adviser
ACLR	Assistant Collector of Land Revenue
ANJ	Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor Bahru
ANM	Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur
Cd.	Command Paper
CDSS	Colonial Directory of the Straits Settlements
CLM(S)	Commissioner of Lands, Mines (and Survey)
CLR	Collector of Land Revenue
CLRJB	Collector of Land Revenue Johor Bahru
CLRBP	Collector of Land Revenue Batu Pahat
CLRM	Collector of Land Revenue Muar
CO	Colonial Office

DYMM	Duli Yang Maha Mulia
EIC	East India Company
FMS	Federated Malay States
FO	Foreign Office
GA	General Adviser
HC	High Commissioner
JIA	Journal of the Indian Archipelago and East Asia
JKR	Jabatan Kerja Raya
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JMF	Johore Military Forces
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
JSSS	Journal of the South Seas Society
MB	Menteri Besar
MCS	Malayan Civil Service
MOS	Malay Officers Scheme
Mss. Ind. Ocean	Manuscript Indian Ocean
NLS	National Library Singapore
NNS	Negeri-Negeri Selat
PJK	Pesuruhjaya Kerajaan
PRO	Public Records Office, London
S.S.	Straits Settlements
SS	State Secretary
SSCD	Singapore and Straits Calendar and Directory
SSD	Singapore and Straits Directory
SSDM	Salinan Surat Datuk Menteri
SSF	Selangor Secretariat File
SSR	Straits Settlements Record
SUK	Setiausaha Kerajaan
UFMS	Unfederated Malay States

BAB 1

JOHOR: PERSOALAN PEMODENAN DAN PEMBARATAN

Mempertimbangkan Persoalan

Persoalan kajian ini adalah berkenaan dengan proses perubahan sosial, dengan meneliti pengalaman Johor[1] dalam proses institusi tradisionalnya disesuaikan kepada fungsi moden – Barat. Kajian dihadkan kepada pengalaman Johor sehingga tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua dengan menggunakan sumber-sumber primari dan sekunder Melayu dan Inggeris. Pendekatan kajian ini bersifat selektif dan bukan menyeluruh sebagai usaha menganalisis satu peringkat tertentu proses perubahan dan pembangunan yang dialami Johor.

---

1 'Johore' yang dieja dengan huruf 'e' di hujungnya merupakan ejaan rasmi negeri itu sebagaimana ditetapkan dalam *Johore Government Gazette* No. 100 – Spelling of the word 'Johore', bertarikh 3hb. Ogos 191 8. Mengikut Gazette itu ... "By desire of H.H. the Sultan ... the name of H.H.'s State should be spelled 'Johore'. The form 'Johor' which is still occasionally met which is incorrect and should not be used." (Johore Government Gazette, 3 Ogos 1918. GA477/18).

Perkara ejaan ini sebenarnya telah diedarkan pada tahun 1899 lagi melalui Straits Settlement Government Gazette Notification No. 377 of 1899, yang menyebut bahawa ... *the name of HH's state should be spelled 'Johore' pursuant to paragraph 2 of the system laid down in the Government Notification No. 303 of 1899, instead of 'Johor' pursuant to paragraphs 3 and 7. (ibid.)*. Walau bagaimanapun, kini ejaan 'Johor' lebih kerap digunakan. Mengikut Winstedt (1932) dalam pendahuluan beliau untuk *A History of Johore (1365–1895)*, bahawa ejaan 'Johor' itu lebih saintifik serta lebih jimat untuk dicetak.

Khususnya, kajian tertumpu pada proses pembaratan yang berlaku di Johor. Pembentukan negeri (state) dan tataurus negara (*statecraft*)[2] di Johor akibat proses pembaratan ini dikaji dalam konteks kesinambungannya, bertujuan menghapuskan jurang sejarah yang seolah-olah wujud antara satu zaman dengan satu zaman yang lain. Analisisnya pula berlandaskan konsep dan definisi. Kebanyakan teori yang digunakan untuk menganalisis masa kini dan masa hadapan telah terbina berasaskan idea dan pengalaman Eropah Barat. Oleh sebab itu adalah kurang tepat dan sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks Dunia Ketiga yang dijajah amnya dan Johor khasnya.

Secara teori kajian ini cuba melihat bagaimana hal-hal kenegaraan atau tataurus negara Barat diperkenalkan di Johor sebagai sebahagian daripada proses pembaratan apabila terdapat warisan politik yang sedia wujud telah ditindas. Sebagai gantinya pemerintahan pentadbiran asing telah diperkenalkan. Keadaan dan sebab yang memungkinkan dan dapat menerangkan tentang pengenalan itu masih belum dikaji secara mendalam sungguhpun banyak yang telah ditulis tentang sejarah Johor.

Johor telah dikenali sebagai sebuah negeri moden dan Sultan Abu Bakar turut bergelar 'bapa Johor moden'.[3] Pemerintahan Abu Bakar (1862–1895) dianggap sebagai pengasas pemodenan Johor.[4] Pada masa itu kesan pengaruh Barat cukup kuat di rantau Asia Tenggara. Dalam suasana inilah Johor telah mengalami suatu proses metamorfosis politik terpenting dari segi pembentukan dan pembangunan negerinya. Namun demikian, Johor telah

---

2 *Statecraft* merujuk kepada pengurusan dan pengendalian hal ehwal negeri.

3 Lihat Coope (1936), Winstedt (1937), Johore, Government of (?) (1939), Sommerville (1956), Joginder Singh Jessey (1964), Stone (1966), Emerson (1964), Thio (1969), Ahmad Fawzi Basri (1972, 1978, 1982, 1984), Malek Munip (1977), Gray (1978), Trocki (1979), Amin Sweeney (1980) dan Khoo Kay Kim (1985).

4 Negeri Johor seperti yang dikenali hari ini telah diasaskan oleh Daeng Ibrahim. Kedudukannya sebagai sebuah negeri yang bebas pula telah diperkukuhkan semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar. Usaha membangunkan negeri itu telah diteruskan lagi oleh Sultan Ibrahim dan pembesar serta pegawainya.

berjaya mengekalkan identitinya sebagai sebuah negeri yang bebas.[5]

Sebagai seorang pemerintah mutlak yang banyak mendapat pengaruh Barat, Abu Bakar telah memperkenalkan institusi dan teknik pentadbiran Barat di Johor hinggakan beliau telah dianggap sebagai arkitek Johor moden. Bahkan, secara umum sebahagian besar transformasi awal masyarakat dan kerajaan Johor dilakukan melalui tindakan pemimpin yang memaksa dan mengenakan pelbagai perubahan ke atas rakyat. Pemimpin berkenaan telah mengarah dan menentukan arah perubahan dari segi ekonomi, sosial dan politik di Johor. Ternyata bahawa apa yang Abu Bakar telah perkenalkan di Johor adalah idea-idea berunsur Barat seperti mengasaskan sistem pentadbiran ala Eropah untuk melengkapkan institusi Melayu dan beberapa yang lain.[6] Oleh itu, adalah lebih tepat jika beliau diberi gelaran 'perintis proses pembaratan Johor' dan bukannya 'bapa Johor moden'.

Gelaran 'moden' telah mula digunakan oleh sarjana Barat[7] untuk menunjukkan kesan kehadiran mereka. Para sarjana dan pemerhati tempatan turut mengakui dan mengekalkan gelaran tersebut, terutama mereka yang berpendidikan Barat, tanpa pertimbangan kritis. Jika ditinjau kembali zaman pemerintahan Temenggung Abdul Rahman dan Sultan Abu Bakar ketika pengaruh Barat cukup kuat di rantau ini, kita dapati pemerintah Johor pada ketika itu telah berpeluang berinteraksi dengan suatu sistem nilai yang amat berlainan daripada amalan mereka. Dalam situasi demikian mereka mungkin mendapati lebih berfaedah mene-

---

5 Emerson (1964:197) berpendapat bahawa berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, amat sukar untuk menciri dan menerangkan tentang Johor dengan cara yang mudah dan terus terang.

6 Walau bagaimanapun dalam hal-hal tertentu pemerintahan Temenggung Abdul Rahman memperlihatkan langkah-langkah penting ke arah membaratkan negeri Johor.

7 Secara umum istilah Barat mengambil kira penduduk serta negara-negara Eropah Barat dan termasuk juga Amerika Utara. Secara khususnya, apabila membicara tentang pengaruh Barat di Johor, penekanan adalah kepada kuasa Inggeris.

rima idea, cara dan nilai baru itu demi mempertahankan kebebasan dan membangunkan bumi negeri Johor. Usaha-usaha mereka juga memperlihatkan penyatuan unsur Barat itu dengan nilai-nilai dan idea serta amalan yang diwarisi. Usaha penyatuan ini menyebabkan sistem pentadbiran Johor muncul sebagai ... *an unusual adaptation of traditional and western ideas of government* (Gray:1978:i).

Secara umumnya Johor banyak mengambil dan meminjam idea dari Barat. Walau bagaimanapun, ramai di kalangan orang Barat yang datang dan bekerja di Johor terutama pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 menginginkan lebih daripada itu. Terdapat banyak cadangan, nasihat dan kritikan mereka yang membayangkan tuntutan untuk meletakkan Johor di bawah pentadbiran dan kawalan Inggeris sepenuhnya. Bagi mereka, hanya dengan cara ini penduduk Johor boleh 'ditamadunkan'. Pada mulanya, pemerintah menentang segala usaha dan cadangan pihak Barat ini dengan memperkenalkan sendiri beberapa perkara yang diambil dari Barat tetapi penentangannya itu dapat dipatahkan oleh Inggeris dan ini memungkinkan proses pembaratan dipergiatkan di Johor.

Pengenalan unsur-unsur Barat di Johor telah dilakukan secara mikro sahaja.[8] Dalam usaha memperkenalkan unsur-unsur Barat ini proses pemodenan dilihat sebagai sebahagian daripada satu kesinambungan tidak terbatas dari zaman terawal sejarah sehingga ke masa hadapan. Buku ini hanya mengkaji sebahagian kecil daripada kesinambungan tersebut dan apabila abstraksi seperti tradisi, pemodenan, dan pembaratan digunakan, abstraksi itu seharusnya diambil kira hanya sebagai rangka tunggal dalam keseluruhan senario sejarah yang telah diperbesar bagi tujuan kajian. Walau bagaimanapun, pengaruh lain juga diambil kira[9]

---

8 Sejarah terdiri daripada berbagai peristiwa dan kepentingan yang diberikan kepada peristiwa itu akan bergantung kepada tempatnya di dalam keseluruhan sejarah yang lebih luas.

9 Dalam proses perubahannya masyarakat mesti dianggap sebagai entiti yang bebas dengan institusi tradisionalnya disesuaikan untuk menerima fungsi moden. Juga masyarakat harus dilihat sebagai entiti yang sentiasa berhadapan dengan banyak pengaruh kuasa luaran, yang kadang-kala amat berkuasa

untuk menunjukkan bahawa walaupun proses pembaratan diperkenalkan dalam berbagai-bagai institusi[10] (tanah, guna tenaga, pendidikan dan pentadbiran), namun terdapat proses *indigenisation*, saduran, dan modifikasi terhadap idea dan teknik Barat bertujuan menyesuaikannya dengan keadaan serta kehendak tempatan. Hasilnya ialah sebuah masyarakat dan sistem negeri Johor yang unik.

Proses penyesuaian ini berlaku kerana amalan institusi Barat telah dialirkan ke sebuah kawasan yang telah mempunyai budayanya yang tersendiri,[11] dan bukan ke kawasan yang 'terbuka' kepada penjajahan. Pengaliran sedemikian yang bertujuan untuk mengubah[12] institusi tradisional tempatan supaya memenuhi keperluan penjajah Barat, selalunya akan menimbulkan masalah dan konflik. Masalah timbul kerana sungguhpun elit politik tempatan bersedia menerima perubahan, namun secara umumnya masyarakat tradisional tidak mudah bertindak terhadap cabaran dan perubahan dari luar sistem institusi mereka. Masyarakat Johor tidak berupaya berhadapan dengan cabaran-cabaran baru yang belum pernah mereka hadapi sebelumnya. Selain daripada itu, proses masyarakat yang lebih maju mempengaruhi yang kurang maju sentiasa menyebabkan terhapusnya beberapa institusi di kalangan masyarakat kurang maju itu, dan

---

dan lantaran sukar ditolak.

10 Lerner (1964:3) telah menerangkan institusi sebagai:

> *... behavorial patterns performed by people whose goal is to enhance as much as possible the values which they hold important. The process involves an expenditure of available skills and knowledge upon the raw materials or resources at hand.... The process becomes an institution when the application of technique to the resources is formulated into a set of patterns which is productively efficient.... An institution in short is a code of rational, routine activity prescribed by statutes or to be made routine through customs and traditions.*

11 Tradisi Johor berasaskan warisan Kesultanan Melaka dan tradisi Johor-Riau-Lingga.

12 Proses sedemikian boleh dianggap sebagai sentiasa mengganggu, selalu memusnahkan dan kadang kala ganas. Sebuah masyarakat atau institusi boleh dirobah dengan jayanya hanya apabila ahli-ahlinya tidak lagi ingin hidup berpandukan nilai-nilai tradisional mereka.

dengan itu menyebabkan terputusnya pula kaitan dengan masa lampau. Terdapat juga di kalangan mereka yang sungguhpun dapat menerima perubahan itu sepenuh hati, atau menolaknya terus, ada pula yang berkompromi dan membuat penyesuaian.

Di Johor terdapat pertembungan budaya Barat (khususnya Inggeris) dan budaya tempatan, yang menghasilkan percampuran budaya politik tradisional dan sistem Barat. Mengikut Almond (1973:14–15), apa yang akan muncul daripada percampuran budaya yang berbeza ini akan bergantung pada sekurang-kurangnya lima faktor: jenis budaya tradisional yang terlibat; penaung terhadap pengenalan proses pembaratan itu (umpamanya, kuasa penjajah Barat, atau elit tempatan); fungsi masyarakat yang telah dibaratkan itu; kadar dan taktik proses pembaratan; dan jenis budaya Barat yang telah diperkenalkan.

Persoalannya ialah sama ada Johor telah mengalami proses pemodenan atau pembaratan atau kedua-duanya sekali sewaktu zaman penjajahan Barat tersebut? Bagi menjawab persoalan ini, konsep pembaratan dan pemodenan harus diperjelaskan, dibezakan dan difahami terlebih dahulu kerana melaluinya dapat dinilai kemajuan sosiobudaya dan politik sesebuah masyarakat. Proses dan corak perubahan yang diambil kira dalam konsep seperti pemodenan dan pembaratan adalah cukup genting bagi memahami dunia kini sehinggakan penggunaannya perlu dilakukan secara berhati-hati. Konsep yang kabur menyukarkan fahaman terhadap apa yang sebenarnya berlaku.

Konsep pemodenan dan pembaratan bukan sahaja harus diberi perhatian dalam menentukan sempadan antara dua konsep itu dan pendekatan analitisnya tetapi hubung kait antara kedua-duanya juga tidak harus diketepikan. Sungguhpun konsep pemodenan dan pembaratan itu semestinya mempunyai perbezaan tertentu, tetapi pada masa yang sama mereka mempunyai kaitan, terutama dalam kes Johor, dari awal kedatangan pemerintahan Barat hingga sebelum Perang Dunia Kedua.

Mengikut sesuatu analisis, penekanan terhadap konsep dan disiplin adalah berbeza-beza mengikut tempoh sejarahnya. Keutamaan yang berbeza-beza ini pula memberi keutamaan tertentu dalam pengkajian dan penganalisaan yang dibuat. Namun, dalam

keadaan tertentu disiplin dan konsep yang digunakan itu menjadi bebas dan pengaruhnya melampaui jangka waktu dalam mana mereka 'sebenarnya' relevan. Persoalan ini pernah diketengahkan oleh Barrington Moore Jr., ketika beliau membincangkan punca demokrasi dalam dunia moden. Menurutnya:

> *All these familiar facts serve to impress home the point that such words as democracy, facism and communism ... arose in the context of European history. Can they be applied to Asian political situations without being wrenched beyond all recognition*? (Moore, 1966:160)

Daripada Pembaratan[13] kepada Pemodenan: Sumber, Konsep dan Proses

Pembaratan dan pemodenan merupakan dua konsep dan proses yang saling berhubung kait. Berdasarkan sumber sejarahnya konsep dan proses tersebut merujuk kepada perubahan sosial yang melibatkan transformasi dan penyesuaian institusi kepada fungsi yang sentiasa berubah. Pada mulanya hasrat negara-negara Barat adalah untuk mentamadunkan dunia luas dan membentuk negara-negara itu dengan berlandaskan lunas-lunas Barat, namun selepas Perang Dunia Kedua hasrat itu telah cuba dicapai melalui proses 'pemodenan', sesuai dengan suasana politik yang wujud. Sungguhpun proses itu digelar 'pemodenan', seolah-olah ia merupakan satu proses yang terbentuk hanya selepas Perang Dunia Kedua, tetapi pada hakikatnya proses itu hanya merupakan suatu fenomena yang telah lama berlaku. Sebagaimana konsep dan proses perindustrian, pembangunan, penjajahan dan

13 Proses merupakan satu konsep yang merujuk kepada turutan perubahan. Dalam turutan itu sesuatu ditransformasi daripada satu peringkat ke suatu peringkat yang baru. Proses memberi gambaran dinamisme dan pergerakan yang berterusan dalam sesuatu bentuk atau arah dan tidak terhenti selepas tercapainya sesuatu peringkat itu. Dengan itu, setiap 'peringkat' merupakan satu laluan dalam satu pergerakan yang berterusan. Setiap peringkat terdiri daripada beberapa proses kecil yang pula membentuk sebahagian daripada proses yang lebih besar. Untuk keterangan lanjut tentang konsep ini lihat antara lain Elias (1978, 1982), McNeill (1986) dan Goudsblom, *et al.* (1989).

imperialisme, konsep dan proses pemodenan boleh diterangkan berdasarkan proses pembaratan yang lebih luas kerana konsep dan proses itu berakar umbi dan mempunyai asasnya dalam pemikiran politik dan intelek Barat.

Secara umum pembaratan boleh dianggap sebagai satu proses sejarah yang belum sempurna dan menghasilkan *the incipient transformation of Oriental or African people in the direction of Western standards* (Elias, 1982:256). Proses ini telah cuba dipindahkan secara paksa oleh Barat ke atas penduduk bukan Barat dalam usaha mereka mengubah kehidupan sosial penduduk tersebut supaya mencontohi mereka. Perubahan ini dibuat supaya keadaan manusia, hubungan sesamanya dan fungsi kehidupannya dapat diukur dan difahami dalam konteks kerangka yang telah dibentuk oleh dunia Barat[14] serta berdasarkan peraturan-peraturan yang dibuat oleh mereka. Oleh sebab itu, segala yang datang dari Barat dijadikan ukuran sejagat terhadap negara bukan Barat secara paksaan.

Melalui proses pembaratan, institusi Barat juga turut diserapkan (*impose*) terhadap budaya tempatan dengan tujuan mengubah struktur institusi yang sedia wujud. Cara hidup tempatan disesuaikan selaras dengan lunas-lunas dan cara Barat. Lantas, proses pembaratan ini membawa implikasi transformasi buda-

14 Menjelang abad ke-19 istilah 'Barat' telah pertama kalinya digunakan oleh pihak Rusia untuk merujuk kepada barat dan barat daya Eropah. Hanya pada abad ke-20 istilah ini merangkumi Amerika Utara. Sungguhpun istilah ini digunakan secara longgar, namun ia mempunyai makna yang mantap. Dilihat dari kaca mata Afrika, Asia atau Amerika Latin istilah itu merujuk kepada perbezaan antara orang Barat dan tempatan. Di kalangan kumpulan negara Barat, Perancis (bermula abad ke-17 hingga awal abad ke-19) dan Britain (bermula abad ke-18) muncul sebagai model kuasa dan prestij. Revolusi Perancis telah menonjolkan negara itu sebagai satu model *nation-state* yang terpusat lagi berkuasa dan juga merupakan sumber berlakunya *Enlightenment*, yang merupakan asas intelektual falsafah dan teori politik Eropah moden. Sebaliknya, Britain membekalkan kemewahan kebendaan yang terbentuk menerusi revolusi industri, pengawalan samudera (*sea power*) dan empayarnya yang tersebar luas. Kedua-dua negara tersebut tidak pernah tertakluk kepada mana-mana budaya dan dominasi asing.

ya[15] secara menyeluruh dan penyusunan semula semua aspek kehidupan asli anak-anak peribumi. Proses ini khususnya menerangkan tentang kesan negara yang lebih maju, biasanya negara Barat ke atas negara yang kurang maju (Black, 1975:6). Oleh yang demikian kemajuan hanya boleh dicapai dengan cara mengambil atau meniru cara-cara Barat, dan tidak menerusi ciptaan asli. Pendek kata melalui proses ini institusi dan ukuran tindakan yang telah terdapat berabad-abad lamanya di Barat telah dialirkan keluar. Sehubungan dengan proses pembaratan ini Elias berpendapat:

> *From western society as a kind of upper class – western 'civilized' patterns of conduct are today spreading over wide areas outside the West, whether through the settlement of Occidentals or through the assimilation of the upper strata of the nations ... This spread of the same pattern of conduct from the "white mother-countries or father-lands" follows the incorporation of the areas into the network of political and economic interdependencies.* (1982:253)

Proses pembaratan ini telah bermula di kalangan negara Eropah sendiri apabila negara-negara itu cuba mendapatkan kuasa dan mengatasi antara satu sama lain. Hasrat berkuasa ini menyebabkan mereka mengeksploitasi sumber alam, mentransformasi institusi supaya bersesuaian dengan keperluan mereka serta dapat pula mengembangkan kepentingan mereka.

---

15 Sungguhpun kadangkala proses ini diberi istilah *reculturation* atau enkulturasi, tetapi ia tetap melibatkan pengambilan ciri-ciri budaya sebuah masyarakat lain dan penyerapan unsur budaya luaran yang akhirnya menghasilkan transformasi budaya asli itu. Proses penyerapan atau difusi ini terus berlaku kini dalam bentuk pemindahan teknologi, ideologi politik dan lain-lain. Firth (1959:490) telah mengkaji prinsip teori akulturasi yang telah diterima umum dan yang menyatakan bahawa pemindahan yang pertama lagi termudah antara masyarakat berlaku dalam bidang budaya material, sedangkan pemindahan bentuk organisasi sosial adalah lebih sukar dan perlahan dan yang paling sukar serta menghadapi banyak halangan/masalah ialah pemindahan kepercayaan dan nilai. Walau bagaimanapun, beliau membuat kesimpulan bahawa budaya material, teknik, organisasi ekonomi dan kepercayaan adalah terlalu rapat kaitannya sehinggakan perubahan pada satu akan memberi kesan ke atas yang lain.

Selain cuba mengatasi satu sama lain, Barat juga cuba mengenakan dominasi mereka ke atas penduduk bukan Eropah[16] atas anggapan adalah menjadi tanggungjawab Barat, khususnya Britain untuk:

> *... lead the world in the arts of civilization, to bring light to the dark places, to teach the true political method, to nourish and to protect the liberal tradition. It was to act as trustee of the weak. ... It was to command, and deserve a status and prestige shared by no other.*

Penjelasan ini selaras dengan pandangan Joseph Chamberlain, iaitu salah seorang pengasas dan penyokong imperialisme, yang mempercayai bahawa ... *in carrying out this work of civilisation we are fulfilling what I believe to be our national mission* (Royal Colonial Institute, 31 Mac 1897).

Dalam proses mendominasi masyarakat bukan Barat dalam usaha hendak menjalankan pemerintahan dan pentadbiran sendiri,[17] budaya bukan Barat telah dirungkai, adat tempatan dan amalan tradisional telah ditransformasi ataupun termusnah. Kemudian bahagian-bahagian yang termusnah itu disusun semula, sistem nilai dijelaskan semula dan pembangunan diadakan berdasarkan teknologi dan cara berfikir yang telah diambil daripada pihak penjajah untuk diasimilasikan. Sebagai satu proses yang berlapis-lapis lagi rumit pembaratan mengikut Srinivas dan Shah (1968:360) pula meliputi ... *the acceptance of western technology, western political, legal and social institutions and*

---

16 Allen (1964:45) menerangkan bahawa:

> *Europe's lead over Asia and England over Europe could only be explained by the tradition of good government, the invigorating climate and the full development of the natural resources which Asia lacked and England enjoyed par excellence.*

17 Sungguhpun banyak negara di Asia, Afrika dan Amerika Latin telah mengalami berbagai-bagai tamadun dan pemerintahan mereka sendiri, Barat mengambil sikap bahawa penduduk asli itu tidak mampu mentadbir diri mereka sendiri. Maka, kononnya menjadi tanggungjawab Barat mewujudkan suasana yang boleh meningkatkan perdagangan dan kehidupan yang aman serta bertamadun di negeri berkenaan selain daripada mengajar cara-cara Barat mentadbir. (Lihat umpamanya *Weld to Secretary of State*, 21 Okt. 1880.

western literature, philosophy and science. Pemusnahan beberapa institusi tradisional negara bukan Barat itu membolehkan pihak penjajah menggunakan kuasanya untuk mengubah institusi yang dianggap tidak cekap, tidak berfaedah dan sebagainya.

Dari segi sejarah, institusi tradisional masyarakat Eropah Barat merupakan institusi yang terdapat sewaktu zaman *Middle Ages* dan cabaran modeniti kepada sistem tradisional pula berlaku antara abad ke-12 dan ke-18. Pada waktu itu evolusi dan perubahan berlaku di Eropah, khususnya di Perancis dan Britain. Punca pengetahuan moden di Barat boleh dikesan melalui zaman *Middle Ages*, yang lebih lazim dikenali sebagai zaman *Renaissance* abad ke-12. Idea dan teknik moden mula muncul pada abad ke-15 dan berlaku pula revolusi saintifik pada abad ke-16 dan 17. Sehubungan dengan perkembangan ini, Sinai (1964:11) berpendapat bahawa ... *the period between the eleventh and the twelfth centuries marked a decisive turning point in European history – the emergence of an autonomous western culture.*

Peristiwa-peristiwa *Reformation* dan *Counter Reformation,*[18] *Enlightenment,*[19] Zaman Materialisme, pelayaran eksplorasi, revolusi-revolusi industri, saintifik, pertanian, demokratik dan Perancis membuka pintu negara-negara Barat menerima pandangan dunia luar. Masyarakat Eropah telah ditransformasi menjadi sebuah masyarakat yang bersandarkan kontrak, dan berasaskan mobiliti individu dan sosial berbanding dengan status dan askripsi. Perubahan yang berlaku ini dan yang kemudiannya mempunyai kesan ke atas seluruh dunia adalah hampir keseluruhannya merupakan hasil Eropah.

> *Infact up to the nineteenth century the effort to understand the world of man and matter essentially remain a European achievement and it is in this sense that many think of moder-*

18 Pada masa ini tonggak utama autoriti struktur *medieval*, iaitu gereja, telah mula dipersoalkan. Kepercayaan agama tradisional dan sejagat, yang selama itu dipegang oleh penduduk Eropah telah dikaji dan dinilai semula. Hasil penyusupannya ke dalam semua aspek kehidupan, usaha itu telah memperbaharui keseluruhan pandangan masyarakat tersebut.

19 Dalam zaman ini pergerakan radikal berhubung dengan pemikiran dan tindakan.

nization as being 'Europeanization' or 'Westernization'. (Black, 1975:11).

Semenjak zaman perdagangan negara Eropah Barat telah bersaing mengembangkan kuasa mereka ke negara bukan Eropah. Bermula pada abad ke-15 Barat telah melampaui sempadan Eropah dan menjelajah ke seluruh dunia bertujuan untuk memperoleh kemewahan serta menerokai laluan perdagangan yang baru. Pedagang dan mubaligh Portugis berjaya menyeberangi Lautan Hindi dan menghubungkan Afrika Timur, negara Arab, India dan Timur Jauh. Kegiatan perdagangan rempah-ratus semakin meningkatkan ekonomi mereka.

Para pedagang Sepanyol pula menyeberangi Lautan Atlantik, menjalankan kegiatan perdagangan di Afrika dan mengembangkan pemerintahan mereka ke Filipina. Kemudian muncul pula kuasa Inggeris, Belanda dan Perancis yang turut membentuk jajahan mereka sendiri setelah berjaya menggantikan pelopor-pelopor tersebut. Pada akhir abad ke-17, keseluruhan Hemisfera Barat berada di bawah kawalan Barat. Awal abad ke-18, perluasan dan kawalan Eropah itu semakin ditingkatkan hasil revolusi industri dan demokratik. Namun, perhubungan antara 'moden' (Barat) dan 'tradisional' (bukan Barat) terhad di pesisiran pantai dan di pinggiran sahaja. Walaupun pada mulanya terbatas kepada kegiatan perdagangan tetapi disebabkan Barat mempunyai kepentingan dari segi politik di kawasan-kawasan yang lain, pada abad ke-18 dan 19 pengaruh idea dan institusi moden telah mempengaruhi politik, sosial dan ekonomi masyarakat tradisional tempatan.[20] Akhirnya, mereka mendomi-

---

20 Cita-cita politik, aspirasi untuk memainkan peranan utama dalam hal ehwal dunia, keinginan untuk mendapatkan dominasi politik; hasrat memperolehi keuntungan ekonomi dan eksploitasi ekonomi; keangkuhan budaya dan ras: impian mendapatkan sanjungan nasional dan prestij; perasaan bahawa mereka merupakan ejen bentuk tamadun yang lebih tinggi; hasrat mubaligh mendakwah dan mendapatkan pengikut baru – semuanya ini bergabung mendorong Barat memulakan kegiatan peluasan imperialis. Peningkatan kepentingan Barat itu adalah selaras dengan pendapat Moore bahawa kegiatan peluasan Barat:

... stemmed from a partly cultural and partly racial belief in

nasi kebanyakan daripada negara berkenaan dan memulakan pemerintahan (sama ada secara langsung ataupun tidak langsung) sebagai penjajah asing.

Menjelang abad ke-19 dan awal abad ke-20[21] kebanyakan negara bukan Barat telah dijajah dan terletak di bawah pemerintahan kuasa-kuasa utama Eropah, diketuai oleh Britain. Perubahan yang berasal dari Eropah Barat mula tersebar kepada masyarakat lain di dunia dan menghasilkan transformasi yang membawa kesan terhadap kehidupan masyarakat tersebut. Lantas, arah masa depan dilihat sebagai terdapat dalam sejarah budaya Barat, berbanding dengan nilai-nilai lain yang bukan Barat. Ramai tokoh pemodenan telah memperakui, sama ada secara terbuka ataupun sebaliknya, akan ukuran umum pemodenan. Mereka mengambil iktibar dari Barat. Menurut mereka pemodenan bermula di Barat, tetapi tidak terhenti di situ. Pemodenan telah dibawa ke seluruh dunia melalui persaingan sesama negara Barat untuk mendominasi dunia. Dalam proses tersebut dan untuk kepentingan jangka panjang, negara-negara Barat itu telah membentuk negara-negara lain supaya menjadi seperti mereka.[22] Sebagai suatu ideologi pembangunan pula, proses pembaratan boleh dianggap sebagai mendukung kepentingan Barat, terutamanya kepentingan ekonomi.

Dengan itu, kesan pengaruh Barat dirasai oleh sebahagian

---

western superiority and in the west's civilizing mission in bringing to the lesser breeds of mankind the law and morals and religion along with more material benefits of prosperous and powerful countries. (Moore, 1979:21)

Dipercayai bahawa pengaruh Barat akan 'menolak' masyarakat Timur ke tangga pemodenan dan dengan itu menjadi sebahagian daripada sejarah dunia sebagaimana dilihat oleh Barat.

21 Sifat persaingan tertanam dalam budaya dan sejarah Eropah. Kuasa serta kemewahan merupakan sebahagian daripada apa yang sering dipertanding dan direbut. Pada abad ke-19 persaingan untuk menjadi ulung di kalangan negara Eropah telah diperluas ke dunia luar dan pada lewat abad ke-19 itu peluasan Eropah telah sampai dipuncaknya.

22 Seperti yang telah dinyatakan oleh Karl Marx (1936) lebih satu abad yang lalu dalam pendahuluan *Das Kapital: ... The country that is more developed industrially only shows to the less developed the image of its own future.*

besar penduduk dunia. Mengikut Flint (1974:32–33), Cecil Rhodes amat yakin bahawa bangsa Anglo-Saxon akan menjadi dominan dengan membawa kebebasan, keadilan dan keamanan kepada dunia melalui ... *the extension of British rule throughout the world ... the colonization by British subjects of all lands ...* Sentimen yang sama dilahirkan oleh Lord Rosebery pada 1893[23] apabila beliau menyatakan bahawa ... *it is part of our responsibility and heritage to take care that the world, so far as it can be moulded by us, shall receive the Anglo-Saxon and not another character.* Pernyataan Rhodes dan Lord Rosebery itu umumnya menggambarkan keyakinan masyarakat Barat bahawa mereka mempunyai misi untuk mentamadunkan masyarakat dunia dan bahawa mereka adalah lebih baik berbanding dengan penduduk peribumi yang mereka temui (Giddens, 1990:254. Juga lihat Allen, 1964).

Pada mulanya peluasan kuasa Barat bertujuan untuk mendapatkan bahan mentah, kuasa perdagangan bagi memonopoli dan mengawal laluan perdagangan serta keuntungan. Namun, akhirnya peluasan kuasa Barat diperkembang untuk menguasai politik bagi mempertahan, mengawal dan mengekalkan negara-negara yang selama ini membekalkan kekayaan, keuntungan, bahan mentah dan pasaran, yakni perkara-perkara yang genting bagi kemajuan dan pembangunan negara mereka sendiri. Bagi mengelakkan persaingan, orang Barat mula campur tangan dalam hal ehwal dan perjalanan pemerintahan anak peribumi.

Sepanyol, Belanda, Portugal, Perancis dan England telah berjaya membina empayar jajahan.[24] Bagi mengekalkan empayar itu pula mereka mempengaruhi, mengubah dan membentuk semula institusi, kepercayaan, ideologi, sikap, nilai dan amalan adat resam tradisional tempatan bersesuaian dengan matlamat

---

23 Lihat Sontag, (1938:309).

24 Negara-negara Eropah ini mengongsi warisan budaya, iaitu agama Judeo-Christian dan tradisi Graeco-Roman yang merupakan asas perpaduan dan perbezaan mereka. Warisan ini juga merupakan sumber kreativiti budaya mereka seterusnya. Keunggulan mereka tertanam dalam institusi agama, budaya dan politik mereka sedangkan keulungan material membantu mereka mendominasi masyarakat lain.

dan keperluan mereka. Proses pembaratan ini dijalankan dengan menerapkan budaya Barat dan galakan oleh kerajaan dalam proses industrialisasi moden.[25] Proses ini bukan saja boleh dilihat sebagai usaha membaratkan negara-negara luar Eropah, tetapi juga sebagai hasil persaingan dan rebutan mendapatkan kuasa di kalangan mereka, iaitu Perancis dan Britain sebagai kuasa yang terulung. Persaingan ini turut tersebar ke negara-negara lain di luar Eropah. Negara yang berjaya mengatasi negara-negara yang lain mengagung-agungkan tradisi dan sistem pemerintahan mereka iaitu tradisi dan sistem yang digunakan sebagai menilai negara-negara lain. Sebaliknya, negara yang cuba diperintah itu terpaksa membuat penyesuaian yang perlu.

Usaha ini berlaku sama ada melalui paksaan ataupun secara lembut dan diwajarkan atas alasan untuk kebaikan orang tempatan atau kononnya untuk mengelak orang tempatan daripada menghadapi kehancuran. Keadaan dalaman politik dan sosial tempatan telah menyebabkan negara bukan Barat tidak berupaya mempertahankan diri daripada dominasi dan kemasukan kuasa Barat itu.

Dalam proses membaratkan masyarakat negara-negara luar Eropah, corak pemerintahan secara tradisional negara-negara tersebut perlu dihapuskan.[26] Setelah autoriti pemerintah tradisional tempatan itu berjaya dipengaruhi, maka kemasukan unsur-unsur Barat ke dalam aspek-aspek lain masyarakat itu mudah ditingkatkan menerusi pentadbir penjajah, peniaga dan mubaligh Barat, juga sekutu-sekutu dan ejen tempatan. Perlembagaan, peraturan, nilai baru dan sebagainya diperkenalkan bagi menggantikan yang lama. Cepat atau lambatnya unsur baru itu

---

25 Maka boleh dikatakan bahawa Timur bergerak ke Barat, ke arah menjadi seperti Barat.

26 Setelah pemerintah tempatan berjaya diketepikan, apa-apa halangan kepada campur tangan luaran secara simboliknya diketepikan juga. Ini kerana pemerintah dianggap sebagai penyimpan undang-undang, keamanan dan keselamatan. Dengan itu, kesinambungan sebuah tradisi juga terhenti, sama ada dalam konteks bentuk pemerintahan atau institusi sosial yang lain. Ini kerana bermula dari situ pentadbiran dan aspek lain kehidupan tempatan akan menerima pengaruh asing yang didatangkan dari luar, lantas tidak lagi serupa.

bertapak di situ bergantung pula pada dasar penjajah itu sendiri dan penerimaan masyarakat tempatan.

Sungguhpun dari satu segi, proses pembaratan itu membawa kemusnahan dan kehancuran kepada sistem dan nilai tradisional serta mengekalkan ketaksamaan, tetapi dari segi yang lain pula ia mendatangkan sumbangan positif dari segi memperbaiki keadaan kehidupan material penduduk tempatan. Jenis tanam-tanaman yang baru, teknologi, pendidikan, hospital, perubatan, bentuk-bentuk komunikasi, pengangkutan dan lain-lain diperkenalkan. Melalui perkara-perkara baru yang diperkenalkan itu terpujuk masyarakat tempatan untuk memilih idea, teknik dan barangan Barat semata-mata kerana ia berasal dari Barat dan dengan itu, dianggap lebih baik berbanding dengan yang tempatan.

Hasilnya sehingga sebelum Perang Dunia Kedua masyarakat bukan Barat mengalami dialektik proses pembaratan itu. Pada satu pihak, peniruan dan penyerapan budaya mempunyai faedahnya. Masyarakat tempatan menikmati kemudahan dan faedah yang dihasilkan oleh budaya Barat. Pada satu pihak yang lain pula masyarakat tersebut merasakan mereka dieksploitasi, terlalu bergantung dan tidak berdaya sebagai mangsa imperialisme dan penjajahan. Masyarakat yang dijajah merasakan mereka tidak berupaya menyaingi sumber dan kemahiran Barat yang pesat dan cepat berkembang itu. Keadaan material penduduk secara keseluruhannya berubah tetapi keadaan ini pula meningkatkan lagi kadar pergantungan, serta memerlukan peniruan seterusnya terhadap aspek-aspek budaya Barat yang dianggap perlu.

Selepas Perang Dunia Kedua banyak daripada negara yang dijajah mendapat kembali kebebasan politik mereka. Negara-bangsa (*nation-state*)[27] yang baru terbentuk meneruskan proses pembaratan bagi menyediakan atau membekalkan makanan,

---

27 Pembentukan *nation-state* ini adalah hasil inspirasi Barat dan dibentuk mengikut corak *nation-state* yang terdapat di Eropah. Idea tentang *nation-state* ini berkait rapat dengan sejarah politik Eropah, terutama yang terdapat pada abad ke-19 dan telah dieksport ke wilayah yang dijajah oleh kuasa Barat sebagai sebahagian daripada proses pembaratan dan peluasan budayanya.

perumahan, pengangkutan, pendidikan dan pekerjaan penduduknya disebabkan tidak mahu ketinggalan dari segi pembangunan. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini proses perubahan itu telah memasuki fasa[28] yang berbeza dan tidak lagi diistilahkan sebagai pembaratan. Sebaliknya, istilah untuk menerangkan proses itu dianggap sebagai pengalaman pemodenan atau pembangunan, yang juga merupakan istilah dan konsep Barat. Pembangunan melalui pemodenan inilah yang diidam-idamkan oleh penduduk seluruh dunia walau macam mana sukar sekalipun untuk mencapainya.

Walau bagaimanapun, kita tidak harus terkeliru dengan simbol modeniti dan kandungannya. Apabila sesebuah masyarakat memiliki ciri-ciri masyarakat moden seperti perindustrian, perbandaran, pendidikan, komunikasi massa dan sebagainya, belum tentu lagi masyarakat itu boleh dianggap moden. Sesebuah masyarakat perlu memiliki lebih daripada ciri-ciri luaran tersebut sebelum boleh diklasifikasikan sebagai moden. Inkeles (1966:140) berpendapat bahawa sungguhpun pendedahan kepada suasana moden boleh menyumbang kepada transformasi sesebuah masyarakat tradisional, namun masyarakat tersebut belum boleh dianggap sebagai benar-benar moden melainkan setelah memiliki cara-cara baru untuk berfikir dan bertindak.

Istilah-istilah pembangunan dan pemodenan dianggap lebih berdaya maju dari segi politik. Istilah-istilah itu mudah diterima terutama oleh mereka yang baru saja muncul daripada suatu jangka waktu menentang penjajah dalam usaha mereka mendapatkan kembali kemerdekaan. Negara bangsa baru ini cuba mencapai dengan cepat apa yang telah dicapai oleh pihak Barat menerusi syarat kebudayaan, yang sebahagian besarnya tidak ketara dan telah berlaku sekian lama sebelumnya. Mereka bertindak demikian supaya dapat bersaing dengan Eropah Barat yang liberal dan maju itu tanpa menyedari bahawa tindakan sedemikian hanya memperkuat cengkaman, ikatan dan pengaruh institusi serta nilai Barat ke atas diri mereka. Dengan itu melalui

28 Secara umum peringkat pertama telah tercapai menerusi penjajahan dan imperialisme.

perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan ... *the less developed societies want to achieve in years the modernization that more developed societies attains over centuries of haphazard, unplanned development* (Lerner, 1968:395–402).

Oleh sebab itu, pemodenan di negara bukan Barat boleh dianggap sebagai satu proses ... *national elites seek successfully to reduce their atimic status and move towards equivalence with other "well-placed" nations.* (Nettl dan Robertson, 1968:56–57).

Pemodenan merupakan satu proses perubahan sosial apabila masyarakat yang kurang membangun mendapatkan ciri-ciri yang lazim terdapat di kalangan masyarakat industri Barat yang jauh lebih maju. Proses ini digerakkan menerusi komunikasi peringkat antarabangsa atau antara masyarakat (Lerner, 1968:386–395). Istilah pemodenan juga diambil kerana kesesuaiannya yang:

> ... *enabled one to speak concisely of those similarities of achievement observed in all modernized societies – western or non-western – as well as those similarities of aspirations observed in all modernizing societies regardless of their locations and traditions* (Lerner, 1968:389).

Kepelbagaian pendapat telah menghasilkan berbagai-bagai definisi, model, teori dan pendekatan untuk menerangkan keseluruhan gerak kuasa yang dinamakan 'pemodenan' ini. Terdapat umpamanya dua jenis model untuk menerangkan proses pemodenan itu, iaitu model revolusioner[29] dan model evolusioner.[30] Walau bagaimanapun, kebanyakan penerangan yang pernah dikemukakan oleh sarjana sosiologi tentang pemodenan terletak dalam kerangka perspektif evolusioner. Sungguhpun perspektif ini mengambil kira aspek sejarah, tetapi ia melihat kemajuan manusia dalam konteks berperingkat-peringkat atau berfasa-fasa dan tidak secara kronologis seperti yang dilakukan dalam kajian sejarah.[31]

---

29 Lihat Marx, (1936 (1848)); Engels, (1969); Mandel, (1968).

30 Spencer, (1892, 1964); Morgan, (1877); Parsons, (1966); Comte, (1893, 1964); Durkheim, (1951, 1964).

31 Untuk *overview* dan perbincangan umum tentang proses evolusi abad ke-19

Pemikiran tentang evolusi telah mendominasi teori perubahan sosial semenjak abad ke-19 lagi. Satu komponen terpenting dalam pendekatan evolusi abad ke-19 ialah konsep *law-governed evolutionary development*. Semenjak abad ke-19 itu idea tersebut telah mendominasi perbincangan tentang perubahan sosial. Model evolusioner ini mempunyai pandangan sejarah yang berbentuk segaris atau linear, iaitu semua negara berkembang dari peringkat tradisi ke peringkat moden atau maju.[32] Teori-teori evolusi masa itu telah dicirikan oleh anggapan bahawa kemajuan masyarakat secara umum didefinisikan dalam konteks masyarakat industri Eropah Barat yang maju. Bahkan keterangan Spencer, Comte, Morgan, Tylor dan tokoh-tokoh evolusi sosial era pemerintahan Victoria yang lain, tentang transformasi masyarakat mereka telah meletakkan keseluruhan sejarah kemanusiaan dalam perspektif masyarakat Barat itu (Harris, 1968). Umumnya teori dan keterangan diajukan berdasarkan kemajuan Eropah Barat serta berdasarkan bukti-bukti yang terdapat di Eropah dan bersifat *Eurocentric*. Bahkan, boleh dikatakan bahawa perihalan tentang masa lampau dalam konteks berperingkat-peringkat ini merupakan suatu unsur budaya Eropah di Zaman Pertengahan dan moden.

Comte (1964), umpamanya telah menggunakan kaedah positifnya dalam mengkaji tamadun manusia. Beliau menghasilkan satu urutan peringkat-peringkat yang seragam dan mengandaikan ia dilalui oleh semua masyarakat.[33] Comte membayangkan kemajuan sebagai suatu perubahan yang berterusan ke arah kesempurnaan manusia. Beliau berpendapat bahawa setiap tamadun manusia mengambil corak yang telah diikuti oleh tamadun sebelumnya. Sungguhpun teorinya itu telah banyak dikritik,

---

dan awal abad ke-20 lihat umpamanya Chodak (1973), Nisbet (1969), Smelser (1967) dan Burrow (1966).

32 Pada asasnya teori evolusi dicirikan oleh andaian perubahan yang tidak menghadapi sebarang halangan lagi kumulatif. Biasanya perubahan itu bercorak segaris dan sentiasa ke arah keadaan yang semakin kompleks.

33 Menulis dalam abad ke-19, Comte telah membahagikan kemajuan masyarakat kepada tiga peringkat tamadun dengan setiap satunya mempunyai ciri-cirinya tertentu: peringkat teologi dan militari; peringkat metafizik dan juridikal; dan peringkat sains dan industri.

namun analisisnya tentang perkembangan serta akibat fungsi yang berbeza-beza telah membuka jalan kepada sarjana-sarjana lain seperti Spencer dan Durkheim untuk mengemukakan keterangan mereka.

Morgan pula membayangkan masyarakat sebagai mengalami satu siri peringkat-peringkat yang tetap apabila mereka bergerak ... *from savagery through barbarism to civilization* (1877:3). Beliau menekankan aspek ekonomi-teknologi apabila membicarakan tentang peralihan evolusioner masyarakat (Schneider, 1976:32). Idea Morgan banyak mempengaruhi Marx (1936, 1964) dan Engels (1942). Bahkan, mengikut Engels (1942:195) ... *Morgan is the first man who with expert knowledge has attempted to introduce a definite order into the history of primitive man.* Teori Morgan juga dikongsi bersama-sama dengan tokoh-tokoh evolusi yang lain tentang anggapan bahawa kemajuan didefinisikan oleh keadaan tamadun Eropah Barat.

Spencer (1898, 1924) merupakan seorang lagi sarjana yang menulis mengikut tradisi evolusi abad ke-19. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa kemajuan tidak sama di semua tempat. Mengikut Spencer, evolusi sosial ... *begins with small simple aggregates ... (but) progresses by the clustering of these into larger aggregates ... (then) united with others like themselves into still larger aggregates"* (1898:550). Lantas, Spencer menarik perhatian bahawa ... *like other kinds of progress, social progress is not linear but divergent and re-divergent ... multiplying groups have tended ever to acquire differences* (1898: 196–197).

Dengan itu, sungguhpun terdapat peralihan evolusi umum daripada masyarakat bercorak militari kepada industri, namun peralihan itu bukanlah merupakan satu pergerakan yang mudah. Bahkan ... *there is no uniform ascent from lower to higher* (1898:609).

Dalam konteks evolusi tradisi-moden ini, masyarakat di peringkat tradisi dianggap sebagai mempunyai ciri-ciri yang rendah berbanding dengan masyarakat 'moden'. Bahkan, mubaligh, pedagang, pengindustri dan pentadbir Barat menganggap:

> *... the natives are lazy; they do not respond like civilized men ... they need to be taught the virtues of civilized forms of labour ... they must be forced to work by limiting their tribal lands, by imposing head taxes and by compulsory contract ... should receive advanced training only in manual skills.* (Harris, 1968:134–135)

Pada akhir abad ke-19 pemikiran seperti ini telah menimbulkan hasrat di kalangan orang Barat untuk mentamadunkan masyarakat yang dianggap 'rendah' itu. Bahkan, pemikiran sedemikian menunjang serta mengabsahkan orang Barat keluar dari Eropah untuk mentamadunkan masyarakat dunia. Pemikiran ini juga menerangkan persepsi Barat terhadap Timur. Bahkan, keseluruhan proses pembaratan boleh dikaitkan dengan teori evolusi ini yang cuba menerangkan peringkat-peringkat perubahan dan perkembangan sesebuah masyarakat.

Teori-teori pemodenan yang terbentuk pada abad ke-20, terutama selepas Perang Dunia Kedua, merupakan warisan teori evolusioner abad ke-19 itu. Terdapat tokoh-tokoh pemodenan yang menerangkan peringkat-peringkat proses masyarakat praindustri berkembang sehingga menjadi masyarakat industri. Sebaliknya pula terdapat ramai tokoh yang lain yang menggambarkan situasi 'sebelum-dan-selepas', dengan membezakan antara satu set ciri yang dikaitkan dengan masyarakat praindustri dengan satu set ciri masyarakat industri.[34] Keterangan yang dikemukakan ini juga menggambarkan perubahan yang sama iaitu semua masyarakat dianggap pernah mengalami satu siri transformasi yang selari menuju ke arah matlamat semua masyarakat semakin menyerupai satu sama lain.[35]

Lantas pemodenan dianggap sebagai satu fenomena sejagat apabila matlamatnya mudah ditentukan.

Dengan itu, semua teori *unilinear* tentang kemajuan dan

---

34 Lihat Levy, (1965, 1967); Smelser, (1966); Lerner, (1958); Hoselitz, (1960); Moore, (1960, 1974); dan Hagen, (1962).

35 Lihat juga Moore dan Feldman, (1960).

perubahan masyarakat[36] dan teori pemodenan[37] melihat masyarakat sebagai berubah mengikut satu garisan ke arah keadaan yang semakin kompleks. Masyarakat Barat yang dikatakan mempunyai ciri-ciri industri, bandar, kompleks, pengkhususan dan sebagainya itu dianggap sebagai hasilan akhir proses evolusi itu.[38] Model Eropah Barat sering dijadikan rujukan[39] memandangkan kebanyakan keterangan yang dikemukakan tentang pemodenan telah diperkembangkan oleh negara-negara maju – industri Barat itu sendiri berdasarkan pengalaman mereka. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun 1960-an telah wujud penjelasan yang bertentangan yang datangnya daripada tokoh-tokoh di luar negara Barat.

Konsep asas dalam teori pemodenan ialah 'tradisi' dan 'modeniti'. Masyarakat tradisional dan moden dilihat mempunyai ciri-ciri yang ideal. Masalahnya, bagaimana hendak menteorikan struktur dan budaya mereka serta proses yang menghasilkan satu jenis masyarakat (moden) daripada masyarakat tradisional. Huraian tentang konsep ini adalah perlu demi memahami proses pembangunan. Dengan itu, terdapat banyak definisi bagi menerangkan pemodenan. Bendix, umpamanya, berpendapat bahawa:

---

36 Seperti yang diwakili oleh Comte, (1893, 1964); Spencer, (1892, 1958); Parsons, (1966); Durkheim, (1951, 1964); Maine, (1907); Morgan, (1877).

37 Lihat Moore, (1963); Levy, (1965, 1967); Smelser, (1964, 1966); Lerner, (1958); Rostow, (1960), McClelland, (1961).

38 Pada mulanya perubahan ke arah pemodenan menembusi nilai, sikap, kepercayaan dan tindakan masyarakat Barat lantas mengubah institusi dan matlamat mereka. Mengikut Varma (1980:5–12):

> *The institutions and goals of the West which carry the banner of modernization are articulated as follows: individualization, urbanization, mass education, representative government, as well as expanding Gross National Product; increasing employment; growing income for all classes; and the provisions for welfare for the disabled and the needy ... and judged by the following criteria: rationality, individualism, secularism, equality and the application of scientific knowledge for advancing technology as well as personal goals.*

39 Lihat Holton, (1960); Apter, (1960); Kerr, (1960); Parsons, (1960); Levy, (1965, 1967); Smelser, (1964).

> *... it is easier to define modernization as a breakdown of the ideal-typical traditional order: authority loses sanctity, monarchy declines, hierarchial social order is disrupted. Secular authority rule in the name of the people and an equalitarian ethos are typical attributes of modern society.* (1978:10–11)

Sementara Black melihat pemodenan sebagai ... *the process by which historically evolved institutions are adapted to the rapidly changing functions that reflect the unprecedented increase in man's knowledge, permitting control over his environment, that accompanied the scientific revolution* (1975:7).

Walau bagaimanapun, Moore lebih berterus terang apabila beliau menjelaskan pemodenan sebagai melibatkan ... *'total' transformation of a traditional or pre-modern society into the types of technology and associated social organizations that characterize the 'advanced', economically prosperous, and relatively politically stable nations of the Western world* (1963:89).

Sungguhpun banyak definisi dikemukakan bagi menerangkan pemodenan, tetapi suatu yang umum terdapat dalam kesemua definisi itu ialah penekanan ke atas ciri-ciri sosial, ekonomi dan politik negara industri Barat. Berkait rapat dengan kecenderungan ini ialah cadangan bahawa modeniti merupakan puncak kejayaan tamadun Barat. Keadaan ini yang hanya boleh dicapai oleh yang berjaya seharusnya dicontohi oleh setiap masyarakat lain.[40] Pendek kata, teori pemodenan bersetuju bahawa arah aliran mencontohi 'modeniti' kapitalis Barat (Harrison, 1988:153).

Sungguhpun secara umum pemodenan diandaikan sebagai satu peralihan dari masyarakat 'feudal' kepada 'industri' atau sebagai satu proses masyarakat tradisional mencapai keadaan moden, namun belum terdapat satu definisi khusus bagi menerangkannya. Wujudnya keadaan ini kerana sering terdapatnya kaedah baru mengumpul dan menganalisis data serta berbagai-bagai aliran pemikiran yang baru.

---

40 Untuk suatu perbincangan yang agak baik tentang perkara ini lihat La Palombara (1963), Hot dan Turner (1966), Dore (1964) dan Pye (1966).

Lagipun, berbeza dengan konsep pembaratan, konsep pemodenan, yang berasaskan perkembangan dan kemajuan di Barat dan yang kemudiannya telah tersebar ke negara lain di dunia, dianggap dapat mengambil kira bukan saja ... *the initial transformation of the advanced countries themselves, but also the impact of the less developed advanced countries on the still less advanced* (Black, 1975:6).

Selain daripada itu, pihak Barat dikatakan cuba menyembunyikan perbezaan yang sebenarnya wujud antara negara-negara tersebut. Dari kaca mata Barat, kedua-dua proses pembaratan dan pemodenan adalah berbeza. Dalam konteks dan fahaman mereka, pemodenan bermaksud membentuk semula yang lama untuk menjadikan ia baru, sementara pembaratan bermaksud membawa keluar idea-idea mereka itu dan menyebarkannya ke negara-negara lain di dunia. Sebaliknya, di negara bukan Barat kedua-dua proses itu dianggap serupa dalam erti kata pada asasnya mereka bermaksud mengambil unsur-unsur Barat. Negara-negara ini cuba mencapai keadaan moden melalui proses yang diambil dari Barat. Walau bagaimanapun, pemodenan tidak semestinya menghasilkan pengagihan faedah ekonomi dan sosial yang sama rata disebabkan ia merupakan suatu proses yang pada asasnya tidak sama rata dan menghasilkan keadaan kurang pembangunan serta pergantungan. Lagipun, pemodenan juga membawa satu perspektif Barat yang kontroversial lagi eksklusif tentang pembangunan dan negara yang membangun.

Seperti yang telah dinyatakan, keterangan tentang perubahan dan pemodenan banyak merujuk kepada pengalaman dan model Barat, sedangkan idea-idea progresif bukan Barat kurang diberi perhatian. Keterangan yang berat sebelah ini menyebabkan kebanyakan analisis tentang pemodenan dan pembangunan gagal mengambil kira dua realiti sosial, iaitu pengaruh tamadun bukan Barat dalam proses pemodenan dan wujudnya masyarakat majmuk.[41] Bahkan, ternyata bahawa dua realiti sosial yang ter-

41 Untuk huraian lanjut tentang aspek dan teori yang diambil kira dalam sosiologi pembangunan, lihat Barnett (1988), Foster-Carter (1985), Harrison

sebut itu kurang menerima perhatian dalam paradigma dan analisis sosiologi sejarah dan sosiologi pembangunan sedangkan kedua-dua realiti ini adalah asas kepada kehidupan sosial masyarakat bukan Barat. Oleh yang demikian, kajian ini cuba memahami pembentukan masyarakat sejarah dengan mengambil kira kedua-dua realiti sosial itu dan menggunakan kerangka analitis yang lebih berpengaruh dalam kedua-dua subdisiplin tersebut.

Masyarakat Majmuk

Apabila membicarakan proses pemodenan dan pembangunan, terutama yang berlaku di luar benua Eropah, kita harus mengambil kira tentang kepelbagaian ... *ethnic groupings involved in the same political and economic order but otherwise largely distinct from one another* (Giddens, 1990:244). Masyarakat majmuk merujuk kepada perkumpulan yang wujud di kebanyakan negara bukan Eropah hasil satu proses sejarah yang panjang.[42]

Dari segi sejarah, kegiatan perdagangan memainkan peranan yang penting dari segi menghubungkan penduduk tempatan dengan penduduk/pedagang yang berlainan bangsa. Menerusi perdagangan maritim, atau digelar oleh Curtin (1986) sebagai perdagangan antara budaya, antara pedagang Kepulauan Melayu dengan dunia luar (India, China, Afrika, Negara-negara Arab) telah berlaku aliran penduduk dan pedagang. Ada antara mereka yang menetap di negara kedua. Mereka sama ada diasimilasi ke dalam budaya tempatan atau mereka wujud bersama. Sebarang perbezaan atau masalah yang terdapat antara mereka tidak terlalu ditekankan.

Kedatangan Barat ke Timur menerusi kegiatan perdagangan maritim ini merupakan sebahagian daripada kegiatan perdagangan yang dilakukan di seluruh dunia.[43] Mengikut Giddens

---

(1988) dan Rahimah Abdul Aziz (1990). Untuk sosiologi sejarah pula sila lihat Abrams (1982), Barnes (1948) Skocpol (1985).

42 Istilah ini pertama kali dikembangkan oleh J.S. Furnivall (1956), semasa beliau mengkaji tentang masyarakat Burma dan Jawa di Timur Jauh.

43 Lihat Curtin (1986), Giddens (1990), Meilink-Roelofsz (1962), Reid (1988).

(1990:252) mulai abad ke-15 ... *the Europeans began to venture into previously unchartered seas and unexplored land masses, pursuing the aims of exploration and trade, but also conquering and subduing native peoples in many areas.*

Kedatangan Barat ke Timur amnya, dan Tanah Melayu khasnya, telah menghubungkan negara-negara itu dengan Eropah, dari segi hubungan perdagangan sekali gus menyepadukan negara itu ke dalam jaringan perdagangan antarabangsa. Pada mulanya kedatangan Barat adalah untuk perdagangan, namun akhirnya terdapat negara yang dijajah untuk tujuan meningkatkan perdagangan serta melindungi kepentingan Barat. Menerusi penjajahan, penduduk peribumi tertakluk kepada pemerintahan Barat (Eropah).

Kedatangan Barat itu telah membawa perubahan yang ketara dari segi hubungan yang wujud antara golongan tempatan dan golongan pendatang. Dasar ekonomi penjajah telah menghasilkan dua jenis ekonomi[44] yang mempunyai dua orientasi dan tumpuan kegiatan yang berlainan. Dalam usaha memajukan bidang ekonomi perindustrian, masalah guna tenaga telah diatasi dengan membawa masuk pekerja dari India, melalui sistem kangani dan sistem perjanjian, dan dari China melalui sistem kangcu.[45] Masing-masing ditempatkan di ladang-ladang getah, perkhidmatan perbandaran dan kerja raya dan di lombong-lombong, sedangkan penduduk tempatan ditempatkan di sektor ekonomi tradisional.

Orang Cina datang ke Tanah Melayu untuk bekerja di lombong-lombong dan dalam kes negeri Johor, di ladang-ladang gambir dan lada hitam. Sebelum berlakunya penjajahan, terdapat jabatan khusus atau aturan-aturan tertentu yang dilaksanakan menerusi Kapitan Cina untuk mengawal kebajikan dan kegiatan mereka. Keadaan ini secara tidak langsung telah memisahkan golongan itu daripada penduduk tempatan. Tidak terdapat

---

44 Sektor ekonomi perindustrian moden dan sektor ekonomi pertanian tradisional.

45 Lihat Arasaratnam (1970), Jackson (1961), Purcell (1964) dan Sandhu (1969).

penyertaan aktif golongan Cina dalam proses pemerintahan tempatan selain daripada dalam Majlis Negeri. Apabila penjajah mengambil alih kuasa ... *its assumption of responsibility for the Chinese tended to further lessen meaningful contact between Chinese and Malays ... increasingly both groups became bound by stereotyped perceptions* (Andaya dan Andaya, 1982:178). Pemisahan demografi juga ditekankan kerana dari segi pentadbiran golongan Cina diasingkan daripada golongan Melayu.

Golongan India pula datang ke Tanah Melayu sebagai pedagang. Apabila berlaku kemerosotan migrasi pekerja Cina ke Tanah Melayu, lebih ramai pekerja India dibawa masuk untuk menampung kekurangan tenaga buruh terutamanya di ladang-ladang dan dalam perkhidmatan perbandaran serta kerja raya. Sebagai satu kumpulan, status ekonomi dan sosial golongan India ini menggambarkan bahawa mereka tidak mempunyai pengaruh yang berkesan dalam proses pemerintahan. Dengan itu, golongan ini mendapati dirinya dalam keadaan yang merugikan berbanding dengan golongan Melayu dan Cina yang lebih dominan.

Penyatuan dan pemisahan politik yang dikenakan ke atas penduduk peribumi dan bukan peribumi hasil hasrat penjajah mengkonsolidasi serta mengukuhkan kuasanya, telah menyebabkan setiap kumpulan etnik wujud secara berasingan sungguhpun di bawah satu sistem pemerintahan. Pendek kata, masyarakat majmuk yang terhasil itu terdiri daripada tiga kumpulan etnik (Melayu, Cina dan India), dengan setiap kaum membentuk entitinya yang berasingan dengan agama, budaya, amalan cara hidup, pandangan dan bahasanya yang tersendiri.

Semenjak negara bukan Barat bebas daripada pemerintahan penjajah, cogan kata moden telah memberi laluan kepada kuasa Barat untuk terus-menerus campur tangan dan mengeksploitasi mereka. Hal ini dimudahkan lagi dengan hakikat bahawa ketika mendapat kembali kebebasan mereka itu, kebanyakan masyarakat berada di beberapa tahap peralihan. Hasrat untuk mempercepat proses peralihan ini dan mencapai pembangunan telah menyebabkan negara-negara membangun melihat kepada sistem sosial yang telah sedia 'moden'.

Timur dan Barat: Pertembungan Tamadun

Pertembungan antara Timur dan Barat menyebabkan Timur terheret ke dalam arus pemodenan. Impak tamadun Barat, yang berpusat di Eropah, ke atas masyarakat bukan Barat bermula pada akhir abad ke-15 dan seterusnya tamadun itu melampaui sempadan Eropah dan menjelajah ke Afrika, Asia dan Amerika Latin. Kegagahan ekonomi dan teknologi yang dimiliki oleh Barat membolehkannya menakluki masyarakat lain dan mengenakan nilai-nilainya sehinggakan ... *the special form of civilization which had been developing in western Europe during the past twelve hundred years seemed likely to prevail everywhere* (Tyonbee, 1965:93).

Kedatangan Barat ke Timur bukanlah sekadar datang ke sebuah entiti yang tidak mempunyai budaya, nilai, tamadun dan sebagainya yang tersendiri. Negara-negara di Timur kaya dengan tamadun dan budaya mereka yang diperkaya menerusi saling pengaruh-mempengaruhi dan difusi budaya hasil kegiatan perdagangan, perkahwinan dan penaklukan. Hasilnya pula wujud saling kaitan dan identiti yang boleh menyatukan mereka ke dalam satu tamadun Timur yang umum.

Apabila Barat sampai ke Timur berlakulah pertembungan antara berbagai-bagai tamadun, yang telah lama bertapak di sana, dengan yang Barat. Hasil pertembungan itu tamadun purba Timur secara perlahan-lahan telah dipengaruhi oleh kesan tamadun Barat yang lebih moden lagi dinamik. Sungguhpun pada akhirnya tamadun dan budaya Barat[46] berjaya mengatasi budaya dan tamadun Timur, namun tamadun dan budaya Timur itu tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Bahkan, harus diberi perhatian dalam proses memahami perkembangan sesebuah masyarakat Timur.

Alam Melayu amnya dan Johor khususnya, telah lama menerima pengaruh berbagai-bagai tamadun dan budaya yang

---

46 Tamadun Barat bermaksud mengambil/menerima undang-undang, bentuk pemerintahan dan cara hidup Barat. Dalam konteks Tanah Melayu umumnya, dan Johor khasnya, ia bermaksud tamadun Inggeris. Pegawai-pegawai penjajah telah menyamaertikan ketamadunan dengan kemajuan.

terdapat di Timur. Pada mulanya alam Melayu dipengaruhi oleh tamadun dan budaya India/Hindu dan kemudiannya menerima budaya dan tamadun Islam.[47] Alam Melayu juga menerima pengaruh tamadun dan budaya China sungguhpun kesannya tidak begitu mendalam. Dengan itu, semasa sampainya Barat, rantau itu telah pun mempunyai amalan, kepercayaan, tradisi dan nilai-nilainya sendiri. Sungguhpun akhirnya Barat berjaya mengenakan nilai-nilainya, proses pembaratan itu tidaklah berlaku dengan mudah. Banyak modifikasi, pengubahsuaian, adaptasi dan penyesuaian terpaksa dilakukan sebelum sesuatu pembaharuan dapat diterima oleh penduduk peribumi. Sebenarnya kesan pertembungan tamadun dan budaya Timur dan Barat ini tidaklah berlaku sehala sahaja. Sungguhpun Barat berjaya mengatasi budaya dan tamadun Timur dan mengenakan pengaruhnya, ia juga telah menerima kesan pengaruh budaya dan tamadun Timur.[48] Selain daripada itu, tamadun dan budaya Barat itu sendiri adalah merupakan hasil pengaruh banyak tamadun di Eropah seperti Graeco-Roman, Anglo-Saxon dan Kristian yang bermula di benua Eropah itu sendiri.

Akibat pergolakan revolusioner politik, dan industri yang berlaku pada akhir abad ke-18, Eropah digambarkan pada abad ke-19 sebagai ... *a civilization on the march* (Sansom, 1977), apabila ia mula menjelajah ke serata dunia dengan membawa berbagai-bagai aspirasi termasuk ingin mentamadunkan masyarakat yang dianggap 'ketinggalan'. Menerusi imperialisme dan kolonialisme, negara-negara Afrika, Asia dan Amerika telah mula-mula dimasukkan di bawah kuasa dan kawalan ekonomi Barat yang kemudiannya diikuti dengan kawalan dan kuasa politik.[49] Pergerakan Barat ini mencabar asas yang membentuk

---

47 Coedes (1968), Hall (1968), Vlekke (1959).

48 Umpamanya pada zaman Crusade di rantau Mediterranean, Eropah Barat telah gagal menguasai penduduk dan budaya lain. Sebaliknya, dalam proses saling bertukaran budaya, Eropah Barat lebih banyak menerima daripada golongan Muslim dan Byzantine daripada sebaliknya.

49 Dinamik yang terbentuk di Eropah membolehkannya mendominasi hampir seluruh dunia. Proses ini bermula dengan pelayaran-pelayaran penemuan. Kemudian teknologi industri membolehkan ia mengenakan kawalan politik

masyarakat Asia, mengenakan kehendaknya ke atas mereka dan mendatangkan perubahan sosial dan politik yang amat penting (Pannikar, 1953:18).

Penduduk tempatan telah mengalami berbagai-bagai kesan zaman penjajahan. Kuasa ekonomi, politik dan ideologi telah membolehkan negara Barat membentuk atau membentuk semula, secara langsung dan tidak langsung, negara yang dijajah mengikut visi dan ideal mereka bagi melicinkan pencapaian kepentingan mereka. Mereka berupaya bertindak demikian kerana kuasa tradisional tidak cukup cekap untuk menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan pengikutnya. Sebaliknya, tamadun Barat menyediakan berbagai-bagai infrastruktur sosial. Perubahan dikenakan apabila ideal, idea, nilai dan institusi Barat diperkenalkan bagi menggantikan yang asal. Kedaulatan negara-negara peribumi tertakluk di bawah kedaulatan empayar. Namun, cara rejim empayar mengenakan kawalan institusi ke atas pelbagai negara peribumi adalah berbeza-beza. Proses ini melibatkan pemusnahan unsur yang lama dan pengenalan unsur yang baru, asing dan dibawa dari luar. Daripada tindakan ini muncul suatu pergerakan sosial yang baru dan berasaskan prinsip-prinsip tamadun Barat.

Barat telah merujuk proses ini sebagai pemodenan[50] iaitu

---

yang *thorough-going* terhadap sumber-sumber ekonomi dari sebahagian besar dunia.

50 Pentiori sosial yang sering diberikan kepercayaan dan tauliah adalah dari Eropah dan lantaran bergantung pada pengalaman dan latar belakang sosial mereka untuk sesuatu keterangan. Mereka menulis dan memberi keterangan itu di dalam lingkungan masyarakat, yang dari segi sejarahnya, berkongsi bersama bahasa dan budaya. Tetapi ini jauh sekali daripada menyatakan bahawa golongan intelek itu sesuka hati memanipulasi kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka. Namun, tidak dinafikan bahawa terdapat ramai tokoh Barat yang cenderung melihat kesan kehadiran Eropah dari kaca mata yang baik saja. Dalam usaha meletakkan masyarakat mereka sendiri serta transformasinya ke dalam perspektif keseluruhan sejarah kemanusiaan, mereka sebenarnya hanya berjaya meletakkan keseluruhan sejarah kemanusiaan itu ke dalam perspektif masyarakat mereka. Idea-idea itu pula terus diturunkan dan disebarkan di kalangan penduduk tempatan menerusi elit tempatan yang berpendidikan Barat.

satu proses pengambilan ciri-ciri moden Barat oleh negara-negara yang dijajah. Ringkasnya, pemodenan telah tercapai melalui proses pembaratan. Bidang pendidikan disusun mengikut garis pandu Barat. Begitu juga media massa mencontohi model Barat. Bahkan, kota raya dan industri juga menyerupai yang terdapat di Barat berbanding dengan bandar tradisional yang terdapat di Timur. Golongan intelek pergi ke Barat untuk menimba ilmu, dan mereka yang mengaji di tanah air pula meneruskan pengajian di universiti yang bercorak seperti yang terdapat di Barat. Seperti di kebanyakan negara yang mengalami proses 'pemodenan' ini, kota raya menjadi sosial matrik proses pembaratan itu. Walau apa pun asas berlakunya perubahan, struktur masyarakat Timur telah mula berubah dan perubahan itu pula sentiasa ke arah struktur masyarakat moden Barat iaitu melalui pengaruh Barat moden.[51]

Oleh kerana masyarakat dunia moden dibentuk menerusi peluasan Eropah, maka bukanlah satu kebetulan sahaja bahawa konsep dan ukuran yang digunakan untuk pemodenan datangnya dari Barat. Masyarakat bukan Barat terpaksa menggunakan konsep dan teknik yang dikembangkan dalam konteks atau mengikut perspektif Barat.[52] Penduduk tempatan diperkenalkan kepada pemikiran dan pengalaman Barat, prinsip kehidupan Barat, sejarah Barat, pendidikan Barat dan sekurang-kurangnya kemahiran Barat yang dianggap perlu untuk menjalankan kehendak penjajah dengan cekap.

Dalam pada itu, sungguhpun penjajah Barat telah memperkenalkan beberapa teknik dan agensi-agensi revolusi industri;

---

51 Pemodenan dicirikan oleh kerasionalan, nasionalisme, saintifik, objektif, demokratik, liberal, industrialisme dan sebagainya.

52 Ini tidaklah memeranjatkan kerana manusia berfikir dan melalui pengalaman berhubung dengan apa yang telah mereka pelajari di dalam konteks budaya dan warisan mereka, yang terkandung di dalamnya sistem konsep dan hubungan yang berasaskan peraturan, yang terdapat dalam budaya dan cara hidup yang berbeza-beza. Lagipun, setiap negara yang menganggap dirinya sebagai lebih maju akan menghantar gambaran dirinya kepada 'masyarakat' yang kurang maju tetapi diambil kira dalam perancangan polisi negara maju itu. Semua negara Eropah Barat terlibat. Mereka telah bersetuju menyebar idea, nilai dan amalan moden baru ke negara luar Eropah.

membina sistem politik baru bersandarkan konsepsi baru tentang undang-undang dan kerajaan; memperkenalkan banyak idea, anggapan dan konsep Barat serta pengetahuan tentang bahasanya untuk mentamadunkan penduduk Timur, namun imperialisme Barat masih tidak berjaya mengubah keseluruhan masyarakat tersebut secara total. Imperialisme Barat gagal membentuk (mengambil kata-kata Macaulay) ... *a class of persons, Indian in blood and colour, but English in taste, in opinion, in moral and in intellect.*[53] Barat juga tidak berjaya mengindustrikan negara-negara itu secukupnya kerana masyarakat Timur tidak sepenuhnya 'terbuka'. Masyarakat Timur mempunyai sejarah, budaya, dan tradisi ekonomi, politik dan sosial mereka sendiri walaupun kelihatan dari luar sebagai tidak sempurna atau tidak cekap. Lantas, proses pembaratan berjaya menembusi hanya sebahagian daripada masyarakat (terutamanya golongan atasan), tetapi sebahagian besar penduduk tidak merasai kesannya. Mereka kurang memahami nilai atau asas terletaknya keseluruhan masyarakat Barat. Boleh dikatakan ciri-ciri Barat yang mereka telah ambil dan sesuaikan adalah pada dasarnya di permukaan saja. Ciri-ciri itu tidak dihayati sepenuhnya hingga ke akar umbi. Dengan itu, sungguhpun Barat telah mengawal dan memerintah sebahagian besar daripada masyarakat dan negara Asia, latar belakang sejarahnya yang panjang dan ketegaran adat resamnya tidak memungkinkan transformasi yang menyeluruh.[54]

Sungguhpun pelbagai maksud dan implikasi muncul daripada istilah pemodenan, secara umumnya ia merujuk kepada fenomena transformasi total masyarakat sama ada yang berada di Barat ataupun di Timur. Walau bagaimanapun, merujuk khusus kepada Timur, pemodenan adalah satu proses perubahan sosiobudaya yang sering diimplikasikan sebagai 'meng-Eropahkan' dan sebagainya. Walau apa pun istilah yang digunakan untuk menerangkan proses itu, hakikatnya ialah proses itu bermula di Barat. Lantas, istilah yang lebih tepat digunakan

---

53 Dipetik oleh Sinai, (1964:52).

54 Dalam keadaan sebegini timbul dualisme yang bertentangan seperti antara pembaratan dan Asianisme, antara modenisme dan tradisi dan sebagainya.

ialah istilah yang lebih luas, iaitu pembaratan, untuk menunjukkan proses pemindahan budaya Barat dari segi idea, ideologi, nilai, amalan, kepercayaan dan lain-lain yang mengubah aspek-aspek yang sama di negara Dunia Ketiga. Maka, boleh dikatakan bahawa faktor luaran, terutama yang berpunca dari Barat, yang banyak mempengaruhi proses perubahan di Timur semasa zaman penjajahan. Untuk mengadakan perubahan itu, Barat telah menentukan polisi mengikut visi dan model mereka tentang negara yang unggul, iaitu negara Barat yang unggul. Lantaran itu, politik dan masyarakat disesuaikan dan ditransformasi mengikut pola Barat.

Pada peringkat yang lebih mikro, semasa era penjajahan, Johor telah diperkenalkan kepada idea dan teknik Barat, khususnya Inggeris dalam pentadbiran dan institusinya yang lain. Pada mulanya pengenalan itu diusahakan oleh Sultan Abu Bakar sebagai satu cara untuk mengawal kemasukan pihak penjajah Inggeris. Walau bagaimanapun, setelah Johor diletakkan di bawah kawalan Inggeris dengan pelantikan seorang Penasihat Inggeris pada 1910, pengenalan itu dibuat bertujuan supaya pentadbiran dan pemerintahan negeri menjadi lebih sesuai dengan keperluan dan kepentingan pihak penjajah. Proses ini dilaksanakan atas nama 'pemodenan' (sebagaimana digelar dan difahami oleh pihak Barat) dan penduduk tempatan mempercayai bahawa itulah yang sebaiknya. Walau bagaimanapun, dalam konteks umumnya pengenalan ini boleh dianggap sebagai sebahagian daripada proses pembaratan yang lebih besar dan yang dilaksanakan di seluruh dunia yang telah dijajah. Tetapi, sama ada Johor telah 'dibaratkan' atau dimodenkan masih perlu dianalisis dan dijawab.

Johor: Pemodenan *lwn* Pembaratan

Perubahan yang dialami oleh Johor, bermula dengan kedatangan Barat ke rantau Asia Tenggara sehingga sebelum Perang Dunia Kedua, boleh dianggap sebagai proses pembaratan. Pada masa itu Johor boleh dianggap sebagai terdiri daripada satu set institusi yang berkaitan dan semuanya mengalami perubahan dise-

kemudiannya berterusan hingga kini tetapi 'berpakaian' pemodenan dan pembangunan.[59] Sungguhpun terdapat pengaruh-pengaruh tempatan dan antara wilayah yang beroperasi seiring, pengaruh Barat lebih dominan dan banyak menentukan perjalanan pemerintahan dan kehidupan harian. Dengan itu boleh dikatakan bahawa pada keseluruhannya Johor telah mengalami kedua-dua proses pembaratan dan pemodenan. Kadangkala kedua-dua proses itu beroperasi seiring dan ada kalanya berasingan. Namun, pada asasnya perubahan yang tercapai di Johor, terutamanya perubahan pada zaman kemasukan Barat, adalah menerusi proses pembaratan. Gray telah merujuk perubahan yang berlaku di Johor antara 1910–1914 sebagai sebahagian daripada proses penjajahan melalui:

> *... the transfer of authority, with the transformation of the independent polity into an imperial dependency. ... Henceforth ... government ... decisions now must spring from the concerns of an alien civilization. Most of all, however ... the future ... will fall to the colonial masters, to seek, to find, as they choose.* (1978:1)

59 Polemik dan perdebatan tentang persoalan pemodenan dan pembaratan sebenarnya berpunca daripada perbezaan tafsiran, khususnya dari segi metodologi dan penggunaan konsep, dan bukannya bukti-bukti empirik.

BAB 2

JOHOR: PEMBARATAN MELALUI PERLEMBAGAAN
(Pemindahan Corak Pentadbiran Barat ke Johor)

Dunia Melayu dan Barat

Orang Eropah mula datang beramai-ramai ke Dunia Melayu pada abad ke-16,[1] sungguhpun telah terdapat beberapa orang pengembara Barat seperti Marco Polo yang telah sampai ke Asia Tenggara pada abad ke-13 lagi. Pada mulanya kehadiran mereka tidak menarik perhatian, tetapi selepas 400 tahun, mereka cuba menguasai sumber-sumber pengeluaran dan menghapuskan pihak berkuasa tempatan. Pendek kata kedatangan Barat ... *forced important changes in the ground rules by which Asian trade was conducted* (Curtin, 1986:135). Bahkan, mereka juga telah berjaya menghasilkan perubahan terhadap ekonomi, politik dan sosiobudaya masyarakat rantau ini. Walau bagaimanapun perubahan tidaklah berlaku secara mendadak. Sebaliknya, ... *gradually parts of the region and also of the Asian maritime world in general to which Southeast Asia had so profitably belonged, were no longer left entirely to themselves* (Wolters, 1982:xi).

Ketibaan Portugis di Melaka pada 1509[2] menandakan satu era baru dalam kegiatan perdagangan di Dunia Melayu dan terbentuknya hubungan Barat dengan Dunia Melayu dengan cara

---

1. Kekuasaan Eropah mula muncul pada abad ke-16 sungguhpun tidak di semua tempat atau dalam semua hal. Kekuasaan ini semakin jelas pada abad ke-18.
2. Sebelum ini pun telah terdapat bangsa Eropah sampai di Dunia Melayu seperti Marco Polo.

yang lebih tersusun.[3] Walau bagaimanapun, hubungan awal ini tidak mendatangkan kesan yang mendalam kerana Portugis turut gagal menawan Melaka. Namun demikian, tahun 1511[4] membawa kejayaan kepada Portugis dan menandakan bermulanya pengaruh Barat yang semakin meningkat menjelang lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20.[5] Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis telah diikuti oleh perpecahan Empayar Melaka. Selepas peristiwa ini, tiada lagi pemerintah Melayu yang berupaya mendominasi kawasan Semenanjung dan sebahagian besar Sumatera. Sebaliknya, raja-raja yang memerintah di kawasan ini bersengketa dan berperang sesama sendiri. Keadaan ini berlaku akibat kelemahan pemerintahan Sultan Melaka menyebabkan kotanya ditawan oleh Portugis.

Semasa Portugis menyerang Melaka, Aceh telah mengambil kesempatan daripada situasi yang wujud akibat kelemahan Melaka itu. Aceh ingin mendominasi negara-negara Islam serta menghalau keluar Portugis. Selain Aceh, Johor[6] juga memendam hasrat yang serupa. Dengan itu, mulalah persaingan tiga segi yang berlarutan untuk selama kira-kira satu abad. Akibatnya, sungguhpun sumber-sumber yang ada pada orang Portugis terhad, namun mereka berjaya menguasai Melaka sehinggalah

---

3 Usaha untuk membincangkan secara ringkas tentang sejarah permulaan hubungan Barat dan Dunia Melayu ini tentunya banyak bergantung kepada mereka yang lebih pakar dalam bidang itu. Datangnya Portugis, Belanda dan Inggeris di Dunia Melayu telah banyak ditulis dan dibincang oleh antara lainnya Andaya dan Andaya (1982), Cowan (1967), Emerson (1964), Tan Ding Eing (1983) dan Winstedt (1935).

4 Mengikut Sejarah Melayu, pada awal abad ke-16 Melaka berada di puncak kegemilangannya. Kemewahannya itu menyebabkan Portugis, yang pertama kali sampai di rantau itu pada 1509, ingin memilikinya. Hal ini adalah kerana Portugis berpendapat bahawa kejayaan menguasai Melaka akan membolehkan mereka mengawal perdagangan rempah di rantau itu. Penaklukan ini juga bermakna Portugis akan dapat menghancurkan kemewahan golongan Islam yang diperolehi melalui perdagangan itu di Mediterranean, selain daripada dapat membiayai kempen menentang golongan Islam itu.

5 Pada tahun 1537 Portugis telah cuba menawan Johor, tetapi dihalang oleh Sultan Alauddin dan laksamananya. Namun, percubaan kedua Portugis pada 1559 membawa kejayaan (Anderson, 1854:148).

6 Johor telah diasaskan oleh Sultan Mahmud Shah setelah Melaka kalah di tangan Portugis dan beliau terpaksa melarikan diri.

kuasa Eropah yang lain, yang mempunyai sumber yang lebih banyak, muncul di rantau itu.

Kejayaan Portugis di Dunia Melayu menimbulkan rasa iri hati di kalangan kuasa-kuasa Barat yang lain, dan kemudiannya sampai ke rantau itu. Pada abad ke-16, Portugal telah diperintah oleh raja Sepanyol. Oleh sebab Belanda sedang berperang menuntut kemerdekaan daripada Sepanyol, Portugis juga terlibat sama. Belanda telah menyerang Portugis untuk melemahkan kedudukan ekonomi Portugal sebagai satu langkah melemahkan kuasa raja Sepanyol itu. Belanda juga telah membentuk Dutch East India Company pada tahun 1602 dan mula menjalankan dagangan terus dengan Dunia Melayu dan tidak lagi melalui Portugis. Angkatan laut Belanda adalah lebih kuat daripada angkatan laut Portugis. Oleh sebab itu, secara beransur-ansur Belanda telah berjaya menyingkirkan Portugis daripada kesemua kedudukan mereka di rantau Melayu. Di Melaka, Portugis telah berjaya mematahkan serangan Belanda sehinggalah pada tahun 1641, apabila Belanda dengan kerjasama Sultan Johor telah menawan kota tersebut. Menjelang akhir abad ke-17, Portugis telah kehilangan kesemua jajahan mereka di Dunia Melayu kecuali sebahagian daripada Pulau Timor dan Belanda berjaya mengawal Selat Melaka.

Seperti Portugis, semasa Belanda mula datang ke Dunia Melayu mereka hanya mementingkan perdagangan, bukannya untuk memerintah sesebuah kawasan. Walau bagaimanapun, demi menjaga keselamatan harta mereka, mereka perlu mengawal kawasan penting itu. Untuk menjaga kawasan yang telah diperolehi itu, mereka terpaksa pula menandatangani perjanjian perdamaian dengan negara jiran. Dengan itu, secara beransur-ansur mereka mendapat kuasa dan kepentingan politik. Mereka juga ingin memonopoli perdagangan. Hal ini dapat dilakukan dengan meletakkan pemerintah tempatan di bawah pengaruh kawalan mereka. Walaupun matlamat awal mereka ialah perdagangan, Belanda telah berjaya menjadi sebuah kuasa politik di Dunia Melayu.

Selain daripada Portugis, English East India Company (EEIC) juga merupakan musuh Belanda. Syarikat tersebut men-

dirikan stesen perdagangan di Bantam, Spice Islands di Borneo dan di pantai timur Sarawak. Sungguhpun satu perjanjian telah ditandatangani pada tahun 1619 antara kerajaan Inggeris dan Belanda yang memberikan Inggeris sebahagian daripada perdagangan di kepulauan itu, namun Belanda terus menggunakan kekerasan terhadap Inggeris sehinggakan Inggeris terpaksa meninggalkan Bantam pada 1682. Walau bagaimanapun, Inggeris telah tiba di Melaka pada tahun 1795 dan menawannya daripada Belanda hingga tahun 1818 apabila Melaka dijajah semula oleh Belanda. Pada tahun 1824 Melaka sekali lagi menjadi hak Inggeris dan kuasa Belanda di Semenanjung terhapus.

Secara umumnya dominasi Inggeris di Dunia Melayu telah terbentuk hanya pada separuh kedua abad ke-18. Bahkan, Inggeris tidak memainkan peranan yang berkesan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu sehingga pada tahun 1874 kerana Inggeris mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal pemerintahan negeri-negeri itu disebabkan pada masa itu kepentingan utama mereka ialah perdagangan dan penerokaan. Lagipun, pada jangka waktu sebelum tahun 1874 terdapat banyak peristiwa yang berlaku di tempat lain yang lebih menarik perhatian Inggeris. Beberapa peperangan telah berlaku di samping perubahan industri dan politik di benua itu, yang memerlukan perhatian Eropah.

Peningkatan kuasa dan pengaruh Inggeris selepas tahun 1874 itu adalah disebabkan penaklukannya di India dan kawalannya ke atas perdagangan China.[7] Tambahan lagi, selepas Kongres Vienna, England telah muncul sebagai negara Eropah yang paling berkuasa dari segi industri dan perniagaan. Keulungannya di samudera juga tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kuasa lain. Keadaan ini membolehkan Inggeris muncul sebagai kuasa Barat yang dominan di Asia. Walau bagaimanapun, sehingga pertengahan abad ke-19, minat Inggeris di Dunia Melayu lebih

7 Tarling (1958:179) berpendapat bahawa perkembangan ekonomi Inggeris yang bermula kira-kira pertengahan abad ke-18 telah meningkatkan kawalannya ke atas perdagangan teh China. Perdagangan inilah yang menyebabkan Dunia Melayu menjadi penting dalam dasar perdagangan Inggeris.

terletak pada kedudukan strategik rantau itu, iaitu di antara empayar India dan China yang terdapat banyak perdagangan dan pelaburan Inggeris dan bukan kerana kepentingan ekonominya.

Secara ringkas, kedatangan Portugis ke Dunia Melayu lebih bertujuan untuk perdagangan dan dengan itu tidak berusaha mewujudkan ataupun mengenakan sepenuhnya pemerintahan mereka dan dengan itu, tidak menghancurkan atau merosakkan kehidupan sosial dan ekonomi penduduk tempatan. Keadaan ini adalah berbeza apabila datangnya Belanda dan Inggeris.[8] Secara umumnya, keinginan kuasa-kuasa Barat untuk memonopoli perdagangan dan mengawal laluan maritim telah menghasilkan perlumbaan dan persaingan yang berkesudahan dengan mereka mempengaruhi serta mendominasi kawasan-kawasan yang membawa kepentingan kepada mereka. Menjelang lewat abad ke-19 pusat-pusat perdagangan telah bertukar menjadi *territorial empires* dan Dunia Melayu terbahagi kepada kuasa Siam, Inggeris dan Belanda. Sempadan kawasan pengaruh itu ditentukan pula mengikut persetujuan antarabangsa (Andaya dan Andaya, 1982:155).[9] Pembahagian ini dilakukan untuk mewujudkan satu situasi yang lebih mendekati situasi yang terdapat di Barat supaya kepentingan mereka dapat dilindungi.

Kedatangan orang Barat ke Tanah Melayu dan Singapura amnya dan Johor khususnya boleh dianggap sebagai sebahagian daripada keseluruhan proses ini. Dasar Kemaraan Eropah dan persaingan yang wujud di kalangan mereka terutamanya di rantau asing telah menyebabkan timbulnya kawasan pengaruh mereka di Afrika, Amerika Latin dan sebahagian besar rantau Asia. Menerusi persaingan dan muslihat politik yang sedemikian negeri-negeri Melayu di utara dan Negeri-Negeri Selat telah dikawal terus oleh Inggeris. Sebaliknya, Johor yang terletak di bahagian selatan Semenanjung terus menikmati kebebasannya,

8 Pada tahun 1641 Belanda menggantikan Portugis di Melaka. Inggeris pula menggantikan Belanda pada tahun 1795. Dengan itu, antara jangka masa 1511 hingga 1941 Melaka telah dikuasai oleh kuasa Eropah.

9 Kemajuan teknologi dan komunikasi; usaha mendapatkan pasaran; permintaan terhadap bahan mentah dan tempat untuk melabur modal telah menyumbang ke arah Barat menjelajah keluar Eropah pada abad ke-19.

terutamanya dari segi hal ehwal dalaman.

Johor di Ambang Kedatangan British

Di ambang kedatangan Barat (Inggeris) ke Johor pada awal tahun-tahun 1800-an[10] kuasa golongan Temenggung telah mula terserlah. Pada tahun 1806 Tun Abdul Rahman[11] telah dikurniakan gelaran Temenggung Sri Maharaja Johor oleh Sultan Mahmud Shah bagi menggantikan Raja Muhamad (Ungku Muda), iaitu putera Temenggung Tun Abdul Jamal, yang enggan menerima gelaran pusakanya itu. Dengan gelaran itu Temenggung Abdul Rahman mula menguasai Johor, Singapura dan pulau-pulau sekitarnya. Kawasan yang berada di bawah kawalannya itu sebenarnya merupakan sebahagian daripada unit politik yang lebih besar, iaitu Kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, yang pada masa itu agak tidak bersatu. Temenggung bermastautin di Riau dan Bulang (Trocki, 1979:xv) sebelum menjadikan Singapura[12] sebagai pusat pentadbirannya.

Kemangkatan Sultan Mahmud Shah pada tahun 1812 telah menimbulkan masalah waris takhta Johor. Masalah ini juga telah menyumbang kepada perpecahan empayar Johor dengan adanya campur tangan Bugis, Belanda dan Inggeris dengan masing-masingnya mempunyai kepentingan dan motif yang tertentu.[13] Bahkan Andaya (1975:312) berpendapat bahawa:

> *... the conflict of an outside group(s) wanting to enter into the internal structure of a society and thereby encroaching on the privileges and positions of established members of*

---

10 Sejarah Johor sehingga perjanjian 1824 ditandatangani telah banyak ditulis oleh antara lainnya Allen (1972), Ahmad Fawzi Basri (1988), Andaya (1975), Andaya dan Andaya (1982), Mills (1925), Netscher (1870), Sinclair (1967), Swettenham (1929), Trocki (1979), Thio (1969), dan Winstedt (1932, 1935).

11 Sungguhpun Ungku Muda enggan menerima gelaran Temenggung, beliau bersetuju supaya gelaran itu diturunkan kepada anak saudaranya iaitu Tun Abdul Rahman (lihat Winstedt, 1932:71–73).

12 Beliau berpindah ke Singapura pada tahun 1811.

13 Lihat Begbie (1967:274–289), Hj. Mohd. Said Sulaiman, (1940:2), Mills (1960:65–74), Raja Ali Haji (1965:263–264), Winstedt (1932:72–75).

that society is a theme in the history of Johore through the eighteenth century.

Boleh dikatakan bahawa sepanjang abad ke-18, konflik berlaku di kalangan golongan Melayu, Minangkabau, Belanda, Bugis, Inggeris untuk merebut kuasa memerintah Johor. Konflik ini pula telah mengganggu kegiatan ekonomi, khususnya perdagangan dan menggalakkan kegiatan melanun.

Kelemahan kerajaan Johor ketika itu telah dipergunakan sepenuhnya oleh Inggeris untuk memenuhi kehendaknya. Masalah waris takhta itu berkesudahan dengan Tengku Hussain diperakui sebagai Sultan Singapura serta daerah takluk rantau jajahannya melalui sebuah perjanjian yang ditandatangani pada 6 Februari 1819[14] (lihat Lampiran A(ii)). Beliau juga dibayar pencen tahunan sebanyak $5000. Sementara itu Temenggung Abdul Rahman diberi hak mendapat sebahagian daripada cukai barangan dagangan dan cukai kapal dan perahu tempatan selain daripada menerima pencen sebanyak $3000 setahun daripada Inggeris dengan syarat Temenggung hanya berurusan dengan pihak Inggeris. Mulai tahun 1819 dan menerusi perjanjian yang lebih menguntungkannya, Inggeris telah dibenarkan menguasai Singapura.

Perdagangan masih merupakan kegiatan ekonomi yang utama pada lewat abad ke-18 dan pada awal abad ke-19. Bahkan keulungan kegiatan perdagangan di rantau itu yang telah menggalakkan bangsa Eropah untuk cuba mendapatkan kuasa kawalan atau cuba mendapat tempat laluan ke China supaya mereka kelak mendapat hasil keluaran Dunia Melayu. Bangsa Eropah cuba mendapatkan timah dan rempah, iaitu dua keluaran tempatan yang paling berharga. Selain itu, Dunia Melayu merupakan tempat kapal dari India, China dan negara-negara lain bertemu

---

14 Sebenarnya perjanjian pertama telah ditandatangani pada 30 Januari 1819 bersamaan 4 Rabiulakhir 1234, antara Temenggung dan Inggeris yang membenarkan Inggeris mewujudkan sebuah *factory* (gedung perniagaan) dengan bayaran $3000 setahun diberi kepada Temenggung. Perjanjian ini adalah yang pertama daripada 3 perjanjian yang ditandatangani pada tahun itu, iaitu pada 6 Februari 1819 bersamaan 11 Rabiulakhir 1234 dan pada 2 Ramadan 1234.

untuk menukar barangan mereka. Revolusi Industri yang berlaku di Barat, khususnya di England, telah memberikan mereka peluang untuk memperluas ekonomi mereka itu dengan lebih berkesan ke negeri-negeri Melayu.

Kegiatan perdagangan yang semakin meningkat dan peluang ekonomi yang semakin luas telah juga membawa perubahan sosial dan politik kepada penduduk tempatan, yang tidak hanya terdiri daripada orang Melayu malah terdapat juga golongan Minangkabau dari Sumatera dan Bugis dari Sulawesi yang telah menyambut peluang-peluang ekonomi abad ke-18 itu. Bahkan, kuasa dan pengaruh Bugis semakin meningkat di Johor menyebabkan ... *the Malays no longer having any influence in the government* (Andaya dan Andaya, 1982:99) sehingga mereka dikalahkan pada tahun-tahun 1780-an secara tidak langsung disebabkan oleh hubungan yang semakin merosot antara Belanda dan Inggeris dan kematian Raja Haji (*ibid.*:104–105). Trocki (1979:17) berpendapat ... *the Malay-Bugis feud was more than a dynastic conflict – it was social and economic warfare*. Rebutan kuasa dan persaingan yang berlaku di Johor itu menjejaskan juga hubungan kerajaan dengan Orang Laut. Pada satu ketika Orang Laut pernah merupakan sumber kuasa dan kekuatan.[15] Mereka berkhidmat sebagai angkatan laut raja, tetapi khidmat mereka diganti setelah kuasa pengaruh mereka menurun. Terdapat juga bangsa India, Arab dan Cina yang telah menetap di negeri-negeri Melayu atau berkahwin dengan penduduk tempatan. Selain golongan-golongan ini terdapat semakin ramai pedagang asing yang lain tiba di rantau ini.

Pasaran antarabangsa yang semakin bertambah luas juga telah mengakibatkan bangsa Eropah (Belanda, Inggeris dan Portugis) bersaing untuk mendapatkan kawasan pengaruh masing-

---

15 Setelah mangkatnya Sultan Mahmud pada tahun 1699, Orang Laut enggan memberikan taat setia mereka sepenuhnya kepada keluarga pemerintah yang baru. Pada masa yang sama mereka tidak mahu memindahkan sepenuhnya taat setia mereka kepada Raja Kecil di Siak. Lantas, mereka berbelah bagi antara Riau-Johor dan Siak, menyebabkan keberkesanan mereka semakin berkurangan di Dunia Melayu keseluruhannya dan dalam hal ehwal pemerintahan di Johor khususnya (Andaya, 1975:323).

masing atau memonopoli laluan perdagangan. Menjelang abad ke-19 hasil persaingan ini memperlihatkan Belanda mula kehilangan keunggulannya di kawasan kepulauan Melayu. Sebagai gantinya Inggeris mula menunjukkan kuasa dan kekuatannya. Bahkan:

> *Britains's supremacy in the area seemed total when, in 1795, it assumed direct control of several VOC possessions in the Malay Indonesian Archipelago ... intended to prevent any Dutch possession in Asia falling into the French hands after Napolean conquered the Netherlands in January 1795.* (Andaya dan Andaya, 1982:108).

Kuasa, pengaruh dan kekuatan Inggeris ini membolehkannya campur tangan dalam politik dan perselisihan dalaman negeri-negeri Melayu serta mengenakan kehendaknya. Keadaan ini terserlah berhubung dengan masalah mewarisi takhta di Johor. Inggeris telah berupaya mengenakan kehendaknya kerana mangkatnya Sultan Mahmud pada tahun 1812 telah ... *left no ruler with an unquestioned claim to legitimacy at a time when Europeans were restoring and expanding their economic position in the archipelago* (Trocki, 1979:39).

Sungguhpun Pejabat Tanah Jajahan menentukan dasar umum berhubung dengan Negeri-Negeri Selat dan negeri-negeri Melayu, sebenarnya Gabenor Negeri-Negeri Selat yang mempunyai kuasa penuh menentukan proses peluasan ataupun konsolidasi. Antara tahun-tahun 1880–1910, Sir F. Weld, Sir Cecil C. Smith, Sir F. Swettenham dan Sir D. Anderson adalah antara gabenor yang dilantik. Mereka merupakan imperialis dan *expansionist* yang menyokong peluasan kawalan dan peningkatan kepentingan Inggeris. Mereka percaya Inggeris mempunyai misi untuk menjajah dan mengubah keadaan penduduk tempatan. Dengan tidak mengendahkan hakikat bahawa lama sebelum kedatangan Barat, negeri-negeri Melayu telah mempunyai tradisi pemerintahan mereka sendiri, Weld umpamanya percaya bahawa ... *the Malays had not been taught to govern themselves* dan dengan itu harus diajar ... *to cooperate with us and govern under our guidance* kerana beliau yakin bahawa ... *only the*

British government can be relied upon to govern the Malay states properly[16] (Thio, 1969:12–13; Emerson, 1964:132).

Secara ringkas di ambang kedatangan Barat, khususnya Inggeris, ke rantau Johor-Riau, pusat pemerintahan telah lama berpindah ke Riau ... *where its rulers lapsed into obscurity under Dutch domination, and peninsular Johore had been almost uninhabited* (Amin Sweeney, 1980:1). Pada masa ini Johor belum mempunyai kawasan sempadan yang jelas. Bahkan, ... *there was ... no 'state' in the area now called Johor. At this time, "Johor" referred only to a vague geographical area, much of it's insular* (Trocki, 1979:xv). Sungai merupakan alat hubungan yang utama selain daripada merupakan tumpuan kawalan politik. Secara umum penduduk terbahagi kepada dua golongan utama. Golongan pemerintah, yang merupakan unsur penting dalam sistem politik, dan golongan rakyat. Pembahagian ini merupakan antara unsur asas struktur sosial dan politik di Johor.

Johor telah mewarisi inti pati sebuah negeri Melayu klasik walaupun pada dasarnya Johor merupakan sebuah negeri maritim. Tumpuan utama ekonomi dan politik pemerintahnya ialah rakyat Kepulauan Riau-Lingga dan laluan perdagangan antarabangsa adalah antara negara China dan Barat menerusi Selat Melaka (Trocki, 1979:xv). Selain daripada kegiatan perdagangan, sumber ekonomi yang lain ketika itu lebih banyak bergantung kepada hasil-hasil hutan seperti rotan dan gaharu. Dari aspek sosialnya pula, Johor telah merasai kesan kegiatan perdagangan dalam konteks pertembungan dengan berbagai-bagai budaya lain seperti budaya India dan Islam. Sungguhpun terdapat kesan pengaruh berbagai-bagai agama, amalan dan kepercayaan, tetapi kesannya tidak semendalam kesan yang diterima daripada budaya Hindu dan Islam.

Inggeris telah bertapak di Singapura apabila melalui Perjanjian 1819, Kompeni India Timur Inggeris (EIC) telah dibenarkan membina gedungnya di sana (lihat Lampiran A(i)). Raffles[17]

---

16 Weld kepada Kimberly. Sulit. 21.10.1880. CO273/104. PRO.

17 Stamford Raffles dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab mendapatkan Singapura untuk Inggeris. Untuk sejarah pengasasan Singapura

mempunyai aspirasi bahawa ... *Britain should seat herself in this historic area and spread over islet and peninsular the beneficient influence of her civiliation* memandangkan bahawa ... *the country alone could revive to the full extent the commercial splendours of the past.*[18] Melalui Perjanjian 1824[19] pula, yang ditandatangani oleh Temenggung Abdul Rahman, Sultan Hussain dan John Crawfurd sebagai wakil mutlak Gabenor Jeneral Benggal, William Pitt (lihat Lampiran B), Sultan dan Temenggung bersetuju menyerahkan Singapura kepada EIC termasuk ... "laut dan selat dan pulau kecil-kecil iaitu sepuluh batu jauhnya berkeliling Pulau Singapura itu menjadi milik Kerajaan Kompeni Inggeris sampai kepada warisnya yang akan menggantikan dia selama-lamanya" (Fasal Yang Kedua, Perjanjian 1819).

Turnbull (1972:271) berpendapat bahawa ... *The Company had two objects in signing this treaty. The first was to remove the Malay Chiefs from any control or influence in the British station ... the second ... was to insulate Singapore from Malay politics....* Walau bagaimanapun, semenjak penyerahan Singapura kepada Inggeris pada tahun 1824 itu, Johor telah mempunyai kaitan langsung dengan pentadbiran Inggeris di Selat.

Sungguhpun melalui Perjanjian 1824 itu telah dipersetujui juga bahawa tidak seharusnya berlaku campur tangan oleh mana-mana pihak dalam urusan kerajaan masing-masing, atau sekiranya berlaku pergolakan politik dalaman, namun Inggeris telah sekali lagi campur tangan dalam soal menentukan waris takhta Johor apabila Sultan Hussain mangkat pada tahun 1835.[20] Inggeris ingin menentukan bahawa yang mewarisi takhta Johor ialah seseorang yang dapat menjamin kepentingannya.[21] Soal

---

ini lihat Emerson (1964), Mills (1960), Tarling (1962), Tate (1989), Trocki (1979), Turnbull (1972, 1977) dan Wake (1975).

18 Dipetik daripada Wright dan Reid, (1912:107).

19 Perjanjian 1824 ini telah memecahkan empayar Johor-Riau kepada dua kawasan pengaruh, iaitu Riau (Belanda) dan Johor (di dalam kawasan pengaruh Inggeris tetapi tidak dikawal olehnya).

20 Semenjak wujudnya hubungan dengan Barat pada abad ke-16, Barat telah mengambil kesempatan menggunakan konflik di dalam dan di antara kerajaan tempatan Melayu untuk tujuan kepentingan mereka sendiri.

21 Menyingkap sejarah bagaimana Tengku Hussain diiktiraf sebagai Sultan

menentukan siapa seharusnya mewarisi kerajaan Johor berlangsung selama 20 tahun dan berakhir dengan suatu perjanjian perdamaian yang ditandatangani pada tahun 1855 apabila Temenggung Ibrahim[22] diiktiraf oleh Inggeris sebagai Temenggung yang memerintah Johor (lihat Lampiran C). Tengku Ali pula mewarisi gelaran Sultan, tetapi kawasan autoritinya hanyalah Kesang/Muar, yang juga telah diletakkan di bawah pemerintahan Temenggung selepas mangkatnya Sultan Ali pada tahun 1877.[23]

Perjanjian 1819[24] telah mengasaskan Singapura menjadi alat yang penting untuk peluasan imperialis Inggeris. Penyerahan Singapura sepenuhnya pula pada 1824 telah membolehkan Inggeris menentukan corak dan arah pembangunan serta kema-

---

Johor, Winstedt (1932:92) berpendapat bahawa baginda diiktiraf sebagai Sultan oleh Raffles untuk tujuan tertentu dan sebagai suatu keperluan undang-undang (lihat juga Trocki (1979:47) dan Tan Ding Eing (1983:47)). Lantas selepas kemangkatan baginda "*no reason now exist for the recognition*" (Winstedt, 1932:92) terhadap Tengku Ali, yang kebetulan masih terlalu muda. Boleh dikatakan bahawa bermula dengan Raffles, Inggeris telah berjaya mengubah keseimbangan kuasa yang terdapat di Johor. Inggeris juga berupaya memainkan peranan 'dalang' menentukan siapa yang bakal mewarisi gelaran Sultan dan pemerintahan Johor. Dengan hal yang demikian Gabenor Sir William Jervois berpendapat bahawa Maharaja/Sultan merupakan "*a British creation...*" (dipetik daripada Winstedt, 1932:109ff.). Lihat juga Logan, (1858:46–67).

22 Temenggung Abdul Rahman mangkat pada tahun 1825 dan diganti oleh anakandanya Daing Ibrahim dengan gelaran Datu Temenggung Sri Maharaja pada tahun 1833 (Turnbull, 1972:275). Berbeza daripada keturunan Sultan Hussain, keturunan Temenggung telah berjaya mewujudkan hubungan yang agak baik dengan Inggeris dan kuasa-kuasa Eropah yang lain di rantau ini. Walau bagaimanapun, Logan (1858:46) berpendapat bahawa mulanya abad ke-19 "*the Sultan of Johore ... found himself with a great title but with no real authority.*"

23 Mangkatnya Sultan Ali telah menimbulkan masalah mewarisi kawasan Kesang/Muar. Masalah ini telah dikemukakan kepada penghulu-penghulu Muar yang memilih Temenggung Ibrahim sebagai pemerintah mereka. (Untuk keterangan lebih lanjut tentang perkara ini sila rujuk *Muar Papers 1872–1877* di Arkib Negara Malaysia, (ANM), Kuala Lumpur).

24 Menjelang tahun 1819 telah terdapat dua pelabuhan di rantau Dunia Melayu yang dikawal oleh Inggeris, iaitu Pulau Pinang dan Singapura. Dalam keadaan demikian pada abad ke-19 ekonomi negeri-negeri Melayu semakin dikaitkan dengan ekonomi jajahan Inggeris (Andaya dan Andaya, 1982:111–112).

juan Singapura. Seiring dengan perkembangan yang berlaku di Singapura, Johor (terutamanya selepas 1855) telah dapat berkembang sama terutama dengan adanya monopoli perdagangan getah taban (gutta-percha) dan diikuti pula dengan perdagangan gambir serta lada hitam.

Kemajuan ekonomi yang dialami oleh Johor itu menyebabkan Barat, khasnya Inggeris, semakin berminat untuk melabur di Johor. Bahkan, Johor dianggap sebagai kawasan dalaman (*hinterland*) Singapura dan dengan itu harus berkembang selaras dengan dan mengikut kehendak Singapura (Inggeris). Tujuan ini akan hanya dapat dicapai sekiranya Inggeris dapat mengawal Johor. Lagipun, Inggeris bimbang sebagai sebuah negeri yang bebas, Johor akan tunduk kepada pengaruh mahupun campur tangan Perancis, Belanda atau Jerman.[25]

Inggeris berpendapat walau macam mana sedar sekalipun pemerintah tempatan Johor terhadap kuasa Inggeris, nasihat yang diberi secara tidak formal adalah tidak mencukupi kerana tidak ada jaminan bahawa nasihat itu akan dipatuhi.... *Often the advice is accepted merely because the Malays know that the British are strong enough to enforce their decisions* (Emerson, 1964:131). Dengan itu keadaan tidak seharusnya dibiarkan berlaku secara kebetulan saja. Maka, seperti yang telah dinyatakan, orang Melayu seharusnya diajar supaya bekerjasama dengan Inggeris dan mentadbir mengikut tunjuk ajarnya. Lagipun, wujudnya sebuah negeri yang diperintah sepenuhnya oleh golongan Melayu dianggap oleh Inggeris sebagai satu anomali kerana kedudukan Johor yang dikelilingi oleh negeri-negeri yang dikawal oleh Inggeris. Dengan itu, sungguhpun ejen Inggeris tidak dilantik di Johor seperti yang ditetapkan dalam Persetiaan 1855,

---

25 Pada tahun-tahun 1880-an dasar maju ke hadapan (*Forward Movement*) Inggeris semakin memuncak akibat kebimbangan yang dirasakan di London terhadap ancaman kepada keagungan Inggeris di Semenanjung. Kegiatan Jerman di Lautan Pasifik dan konsolidasi Perancis di Vietnam, Laos dan Kampuchea serta kebimbangan bahawa Siam akan jatuh ke tangan Perancis ataupun Jerman telah menyumbang kepada perasaan bimbang itu. Lihat *French Influence in South China and the Government of Johore – 1901*. (Sebahagian daripada surat Swettenham kepada Smith. CO537/455. PRO).

tetapi keadaan ini telah berubah pada tahun 1914. Seorang Penasihat Am Inggeris telah dilantik pada tahun itu sebagai satu langkah meletakkan Johor di bawah kawalan terus Inggeris.

Perlunya Mengawal Johor: Kemaraan British

Johor dan Inggeris mempunyai hubungan yang agak baik dan ramai rakyat Eropah datang bekerja di negeri itu, terutama pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Begitu juga sungguhpun Inggeris kelihatan berpuas hati mengawal Johor menerusi nasihat secara tidak formal, tetapi hakikatnya Inggeris menginginkan lebih daripada itu. Mereka ingin mengenakan kawalan yang lebih formal terhadap Johor, iaitu dengan meletakkan Johor di bawah pentadbiran dan pengaruh Inggeris sepenuhnya. Keinginan ini selaras dengan anggapan bahawa 'menjaga' anak tempatan merupakan satu tanggungjawab berat yang telah dikenakan ke atas Kerajaan Inggeris oleh tuhan dan dengan itu memberikan *... a noble opportunity for the diffusion of Christianity and civilization which it would be a disgrace to this country (England) to neglect.*[26] Sikap ini mula terserlah pada tahun 1879 apabila Gabenor Negeri-Negeri Selat pada masa itu, Sir William Robinson, mengemukakan cadangan kepada kerajaan Inggeris untuk menempatkan Residen British di Johor. Tujuannya adalah untuk membentuk kerajaan yang baik dan memajukan Johor. Sikap dan hasrat untuk menakluki Johor diteruskan dengan lebih agresif oleh Sir Frederick Weld (Thio, 1969:100–101), yang menganggap pemerintah Johor pada masa itu sebagai penghalang kepada cita-citanya memperluas kawasan kawalan Inggeris selaras dengan Dasar Kemaraannya. Sungguhpun pelbagai alasan[27]

---

26 H.G. Earl Grey, 1853. *The Colonial Policy of Lord John Russell's Administration*. Edisi Kedua. Jilid 2, hlm. 494. Petikan ini terdapat dalam Currey, C.H. *British Colonial Policy 1783–1915*. London. H. Milford. 1916:123.

27 Weld telah menggunakan alasan kepincangan pentadbiran di Johor, nasihat-nasihat yang tidak bertanggungjawab yang telah disampaikan kepada Maharaja oleh peguam-peguamnya serta bahaya pengaruh yang didatangkan oleh bangsa-bangsa asing. (Thio., 1969:101. Juga, Smith kpd. CO, 1 dan 6 Okt. 1884, CO 273/130; Weld kpd. Meade, 29 Ogos 1884, CO 273/132; Weld kpd. Lucas, 14 Mei 1885, CO 273/138. Semuanya di PRO.)

dikemukakan untuk meyakinkan Pejabat Tanah Jajahan supaya mengambil alih pentadbiran Johor, namun Weld gagal berbuat demikian kerana terdapat tanda-tanda organisasi yang baik dan progres yang memuaskan di Johor sementara pemerintahnya menunjukkan sikap sanggup menerima nasihat Inggeris.[28]

Keazaman Sultan Abu Bakar terutamanya untuk menghalang Inggeris daripada mencabuli kebebasan Johor dan baginda sendiri tidak menyenangkan pihak Inggeris, terutamanya Gabenor Weld.[29] Sungguhpun Pejabat Tanah Jajahan masih belum bersedia untuk mengambil alih pentadbiran Johor, namun untuk memastikan bahawa adanya kawalan tertentu, satu Perjanjian Setia yang baru telah dirundingkan semasa lawatan Maharaja Abu Bakar ke London pada bulan Mei, 1885 (lihat Lampiran D). Perjanjian itu memperakui bahawa hubungan antara Johor dan Inggeris itu bukanlah merupakan hubungan bercorak *suzerainty* dan pergantungan, tetapi bercorak persahabatan (Maxwell dan Gibson, 1924:125; Mejar Datuk Hj. Mohd. Said Sulaiman, 1956:41–44). Walau bagaimanapun, Perjanjian Setia ini telah memperluas pengawalan Inggeris ke atas Johor apabila segala urusan luar negeri Johor diserahkan untuk dikawal oleh Inggeris. Selain daripada itu Perjanjian Setia 1885 ini juga telah memberi laluan kepada Inggeris untuk melantik seorang ejen Inggeris yang peranan dan tanggungjawabnya menyamai seorang Pegawai Konsul (Maxwell dan Gibson, 1924:125). Sungguhpun Johor tidak ditakluk terus, naungan Inggeris semakin menjadi jelas. Maharaja Abu Bakar telah pula diperkenankan gelaran Sultan, sungguhpun gelaran itu dihadkan kepada negeri dan jajahan Johor sahaja.[30]

Cara dan sikap Temenggung melayan rakyat Inggeris di Johor juga dibangkitkan (Turnbull, 1964:172–175).

28 Smith kpd. CO. 5 Mac 1885. CO 273/133. PRO.

29 Azam Weld untuk meletakkan negeri-negeri Melayu di bawah Sistem Residen memang sudah termaklum. Hal ini bersama dengan perasaan 'benci'nya terhadap Maharaja memberikan alasan yang cukup untuk Maharaja bertindak sedemikian.

30 Perbincangan tentang permohonan Maharaja Abu Bakar menukarkan gelarannya kepada Sultan terdapat dalam utusan Gabenor S.S. kepada Pejabat

Selepas Perjanjian Setia 1885 ini, Sultan Abu Bakar semakin berazam untuk menjadikan Johor ... *the greatest Malay power, to keep her free and to make her rich.*[31] Baginda sering menekankan hak baginda sebagai seorang pemerintah yang bebas dengan status yang sekurang-kurangnya setaraf, kalaupun tidak lebih tinggi daripada Gabenor. Baginda melahirkan hasrat untuk dibimbing semata-mata oleh keperluan Johor dan tidak akan membenarkan kepentingan Singapura mengatasi keperluan itu. Sikap yang sedemikian tidak menyenangkan Singapura (Inggeris). Ringkasnya, tahun-tahun apabila pemerintah Johor berusaha menghalang Inggeris daripada mempengaruhi, mengambil alih dan mengawal negeri itu, seperti yang berlaku di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, merupakan jangka waktu yang amat genting dalam hubungan antara Johor dan Kerajaan Negeri-Negeri Selat.

Johor terletak di antara Singapura dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Dengan itu, Inggeris tidak berhasrat untuk membentuk satu dasar luar negeri semata-mata untuk Johor. Johor tidak boleh dibiarkan berkembang secara bersendirian sehingga ke tahap sukar untuk mengawalnya nanti. Sebaliknya, dalam keadaan kemajuan ekonomi yang pesat, perkembangan Johor mestilah selaras dan akur kepada yang terdapat di negeri-negeri kawalan Inggeris yang mengelilinginya[32] dan selaras dengan hasrat Inggeris untuk meningkatkan keagungannya di rantau itu.[33] Johor tidak boleh dibiarkan terus bebas sungguhpun negeri tersebut berusaha untuk kekal demikian.... *The question*

Kolonial Sulit. 14.8.1878. Juga dalam kertas minit fail tersebut, iaitu 'Request of the Maharajah of Johore to be recognized as Sultan'. CO273/95. Juga lihat fail bertajuk 'On title of Sultan to Maharaja of Johore'. CO537/45. Kesemua fail di PRO.

31 Lihat catatan (Jurnal) Clifford yang terkandung dalam Smith kpd. CO. 28 April 1887. CO 273/144. PRO.

32 Thio (1969:254) berpendapat bahawa Inggeris menyimpan hasrat bahawa Semenanjung dan Negeri-Negeri Selat "be inextricably knit together by a growing network of communications; by commercial, investments and other ties" supaya dapat memenuhi kepentingan dan pelaburan Inggeris dengan lebih baik lagi.

33 Apabila mengeluarkan kenyataan berhubung dengan negeri Perak dan dasar Kerajaan Inggeris tehadap negeri-negeri Melayu amnya, Gabenor

was not whether it (Johore) would be able to resist the spread of British control, but when and on what ground British would intervene (Thio, 1969:253). Dan sama ada ... *the state was brought into the British orbit by agreement or confrontation* (Buckley, 1984:vii).

Johor Menghalang Proses Pembaratan

Inggeris berhasrat mengawal Johor, tetapi laluannya tidaklah semudah yang disangkakan ataupun diharapkan. Melalui hubungan yang wujud dengan Inggeris di Singapura dan Negeri-Negeri Selat yang lain, pemerintah Johor berpeluang mengenali dan mempelajari corak pemerintahan dan diplomasi Inggeris. Penyesuaian terhadap tuntutan Inggeris yang semakin meningkat itu telah disusun berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka melihat pentadbiran Inggeris di Singapura yang juga diguna untuk menyusun corak serta mengukuhkan pentadbiran di Johor. Hakikat bahawa Temenggung bermastautin di Teluk Belanga[34] menyebabkan mudah baginya menerima kesan pengaruh Inggeris dan mendapatkan rundingan serta nasihat daripada saudagar dan peguam Barat di sana serta juga daripada pegawai-pegawai Inggeris lain secara peribadi untuk urusan pentadbiran harian Johor.[35] Menyedari akan niat Inggeris untuk mengawal Johor, pemerintahnya telah berusaha menghalang niat itu daripada

---

Jervois menyebut bahawa ... "these states must not be administered exclusively by the Malays, but that the British should establish such relations with them, and have such a voice in the general administration that the requisite security can be guaranteed". Dalam *Correspondence Relating to the Affairs of Certain Native States in the Malay Peninsula, 1875–1876.* State Secretary kpd. Legislative Council, 29 Okt. 1875, J/PEL.3.ANJ.

34 Temenggung Abdul Rahman dan pengikutnya, yang terdiri daripada keturunan Melayu dan Bugis, telah berpindah ke Teluk Belanga dari Kampung Gelam bagi mengatasi masalah pergaduhan yang sering berlaku antara orang asing di Singapura dengan pengikut Temenggung. (Mohamad Haji Alias, 1928:59; Buckley, 1969:107).

35 Hubungan baik yang dibina dengan saudagar Eropah yang berpengaruh di Singapura dan dengan pegawai kanan syarikat Inggeris, telah membolehkan Temenggung mengkonsolidasi kedudukan dan kepentingannya dengan bantuan mereka.

menjadi satu kenyataan dengan melaksanakan beberapa perubahan dalam corak pemerintahan. Usaha-usaha ini memperlihatkan kesan pengaruh Inggeris itu.

Temenggung Daing Ibrahim sedar akan faedah yang boleh diperolehi jika bekerjasama dan berbaik-baik dengan Kerajaan Singapura (Inggeris).[36] Sebagai kuasa yang terkuat dan berkuasa di rantau itu, Inggeris dianggap boleh memberikan perlindungan. Atas kesedaran itu pemerintah Johor (pemerintahan Temenggung Ibrahim dan kemudiannya Temenggung Abu Bakar) telah bersungguh-sungguh untuk membangunkan dan memajukan negeri itu. Sebarang kepincangan dalam pentadbiran boleh mengancam kemerdekaan Johor kerana Inggeris juga akan mengambil kesempatan itu untuk mengenakan dasar yang tentunya akan merugikan Johor. Maka, pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim memperlihatkan satu langkah penting ke arah 'membaratkan' Kerajaan Johor.[37] Proses pembaratan yang dijalankan oleh pemerintah boleh dianggap sebagai langkah per-

---

36 Sungguhpun Kerajaan Singapura tidak menyenangi Teluk Belanga menjadi pusat kerajaan Johor (Maharaja kpd. Gabenor Blundell. 7 Okt. 1856. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ.), namun hubungan diplomasi yang wujud antara dua kerajaan itu telah membolehkan Temenggung menetap di Singapura hingga tahun 1889, apabila Temenggung serta ramai kerabat dan pengikut setianya berpindah ke Johor. Menetapnya Temenggung di Singapura dianggap menimbulkan ketegangan dan Gabenor Negeri-Negeri Selat (Blundell dan kemudiannya Cavenagh) telah menggunakan berbagai-bagai tekanan dan alasan bagi mendesak Temenggung berpindah dari Singapura. Umpamanya layanan buruk yang didakwa dialami oleh nelayan Cina dan peniaga kecil dari Singapura oleh pegawai Johor, masalah lanun, hak rakyat Inggeris di mahkamah tempatan, masalah kawasan perairan dan kewarganegaraan. (Lihat Tem. Ibrahim kpd. Blundell. 20 Feb. 1858. Tem. Ibrahim kpd. Residen Kaunselor, Singapura. 27 Mac 1858. Tem. Ibrahim kpd. Kol. Cavenagh. 4 Okt. 1859. Tem. Abu Bakar kpd. Kol. Macpherson. 29 Mei 1862. (Semuanya terdapat dalam *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9.ANJ.) Juga, Gab. Blundell kpd. Tem. Ibrahim. 26 Mac 1856. SSR V20 Bil. 18; Gab. Blundell kpd. Setiausaha Kerajaan India. 12 Mei 1859. SSR R35 Bil. 76; Gab. Cavenagh kpd. Tem. Ibrahim. 12 Jun 1861. SSR V33 Bil. 207; Gab. Cavenagh kpd. Kerajaan India. 17 Julai 1861, SSR R39 Bil. 116. Semuanya terdapat di NLS).

37 Sebelum kedatangan Barat, Johor telah mengalami perubahan-perubahan tertentu, tetapi perubahan itu tidak menjejaskan struktur asas sosiopolitik tradisional.

tahanan. Melalui tindakan ini sistem tradisional cuba diperkuat dengan memasukkan unsur-unsur baru yang diambil dari Barat ke dalam sistem pentadbiran. Proses pembaratan itu telah dimulakan apabila beberapa teknik dan kaedah Barat telah digunakan untuk membentuk sistem pentadbiran Johor yang baru. Temenggung juga menggunakan perkhidmatan seorang Inggeris bernama W. Napier sebagai penasihat undang-undangnya (Turnbull, 1964:171), selain daripada berhubung rapat dengan saudagar-saudagar Inggeris serta Cina di Singapura.

Proses pembaratan yang telah diasaskan pada zaman pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim, telah diperhebatkan lagi semasa zaman pemerintahan Temenggung Abu Bakar.[38] Hal ini selaras dengan azam Temenggung yang semasa mewarisi Kerajaan Johor pada Januari 1862, telah mengeluarkan satu perisytiharan bahawa:

> *... it will be his greatest aim, with the blessing of God, aided by the friendship and good counsels of the British government, to rule his country so as to promote the welfare, prosperity and happiness of its inhabitants.*[39]

Pada tahun-tahun antara 1862 dan 1895 satu dasar 'membaratkan' kerajaan[40] dan pentadbiran Johor telah dimulakan untuk menambah kepada institusi Melayu yang sedia wujud.[41] Pengenalan dan penggunaan idea dan teknik Barat dalam pentadbiran

---

38 Semasa menggantikan Temenggung Daing Ibrahim, Ungku Abu Bakar memakai gelaran Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor.

39 Temenggung Abu Bakar kepada Kolonel Macpherson. 11 April 1862. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ.

40 Pada dasarnya Kerajaan Johor terdiri daripada pentadbir Melayu dan beberapa orang peniaga berbangsa Cina.

41 Sungguhpun wujud hubungan yang relatifnya baik antara Kerajaan Johor dan Singapura (Inggeris), namun tekanan untuk mengawal Johor terus berlaku. Abu Bakar amat menyedari akan hubungan sensitif (delicate) yang Johor perolehi *vis-a-vis* pegawai-pegawai Inggeris di Singapura dan tentang sikap Weld terhadapnya serta Kerajaan Johor. Menyedari akan keadaan ini pemerintah Johor cuba mewujudkan keadaan politik dalaman yang stabil, selamat serta mengadakan kemajuan sosioekonomi (Malik Munip, 1977:1). Sikap Weld itu menyebabkan Temenggung Johor bertindak untuk mengukuh dan mempertahankan kerajaan serta kedaulatannya.

itu telah diarah dan diawasi oleh Temenggung,[42] yang merupakan pemerintah penuh dengan dibantu oleh sekumpulan pegawainya.[43] Tujuan utama pemerintah dan penasihatnya adalah untuk mengekalkan kebebasan Johor dan menghalang tekanan-tekanan yang didatangkan dari luar dalam semua aspek – politik, sosial, ekonomi dan agama. Mereka juga tidak mahu bergantung kepada sama ada kerajaan ataupun pedagang Singapura.[44]

Temenggung Abu Bakar mempunyai perasaan setia terhadap Queen Victoria, walau bagaimanapun, mengikut Turnbull (1964:175), baginda tetap berazam mengekalkan kebebasan Johor, meningkatkan kemakmuran negeri itu serta memastikan pihak Inggeris tidak mempunyai apa-apa alasan atau sebab untuk merungut. Baginda amat menyedari bahawa *survival diplomacy* tidak mencukupi untuk menyelamatkan Johor daripada campur tangan dan kawalan Inggeris. Johor juga memerlukan sebuah kerajaan dan sistem pentadbiran yang lebih cekap, kawalan yang

---

42 Gelaran Temenggung Sri Maharaja itu telah ditukar kepada Maharaja pada tahun 1868 (Gabenor Ord kpd. CO. 10.2.1868. CO273/17. PRO dan Abu Bakar kepada Gabenor Ord. 30.6.1868. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ.) dan kemudian melalui Persetiaan 1885, gelaran Maharaja itu ditukar sekali lagi kepada Sultan (Telegraf CO kepada Gabenor SS. 8.8.1878. CO537/45 dan Gabenor Robinson kepada CO. Sulit. 14.8.1878. CO273/95. PRO).

43 Pegawai-pegawai itu adalah seperti:

Jaafar b. Mohamad, Datuk Menteri Besar
Abdul Rahman b. Andak, Datuk Sri Amar Diraja
Md. Salleh b. Perang, Datuk Bentara Luar
Mohammed Ibrahim b. Munshi, Datuk Bentara Dalam
Jaafar b. Nong Yahya, Datuk Penggawa Timur
Abdul Samad b. Ibrahim, Datuk Penggawa Barat
Abdullah Tahir, Datuk Sri Setia Raja

Mereka merupakan orang setia Temenggung (atau keturunan mereka) semenjak zaman Teluk Belanga lagi. (Lihat Trocki, 1979:157). Pegawai-pegawai ini berupaya menggabungkan cara-cara pentadbiran Inggeris dengan kerajaan Melayu tradisional. Gray (1978:49) berpendapat bahawa "*... when Abu Bakar carried through the work his father had begun, translating Johore's governance into bureaucratic forms, this elite adapted, willingly taking on prescribed administrative responsibilities without abandoning older obligations of personal service.*"

44 Untuk tujuan ini muslihat politik dan inovasi dianggap perlu di semua peringkat kerajaan.

lebih berkesan ke atas wilayah di luar Johor Bahru dan hasil negeri yang lebih tinggi. Baginda percaya bahawa keperluan tersebut boleh dipenuhi dengan menggunakan idea dan teknik Barat oleh sebuah kerajaan yang juga mirip Barat. Lawatan baginda ke beberapa buah negara di Eropah dan Asia memperluas pengalaman serta fikiran baginda bagi meningkatkan cita-cita baginda untuk memajukan Johor seperti negara yang pernah baginda lawati.

Langkah-langkah yang diambil untuk 'membaratkan' Johor dianggap berjaya sehinggakan Gabenor Ord[45] menganggap pentadbiran pada masa pemerintahan Abu Bakar itu sebagai ... *in accordance with the practice of civilized nation. He is deeply attached to the British government and nation.* Temenggung juga berjaya menarik perhatian Lord Carnavon, yang menganggap beliau sebagai ... *a Native Prince accepting western civilization and throwing himself actively into the work of civilizing his country.*[46]

Sungguhpun tidak terdapat apa-apa usaha pada awal tahun-tahun 1870-an untuk mengenakan kawalan yang lebih formal ke atas pengurusan hal ehwal Johor, keinginan itu terus membara sebagaimana dibuktikan oleh kenyataan-kenyataan rasmi yang kritis terhadap pemerintahan Temenggung.[47] Inggeris menyedari hakikat bahawa sungguhpun pemerintah Johor bekerjasama dengannya dan mendengar nasihatnya, namun pada masa yang sama usaha dijalankan untuk membina dan mengukuhkan kewibawaan dan kepentingan Johor bebas daripada koloni Inggeris.

Organisasi Kerajaan Berperlembagaan Johor

Sebagai satu langkah 'membaratkan' kerajaan dan menjalankan

---

45 Gab. SS kpd. Setiausaha Kerajaan Negeri. 10 Feb. 1868. CO273/17. PRO.

46 Ucapan Lord Carnarvon di House of Lords. 27 Mei 1879. Lihat juga Thio, 1969:99.

47 Lihat Robinson kpd. CO. 29 April 1879. CO273/101. PRO. Robinson berpendapat bahawa negeri yang ditadbir oleh Residen Inggeris adalah lebih baik berbanding pemerintahan indigenes di Johor. Juga, Weld kpd. CO. 23 Nov. 1880. CO273/105. PRO.

pemerintahan negeri sebuah Majlis Mesyuarat[48] telah dibentuk dengan mempunyai peraturan-peraturan kerja yang mirip Barat. Majlis ini dicorak mengikut bentuk yang terdapat di Westminster, iaitu pusat parlimen dan kerajaan Inggeris. Namun demikian, bentuk itu diubah suai supaya sesuai dengan konsep tradisional sebuah negara yang merdeka. Majlis ini juga mempunyai sedikit saja fungsi berbanding dengan yang ada di Barat.

Mesyuarat Kerajaan terdiri daripada ahli[49] yang dipilih dan dilantik oleh Raja. Pada tahun 1873[50] Mesyuarat Kerajaan terdiri daripada 20 orang ahli termasuk Wakil Mutlak Raja sebagai Yang Dipertua, bekas Residen Iskandar Puteri, Residen Penggerang, Setiausaha Kerajaan, Majistret, Pesuruhjaya Polis Johor, Ketua Jabatan Laut, Residen Senggarang, Imam, Residen Tanjung Surat, Penguasa Lombong di Sedili, Pemajak Candu dan Arak Johor dan Kapitan Cina. Badan ini berperanan sebagai penasihat kepada baginda, yang pula merupakan Presiden Majlis serta mempunyai kuasa membuat keputusan. Badan ini juga bertindak sebagai Badan Perundangan dan meluluskan segala peraturan serta undang-undang negeri Johor. Bahkan, pada tahun 1863 Mesyuarat Kerajaan ini telah diarah menyemak Kod Undang-undang Johor supaya ... *more conformable to European*

---

48 Majlis Mesyuarat ini kemudiannya dikenali sebagai Mesyuarat Kerajaan dan dianggotai oleh pembesar-pembesar Johor yang dikenali sebagai Ahli Mesyuarat Johor. Majlis ini dipengerusikan oleh Wakil Mutlak Maharaja Johor. Sungguhpun tidak diketahui tarikh sebenar tertubuhnya Majlis ini, tetapi dapat dipastikan bahawa ia telah wujud pada tahun 1863 kerana pada tahun itu Majlis itu diarahkan supaya menyemak semula undang-undang yang terdapat dan diamalkan di Johor (Abu Bakar kpd. Burn., 26 Sept. 1863. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9.ANJ.). Maklumat awal tentang Ahli Mesyuarat ada disebut di dalam *The Singapore and Straits Calendar and Directory, 1873* di bawah tajuk 'Johore, Malayan Peninsula', hlm. 1–7. NLS.

49 Sebelum 1914 ahli-ahlinya mestilah dari kalangan rakyat Johor, tetapi tidak semestinya Melayu atau beragama Islam. Selepas 1914, Mesyuarat Kerajaan itu ditambah ahlinya yang tidak semestinya rakyat Johor. Tambahan ini adalah untuk melicinkan kemasukan pegawai-pegawai Inggeris dan lain-lain sebagai ahli. Semua Ketua Jabatan adalah ahli Mesyuarat Kerajaan ini. (Lihat Hill, 1878:14).

50 *The Singapore and Straits Calendar and Directory*, 1873:1–7. NLS.

ideas.[51] Sebelum ini dalam laporannya ke Calcutta, Gabenor Cavanagh telah mengemukakan pendapatnya tentang undang-undang di Johor. Menurut beliau ... *there was no law or even an approach to any system of law ... the government is a complete despotism and the will of the Temenggung is supreme* (Turnbull, 1972:286).

Hasil titah Sultan itu, undang-undang Johor yang pada mulanya diasaskan kepada undang-undang Islam telah diubah suai kepada undang-undang Inggeris bertujuan mengatur dan mengawal pentadbiran negeri. Undang-undang jenayah Johor telah diteliti, diperbetul dan disesuaikan oleh pihak Inggeris bagi menghapuskan sebarang rungutan tentang layanan buruk terhadap rakyat British yang dihadapkan ke mahkamah Jenayah Johor (Mejar Datuk Hj. Mohd Said Sulaiman, 1940). Boleh dikatakan secara umum bahawa ahli Majlis adalah semuanya Melayu beragama Islam kecuali dua orang bangsa Cina. Pelantikan dua orang ini menandakan pengiktirafan Johor terhadap peranan penting yang mereka mainkan dalam membangunkan ekonomi negeri, terutamanya industri gambir dan lada hitam.

Struktur ini berterusan hingga 1895 apabila ia dibahagikan kepada dua iaitu Majlis Negeri atau Mesyuarat Kerajaan (*Council of State*), yang mempunyai kuasa legislatif dan Jemaah Menteri, yang mempunyai kuasa eksekutif serta merupakan badan yang menentukan dasar kerajaan. Perlembagaan Negeri 1895 telah menetapkan bilangan ahli Mesyuarat Kerajaan kepada 16 orang termasuk kerabat raja, menteri-menteri dan pegawai-pegawai besar yang lain, ketua-ketua Jabatan yang kanan dan tokoh agama. Ahli-ahli ini dilantik oleh Sultan atas nasihat Jemaah Menteri. Walau bagaimanapun, ahli-ahli itu tidaklah semestinya terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam, tetapi mestilah merupakan rakyat Johor (Perlembagaan Negeri: Fasal 47). Mereka yang dilantik itu pula diperlukan mengangkat sumpah setia kepada Raja dan Kerajaan (*ibid.*: Fasal 48).

---

51 Abu Bakar kpd. Burn. 26 Sept. 1863. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ.

Mesyuarat Kerajaan ini dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua Mesyuarat Kerajaan[52] dan berfungsi "membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat" (Perlembagaan Negeri: Fasal 49). Mesyuarat Kerajaan ini juga bertindak sebagai Mahkamah Keadilan dan Rayuan Yang Paling Tinggi (The Most Exalted Court of Justice and Appeal).[53] Fasal ke-54 dan ke-55 Perlembagaan Negeri menetapkan pula bahawa keputusan yang dicapai dalam sidang Mesyuarat Kerajaan disembahkan kepada Sultan untuk diperkenankan dan ditandatangani. Sekiranya perkenan tidak diperolehi, maka sesuatu ketetapan itu harus dibincangkan semula. Hal ini boleh berulang selama tiga kali dan pada kali keempat Sultan harus perkenan dan meluluskan ketetapan itu.

Jemaah Menteri pula terdiri daripada lapan hingga dua belas pegawai-pegawai kanan kerajaan yang juga menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan. Mereka terdiri daripada bangsa Melayu, rakyat Johor dan beragama Islam (Perlembagaan Negeri: Fasal 30) dan dilantik oleh Raja. Pada tahun 1895 masih terdapat antara ahli-ahli yang pernah berkhidmat semenjak dari zaman Teluk Belanga lagi. Seperti ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, ahli-ahli Jemaah Menteri juga dikehendaki mengangkat sumpah setia kepada Raja dan kerajaan. Jemaah Menteri ini berperanan ... "menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan yang khas kepada Raja" dan dengan itu ... "Raja harus mengambil syor fikiran dan ikhtiar daripada Jemaah itu dalam segala pekerjaan dan perkara yang berkenaan dengan faedah-faedah negeri dan rakyat" (Perlembagaan Negeri: Fasal 42). Persetujuan yang dicapai dalam sidang Jemaah Menteri disembahkan kepada Sultan untuk diperkenankan. Keputusan itu kemudiannya dimaklumkan menerusi Pemberitahu Kerajaan dan Surat Titah Perintah dan dilaksanakan.

Menerusi pindaan dan penambahan yang dibuat terhadap Perlembagaan Negeri pada tahun 1912, sebuah badan lain telah

---

52 Dalam tahun-tahun 1860-an dan 1870-an Mesyuarat Kerajaan telah dipengerusikan oleh Wakil Mutlak Maharaja Johor.

53 *The Straits Calendar and Directory*, 1901:321. NLS.

ditubuhkan yang menyebabkan Jemaah Menteri hilang kuasa eksekutifnya, bahkan hanya menjadi sebuah Badan Penasihat. Majlis Kerja Dewan ditubuhkan pada tahun 1912 bertujuan membolehkan Penasihat Am British melibatkan diri dalam urusan pelaksanaan dasar kerajaan Johor. Sultan sendiri yang menjadi Yang Dipertuanya. Majlis ini bertanggungjawab dalam hal-hal rutin umum kerajaan, memperkenalkan undang-undang baru dan hal-hal lain yang penting, selain peranannya yang lebih khusus iaitu, menimbang semua permohonan untuk mendapatkan tanah pertanian dan lombong, semua kontrak dan sebut harga untuk kerja raya (Mejar Datuk Hj. Mohd. Said Sulaiman, 1950:80). Ringkasnya, menjelang tahun 1922, telah terbentuk tiga badan dalam pemerintahan Johor: Majlis Negeri (legislatif), Majlis Kerja Dewan (eksekutif) dan Jemaah Menteri (penasihat).

Penyusunan Semula Organisasi Kerajaan: Peningkatan Birokrasi

Di Teluk Belanga pentadbiran negeri diuruskan melalui tiga jabatan:[54] Pejabat Temenggung Johor, Pejabat Bakal Raja ... "yang menjalankan segala pekerjaan negeri berkenaan dengan orang putih dan Kerajaan" (Mohamad Hj. Alias, 1928:77) dan Pejabat Menteri Besar atau dikenali juga sebagai pejabat Urus Setia Negeri. Tiga jabatan ini memperlihatkan amalan birokrasi yang semakin terserlah semasa zaman pemerintahan Abu Bakar dan Ibrahim serta selepas bertapaknya Inggeris. Melalui tiga jabatan awal ini Temenggung Daing Ibrahim telah cuba mengadunkan cara pentadbiran yang terdapat di Singapura dengan sistem pentadbiran tradisi.

Penyusunan semula organisasi kerajaan bermula dengan pemindahan secara rasmi pusat pentadbiran Johor dari Teluk Belanga ke Tanjung Puteri pada tahun 1866[55] bertujuan me-

---

54 Tiga jabatan ini kemudiannya mengasaskan penubuhan jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

55 Pentadbiran Johor dari Teluk Belanga telah menimbulkan masalah perhubungan dan perbezaan antara undang-undang yang diamalkan di Singapura

wujudkan satu sistem pentadbiran yang baik, cekap dan serupa dengan yang terdapat di Singapura. Sungguhpun Maharaja hanya berpindah ke Johor pada tahun 1889, namun pembinaan sebuah pusat pentadbiran Kerajaan Johor telah dirancangkan semenjak zaman Temenggung Daing Ibrahim lagi. Perjalanan pemerintahan Temenggung di Johor dibantu oleh Wakil Mutlak Maharaja Johor yang telah dilantik pada tahun 1866.[56]

Selaras dengan pembinaan pusat pentadbiran yang baru itu, sistem pentadbiran telah disusun semula bagi memastikan kemajuan negeri. Tujuan penyusunan semula ini ialah menyelaras dan melicinkan pentadbiran untuk memperolehi kecekapan yang semakin diperlukan memandangkan 'bahaya' yang mengancam negeri itu dari luar.[57] Seorang Residen Iskandar Puteri (Tanjung Puteri) bersama-sama beberapa orang pegawai dilantik bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyusunan semula sistem pentadbiran kerajaan itu (Mohamad Hj. Alias, 1928:67). Seorang pegawai perkhidmatan penjajah juga dipinjamkan kepada Johor untuk membantu usaha penyusunan semula itu (Cowan, 1967:261) selain penasihat-penasihat asing yang lain.

Langkah penting penyusunan semula ini ialah untuk menggantikan jabatan tradisional kerajaan dengan jabatan jenis Barat. Jabatan-jabatan lama disusun semula dan yang baru dibentuk untuk menjalankan fungsi-fungsi baru negeri itu. Dengan itu, 'negeri' disusun dan ditadbir mengikut cara-cara yang terdapat di jajahan Inggeris di Singapura. Menjelang tahun, 1873, 'negeri' telah pun mempunyai beberapa jabatan yang lebih khusus berhubung dengan kewangan, undang-undang, polis, penjara, survei, laut, kesihatan, pelajaran dan kereta api yang diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan.[58] Jabatan-jabatan ini

---

dan di Johor (Blundell kpd. Gabenor Jeneral. 12 Mei 1859. SSR R35 Bil. 76). NLS.

56 Temenggung Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat. 20 Mac 1066. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ.

57 Yang paling bahaya ialah hasrat Inggeris yang terus meningkat untuk menguasai dan mengawal Johor.

58 Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Pelajaran, Jabatan Ukur (Survei), Mahkamah Polis, Jabatan Penjara, Jabatan Laut (Marine), Jabatan Keretapi, Jabatan Perubatan. (Lihat SSCD, 1873:1–3. NLS).

diketuai oleh pengikut-pengikut setia dan orang kepercayaan Temenggung.[59] Mereka juga menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan (Hill, 1878:14; CDSS 1873:1). Orang Barat juga diambil dalam perkhidmatan kerajaan termasuk guru, doktor, pegawai tentera, jurutera dan juruteknik. Terdapat juga jabatan tertentu yang diketuai oleh mereka.[60] Selain itu, teknik-teknik operasi Barat juga diambil untuk digunakan.

Selaras dengan hasrat pemerintah untuk menolak usaha British menguasai kerajaan Johor, tempoh hingga tahun 1895 memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam organisasi pentadbiran kerajaan dengan pengkhususan tugas semakin meningkat. Jentera pentadbiran dibentuk, disusun dan diperbaiki serta dikhususkan lagi berdasarkan model Barat. Banyak jabatan baru dibentuk atau dikembangkan termasuk Jabatan Datuk Menteri.[61] Jabatan Tanah dan Kerja Raya, Perbendaharaan, *Johore Arsenal*, Jabatan Pos, Jabatan *Steam Saw Mills*, dan Jabatan *Commissariat* (SSD, 1874). Dengan itu, pada tahun 1885 telah terdapat berbagai-bagai Jabatan termasuk Perbendaharaan, Mahkamah Tinggi, Kerja Raya, Penjara, Laut, Perubatan, Pos, Pelajaran, Polis, Ukur, Tanah, Percetakan Kerajaan dan Istana (SSD, 1885:168–169). Jabatan Tentera atau lebih dikenali sebagai

---

59 Sungguhpun demikian mereka mempunyai pengetahuan membaca, mengira dan menulis. Kebanyakan mereka berasal daripada Teluk Belanga dan mempunyai pendidikan asas Sekolah Melayu di sana serta di Keasberry's Mission School. (Lihat Muhamad Ibrahim Munshi, 1956:12; Mohamad Hj. Alias, 1928).

60 Umpamanya James Meldrum merupakan Pengarah Johor Arsenal, F.R. Boultbee selaku Ketua Jurutera Kerajaan, R.R. Reid, seorang akauntan sebagai Guru Besar di Johor Free School (SSCD, 1873:1–3). T.R. Kerr sebagai Penguasa Jabatan Laut (SSD, 1883:127). A.J.M. Bently selaku Ketua Pegawai Perubatan (SSD, 1882:127). W.F. Garland seorang Pesuruhjaya Kerja Raya dan Penjara. Tujuan Kerajaan Johor menggunakan perkhidmatan bangsa Eropah (Inggeris khususnya) secara umumnya ialah guna membantu mengemaskinikan sistem pentadbirannya. Inggeris pula tidak menolak kesempatan untuk menguruskan Johor ... "on the lines of the British Colony" (Thio, 1969:244).

61 Iaitu Jabatan untuk Menteri Besar yang diwujudkan semula pada tahun 1881. Menteri Besar merupakan Ketua Pentadbiran Kerajaan.

Askar Timbalan Johor, telah ditubuhkan pada tahun 1885 (*Johore Military Forces* atau *JMF*). Penubuhan JMF ini adalah untuk ... "melawan apa-apa kesusahan jika berlaku dalam negeri" (Mejar Datuk Hj. Mohd. Said Sulaiman, 1952:2) dan untuk mempertahankan kedudukan Johor sebagai sebuah negeri yang merdeka (Ahmad Fawzi Basri, 1988:72). Bagi merintis penubuhan pasukan JMF, Kapten C.C. Newland telah dilantik sebagai komandan. Ringkasnya, sehingga tahun 1885, bahagian pentadbiran telah disusun lebih lengkap, rapi dan kemas bagi memastikan kemajuan negeri dan menjelang 1895, iaitu pada tahun Perlembagaan Negeri dimaktubkan, sudah pun wujud sebuah kerajaan yang tersusun dengan Menteri Besar sebagai ketua pentadbirannya. Pada tahun 1909 pula, iaitu menjelang Inggeris bertapak secara formal di Johor pada tahun 1910, bilangan Jabatan telah semakin bertambah dengan fungsi-fungsinya yang lebih khusus.[62]

Johor juga mula memajukan pentadbirannya di peringkat jajahan (SSD, 1901:321)[63] dengan setiap satunya diketuai oleh seorang Ketua Residen (gelaran sebelum 1885) atau Pesuruh-Jaya Kerajaan (gelaran selepas 1885)[64] sebagai ketua pentadbir dan wakil raja dan dibantu oleh beberapa pegawai lain. Agar kedudukannya lebih teguh, Johor menyusun dan menyatukan jajahannya bertujuan menjadi sebuah negeri mirip Barat. Pemusatan pentadbiran jajahan didasarkan kepada satu struktur dan sistem yang meliputi jajahan, residensi dan kawasan-kawasan penempatan. Selain daripada menubuhkan pelbagai jabatan untuk melicinkan perjalanan pentadbiran, beberapa sistem lain juga diamalkan untuk mentadbirkan jajahan itu seperti sistem

---

62 Pada masa ini dalam pentadbiran Johor telah terdapat antara lain Jabatan-jabatan Tentera, Tanah Lombong, Hal Ehwal Cina, Agama, Kerja Raya, Jabatan Ukur, Keretapi Johor, Ladang Diraja, Pendaftaran, Kehakiman dan Mahkamah Tinggi, Pelajaran, Pertanian dan Perhutanan, Perbendaharaan, Audit, Polis, Penjara, Perubatan, Laut, Imigrasi India, Percetakan dan Pos (SSD, 1909).

63 Seperti Bandar Maharani (Muar) dibuka pada 1884, Bandar Penggaram (Batu Pahat) pada 1893.

64 Pembangunan dan kemajuan dalam setiap residensi dan jajahan telah menyebabkan taraf Ketua Residen ditukar kepada Pesuruhjaya Kerajaan.

residen,[65] sistem penghulu dan Sistem Kangcu.

Selain daripada Wakil Mutlak Raja, pada tahun-tahun 1860-an dan 1870-an, negeri Johor telah dibahagi kepada Jajahan Barat[66] dan Jajahan Timur,[67] dengan masing-masing jajahan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Jajahan yang merupakan wakil raja dan bertanggungjawab terus kepada baginda dalam hal-hal pentadbiran, pertahanan, keadilan, kewangan dan kepimpinan secara umum di peringkat tempatan. Pelantikan Pesuruhjaya Jajahan ini meringankan tugas Wakil Mutlak Maharaja, yang tidak perlu lagi memeriksa jajahan dan daerah takluk Johor. Tugas itu diambil alih oleh Pesuruhjaya Jajahan. Jajahan dibentuk berdasarkan penggunaan sungai-sungai utama negeri sebagai alat perhubungan dan komunikasi. Sebuah penempatan lazimnya wujud di muara sungai untuk memudahkan kawalan yang berkesan terhadap mereka yang menggunakan sungai utama itu. Setiap jajahan terdiri daripada beberapa buah residensi yang diketuai oleh seorang Residen, yang dilantik oleh raja. Pada awal penubuhan sistem pentadbiran residen ini jawatan Residen disandang oleh orang Maharaja Johor yang berasal dari Teluk Belanga dan mempunyai pendidikan asas sekolah Melayu. Gaji Residen dibayar oleh Kerajaan Johor selain daripada dibenarkan menerima komisen daripada tauke kebun atau pelombong yang berurusan di residensinya itu (Muhamad Ibrahim Munshi, 1956:5).

Residensi boleh dianggap sebagai asas kewujudan daerah sebagai unit pentadbiran yang baru, terutamanya selepas konsep sempadan yang lebih jelas diperkenalkan. Bilangan residensi yang terdapat dalam sesebuah jajahan adalah bergantung pada saiz jajahan itu. Pada tahun 1874 telah terdapat 13 residensi: 6 buah di Jajahan Barat dan 7 buah di Jajahan Timur, iaitu Endau, Sedili, Pengerang, Tanjung Surat, Johor Lama, Lenggi, Pasir

---

65 Mengikut Ahmad Fawzi Basri (1988:56) dalam pentadbiran Johor, pegawai yang dilantik sebagai Wakil Kerajaan di sesebuah kawasan digelar Naib atau 'kepala yang menjaga tempat'. Kerajaan Johor telah menterjemahkan 'Naib' itu sebagai Residen.

66 Meliputi Sungai Muar dan kawasan pantai barat Johor.

67 Meliputi Endau dan kawasan pantai timur Johor.

Gudang, Tanjung Kupang, Tanjung Bulas, Senggarang, Batu Pahat, Padang dan Muar (SSD, 1874:233–239). Di peringkat awal pelaksanaan sistem residen ini, yang diperkenalkan pada tahun 1858 (Ahmad Fawzi Basri, 1988:41) kawasan pentadbiran Residen tidak mempunyai sempadan yang tetap. Bahkan, fungsi Residen adalah lebih untuk memungut hasil keluaran yang menggunakan sungai yang berada di bawah jagaannya. Sehubungan dengan tanggungjawab ini, Residen dikehendaki menyimpan rekod-rekod cukai import dan eksport di kawasannya untuk tujuan pemeriksaan. Residen juga mempunyai kuasa polis dan syahbandar (Ahmad Fawzi Basri, 1988:42). Untuk menjalankan tugas-tugas ini dengan lebih berkesan dan cekap lagi, setiap residensi ditempatkan di kawasan tebing kuala sungai atau persimpangan sungai. Penentuan sempadan setiap residensi adalah berasaskan sungai-sungai penting dari segi pengeluaran hasil hutan serta gambir lada dan dengan itu, adalah tidak jelas. Residensi dibentuk untuk meningkatkan kawalan peringkat lokal dan merupakan titik hubungan antara kerajaan pusat dan rakyat jelata. Pegawai-pegawai di peringkat jajahan melaksanakan arahan yang diterima daripada pusat dan Pesuruhjaya Kerajaan.

Hasil perkembangan dan kemajuan dalam residensi menyebabkan beberapa buah daripadanya ditukar taraf dengan ketua residensinya dijadikan Pesuruhjaya Kerajaan, kecuali jajahan Endau yang diketuai oleh Naib Endau. Pesuruhjaya Kerajaan merupakan Wakil Raja dan bertanggungjawab kepada Setiausaha Kerajaan. Selain daripada menjaga wang dan harta kerajaan mereka berperanan ... "mentadbir dan mengerjakan perintahan (di jajahan dan daerahnya) serta memandang, menjaga dan memikirkan kesempurnaan hal-hal kedudukan dan keselamatan rakyat-rakyat kita sekalian orang daripada segala bangsa atau agama yang bernaung di bawah kekuatan undang-undang kerajaan kita di dalam Luak yang tersebut".[68] Pada tahun 1895 telah

68 Abdul Rahman Andak kepada Sultan Johor. 26 April 1899. *Salinan Surat Datuk Menteri*. J/SUK11. ANJ.

terdapat lima buah jajahan: Jajahan Barat, Jajahan Timur, Jajahan Muar-Kesang, Jajahan Batu Pahat dan Jajahan Endau. Ketua-ketua pentadbiran jajahan pula diketuai oleh Pesuruhjaya Besar Kerajaan bagi Jajahan dan Daerah-daerah dengan tugas-tugas yang telah ditetapkan[69] (lihat Lampiran E).

Oleh kerana jajahan merupakan unit pentadbiran yang agak besar saiznya, unit pentadbiran baru, iaitu daerah telah dibentuk bertujuan melicinkan pentadbiran jajahan. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada saiznya, tidak semua jajahan mempunyai unit daerah di dalamnya. Contohnya jajahan Endau. Setiap daerah pula diketuai oleh seorang Pegawai Daerah yang bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Kerajaan jajahannya.[70] Dalam susunan sistem pentadbiran jajahan ketika itu, jajahan merupakan unit pentadbiran yang terbesar dan diikuti oleh unit daerah. Namun, apabila Inggeris berjaya mengawal Johor secara formal pada tahun 1910, kedua-dua jajahan dan daerah itu disatukan menjadi daerah. Perubahan ini dilakukan sebagai langkah menyeragamkan kaedah dan organisasi pentadbiran Johor supaya selaras dengan negeri-negeri Melayu naungan Inggeris yang lain.

Organisasi jajahan tidak berakhir pada peringkat residensi sahaja. Sungguhpun pentadbiran secara langsung terhenti pada peringkat itu, kawalan ke atas individu cuba dikenakan pada peringkat kawasan penempatan yang lebih kecil. Pentadbiran pada peringkat residensi dan penempatan yang lebih kecil ini membolehkan penglibatan secara langsung elit pemerintah pada peringkat lokal.

Dalam tiap-tiap residensi terdapat beberapa buah kawasan penempatan. Penempatan ini kini digelar kampung yang merupakan unit yang paling kecil dalam keseluruhan sistem pentadbiran di Johor. Pada mulanya, kawasan penempatan ini muncul berasaskan sistem sungai, parit dan bukit dan tidak berasaskan

---

69 Menteri Besar kepada Ungku Daud Sulaiman. 22 Sept. 1895. *Salinan Surat Titah Perintah*. J/RAJA8. ANJ.

70 Setiausaha Kerajaan, Datuk Amar kepada Pesuruhjaya Kerajaan Muar. 31 Disember 1895. *Salinan Surat Datuk Menteri*. J/SUK11. ANJ.

sempadan yang khusus. Masing-masing kawasan itu pula diketuai oleh penghulu atau Orang Kaya Setia, yang merupakan jawatan warisan kerana ... "darihal hendak mengganti penghulu itu hendaklah dipilih akan kerabat (Penghulu itu) terlebih dahulu daripada yang lain. Jika ada kekurangan sedikit pun baiklah daripada orang lain".[71] Penghulu menerima Surat Tauliah daripada Raja. Amalan melantik penghulu ini telah bermula semenjak tahun 1811 lagi di Singapura dan biasanya perlantikan Penghulu atau Orang Kaya Setia dibuat kepada mereka yang meneroka dan memajukan sesebuah kawasan. Bahkan Raja menetapkan bahawa ... "barang siapa yang membelanjakan hutan aku itulah yang akan memerintah kawasan dan kampung itu".[72] Walau bagaimanapun, kawasan penempatan ini boleh juga dibuka dengan izin atau pemberian penghulu atau Orang Kaya di sesebuah kampung penghulu yang asal atau kawasan penghulu yang berhampiran (Ahmad Fawzi Basri, 1988:47). Sebagai wakil raja yang memerintah sesebuah atau beberapa kawasan penempatan dan bertanggungjawab terus kepada Raja, penghulu berkuasa ke atas tanah di bawah jagaannya.

Seiring dengan sistem penghulu bagi mentadbir penduduk Melayu di peringkat lokal, terdapat sistem kangcu bagi mentadbir dan mengawal pekerja-pekerja Cina di ladang-ladang gambir dan lada hitam.[73] Sistem kangcu ini telah bermula kira-kira pada tahun 1840-an apabila kegiatan perladangan gambir-lada dimulakan di Johor. Unit pentadbiran sistem ini ialah kangkar[74] yang diketuai oleh seorang kangcu (tuan sungai). Kangcu menguasai sesebuah batang sungai kecil dan tanah di kedua-dua belah tebing sungai itu. Ia juga berperanan sebagai seorang ketua polis di kangkarnya itu. Kesemua kangkar dibuka dengan kebenaran bertulis Kerajaan melalui 'Surat Sungai' yang boleh dianggap

---

71 Surat Menteri Besar kepada Ungku Muhamad Khalid. 22 Ogos 1899. *Salinan Surat Datuk Menteri*. J/SUK11. ANJ.

72 Penghulu Hj. Omar Kassim kepada Pesuruhjaya Besar. 3 Mac 1900. *Daftar Pengaduan Timur Barat*. ANJ.

73 Perihal sistem kangcu ini dihuraikan dengan lebih teliti dalam Bab 4.

74 Merujuk kepada kawasan ladang gambir dan lada hitam.

sebagai 'Surat Tauliah'.[75] Kesemua kangcu diletakkan pula di bawah pengawasan seorang Kapitan Cina Johor.

Hasil penyusunan semula sistem pentadbiran di Johor pada tahun-tahun 1860-an, peranan dan kuasa kangcu telah dikurangkan kepada menjadi seorang tauke ataupun pengurus kangkar. Pada 1873 Kanun Kangcu telah dilaksanakan bagi melicinkan lagi pentadbiran. Kanun ini menerangkan darihal tanggungjawab pentadbiran seorang kangcu, yang mentadbir bagi pihak kerajaan. Selain daripada Kanun 1873 itu, terdapat juga Undang-undang Kesejahteraan kerana Gambir Lada (1868) dan Undang-undang Nombor Satu kerana Memelihara Hak yang Bergantungan atas Gambir Lada (1875).

Selain daripada dua orang wakil golongan Cina di dalam Mesyuarat Kerajaan, terdapat juga pentadbiran untuk mengurus hal ehwal penduduk Cina di peringkat lokal. Sistem kangcu diamalkan untuk mengawal dan menjaga hal ehwal penduduk Cina, tetapi pada tahun 1904 apabila kegiatan menanam gambir-lada mula merosot Bahagian Hal Ehwal Orang Cina ditubuhkan dan ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SSD, 1904:346). Hal ini menunjukkan bahawa sungguhpun di peringkat lokal terdapat pentadbiran orang Cina dipisahkan daripada pentadbiran indigenes yang utama, namun kerajaan tetap berkongsi tanggungjawab mentadbir mereka. Kemerosotan hasil eksport gambir dan lada hitam serta penukaran tanaman kepada getah telah menyebabkan sistem kangcu menjadi kurang berkesan untuk terus menjaga dan mengurus hal ehwal orang Cina. Sebagai gantinya Bahagian Hal Ehwal Orang Cina disusun semula menjadi Jabatan Pelindung Orang Cina dan Monopoli Candu (*Johore Estimate*, 1914:44). Perkembangan jabatan ini pula ke peringkat jajahan dan perluasan tanggungjawabnya menyebabkan bukan saja nama jabatan ditukar lagi menjadi

---

75 Lihat *Buku Daftar Surat Keterangan Membuka Kebun. (Jawi) 1260–1320 Hijrah (1844–1903)* dan *Buku Daftar Keterangan Membuka Kebun Gambir dan Lada Hitam. (Jawi) 1298–1325 Hijrah (1880–1907)*. J/SUK13. ANJ. Untuk keterangan lebih lanjut tentang sistem kangcu ini lihat antara lain Coope (1936), Elcum (1912), Ahmad Fawzi Basri (1984), Jackson (1965), Trocki (1975, 1979) dan Turnbull (1959).

Pejabat Pelindung Orang Cina Johor,[76] tetapi juga mempunyai Penolong Pelindung Orang Cina.[77] Kanun Kangcu telah dibubarkan pada tahun 1917 (*Johore Government Gazette*, 1 Dis. 1917) dan dengan itu, mengakhiri sejarah pentadbiran orang Cina di Johor apabila pentadbirannya diserapkan sepenuhnya ke dalam pentadbiran pusat.

Langkah mengemaskini dan menyusun semula kerajaan serta perkembangan yang berlaku dalam struktur dan organisasi pentadbiran telah menghasilkan sebuah kerajaan dan pentadbiran yang tersusun menjelang tahun 1895. Perubahan-perubahan di dalam sistem pentadbiran keseluruhannya dan di residensi khususnya turut memberi kesan kepada sistem Penghulu dan Orang Kaya Setia.

Jika pada mulanya penghulu merupakan 'wakil raja' di sesebuah penempatan dan berhak berhubung terus dengan Sultan, tetapi mulai akhir abad ke-19, institusi tradisional ini mengalami perubahan apabila Undang-undang Peraturan Melantik Orang Kaya, Penghulu dan lain-lain lagi dikuatkuasakan. Kaedah pelantikan Penghulu dan Orang Kaya menjadi semakin rumit dan semakin bersifat birokratis. Hubungan antara raja dan penghulu juga mula terpisah. Penghulu diletakkan di dalam satu kedudukan pentadbiran kerajaan yang lebih teratur, iaitu di bawah Pesuruhjaya Kerajaan atau Pegawai Daerah sesebuah jajahan atau daerah. Di sini ia menunjukkan adanya usaha untuk menyesuaikan tradisi lama dengan cara baru sistem birokrasi. Walau bagaimanapun, unsur-unsur dan amalan tradisi tidak semuanya diketepikan. Umpamanya, masih diamalkan penyerahan Surat Tauliah yang ditandatangani oleh Raja atau Wakil Mutlak atau Pesuruhjaya Kerajaan, hak menghadap Sultan, unsur-unsur keagamaan dalam pelantikan dan istiadat mengangkat sumpah dengan menjunjung Qur'an.

Perkembangan yang terdapat dalam organisasi kerajaan

---

76 *Protector of Chinese* kepada SUK. 10 Jan. 1915. SS41/1915. ANJ.

77 Pesuruhjaya Kerajaan di Muar, Batu Pahat dan Kota Tinggi dilantik sebagai penolong itu. (SSD, 1918:544 dan *Johore Government Gazette*. 1 Dis. 1917. J/SUK10. ANJ.).

yang semakin menjadi kompleks itu memperlihatkan juga peralihan elit tradisional, yang mulanya menguasai pentadbiran, kepada elit birokratik. Elit tradisional terdiri daripada dua golongan: golongan raja dan golongan pembesar bergelar, iaitu golongan rakyat biasa yang telah mentadbir negeri Johor pada zaman pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim, Sultan Abu Bakar dan sebahagian pemerintahan Sultan Ibrahim. Golongan ini telah mencapai kedudukan tertinggi hasil kesetiaan, pengalaman, kecekapan dan dedikasi mereka memajukan Johor. Mereka dikurniakan gelaran Datuk (selepas tahun 1886) sebagai tanda penghargaan dan penghormatan. Hasil perubahan yang dilakukan ke atas organisasi kerajaan itu, pelantikan ke sesuatu jawatan tidak lagi semata-mata berasaskan tali persaudaraan ataupun kesetiaan, tetapi lebih berasaskan pencapaian, pendidikan, kelayakan, pengalaman, kebolehan dan kecekapan. Juga, bermula pada tahun 1913 terdapat Perintah Am bagi mengawal perjalanan jentera pentadbiran selain daripada Perlembagaan Negeri tahun 1895.

Sesuai dengan perkembangan organisasi kerajaan, Sekretariat Kerajaan Negeri ditubuhkan bagi mengawasi perjalanan pentadbiran.[78] Pegawai-pegawai terdiri daripada orang Melayu dengan beberapa jawatan dipegang oleh orang Barat. Biasanya orang Barat diambil bekerja dalam jawatan yang dianggap anak tempatan tidak mempunyai pengetahuan atau latihan dan juga untuk mendapatkan faedah pengalaman mereka. Matlamatnya ialah kelak dapat menghapuskan pergantungan kepada nasihat orang asing.[79] Lantas, kerajaan telah menetapkan bahawa semua

---

78 Dalam tahun-tahun 1870-an Pejabat Setiausaha Kerajaan merupakan pejabat urus setia negeri. Mulai tahun 1881 pula telah muncul Jabatan Datuk Menteri dengan jawatan Menteri Besar (SSD, 1881:27) yang mengambil alih peranan Ketua Pentadbiran Kerajaan dengan dibantu oleh Setiausaha Kerajaan.

79 Umpamanya, dalam suatu utusan Setiausaha Kerajaan kepada *Engineer Inspector*, Jabatan Laut, yang bertarikh 29.6.1907 telah dinyatakan bahawa:

> *The government have decided that it is no longer necessary to have a European official in the Marine Department as it can be efficiently managed in future by Malay officials.* (*Kumpulan Surat-surat Sembah.* J/RAJA8. ANJ).

ketua jabatan terdiri daripada pegawai Melayu Johor. Sekiranya, seorang berbangsa Eropah menjadi ketua, maka seorang Melayu mestilah diletakkan di bawahnya supaya dapat mempelajari selok-belok pelaksanaan dan tanggungjawab Ketua Jabatan.

Pegawai-pegawai ini bekerja sepenuh masa dan dibayar gaji. Oleh sebab Sultan menguasai pentadbiran negeri dan berkuasa menentukan jawatan calon-calon,[80] maka pada mulanya pegawai-pegawai ini terdiri daripada mereka yang dilantik oleh raja (sama ada berasaskan persaudaraan, pendidikan, kelayakan dan lain-lain). Tetapi secara beransur-ansur pengambilan pegawai didasarkan kepada satu sistem yang lebih teratur lagi objektif. Terdapat juga peraturan negeri yang menentukan batas kekuasaan setiap jabatan dan pegawai,[81] malah setiap pelantikan.

Kesemua pegawai kerajaan[82] dianggap sebagai pegawai perkhidmatan awam. Sekurang-kurangnya semenjak tahun 1900, skim perkhidmatan ini digelar Jawatan Tadbir Johor atau *Sultan's Civil Service*.[83] Skim Jawatan Tadbir ini juga tertakluk kepada Peraturan Butang-butang Jawatan bagi Pegawai Kerajaan Johor atau dikenali juga sebagai butang lazim Jawatan Tadbir Johor, yang diperkenalkan pada 1 Oktober 1899 (Ahmad Fawzi Basri, 1988:94). Peraturan ini menentukan dengan jelas susunan pangkat dan taraf pegawai.

Menjelang tahun 1909, Johor telah pun mempunyai jentera perkhidmatan awam yang kukuh asasnya berserta dengan ciri-ciri birokrasi.[84] Dalam sistem birokrasi ini, Menteri Besar merupakan jawatan yang tertinggi, diikuti oleh Timbalan Menteri

80 Bahkan panggilan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan negeri Johor adalah atas nama Sultan, yang menetapkan tugas dan tanggungjawab seseorang kakitangan atau pegawai kerajaannya. (Menteri Besar kepada Ungku Omar Ahmad. 13 Nov. 1895. *Salinan Surat Titah Perintah*. J/RAJA8. ANJ).

81 Datuk Amar kepada Ungku Cik Sulaiman. 18 Jun 1899. SSDM/SUK. J/SUK11. ANJ. Ungku Cik Sulaiman ditegur oleh kerajaan kerana tidak bertindak mengikut batasan yang telah ditetapkan.

82 Meliputi yang berkhidmat dalam pentadbiran, tentera dan polis.

83 Gelaran ini diguna dalam *The Singapore Free Press*, (Supplement). 25 Februari 1893. NLS.

84 Perubahan yang berlaku selepas tahun 1909 tidak mengubah struktur asas Jawatan Tadbir Johor itu.

Besar dan Setiausaha Kerajaan (jurucakap Kerajaan) dan kemudiannya Ketua-ketua Jabatan. Sementara di kalangan ketua pentadbir jajahan, Pesuruhjaya Kerajaan Muar merupakan pegawai yang terkanan dalam susunan Pegawai Perkhidmatan Awam Johor (Ahmad Fawzi Basri, 1988:95).

Lembaga Penasihat Johor (Johore Advisory Board)

Selain daripada menyusun semula kerajaan dan pentadbiran Johor supaya lebih selaras dengan yang terdapat di Singapura, proses pembaratan juga berlaku dalam bentuk Lembaga Penasihat Johor (Johore Advisory Board), pembinaan jalan kereta api dan beberapa cara lain yang akan dibincangkan kemudian.

Lembaga Penasihat Johor telah ditubuhkan di London pada tahun 1886 untuk membolehkan Sultan berhubung secara langsung dengan Pejabat Tanah Jajahan apabila perlu dan tidak melalui Singapura. Badan ini yang dianggotai oleh orang Inggeris yang berpengaruh diberi tugas mengurus hubungan luar negeri Johor dan menasihati sultan tentang hal-hal dalaman pentadbiran negeri dan hal-hal yang dianggap penting. Bahkan Badan ini boleh dikatakan mengambil alih peranan yang sepatutnya dimainkan oleh kerajaan. Sebenarnya penggunaan penasihat ini telah ada semenjak tahun 1850-an lagi apabila William Napier dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Johor. Messrs. Rodyk dan Davidson pula menjadi penasihat Temenggung Daing Ibrahim dan Maharaja Abu Bakar.

Dengan menubuhkan Lembaga Penasihat Johor ini Sultan telah dapat memperbaiki jentera mendapatkan nasihat Inggeris, tanpa merendahkan kedudukan negeri Johor atau menyerah kepada kawalan formal (Thio, 1969:109). Walau bagaimanapun, menerusi Badan ini juga lebih banyak pengaruh dan idea Barat diperkenalkan di Johor.

Kedudukan Monarki: Daripada Mutlak kepada Berperlembagaan

Kemuncak kepada proses pembaratan bagi memantapkan kedu-

dukan Johor *vis-a-vis* kemaraan British sekali gus menjamin kedaulatan dan kemerdekaan Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor[85] telah ditandatangani dan diisytiharkan pada 14 April 1895 oleh Sultan Abu Bakar (lihat Lampiran F). Perlembagaan ini mengandungi antara lain jaminan terhadap hak-hak asasi manusia dan kebebasan daripada tindakan sewenang-wenang pihak negeri (*state*).[86]

Perlembagaan Negeri ini merupakan sebuah perlembagaan yang berasaskan perlembagaan Barat dan yang membentuk sebuah kerajaan bercorak demokrasi.[87] Bahkan, secara umum perlembagaan ini serta struktur kerajaan yang terbentuk ekoran daripada pengisytiharan perlembagaan ini adalah lebih berbentuk kebaratan. Emerson (1964:203) berpendapat bahawa pada asasnya perlembagaan ini merupakan ... *a statement and a regularization of the political structure of Johore as it existed at that time, with the addition of certain clearly defined checks on the ruler and his associates.*

Penubuhan Perlembagaan Negeri ini telah menghasilkan beberapa perubahan penting di Johor. Corak pemerintahan di Johor bertukar kepada pemerintahan Raja Berperlembagaan. Sebelum tahun 1895, raja dianggap mutlak, tetapi Perlembagaan Negeri telah menetapkan bahawa raja tidak lagi boleh bertindak sesuka hati. Sebaliknya, baginda mestilah mendapatkan nasihat Jemaah Pangkuan Negeri yang merupakan gabungan Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan (Perlembagaan Negeri: Fasal 1–27). Malah Jemaah Pangkuan Negeri boleh melantik raja yang

85 Selepas ini digelar Perlembagaan Negeri.

86 Perlembagaan ini disediakan oleh Jemaah Menteri Sultan Abu Bakar dan dibantu oleh firma undang-undang Inggeris di Singapura, yang juga merupakan penasihat undang-undang Sultan, iaitu Rodyk dan Davidson (Buyong Adil, 1980:288–289). Perlembagaan ini ditulis dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris dan mengandungi 64 fasal yang menyentuh tentang hak-hak Raja dan kerabatnya, Kerajaan, Jemaah Menteri, Mesyuarat Kerajaan, agama rasmi Johor dan lain-lain. Pindaan dan tambahan telah dibuat pada tahun 1908, 1912, 1914 dan 1918. Perlembagaan ini masih dilaksanakan di negeri Johor. (Lihat juga Braddell, 1931:22–24, Emerson, 1964:203–6).

87 Pada akhir abad ke-19 hanya negeri Johor yang mempunyai perlembagaan bertulisnya sendiri.

baru jika raja yang memerintah tidak dapat memenuhi kehendak negeri (Perlembagaan Negeri: Fasal 12–13). Perlembagaan ini juga menetapkan sistem pewarisan takhta kerajaan Johor dengan keturunan Sultan Abu Bakar sebagai waris yang sah (Perlembagaan Negeri: Fasal 3–7). Penetapan ini dibuat bagi memastikan tidak akan timbul masalah tuntutan daripada pihak keturunan Sultan Ali. Juga, ada ditentukan peraturan dan tanggungjawab Majlis Mesyuarat Menteri-menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri serta peraturan yang berkaitan dengan agama dalam negeri Johor (Buyong Adil, 1980 (1971):290). Asas hukuman undang-undang yang hendak dilaksanakan di dalam mahkamah juga ditetapkan.

Perubahan yang paling penting ialah ketetapan menghalang raja, warisnya ataupun menterinya menyerahkan negeri Johor atau sebahagian daripada negeri itu kepada mana-mana kuasa Eropah atau kerajaan asing. Ketetapan ini merupakan benteng menyelamatkan Johor daripada ancaman penjajahan Inggeris terhadapnya (Perlembagaan Negeri: Fasal 15–16).

Raja itu tidak sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan Kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang kerajaan lain atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau oleh kerana hendak mendapat mengambil dan menerima sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga ada larangan dan tegahan ini terletak atau terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat raja. (Perlembagaan Negeri: Fasal 15).

Menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan tiada juga boleh sekali-kali berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa atau Kerajaan Eropah atau lainnya dengan maksud hendak menyerahkan negeri dan Kerajaan Johor. Maka jika dilanggar atau dicubanya hendak melanggar akan tegahan ini terjatuhlah ia pada hukuman orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan dan bolehlah dihukum sekalian yang berdosa itu dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya.

(Perlembagaan Negeri: Fasal 16).

Pengabadian Pembaratan di Johor

Akibat perubahan bercorak Barat yang diperkenalkan ke dalam kerajaan dan pentadbiran Johor, terutama pada tahun-tahun 1862–1895, Inggeris tidak mempunyai alasan untuk mengenakan kawalan secara formal ke atas Johor sungguhpun terdapat beberapa perkara yang kurang menyenangkan mereka[88] dalam tindak tanduk Sultan Abu Bakar, yang ingin ... *exhibit an entire independence of control by, or dependence on, the Government of the Colony.*[89] Inggeris berpendapat bahawa apabila perbezaan pendapat timbul antara Kerajaan Inggeris dan Johor dalam hal-hal yang kurang penting, Johor mungkin dibenarkan bertindak mengikut sesukanya, tetapi dalam persoalan yang berkaitan dengan kepentingan British, Sultan dijangkakan untuk mematuhi nasihat British.[90]

Untuk selama satu dekad selepas mangkatnya Sultan Abu Bakar ... *the new Sultan Ibrahim pursued an independent policy*

---

88 Seperti (a) kekerapan keberangkatan Sultan ke negara asing menelan belanja yang banyak menyebabkan kewangan negeri menghadapi masalah, (b) keengganan pemerintah Johor menerima nasihat Gabenor Inggeris (Smith kpd. CO. 20 Jan. 1892. CO273/179. PRO.), (c) perbezaan pendapat tentang bagaimana mentadbir kongsi gelap Cina di Johor. Johor enggan patuh kepada polisi yang telah ditetapkan untuk Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, iaitu mengharamkan *Triad* (Dickson, Acting Gov. kpd. CO. Sept. 1890. CO273/168; Mitchell kpd. CO. 20 Jan. 1899, yang disertakan bersama salinan surat Sultan kpd. Smith. 23 Julai 1891. CO273/250. PRO.; Smith kpd. Sultan. 2 Julai 1891. *Governor's Letterbook*. NLS. (d) tuntutan Sultan Abu Bakar supaya baginda dihormati sebagai seorang pemerintah yang bebas (Smith kpd. CO. 20 Jan. dan 2 Mac 1892. CO273/179. PRO.); (e) Maharaja Abu Bakar cuba memaksa semua pekebun gambir dan lada di Johor supaya mendaftar eksport mereka dan mengawal kegiatan mereka (Abu Bakar kpd. Burn. 20 Okt. 1864, Abu Bakar kpd. Macpherson. 7 April 1865. *Maharaja's Letterbook*. J/RAJA9. ANJ. Juga, Trocki, 1979:131–133).

89 Smith kpd. CO. 20 Jan. 1892. CO273/179. PRO.

90 Minit dalam F.R. Harris kpd. Chamberlain. 16 Nov. 1901. CO273/277. PRO. Juga, minit dalam Helbert kpd. Lucas. 8 Jan. 1902. CO273/289. PRO.

in most matters not affecting external relation, subject to informal advice only from the British Government (Thio, 1969:222).

Sultan Ibrahim terus menggalakkan perkembangan dan kemajuan kerajaannya mengikut bentuk birokrasi Barat. Walau bagaimanapun, bagi pihak Inggeris keinginan untuk mengawal Johor terus membara kerana ... *they were anxious to expand their hold over the entire peninsula ... direct political control of Johore was vital to British interests in the area* (Andaya dan Andaya, 1982:199).

Sungguhpun Perjanjian Setia 1885 ini melindungi kepentingan Inggeris di Johor, namun hakikat bahawa Sultan tidak mempunyai obligasi menerima nasihat Gabenor, kecuali jika diminta, kurang menyenangkan Inggeris. Ini kerana ia berbeza daripada Sistem Residen yang nasihat Residen mesti diminta dan dipatuhi dalam semua hal berkaitan dengan pentadbiran. Di Johor nasihat Gabenor boleh ditolak. Keadaan ini amat berlainan daripada hasrat Inggeris yang ... *having acquired a partial control, ... sought to dominate* (Thio, 1969:250) pentadbiran dan sekali gus negeri Johor itu sendiri. Lagipun, kemangkatan Sultan Abu Bakar telah menimbulkan persoalan sama ada atau tidak untuk menarik Johor ke dalam persekutuan yang sedang dirancangkan untuk Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang kerana ... *it is a misfortune that Johore at the end of the Malay Peninsula is not in the Malay Federation.*[91] Persoalan ini timbul kerana pada tahun 1888 Pejabat Tanah Jajahan dan Kerajaan Selat telah bersetuju bahawa pelantikan seorang pegawai konsul, seperti yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Setia 1885 itu, tidak akan dibuat semasa hayat Sultan Abu Bakar.[92] Walau

---

91 Minit pada surat Sir Robert Herbert, Pengerusi Badan Penasihat Johor kepada Fairfield. 24 Ogos 1896. CO273/222. PRO.

92 Gab. Weld kpd. CO. 26 Sept. 1886. CO273/141; Gab. C. Smith kpd. CO. 15 Sept. 1888. CO273/154. Semuanya di PRO. Juga, Thio, 1969:100–115. Tetapi selepas kemangkatan baginda dan idea tentang 'British Malaya' semakin memuncak, telah difikirkan bahawa sekiranya Johor dapat ditarik ke dalam persekutuan yang sedang dirancangkan itu, maka dapat dikonsolidasikan ... *British power over the entire southern part of the Peninsula* (Thio, 1969:226. Juga lihat minit Fairfield di Dato Sri Amar kpd. Ripon. 5 Jun 1895. CO273/210. PRO).

bagaimanapun, selepas kemangkatan baginda dan idea tentang 'British Malaya' semakin memuncak, Inggeris telah memikirkan bahawa sekiranya Johor dapat ditarik ke dalam persekutuan yang sedang dirancangkan itu, maka dapat dikonsolidasikan ... *British power over the entire southern part of the Peninsula.*[93] Lantas, mulai 1900 seterusnya pihak British berazam meletakkan Johor di bawah kawalan formalnya.

Bukan itu saja, kecenderungan Sultan Ibrahim untuk bertindak bebas lebih daripada yang pernah dilakukan oleh Sultan Abu Bakar, 'cara-cara baginda yang tidak bertanggungjawab', dan keengganan baginda menerima nasihat, akhirnya meyakinkan pihak Colonial Office ... *that the status quo could not continue* (Thio, 1969:232) dan bahawa keengganan Sultan dibimbing ... *by the wishes of His Majesty's Government justified a strong step.*[94] Langkah sedemikian adalah untuk mengekalkan peningkatan keagungan dan kuasa Inggeris di rantau itu. Inggeris bersungguh-sungguh untuk mendapatkan dan mengekalkan kawalan ke atas rantau ini disebabkan kedudukannya yang strategik dan nilai komersilnya di peringkat tempatan dan antarabangsa. Hasrat ini dicapai dengan menghalang kuasa Eropah yang lain daripada dapat mempengaruhi mana-mana negeri Melayu (Cowan, 1967:168–169) dan dengan menentukan bahawa negeri-negeri Melayu kekal di dalam kawalan Inggeris. Pembentukan Negeri-Negeri Selat dan pelaksanaan Sistem Residen membuktikan hal ini. Dari hal negeri-negeri Melayu di luar kawalan terus Inggeris, nasihat tidak formal diberi, iaitu nasihat yang pemerintah tempatan dijangka akan patuh atau menghadapi ... *active intervention.*[95]

Pada mulanya Kerajaan British gagal mendapatkan alasan-alasan yang kukuh bagi membolehkan ia campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan pentadbiran Johor. Sebagai persediaan

---

93 Thio, 1969:226. Juga lihat minit Fairfield di Dato Sri Amar kpd. Ripon. 5 Jun 1895. CO273/210. PRO.

94 Minit Ibrahim kpd. Hebert. 20 Feb. 1904. CO273/306. PRO.

95 Minit bertarikh 28 Mei 1902 dalam Johore Advisory Board kpd. CO. 15 Mei 1902. CO273/288. PRO.

untuk campur tangan, Swettenham telah diminta untuk melaporkan tentang keadaan di Johor Bahru, terutama dari segi keadaan polis, penjara, sekolah, hospital dan sebagainya. Walau bagaimanapun, laporan yang Swettenham kemukakan tentang keadaan negeri itu tidak menunjukkan terdapatnya kepincangan pentadbiran.[96] Walau bagaimanapun, akhirnya Kerajaan Inggeris berjaya meningkatkan kuasa dan pengaruhnya di Johor melalui beberapa cara. Antaranya British tidak lagi mengiktiraf Badan Penasihat Johor. Badan itu telah ditubuhkan supaya Johor mendapat faedah daripada hubungan terus dengan Pejabat Tanah Jajahan. Walau bagaimanapun, terdapat keresahan di kalangan pegawai Pejabat Tanah Jajahan terhadap kuasa dan tindakan badan tersebut sehingga dirasakan bahawa apabila timbulnya peluang usaha mesti dilakukan untuk *procure the dissolution of this Board.*[97] Peluang ini muncul apabila ahli-ahli badan itu meletakkan jawatan (1905) kerana membantah terhadap jumlah belanjawan yang telah dikurangkan oleh Baginda Sultan. Pejabat Tanah Jajahan enggan memperakui ahli-ahli baru dan pada tahun 1907 badan itu dibubarkan.[98]

Inggeris juga telah menggagalkan penubuhan *Johore State Corporation.* Sungguhpun Badan Penasihat Johor ditubuhkan untuk menasihati perjalanan pentadbiran di Johor, namun ada masa-masanya badan itu secara sulit bekerjasama dengan Pejabat Tanah Jajahan bagi mengawasi Sultan.[99] Dengan itu, apabila Johor mengambil keputusan untuk menubuhkan *Johore State*

---

96 Lihat minit Swettenham kpd. CO. 4 Julai 1903; jawapan *Secretary of State*. 30 Julai 1903. CO273/294. Juga, Smith kpd. Lucas. 23 Julai 1903; Swettenham kpd. CO. 19 Okt. 1903. Di dalamnya disertakan memorandum oleh G.A. Bosanquet, setiausaha sulitnya, tentang "Administration of the State of Johore". CO273/298. PRO.

97 Minit 5 Jun 1904. CO273/306; Anderson kpd. CO. 4 Mei 1905. CO273/311. PRO).

98 Minit pada perutusan Abdul Rahman kpd. Smith. 13 Julai dan 10 Okt. 1905. CO273/313; Minit pada perutusan Lyttelton kpd. Abdul Rahman. 9 Nov. 1905 dan Lyttelton kpd. Anderson. 23 Nov. 1905. CO273/213. Anderson kpd. Elgin. 4 Julai 1907. CO273/331. 'Interview between the Secretary of State and the Sultan of Johore at the Colonial Office'. 3 April 1906. *Confidential Print Eastern No.* 102. CO882/8. Semuanya di PRO.

99 Sinclair 1967a:342. Juga lihat Fielding kpd. Ommanney. 4 Julai 1890.

Development Corporation, Badan tersebut telah menyampaikan keputusan itu kepada Pejabat Tanah Jajahan. Berita itu diterima dengan perasaan yang kurang senang kerana perbadanan sedemikian dipersepsikan sebagai akan membentuk ... *difficulties ... in the event of its being found necessary in the near future to intervene more directly in the affairs of Johore* (Sinclair, 1967a:342). Langkah-langkah diatur oleh Pejabat Tanah Jajahan untuk menghalang penubuhan sebuah perbadanan yang dianggap oleh Sultan Ibrahim sebagai ... *a new foundation for the prosperity of Johore.*[100]

Selain itu, muslihat politik Inggeris telah berjaya memaksa persaraan Datuk Sri Amar Di- raja, Abdul Rahman Andak, daripada Perkhidmatan Awam Johor. Inggeris tidak senang dengan pegawai-pegawai Melayu terutamanya Abdul Rahman Andak disebabkan kebolehan dan kepintarannya. Sultan juga semakin bergantung kepadanya sebagai setiausaha dan penasihat peribadi.[101] Bahkan beliau didakwa menghasut Sultan tentang kedudukan baginda sebagai pemerintah yang mutlak dan sentiasa menasihati baginda tentang mendaulatkan kemerdekaan Johor.[102] Pendek kata, Abdul Rahman dianggap sebagai penghalang kemaraan pengawalan Inggeris di Johor dan bertanggungjawab terhadap kebanyakan masalah yang hadapi oleh Inggeris *vis-a-vis* mengawal Johor.[103] Hakikat bahawa Abdul Rahman telah

---

CO273/170; Herbert kpd. CO dan beberapa perutusan lain dalam tahun 1902. CO273/288. PRO.

100 Ibrahim kpd. Smith, dilampirkan bersama Anderson kpd. Lyttelton. 4 Mei 1905. CO273/311. Juga H.H. Johor kpd. C. Smith. 14 Jun 1905, dilampiran bersama CO kpd. Anderson. 15 Jun 1905. CO273/311. PRO.

101 Thio, 1969:225; Swettenham kpd. CO. 19 Okt. 1903. CO273/294. Herbert kpd. Swettenham. 27 Mei 1904. CO273/301. PRO.

102 Barry kpd. Hopwood. 6 Sept. 1907. CO273/334; Swettenham kpd. Chamberlain. 19 Okt. 1903. CO273/295; Anderson kpd. Elgin. 19 Jun 1907. CO273/330. PRO).

103 Mengikut Thio (1969:225):

> *Abdul Rahman, a nephew of the Sultan, was 'a very clever' English educated malay who became the Sultan's private secretary ... Cecil Smith suspected that it was Abdul Rahman who drafted the Sultan of Johore's replies to communication from the Singapore's authorities.*

memperisterikan seorang berbangsa Jerman juga kurang disenangi oleh pihak Inggeris memandangkan sikap Inggeris terhadap Jerman pada masa itu.[104]

Pada bulan Januari 1907, Anderson menasihati Sultan supaya memberhentikan perkhidmatan Abdul Rahman. Beliau yakin tanpa Abdul Rahman, Sultan akan ... *do what I want.*[105] Malangnya, Sultan telah tunduk pada tekanan Inggeris dan pada 10 September 1907 suatu titah perintah telah dikeluarkan ... iaitu Datuk Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak itu telah diberhentikan daripada jawatannya yang ada di dalam kerajaan Johor.[106] Abdul Rahman telah dituduh menggalakkan ahli kewangan Jerman dan Belanda (Andaya dan Andaya, 1982:199) dan menjual rahsia kerajaan kepada golongan Cina.[107] Abdul Rahman telah dibersarakan ke England bersama-sama isterinya.[108]

Satu cara lain yang digunakan oleh British untuk mencapai hasratnya ialah dengan memperbesar-besarkan kelemahan peribadi Sultan Ibrahim. Sikap Sultan Ibrahim terhadap Pejabat Tanah Jajahan dan kehidupan peribadinya telah memberikan alasan kepada orang yang menyokong supaya Inggeris campur tangan dalam pentadbiran di Johor (Andaya dan Andaya, 1982:199). Cara hidupnya yang mewah telah membebankan keadaan kewangan negeri yang memang sudah dalam keadaan tidak stabil disebabkan sebelum itu almarhum Sultan Abu Bakar sering berangkat ke luar negeri (Sinclair, 1967b:98). Swettenham juga telah mengkritik Sultan Ibrahim sebagai kekurangan ... *good Malay qualities.*[109]

---

104 Allen, 1972:22. Juga, Maxwell kpd. Finn. 29 Sept. 1916. Minit Beckett bertarikh 22 Jan. 1917; nota sulit yang ditulis tangan tentang Ismail bin Ibrahim. Semuanya terdapat di dalam CO537/790. PRO. *Secretary of State for the Colonies to the High Commissioner for the Malay States.* 6 Feb. 1917. CO537/791. PRO.

105 Anderson kpd. CO. 18 Jan. 1907. CO273/326. PRO.

106 *Kumpulan Surat-surat Sembah.* 11 Sept. 1907. J/RAJA8. ANJ.

107 Maxwell kpd. Beckett. 14 Ogos 1916. CO537/790. PRO.

108 Anderson kpd. CO. 18 Jan. 1907. CO273/326; Taylor kpd. *Under Secretary of State.* Sulit. 14 Jun 1917. CO537/791. PRO.

109 Swettenham mengandaikan hal ini disebabkan darah campuran Sultan itu. (Swettenham kpd. Chamberlain. 4 Julai dan 19 Okt. 1903. CO273/294

Seperkara lain yang digunakan oleh Inggeris untuk mengenakan kawalannya ialah dengan mendedahkan 'skandal penjara'. 'Skandal penjara' merupakan perkara yang telah memberikan ... *a handle*[110] untuk mengabsahkan langkah-langkah drastik yang hendak diambil terhadap Johor. Sebuah pesuruhjaya, yang diketuai oleh Ketua Hakim Singapura, telah menyelidiki dan menghasilkan kritikan yang keras terhadap pentadbiran di penjara itu.[111]

Keadaan di penjara itu sendiri seolah-olah ... *quite sufficient to demand His Majesty's Government interference*[112] dan menyebabkan akhirnya Gabenor Young menyarankan supaya kuasa Penasihat Inggeris diperluas seperti kuasa Residen, yang nasihatnya mesti diterima oleh Sultan (Sinclair, 1967b:108). Pada tahun 1903, Swettenham telah pun memeriksa penjara tersebut dan laporannya agak membimbangkan pihak Inggeris. Walau bagaimanapun, pada masa itu Inggeris telah mengambil keputusan untuk tidak berbuat apa-apa sehinggalah tahun 1914 apabila mereka mengambil alih pentadbiran Johor. Pada masa itu mereka menggunakan alasan ... *humanitarian concern for the welfare of Johore convicts* untuk mengabsah tindakan mereka itu (Sinclair, 1967b:110).

Berdasarkan alasan-alasan ini pegawai penjajah menetapkan bahawa sudah tiba masanya penyerapan Johor ke dalam pemerintahan Inggeris dimulakan dari luar dan bukan ... *quietly as*

---

dan 295. PRO. Juga Allen, 1972:9 dan Sinclair, 1967a:100).

110 Minit bertarikh 13 Nov. 1913 pada utusan Young kpd. Harcourt. 14 Okt. 1913. CO273/397. PRO.

111 *Johore in 1914*, bahagian Apendiks. Juga, Young kpd. Harcourt. 13 Okt. 1913; Young kpd. CO. Sulit. 14 Okt. 1913. Kedua-duanya terdapat di CO273/397. PRO. Young kpd. Harcourt. 26 Feb. 1914. CO273/406. Juga Campbell kpd. High Commissioner. 10 Okt. 1912; Young kpd. Governor of Straits Settlement. Ogos 1913; Campbell kpd. High Commissioner. 3 Julai 1913; Young kpd. Sultan. 9 Julai dan 2 Ogos 1913; dan H.H. Sultan kpd. Young. 10 Ogos 1913. Kesemuanya terdapat di dalam *Confidential and Secret Despatches to Secretary of State, 1913*. NL2769. NLS. 'Straits Settlements: Commission appointed to inquire into the administration of the Johore prison'. NL5826. NLS.

112 *Ibid.*

a result of a movement from inside the country.[113] Akhirnya Inggeris berjaya mengawal Johor secara formal menerusi pelantikan seorang Penasihat Am pada tahun 1910,[114] dengan kuasa penuhnya diperolehi pada tahun 1914.

Apabila Inggeris akhirnya berjaya mendapatkan kawalan formal ke atas Johor menerusi pelantikan Penasihat Am itu, Inggeris telah bersedia untuk menyesuaikan politik dan masyarakat Johor mengikut gambaran mereka tentang masa hadapan Johor dan berlandaskan sebuah model negeri yang dianggap sebagai ideal. Proses pembaratan yang telah diasaskan oleh Temenggung Daing Ibrahim, telah diperhebatkan oleh Inggeris yang tidak berlengah-lengah untuk mengenakan kuasa mereka. Daripada mulanya lagi Inggeris telah cuba menyusun semula struktur dan jentera pentadbiran kerajaan Johor dan membentuk semula autoriti birokratis supaya sesuai dengan keperluan dan kepentingan mereka. Pentadbir Inggeris mula meneliti dan menyelidiki setiap aspek pentadbiran Melayu. Sesuai dengan hasrat Inggeris, Sultan sebagai ketua negeri telah menulis kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir John Anderson[115] menyatakan bahawa:

> *I have decided on the advice of Mr. Campbell and with the concurrence of my Council, to employ four more European officers in the administration of Johore.... Both because I am anxious to secure services of gentlemen trained in official work and because I want to administer Johore on the lines of the British Colony.... The employment of such officers will enable my own officers to learn up to date methods of administration and efficiently carry on the administration of the State.*

---

113 Anderson kpd. CO. 18 Jan. 1907. CO273/326. PRO.

114 D.G. Campbell dilantik sebagai Penasihat Inggeris ke Johor bermula 1 Jan. 1910 (Anderson kpd. Campbell. 28 Feb. 1910. CO273/360. PRO). Penasihat Am itu dijangka akan ... *keep a close supervision over the different departments of the State with a view to bringing the administration up to something approaching the standard of the Federated Malay States* (Anderson kpd. Earl of Crewe. 19 Mac 1910. CO273/360. PRO).

115 Sultan kepada Gabenor Anderson. 21.7.1910. *State Secretariat Letterbook 1909–1911*. J/SUK11. ANJ.

Pegawai-pegawai Inggeris telah dibawa masuk ke Johor untuk mengetuai berbagai-bagai jabatan dan menunjuk ajar pegawai Melayu tempatan supaya dapat menghampiri ... *something approaching the standard of the Federated Malay States.*[116] Pegawai penjajah bertindak sebagai Penasihat Undang-undang, Penolong kepada Penasihat Am, Pesuruhjaya Kastam dan Pemungut Hasil Tanah, Ketua Jurutera, Hakim Mahkamah Tinggi, *Surveyor* dan Pesuruhjaya Polis.[117] Walau bagaimanapun:

> *The change which was brought about by the 1914 treaty, was not one of suddenly imposing British officials on the state but rather of regularizing their status and gradually, of increasing their number* (Emerson, 1964:211).

Namun, penglibatan pihak Inggeris dalam pentadbiran harian Johor ini telah menyebabkan kuasa Pesuruhjaya Kerajaan dalam hal ehwal tanah, kehakiman dan menggubal dasar jajahan bertukar tangan kepada Penolong Penasihat Inggeris. Sehubungan urusan pentadbiran di peringkat jajahan itu, pada 15 Julai 1912, satu peringatan telah dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan,[118] untuk menerangkan peraturan-peraturan yang mengawal dan menentukan hubungan antara pegawai-pegawai Inggeris dan Persuruhjaya Kerajaan.

Sungguhpun menjelang tahun 1914 banyak jabatan kerajaan telah diketuai oleh pegawai British, namun jabatan untuk hal ehwal orang Cina dan India, pendidikan Melayu, pos dan telegraf, audit dan perbendaharaan negeri masih kekal ditadbirkan oleh pegawai peribumi (Gray, 1978:191). Pada tahun 1916, telah terdapat 24 orang pegawai British di dalam Perkhidmatan Awam Johor, yang didatangkan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat.

---

116 Anderson kpd. CO. 19 Mac 1910. CO273/360. PRO.

117 *Johore Government Gazette*, 17 Sept. 1910, 8 Januari dan 1 Jun 1911, 30 Mei dan 30 Dis. 1912. J/SUK10. ANJ.

118 Peringatan yang dalam tulisan jawi ini boleh didapati dalam fail 'Rules as to the Relations of European Officers with the State Commissioners'. GA210/12. ANJ.

Selain meningkatkan bilangan pegawai Inggeris di Johor, pada tahun 1912 sebuah badan, iaitu Mesyuarat Kerja Dewan, yang mempunyai kuasa eksekutif, telah ditubuhkan apabila tambahan dan pindaan dibuat kepada Perlembagaan Negeri (lihat Lampiran F). Seperti yang telah dinyatakan penubuhan Majlis ini adalah bagi membolehkan Inggeris menguasai perancangan dan pentadbiran negeri dan membolehkan Penasihat Am melibatkan diri di dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan Johor. Mesyuarat Kerja Dewan ini, yang ahli-ahlinya terdiri daripada Sultan, Penasihat Am, Setiausaha Kerajaan dan enam ahli yang lain, berfungsi dalam urusan "perihal tanah, tanam-tanaman dan galian, segala kerja raya, tawaran-tawaran, perihal permohonan cuti, menaikkan pangkat dan syor bagi menggandakan undang-undang dan lain-lain hal yang mustahak".[119]

Usaha Penasihat Am untuk menyusun semula pentadbiran negeri kurang diperkenan oleh Sultan Ibrahim yang berkeras untuk mengekalkan apa-apa kebebasan yang tinggal untuk Johor. Sultan menentang campur tangan dalam hal-hal yang telah lama menjadi bidang kuasanya (Thio, 1969:246). Baginda juga dikatakan semakin ... *less and less inclined to accept the Govenor's advice and altogether more antagonistic to the British Government.*[120]

Dalam situasi sedemikian Penasihat Am mendapati pengaruhnya terbatas kepada:

> ... *tender advice but has to use some discretion in his choice of subject, for relying solely on his personal influence and having no power or authority in the country, it is necessary that he should not weaken that influence.*[121]

Sikap sedemikian dianggap oleh Penasihat Am Inggeris sebagai cuba untuk ... *block and hinder its (Johore's) develop-*

---

119 Lihat Lampiran F: Bahagian Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. 17.9.1912. Juga lihat Mejar Datuk Hj. Mohd. Said Sulaiman, 1950:80.

120 Young kpd. CO. 19 Mac 1914. Mengandungi memorandum daripada Whitley. Juga Campbell bertarikh 10 Feb. 1914. CO273/406. PRO.

121 Campbell kpd. Young. Terdapat dalam Young kpd. CO. 14 Okt. 1913. CO273/397. PRO.

ment,[122] namun pada masa yang sama Penasihat Am itu memperakui bahawa Sultan tidak mempunyai ... *settled policy of opposition to the development of his country*.[123] Lagipun, nasihat tidak formal dianggap tidak mencukupi kerana Inggeris ingin ... *to take it (Johore) as we must in the long run*.[124]

Dengan persepsi sedemikian yang dipegang terhadap Sultan,[125] pegawai-pegawai British di Johor dan Gabenor bersetuju untuk lebih mengetatkan lagi kawalan Inggeris ke atas negeri itu. Kawalan ini dilakukan dengan memberikan kuasa yang sama seperti yang dimiliki oleh Residen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Penasihat Am. Dengan ini, Penasihat Am akan dapat membangunkan Johor dan menyusun pentadbirannya tanpa dihalang oleh Sultan.[126]

Akibat tekanan dan ancaman British, pada tahun 1914 Sultan telah bersetuju memberikan Penasihat Am lebih banyak kuasa dan tanggungjawab.[127] Sebagai gantinya berbagai-bagai jaminan telah diberikan oleh British kepada Sultan seperti pegawai Eropah yang dilantik ke perkhidmatan Johor akan dianggap sebagai pegawai Johor dan dijangka memakai pakaian seragam putih Johor.[128] *Peraturan Johore Civil Service White Uniform*

---

122 *Ibid.*

123 *Ibid.*

124 Anderson kpd. Lucas. 18 Jan. 1907. CO273/326). PRO.

125 Secara rasmi Penasihat Am Johor melahirkan pandangan yang tinggi lagi baik terhadap pemerintah Johor (Lihat 'Johore in 1911'. Ogos 1913. CO715/1. PRO). Sebaliknya, dalam perutusan sulit kepada CO, kelemahan-kelemahan Sultan telah diketengahkan (Memorandum Campbell, 10 Feb. 1914. Terkandung dalam Young kpd. CO. 19 Mac 1913. CO273/406. PRO).

126 Lihat telegram CO kpd. Young. 28 April 1914. CO273/406; Minit Anderson bertarikh 16 Sept. 1913 dalam perutusan Young. 7 Ogos 1913. CO273/396. PRO. Juga lihat Thio, 1969:248.

127 Persetujuan dimeteraikan pada 12 Mei 1914. Penasihat Am diberi kuasa serupa yang diberikan kepada Residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, iaitu nasihatnya mesti diperoleh dan dipatuhi dalam semua hal berhubung dengan pentadbiran negeri, kecuali yang menyentuh agama serta adat. Selain daripada itu, pungutan dan kawalan ke atas hasil negeri juga dikawal oleh Penasihat Am. Perjanjian 1914 ini juga meminda artikel dalam Persetiaan 1885 yang menetapkan pelantikan seorang ejen Konsul.

128 Hal ini menerangkan kenapa tidak ada bendera Union Jack berkibar di

1914 telah dikeluarkan bagi menerangkan jenis pakaian seragam itu, siapa yang layak memakainya serta bagaimana ia harus dipakai (J/SUK15). Bahasa Melayu (jawi) dan Inggeris dipersetujui akan merupakan bahasa rasmi Johor, keutamaan bekerja dalam perkhidmatan kerajaan diberikan kepada anak Melayu Johor yang layak dan dalam keadaan timbulnya perbezaan pendapat antara Penasihat Am dan pemerintah lokal, pandangan Majlis Negeri akan disampaikan kepada Gabenor.[129] Boleh dikatakan bahawa Perjanjian 1914 ini menguatkan serta mengesahkan situasi yang telah sedia wujud semenjak Perjanjian 1885 lagi, iaitu hanya Inggeris mempunyai hak menentukan masa depan Johor. Pegawai-pegawai Melayu kelihatan seolah-olah merekalah yang sebenarnya mempunyai kuasa dan pengaruh. Namun, pada hakikatnya apa yang sebenarnya boleh dilakukan oleh pentadbir Melayu hanyalah untuk berunding, membuat penyesuaian, berkompromi dan bekerjasama untuk memastikan kecekapan perjalanan pentadbiran serta melindungi kebajikan serta kepentingan penduduk.

Pada tahun 1914, terdapat juga perubahan struktur kerajaan dari segi ahli Mesyuarat Kerajaan. Ahli tidak lagi semestinya semuanya berbangsa Melayu dan beragama Islam, tetapi mestilah merupakan rakyat Johor. Selain 16 orang ahli Mesyuarat Kerajaan yang dilantik bagi menjalankan kuasa dan seperti yang ditetapkan dalam Fasal ke-46 Perlembagaan Negeri itu, terdapat 'Ahli Tambahan' yang terdiri daripada orang lain yang tidak semestinya merupakan rakyat Johor.[130] Berbeza daripada ahli-ahli biasa, ahli-ahli tambahan ini tidak diwajibkan mengangkat sumpah setia kepada Raja dan Kerajaan, tetapi dikehendaki mengemukakan akuan bertulis bahawa mereka tidak akan mengkhianati negeri Johor.

---

kediaman Penasihat Am (Emerson, 1964:207).

129 Young kpd. CO. 14 Mei 1914. CO273/407. Juga, *State Secretariat Letterbook, Ogos 1900 – Nov. 1902*, hlm. 4 seterusnya. J/SUK11. ANJ. Juga, Maxwell dan Gibson, 1924:134–136.

130 Lampiran F. Bahagian Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. 12 Mei 1914. Juga, *Surat Titah Perintah, 1911–1920*. 12 Mei 1914. J/RAJA8. ANJ.

Sungguhpun selepas tahun 1914 seolah-olah terdapat sebuah Kerajaan Johor, kenyataannya ialah dalam struktur pentadbiran negeri yang sebenar terdapat keselarian[131] antara perkhidmatan Melayu dan Inggeris. Sistem peribumi Johor, yang terdiri daripada Sultan, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dan pegawai-pegawai Melayu, dipraktikkan seiring dengan sistem penjajahan British, yang terdiri daripada Penasihat Am dan pegawai-pegawainya. Keadaan ini timbul kerana pentadbiran peribumi Johor dikekalkan walaupun Inggeris berkuasa dari segi undang-undangnya. Hubungan yang wujud antara golongan pemerintah Melayu dan pihak berkuasa British menyembunyikan hakikat bahawa kuasa sebenar terletak di tangan British (Thio, 1969:175). Hasil dua sistem yang berjalan seiringan ini terdapat adanya gabungan tenaga pegawai Melayu dan British dan Perkhidmatan Awam Johor (Mejar Datuk Hj. Mohd. Said Sulaiman, 1950:81–82). Walau bagaimanapun, British berusaha untuk mengetepikan pegawai-pegawai Melayu.[132] Umpamanya, sungguhpun dari segi teorinya Penasihat Am dan Setiausaha Kerajaan Johor adalah sama tarafnya, tetapi pada hakikatnya Penasihat Am lebih berkuasa dan mengambil alih peranan sebagai jurucakap kerajaan, iaitu peranan Setiausaha Kerajaan.

Sehubungan dengan usaha untuk mengetepikan pegawai-pegawai Melayu, pada tahun 1934 Sultan[133] telah melahirkan perasaannya bahawa ... *the appointment of most of the senior officials and their Assistants should be either reduced in standing or abolish altogether and the work done by chief clarks.*

Hal ini kerana

> *I consider it my duty to fight for a system under which Johore Malay Officers should be at least equal in number to*

131 Emerson (1964:211) menggunakan istilah 'parallelism'.

132 *Apparently realizing that they would have to rationalize the old regime, if they wished to fulfill what they took to be their ethical and political mandate, the British sought to reorder the structure of government according to their own needs ... thereby subordinating all Malay personnel to British Officers.* (Gray, 1978:55)

133 Sultan kepada Secretary of State, Sir Philip Cunliffe-Lister, 13.11.1934, MB317/34, ANJ.

the European Officers. It is no exaggeration to say that at the present time all the Heads of Departments, together with their Assistants are European Officers, whereas I am confident that Malay Officers of long standing and with adequate qualification could be found for many of the posts.... The same remark applies to the British Assistant Advisers who are appointed to nearly all the districts in my state.

Baginda Sultan juga telah menekankan supaya merujuk kepada ... *para (7) of my letter of the 11th May 1914 to the then Governor, Sir Arthur Young, the terms of which letter were accepted in all respects by His Excellency's letter of the same date.*

Struktur kerajaan yang asas dan asal telah dikekalkan dan terdapat pergantungan kepada pegawai Melayu di peringkat lokal. Walau bagaimanapun, sifat pemerintahan Inggeris adalah berbeza daripada yang diamalkan oleh pemerintah Melayu sendiri. Disebabkan telah wujud satu sistem pentadbiran peribumi yang kukuh, Inggeris tidak berdaya menghapuskannya atau menukarkannya terus. Dengan itu, wujud pentadbiran dwisistem dengan Inggeris hanya cuba memperbaiki dan mengukuhkan sistem pentadbiran Johor itu. Di peringkat pentadbiran jajahan pula syor Inggeris supaya Pejabat Pesuruhjaya Kerajaan dibubarkan telah ditentang oleh Sultan dan pegawai-pegawai Melayu. Sebaliknya, kedudukan Pesuruhjaya Kerajaan dipertingkatkan sebagai Wakil Raja melalui Pemberitahu Kerajaan (Jun 1912), iaitu ... "kerja bagi pihak kerajaan dijalankan oleh Pesuruhjaya Kerajaan"[134] (lihat Lampiran G).

Dalam hal pentadbiran peringkat tempatan, sistem penghulu diteruskan. Berhubung dengan pentadbiran daerah peringkat tempatan (*local district administration*) ini, Weld dalam memorandumnya kepada Gabenor, yang bertarikh 14 April 1882 telah melahirkan keyakinannya bahawa:

---

134 Pada tahun 1912, peraturan kerja telah ditetapkan untuk pejabat Kerajaan Johor. Termasuk di dalam ketetapan peraturan ini ialah peranan Pesuruhjaya sebagai Wakil Raja. Ketetapan ini diumumkan melalui Pemberitahu Kerajaan (Fail Surat-surat Titah Perintah. 16.5.1912. J/RAJA8 ANJ. Juga Pemberitahu Kerajaan. 1 Jun 1912. J/SUK 10. ANJ).

> *... in country districts ... inhabited by Malays, it ought to be possible to utilize the village district institution and to organize them to a much greater extent and more systematically than we do, to the great advantage both of Government and the natives.* (CO275/28).

British mengakui faedah meneruskan sistem penghulu kerana Penghulu dapat menghubungkan antara orang kampung dan Pegawai Daerah; mempunyai pengetahuan tentang hal ehwal di peringkat tempatan dan personaliti-personaliti yang terdapat di sesebuah kampung dan kebolehannya menjalankan tugas-tugas pentadbiran yang lebih rutin.[135] Walau bagaimanapun, hasil penyusunan semula sistem penghulu itu dalam tahun 1910, kuasa dan peranan tradisinya semakin berkurangan dan penghulu diserap ke dalam jawatan bergaji tetap.[136] Jawatan itu tidak lagi merupakan jawatan warisan, tetapi menjadi jawatan pelantikan kerajaan berdasarkan syarat dan kelayakan tertentu.[137] Walau bagaimanapun, penghulu masih dianggap wakil raja yang memerintah dan kerajaan di dalam sesebuah mukim dan wakil anak buahnya,[138] tetapi tidak lagi mempunyai kuasa berhubung tanah. Hasil penyusunan semula sistem penghulu itu juga mewujudkan jawatan Ketua Kampung bagi membantu penghulu menjaga kebajikan penduduk.

Peranan-peranan baru yang timbul hasil peningkatan sistem

---

135 Juga lihat hujah-hujah Swettenham, 8 Okt. 1886, menyokong mentadbir Perak melalui sistem penghulu.

136 Pekeliling 15/1916. 5 Sept. 1916. SS614/16; GA kpd. Setiausaha Kerajaan Negeri. 11 April 1916. GA730/1915. ANJ. Juga, lihat Timbalan Menteri Besar kepada Pesuruhjaya Kerajaan. 1 April 1917. SS398/1918. ANJ.

137 Minit pada memo Timbalan Menteri Besar. 12 Sept. 1916. GA511/16; *Assistant Adviser* Batu Pahat kpd. GA. 30 Julai 1916. GA511/16; *Collector of Land Revenue* Batu Pahat kpd. *Commissioner of Lands*, Johore Bahru. 10 Dis. 1916. GA160/17; Menteri Besar kpd. GA. 17 Mac 1917 dan GA kpd. *Commissioner of Lands and Mines*. MB7/17; Minit-minit yang tertulis berhubung dengan cadangan skim untuk Penghulu Muar. 3 Dis. 1916. GA161/1917. *Annual Report*, 1917. J/SUK2. ANJ.

138 Untuk keterangan lanjut lihat *Panduan Tugas untuk Penghulu dan Ketua Kampung Negeri Johor, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia*, Johor Bahru, Kerajaan Johor, 1978.

birokrasi telah memberi kesan ke atas sistem dan peranan tradisional dalam aspek ekonomi, politik dan sosial, tetapi sistem ini tidak menggantikan terus sistem lama. Dengan itu, sungguhpun terdapat sistem pentadbiran yang bermodelkan Barat, pada masa yang sama di peringkat tempatan masih terdapat bentuk-bentuk kawalan yang bercorak tradisional.

Walaupun unsur-unsur Barat diperkenalkan, namun pengenalan nilai, kaedah dan teknik Barat itu tidaklah dilakukan sepenuhnya. Saduran dan penyesuaian dilakukan supaya sesuatu yang diperkenalkan itu secocok dengan keadaan masyarakat tempatan. Satu perkara yang tidak diketepikan dalam usaha memperkenalkan unsur-unsur Barat itu ialah agama. Di Johor, agama merupakan ikatan asas rakyat kepada pemerintah (digambarkan dalam bentuk undang-undang negeri, adat resam yang berasaskan agama). Proses pembaratan menggugat aspek ini melalui pengenalan institusi dan amalan bercorak sekular dengan nilai-nilai sekularnya. Bahkan, dalam banyak hal impak pembaratan telah mengecilkan skop agama dalam bidang sosial dan politik masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak juga boleh dikatakan bahawa sikap sekular mendominasi kehidupan politik dan sosial masyarakat kerana langkah-langkah tetap diambil untuk menyelaraskan aspek sekular dan agama supaya sesuatu yang diperkenalkan itu akan lebih sesuai dengan keperluan masyarakat. Nilai dan sentimen agama diperkenalkan ke dalam institusi bersifat sekular supaya dapat memberi makna dan menjamin kesinambungan dalam bentuk dan struktur baru kehidupan sosiopolitik masyarakat. Langkah ini dapat dilakukan kerana terdapat kualiti tertentu moden Barat yang boleh diambil tanpa berkonflik dengan apa yang dianggap terbaik dalam tradisi budaya dan warisan spiritual tempatan. Agama masih kekal sebagai faktor penting di kalangan masyarakat sungguhpun institusi sekular telah menggantikan banyak institusi bercorak agama sebagai sumber utama kawalan dan kehidupan sosial.

Secara umum pengaruh dan tekanan Barat (British khususnya) telah menghasilkan perubahan dalam kerajaan dan urusan pentadbiran Johor. Pada mulanya perubahan ini diperkenalkan sendiri dari dalam oleh pemimpin tempatan dan bukan oleh

orang Barat. Tambahan pula, Johor terus diperintah oleh pemimpin tradisional. Hanya pada tahun 1914 Johor mengalami perubahan kepada pimpinannya, sungguhpun Sultan masih kekal sebagai ketua negeri.

Keupayaan awal Johor mengekalkan kebebasannya mungkin disebabkan hakikat bahawa ia melihat Barat sebagai suatu 'bahaya' (kerana keinginan mengawalnya) dan sebagai sumber teknologi dan kaedah yang berguna. Pemerintah Johor menyedari akan kuasa relatif yang ada pada golongan Barat dan berkeputusan bahawa banyak faedah yang boleh diperoleh hasil berbaik-baik dengan pihak Barat.

Pada mulanya impak Barat berlaku di bawah naungan elit tradisional. Untuk menjaga kemerdekaan Johor pemerintahnya mendapati bahawa perlu, dari semasa ke semasa, memperkenalkan sendiri idea, teknik dan amalan pentadbiran Barat. Dasar ini dimulakan semenjak zaman Temenggung Daing Ibrahim lagi. Pada zaman pemerintahan Maharaja Abu Bakar pula proses pembaratan itu diperhebatkan lagi dalam kerajaan dan pentadbiran Johor. Institusi corak Barat telah banyak diperkenalkan di negeri itu. Banyak juga jabatan kerajaan seperti yang terdapat di Barat ditubuhkan dengan fungsinya yang khusus. Ringkasnya, sistem pentadbiran Johor telah 'dibaratkan' dan secara beransur-ansur jentera tradisional kerajaan bertukar menjadi sebuah birokrasi.

Elit tradisional yang memerintah dan mentadbir Johor mula memegang peranan dan tanggungjawab baru sebagai pegawai dalam jabatan kerajaan. Bersesuaian dengan peningkatan birokrasi sistem pengambilan pegawai dan pekerja ke dalam perkhidmatan kerajaan tidak lagi berdasarkan kesetiaan atau hubungan persaudaraan, tetapi lebih tersusun dan rasional. Dengan itu, ikatan kerajaan tidak lagi bergantung kepada perasaan kesetiaan seseorang atau tali persaudaraan. Sebaliknya, bergantung kepada obligasi persetujuan yang tertulis (Trocki, 1979:186). Dengan ini muncul elit birokratis menggantikan elit tradisional dalam pentadbiran dan kerajaan Johor.

Secara umum proses pembaratan telah berlaku di peringkat perlembagaan dan pentadbiran. Perubahan di kedua-dua pering-

kat ini berlaku seiringan. Kemuncak kepada proses pembaratan yang telah dimulakan oleh Temenggung Daing Ibrahim itu dan diperhebatkan lagi oleh Sultan Abu Bakar, ialah pengenalan perlembagaan bertulis pada tahun 1895. Perlembagaan yang dipadankan dan disesuaikan daripada perlembagaan di Barat (khususnya British) telah ditulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Boleh dirumuskan bahawa secara perlahan-lahan proses pembaratan telah meruntuhkan atau merungkai pemerintahan bercorak mutlak dan menggantikannya dengan pemerintahan berperlembagaan.

Pemerintah Johor telah membaratkan kerajaan dan pentadbirannya dalam usaha mengelak daripada dikawal oleh Barat sendiri. Malangnya, usaha itu tidak mencukupi untuk menghalang 'pencerobohan' Inggeris, yang berkeras untuk mengambil alih pentadbiran Johor. Perlantikan Penasihat Am menandakan asimilasi secara formal Johor ke dalam kerangka pentadbiran dan kawalan Inggeris (Thio, 1969:244). Kuasa kawalan politik Johor tidak lagi berada di tangan golongan pemerintah peribumi, tetapi berpindah ke tangan Inggeris sungguhpun seorang Raja Melayu menduduki takhta Johor.

BAB 3

DARI JAWI KE RUMI: MENEGAKKAN KERASIONALAN

Proses pembaratan bukan sahaja berlaku dalam kerajaan dan pentadbiran. Di Johor usaha memperkuat sistem tradisional bagi menentang kemasukan kuasa Barat telah juga diperluas ke dalam aspek pendidikan. Bahkan, pendidikan boleh dianggap sebagai ejen utama yang boleh menyebabkan tertanamnya idea tentang ketamadunan dan asas utama perubahan masyarakat. Pendek kata pendidikan adalah sebagai alat utama untuk membentuk manusia supaya mengubah sikap serta nilai bagi memudahkan penerimaan terhadap yang baru.

Apabila Inggeris sampai ke Dunia Melayu, mereka membawa bersama-sama falsafah pendidikan yang terdapat di England pada masa itu, iaitu kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan tertentu untuk rakyatnya (Andaya dan Andaya, 1982:222). Falsafah ini adalah selaras dengan sikap kemanusiaan yang baru, yang sedang tersebar di kalangan segolongan penduduk di England iaitu, pihak penjajah mempunyai tanggungjawab sosial ... *to help them (the locals) to advance in civilisation and in moral and intellectual welfare.*[1]

Zaman Renaissance[2] menandakan permulaan era baru dalam sejarah Barat apabila Perancis, Jerman, England dan

---

1 Dipetik daripada Chelliah, (1947:12).

2 Pada asasnya zaman Renaissance merupakan bantahan individualisme terhadap autoriti dalam aspek intelektual dan sosial (Cordasco, 1976:41).

Rusia menjadi kuasa terulung di Eropah.[3] Pada masa ini pendidikan asas untuk kelas menengah mula dikembangkan dan *state* semakin menyedari akan tanggungjawabnya menubuhkan dan menyediakan sekolah. Kecenderungan ke arah pendidikan umum bukan sahaja hasil sebab-sebab politik, tetapi juga hasil keinginan untuk memperbaiki keadaan dunia melalui pendidikan. Abad ke-18 merupakan abad kebangkitan pendidikan di Eropah. Pada abad itu pendidikan menggunakan bahasa ibunda semakin menjadi penting dan bahasa pengantar Latin serta Yunani kurang dipentingkan. Lagipun, hasrat untuk membentuk individu yang terpelajar, pragmatik dan menyedari akan pentingnya ilmu semakin terserlah. Secara umum, zaman Renaissance telah menghasilkan kebangkitan semula pendidikan liberal dan humanisme dalam pendidikan.

Pada abad ke-18 teori dan sistem pendidikan dipengaruhi oleh berbagai-bagai falsafah dan sosial. Antaranya ialah *realisme*,[4] naturalisme[5] dan pergerakan spiritual serta kemanusiaan zaman *Enlightenment*.[6] Kombinasi tiga perkara ini menghasilkan *Christian devotion and deligence* (*realism*), kebolehan berhujah dan fikiran yang jelas (*Enlightenment*) serta berharmoni dengan alam semula jadi. Sungguhpun terdapat usaha-usaha menyebarkan cara-cara berhujah, masih juga terdapat kecenderungan ber-

---

3 Bahagian tentang falsafah pendidikan Barat banyak berpandukan "The History of Education", *The New Encyclopaedia Britannica*, Jil. 6. Edisi 15. 1975:316–408. Juga, Cordasco, F. 1976. *A Brief History of Education*. A Littlefield, Adams. New Jersey.

4 Istilah realisme ini digunakan untuk jenis pendidikan yang menekankan pengkajian fenomena semula jadi dan institusi sosial dan tidak bahasa serta kesusasteraan. (Lihat Cordasco, 1976:62).

5 Trend ini melihat pendidikan sebagai satu proses semula jadi – mengikuti peringkat-peringkat perkembangan semula jadi dan melaluinya kanak-kanak mencapai kematangan (Cordasco, 1976:84).

6 Zaman *Enlightenment* abad ke-18 merupakan satu reaksi terhadap sikap autoritarianisme zaman Reformasi, terhadap pemerintahan mutlak monarki, terhadap keistimewaan sosial dan stratifikasi, dan terhadap dominasi yang dikenakan oleh konsep pengetahuan zaman kuno dan pertengahan ke atas kehidupan intelektual (Cordasco, 1976:77).

sifat kebangsaan[7] di kalangan penduduk di England, kecenderungan ini dalam pendidikan banyak dipengaruhi oleh Revolusi Industri. Transformasi sosial dan ekonomi bersama-sama perubahan teknologi telah menghasilkan industrialisme, perbandaran dan bermulanya fenomena tenaga kerja secara beramai-ramai (*mass labour*). Pada masa yang sama terdapat juga perubahan di peringkat psikologi dan intelektual. Perubahan ini berlaku apabila manusia menyedari akan harga dirinya dan memperoleh keyakinan akan keupayaannya menggunakan sumber-sumber yang ada serta mengawal alam semula jadi. Kesemua trend ini telah mempengaruhi kemajuan pendidikan. Secara perlahan-lahan terdapat penerimaan terhadap pandangan bahawa pendidikan sepatutnya merupakan tanggungjawab *state*.

Walau bagaimanapun, keengganan *state*, terutamanya England, untuk menerima tanggungjawab itu telah mendorong beberapa orang dermawan dan badan-badan yang mempunyai kaitan dengan gereja membentuk persatuan-persatuan pendidikan, khususnya bagi menyediakan pendidikan awal untuk golongan miskin. Kurikulum dihadkan kepada membaca, menulis dan pelajaran tentang agama dengan tujuan menghapuskan kejahatan dan kerendahan maruah di kalangan golongan miskin itu. Kemudiannya, kerja-kerja tangan disediakan sebagai persediaan untuk kanak-kanak itu mencari ataupun memperoleh pekerjaan. Kanak-kanak perempuan diajar menjahit dan mengait, sementara kanak-kanak lelaki menjadi perantis untuk mendapatkan kemahiran dalam sesuatu jenis pertukangan.

Keengganan *state* itu secara umumnya disebabkan pemikiran masyarakat bahawa *state* seharusnya menghadkan kegiatannya kepada hal-hal yang perlu seperti mempertahankan hak

---

7 Dalam usaha mentransformasi kesepaduan budaya kepada kesepaduan politik, nasionalisme politik dan budaya bersama-sama menghasilkan banyak revolusi dan peperangan yang berlaku pada abad ke-19. Pendidikan digunakan sebagai satu cara mengembangkan semangat nasionalisme (Cordasco, 1976:93).

milik. *State* tidak seharusnya campur tangan dalam hal-hal pendidikan, yang seharusnya dikendalikan oleh famili dan gereja. *State* hanya mula campur tangan dalam perkembangan pendidikan pada tahun 1833 dengan memberikan bantuan kecil untuk membina bangunan sekolah. Bantuan ini kemudiannya menjadi bantuan tahunan mulai 1839.

Pada awal abad ke-19 terdapat dua jenis sekolah di England, iaitu sekolah rendah (*elementary school*) untuk golongan miskin dan sekolah menengah (*grammar school*) untuk kelas atasan. Kedua-dua jenis sekolah ini disediakan secara sukarela oleh pihak gereja dan para dermawan. Perubahan sosial dan ekonomi juga berkehendakkan sekolah memperluas tujuan serta kurikulum mereka. Kini sekolah bukan saja dijangkakan untuk meningkatkan kadar celik huruf, disiplin mental dan sahsiah moral yang baik tetapi sekolah juga dijangkakan dapat menyediakan kanak-kanak menjadi rakyat yang berguna, untuk mendapat pekerjaan dan untuk kejayaan serta kemajuan diri. Sekularisasi pendidikan semakin meningkat apabila pengaruh gereja semakin dapat dikawal dan pada masa yang sama pengaruh *state* ke atas sistem sekolah menjadi semakin kuat. Idea pendidikan untuk semua juga semakin menjadi satu kenyataan, dalam erti kata ... *European nations set out to achieve a system of elementary education that would be free, compulsory, universal and to a large degree secular* (Cordasco, 1976:94).

Berdasarkan falsafah pendidikan tersebut, sistem pendidikan telah dibentuk di negeri-negeri yang dijajahi British. Lazimnya, pendidikan dalam bahasa Inggeris diselenggarakan oleh pihak Inggeris sendiri sementara yang bukan dalam bahasa Inggeris diserahkan kepada golongan etnik berkenaan. Hal ini disebabkan wujudnya kesedaran bahawa penduduk tempatan harus diberi pendidikan namun, ... *the government believed it was enough that each group be educated in its own language and learn to accept its alloted role in life as conceived by the colonial rulers* (Andaya dan Andaya, 1982:222).

Pengalaman Singapura tentang ideologi dan sistem pendidikan jenis Barat bermula dengan Raffles yang berhasrat menyebar-

kan ... *humane protective civilizing influence*[8] di kalangan penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, bukanlah sembarangan pengaruh ketamadunan yang hendak diperkenalkan, tetapi suatu pengaruh yang telah dicetuskan menerusi Kristianiti. Tamadun Barat telah dibina di sekitar agama Judeo-Christian. Di sekitar keupayaan agama itu membentuk keperluan pengikutnya untuk bekerjasama dan mengawal kuasa semula jadi. Agama ini, yang mempunyai pelbagai jenis, memainkan peranan yang penting dalam tamadun Barat. Sebahagiannya kerana perpisahan *state* dari gereja telah menggalakkan individu mengambil tindakan sendiri dalam hal-hal agama. Kristianiti juga mempengaruhi tindak laku apabila ia menekankan amalan disiplin diri dalam berkhidmat untuk orang lain dan tabah menghadapi kesusahan.

Raffles berpendapat bahawa:

> ... *while we raise those in the scale of civilization over whom our influence or our empire is extended, we shall lay the foundations of our dominion on the firm basis of justice and mutual advantage instead of the uncertain and unsubstantial tenure of force and intrigue.*[9]

Beliau berpendapat hal ini boleh dicapai menerusi sekolah[10] dan pendidikan dalam bahasa ibunda harus ditingkatkan, selain diberi sedikit pelajaran bahasa Inggeris dan sains Barat untuk mereka yang menggunakannya (Hough, 1982:176). Swettenham juga mempunyai idea yang serupa. Bahkan, semasa tempoh pentadbirannya, Swettenham telah pergi selangkah lagi dengan mencadangkan ... *changing a Malayan environment to an essentially European environment in order to completely transform and civilize them. One way is through education which was to be an*

---

8 Coupland, R., 1934. Raffles. London, hlm. 11. Dipetik dalam Chelliah, 1947:12.

9 Diminit oleh Sir T.S. Raffles tentang pembentukan Malay College di Singapura pada tahun 1819. Minit ini dicetak dalam *Memoir of Sir T.S. Raffles* oleh Lady Raffles. London. 1830.

10 Chelliah, 1941:12. Juga lihat Boulger, D.C. 1897. *The Life of Stamford Raffles*. London.

instrument of change.[11]

Penjajah British menyediakan pendidikan bercorak Barat untuk sekurang-kurangnya dibebaskan daripada dicemuh kerana mengabaikan satu fungsi kerajaan yang penting, iaitu menyediakan pendidikan yang asas untuk penduduknya (Laporan Tahunan Perak, 1892). Adalah menjadi tanggungjawab sebuah kerajaan yang baik untuk menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk rakyatnya. Sekolah merupakan satu lagi simbol kemajuan kebendaan, aturan pentadbiran dan tamadun. Lagipun, pada masa itu penjajah berpandangan bahawa British mempunyai hak dan tanggungjawab untuk mentamadunkan orang Melayu.[12]

Walau bagaimanapun, Kerajaan Singapura hanya mula menunjukkan minat yang aktif terhadap pendidikan di sekitar tahun 1850-an apabila langkah-langkah yang lebih praktis diambil untuk memajukan bidang itu. Langkah-langkah itu diambil ekoran laporan yang dihantar kepada *Court of Directors* di India berhubung dengan taraf pendidikan yang terdapat dan disediakan untuk rakyat tempatan di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1854. Sebelum itu sekolah-sekolah asas telah dikendalikan oleh badan-badan mubaligh seperti yang dikendalikan oleh Keasberry dan beberapa badan lain dengan bantuan kewangan diterima daripada pihak kerajaan. Sekolah-sekolah ini bukanlah beraliran bahasa Melayu sungguhpun bahasa itu diajar dan kanak-kanak yang menghadiri sekolah itu terdiri daripada kanak-kanak Melayu.

Pada masa Kerajaan Singapura cuba mendapatkan satu sistem pendidikan yang dianggap sesuai untuk penduduknya,[13] Temenggung Ibrahim Seri Maharaja Johor serta pengikutnya

---

11 Dipetik dalam Allen, (1964:67).

12 Lihat perbincangan tentang perkara ini dalam Allen (1964) dan Stevenson (1975).

13 Dari segi pentadbir Inggeris melihat pendidikan sebagai satu cara menjadikan elit tempatan lebih responsif kepada minat dan cara hidup Eropah (Barat). Pada masa yang sama telah diperakui bahawa dengan memberi pendidikan kepada rakyat yang dijajah boleh menyemaikan perasaan tidak puas hati dan memberontak (Giddens, 1990:438).

yang ketika itu bermastautin di Teluk Belanga telah menyaksikan perkembangan tersebut. Bahkan, anak-anak kepada elit pemerintah Johor pada masa itu dididik dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan di Singapura. Lagipun hasil hubungan Temenggung dengan pihak Inggeris di Singapura mungkin memberi kesedaran kepadanya bahawa kebolehan membaca dan menulis serta memahami sesuatu merupakan kejayaan yang amat berguna. Keupayaan itu hanya boleh tercapai menerusi sistem pendidikan yang sistematik. Menerusi sistem pendidikan yang sedemikian rakyat akan dapat diajar berdisiplin, patuh dan menepati masa serta memperoleh pengetahuan yang boleh membantu masa depannya. Hasrat sedemikian memerlukan lebih daripada pengetahuan agama semata-mata. Hasilnya, kerajaan dan Temenggung Johor juga tertarik untuk menyediakan pendidikan yang lebih teratur untuk anak-anak Johor dan untuk mengasimilasi corak pembelajaran Barat. Dalam hal ini, Temenggung Ibrahim melihat faedah yang boleh diperoleh daripada pendidikan dan pengetahuan Barat. Mereka menyedari bahawa tanpa menerima pengetahuan Barat dan mengasimilasi serta menggunakan pengetahuan yang telah diperoleh untuk faedah mereka, maka peluang menangani usaha kawalan Inggeris adalah tipis.

Pendidikan di Johor Sebelum Tahun 1800

Sebelum kedatangan Barat ke alam Melayu tidak wujud pendidikan formal yang sistematik seperti yang lazim difahami kini. Walau bagaimanapun, pengetahuan dan pengalaman masih dapat disebarkan dan golongan rakyat tertentu menerima pendidikan sebagaimana yang terdapat ketika itu. Hubungan dengan negara-negara China, India, dunia Islam dan dunia Melayu itu sendiri telah membolehkan masyarakat tempatan memperkaya pengalaman serta pengetahuan mereka yang kemudiannya diperturun kepada generasi berikutnya. Sebelum komunikasi secara bertulisan diperkenalkan, pengetahuan dan pengalaman itu diperturunkan secara lisan seperti yang dinyatakan oleh Dundes (1965:1) iaitu ... *in a culture without writing, ... almost everything is transmitted orally; ... language, hunting techniques and mar-*

riage rules are passed orally from one generation to another.

Pengetahuan dan pengalaman itu lazimnya disampaikan oleh penglipur lara yang secara umumnya boleh dianggap sebagai pemelihara budaya (*cultural custodians*) tradisi masyarakatnya. Penceritaannya itu pula menyentuh atau memberi gambaran tentang umpamanya budaya dan amalan masyarakat, hiburan dan sejarah.

Apabila pengetahuan menulis pertama kali diperkenalkan ke dunia Melayu seawal abad ketujuh (Amin Sweeney, 1987:73), kebolehan menulis itu wujud seiringan tradisi lisan tadi. Walau bagaimanapun, tradisi lisan ini secara perlahan-lahan terganti akibat pengenalan budaya *literate* dan kemajuan tulisan.

Pada mulanya istana merupakan pusat membaca dan menulis. Di istana kebolehan menulis merupakan suatu kesenian yang eksklusif. Hanya segolongan kecil orang yang berkemampuan membaca dan menulis. Orang tertentu diberi tanggungjawab oleh istana untuk merekod peristiwa yang berlaku di istana, seperti menghasilkan salasilah dan menyimpan rekod. Warkah dan perutusan dari istana juga ditulis dan disalin oleh penulis istana. Dengan kemajuan dan perkembangan masyarakat secara perlahan-lahan keupayaan menulis dan membaca ini tidak lagi menjadi monopoli golongan raja dan pembesar bahkan tersebar kepada rakyat jelata.

Kebolehan membaca dan menulis yang berkaitan dengan pendidikan untuk rakyat berkait rapat dengan agama. Bahkan, pelajaran agama dan al-Qur'an yang diajar di madrasah atau di rumah guru di kampung merupakan jenis pendidikan yang wujud. Biasanya, menghafaz al-Qur'an merupakan jenis pendidikan yang dialami dan diterima oleh kebanyakan orang Melayu pada masa itu. Terdapat juga pelajaran tentang etika dan adat sopan orang Melayu-Islam. Perkara-perkara ini secara relatifnya dianggap mencukupi untuk memenuhi keperluan sosial dan agama masyarakat. Sementara keperluan ekonomi pula dipenuhi menerusi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dengan memerhati dan membantu mereka yang terlibat dalam pekerjaan tertentu. Maka, untuk kebanyakan penduduk pengetahuan dan pendidikan diperoleh dengan mencontohi tabiat sosial serta

kemahiran kerja golongan yang lebih berpengalaman. Kanak-kanak mula membantu di rumah dan di ladang pada umur yang masih muda. Kebolehan membaca dan menulis tidak dianggap perlu ataupun berguna dalam hidup mereka seharian. Apa pun jenis pendidikan yang ada pada masa itu adalah semata-mata untuk golongan lelaki. Golongan perempuan hanya mempelajari apa-apa yang berguna yang boleh diperoleh daripada ibu mereka.

Ringkasnya, pada masa itu tidak terdapat sebarang bentuk dasar pendidikan yang dirancang atau dibantu oleh *state* terhadap perkembangan pendidikan. Bahkan, hal seperti itu tidak pernah difikirkan.

Polisi dan Sistem Pendidikan Selepas 1800

Pada tahun 1855 apabila Gabenor Blundell telah memulakan perbincangan tentang pendidikan anak-anak Melayu di Singapura dan Johor, Temenggung Ibrahim telah menyambutnya dengan sikap yang positif. Apabila menjawab warkah Gabenor Blundell yang telah menarik perhatiannya kepada perkara pendidikan, Temenggung Ibrahim bertitah[14] bahawa baginda:

> *... desirous to join in any plan which had the benefit and advantage of their countenance and support for the education of the Malayan youths ... (so that) ... the Malayan youths shall have an opportunity of acquiring general European knowledge of a character that may be useful to them in their different sphere of life hereafter.*[15]

Lagipun memandangkan kedudukannya, Temenggung menganggap dirinya sebagai ... *the promoter and encourager of education* (Chelliah, 1947:25).

Temenggung Ibrahim juga telah bersetuju menyumbang sebanyak $1000 setahun untuk pembinaan sebuah sekolah di bawah pengawasan Keasberry atau guru lain yang dipersetujui oleh Kerajaan Inggeris, serta $500 setahun untuk sebuah sekolah

14 Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell. 24.8.1855. J/RAJA9. ANJ.
15 Temenggung memetik kata-kata Gabenor Blundell sendiri yang tertulis dalam suratnya bertarikh 24.8.1855.

bagi mengajar bahasa Malaysia. Untuk pembinaan sekolah Melayu ini Temenggung sanggup menyediakan sebidang tanah di Teluk Belanga dan membantu membina sekolah itu. Dengan itu selain sebuah sekolah Melayu yang didirikan di Kampung Gelam pada tahun 1840, sebuah sekolah asas untuk kanak-kanak Melayu lelaki telah juga didirikan di Teluk Belanga:

> *... they may learn to read and write Malay together with a little arithmetic and such other useful elementary knowledges can be conveyed to the boys in their own language through the medium of elementary books.*[16]

Boleh dikatakan bahawa sokongan *state* terhadap pendidikan rakyatnya bermula dengan pembukaan sebuah sekolah Melayu di kawasan istana di Teluk Belanga pada tahun 1846. Sungguhpun pendaftaran di sekolah itu agak kecil dan kemasukan terhad kepada anak-anak raja dan pembesar, prinsip pendidikan kerajaan telah terbentuk.

Temenggung Ibrahim telah memulakan langkah memberi perhatian kepada pendidikan dan pelajaran anak-anak Melayu Johor. Usaha itu telah diteruskan dengan lebih giat lagi oleh Sultan Abu Bakar yang menyedari akan perlunya pendidikan yang teratur. Pada tahun 1884, Sultan Abu Bakar telah menitahkan supaya sekolah-sekolah dibuka di daerah-daerah dalam negeri Johor.[17] Pada tahun 1901 sebuah Jabatan Agama dan Pelajaran telah ditubuhkan hasil termaktubnya Perlembagaan negeri Johor pada tahun 1895. Secara umum dua jenis pendidikan telah disusun semasa era pemerintahan Sultan Abu Bakar, iaitu sekolah pengantar bahasa Melayu dan pendidikan agama (Gray, 1978:232).

Sekolah Melayu yang pertama di Johor telah dibina pada tahun 1878. Sekolah ini diberi nama Sekolah Melayu Kampung Kandang Ayam dan terletak di pekarangan kawasan Istana Besar, Johor Bahru, iaitu berdekatan dengan bangunan pengawal istana.

---

16 Gabenor Blundell kepada Residen Councillor. 31.12.1855. *Governor: Letters to and from Resident Councillor* 1831–67. (Siri U). NLS.

17 Sila lihat Lampiran 'L' untuk senarai sekolah Melayu yang dibina di Johor hingga tahun 1941.

Sekolah agama yang pertama yang dibina oleh kerajaan pula ialah Sekolah al-Qur'an Sri Kopi yang dibina pada tahun 1923. Perkembangan dan kemajuan pelajaran rakyat terus diberi perhatian oleh pemerintah Johor. Bahkan persekolahan anak-anak Johor digalakkan tanpa mengira bangsa. Selain itu, pelajaran agama terus diberi penekanan dan dirancang seperti belajar al-Qur'an, kitab dan bahasa Arab.

Secara keseluruhannya penekanan yang lebih diberi kepada pelajaran untuk kanak-kanak lelaki Melayu, namun pelajaran untuk kanak-kanak perempuan juga diberi perhatian. Bahkan, sebuah sekolah khas untuk kanak-kanak perempuan telah dibuka pada tahun 1884 di Teluk Belanga sungguhpun sekolah itu terpaksa ditutup pada tahun 1887[18] akibat kemerosotan bilangan muridnya. Adat resam, kepercayaan dan tanggapan masyarakat tentang kedudukan wanita di rumah dan dalam komuniti merupakan halangan yang besar dalam hal kemajuan pelajaran golongan tersebut. Dalam sebuah warkah baginda kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil C. Smith, antara lain Maharaja Abu Bakar menyatakan:

> *... it would be a great pity to have to close it (Teluk Belanga Girls' School), but ... the children ... have mostly attained an age at which the delicacy of the Malay custom forbids them to go out.*[19]

Dengan itu, buat sementara waktu pelajaran untuk kanak-kanak perempuan Melayu kekal sebagai satu tambahan kecil lagi terabai kepada sistem sekolah Melayu untuk kanak-kanak lelaki. Kalau ada pun kanak-kanak perempuan yang pergi ke sekolah mereka menghadirinya setakat umur sembilan hingga sepuluh tahun. Selepas itu menjadi *... the Malay's custom to keep their girls as secluded as possible from that age until they married.*[20]

---

18 Sekolah ini dibuka semula pada tahun 1888 hasil campur tangan Sultan Abu Bakar. (Jabatan Pelajaran Johor, (t.th.), Bahagian Pendahuluan).

19 Sultan Abu Bakar kpd. Gabenor Negeri-Negeri Selat. 29.10.1887. *State Secretariat Letterbook*, 1885–1893. J/SUK11. ANJ. Lihat juga Gullick, 1987:268 dan Stevenson, 1975:92–94.

20 "The System of Education in the Federated Malay States" dalam *Special Reports on Educational Subjects*. Jil. 14. Cd. 2379 of 1905. Hlm. 9. PRO.

Sekolah perempuan yang pertama di negeri Johor telah dibuka pada tahun 1911 di Muar dan didirikan oleh rakyat secara bergotong-royong. Namun pada tahun 1912 sekolah tersebut telah diambil alih oleh kerajaan dan diberi nama baru, iaitu Sekolah Perempuan Bandar Maharani Muar daripada nama asalnya Sekolah Perempuan Sukapati.[21] Antara tahun 1918 dan 1941 terdapat beberapa sekolah Melayu perempuan yang lain didirikan di daerah-daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Segamat dan Kluang.

Pada mulanya kepercayaan dan amalan tradisional serta fikiran yang kolot telah menyebabkan ramai kanak-kanak perempuan tidak berpeluang ke sekolah. Walau bagaimanapun, apabila ibu bapa mulai sedar tentang kebaikan yang boleh diperoleh dengan menghantar anak perempuan mereka ke sekolah, peluang itu semakin terbuka.

Anak-anak Johor mula mengalami pendidikan jenis Barat melalui sekolah mubaligh Kristian. Sultan Abu Bakar sendiri telah menerima didikan di sebuah sekolah mubaligh – Keasberry's School,[22] yang terletak di Bukit Zion, Singapura. Sekolah ini telah menyediakan pendidikan dalam bahasa Melayu dan Inggeris (Amin Sweeney, 1980:17). Sultan Abu Bakar amat terpengaruh dengan kaedah pendidikan Barat dan pada tahun 1864 telah mendirikan sebuah sekolah Inggeris di Johor Bahru dengan berasaskan ... *English-type syllabus rather than the Arabic grammer, logic and Qur'an reading of the Islamic schools* (Andaya dan Andaya, 1982:154). Sekolah ini diberi nama *Johore Free School*[23] dan menawarkan pelajaran dalam dua aliran, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. *Johore Free School* ini

---

21 **Sukapati** merupakan sebuah perkataan Sanskrit yang bermakna 'Pelajaran Orang Ramai' (Public School). (Jabatan Pelajaran Johor, t.th.:41).

22 Keasberry's School ini kemudian menjadi model untuk pendidikan Melayu jenis Barat. Sekolah ini telah dibiayai oleh Temenggung Ibrahim dan Kerajaan Negeri-Negeri Selat. Pada mulanya sekolah ini menyediakan tenaga terlatih yang membina sistem pentadbiran dan kerajaan di Johor. Sekolah ini juga ... *was largely responsible for the subsequent westernization and the spirit of religious toleration among the Johore ruling class* (Turnbull, 1972:231–232).

23 *Straits Calender and Directory*, 1874.

boleh dianggap sebagai asas berkembangnya sekolah-sekolah lain di Johor. Para pendidik dari Barat juga diambil untuk membantu mengembangkan satu sistem pendidikan untuk Johor. Selain itu kerajaan juga telah menerima bantuan daripada mubaligh Katolik dari Singapura dan Melaka untuk menubuhkan sekolah-sekolah rendah Inggeris di Johor.[24] Sekolah-sekolah aliran Inggeris ini diketuai oleh Guru-guru Besar bangsa Eropah, yang sama ada dilantik oleh kerajaan (untuk sekolah-sekolah yang dibiayai oleh kerajaan) atau Lembaga Mubaligh (untuk sekolah-sekolah Mubaligh).

Sungguhpun Johor berminat terhadap pelajaran dalam bahasa Inggeris semenjak zaman pemerintahan Temenggung Ibrahim lagi dan pembukaan sekolah-sekolah dalam bahasa Inggeris digalakkan di negeri itu, namun keunggulan bahasa Malaysia tetap terpelihara. Umpamanya, pada tahun 1914 sebelum Inggeris meningkatkan kuasanya kepada taraf Penasihat Am, baginda Sultan Ibrahim telah meminta jaminan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Arthur Young, bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diterima sebagai bahasa rasmi negeri.[25]

Pengurusan dan Pentadbiran

Untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal pendidikan pada tahun 1883, Johor telah menubuhkan sebuah Jabatan Pelajaran yang diketuai oleh Datuk Bentara Dalam, iaitu Datuk Munsyi Ibrahim (SSD, 1883). Pada tahun tersebut telah terdapat lima buah sekolah di Johor: Sekolah Melayu Johor Bahru; Sekolah Melayu Pengerang; Sekolah Melayu Padang; Sekolah Melayu Tanjung Surat dan Sekolah Inggeris Johor Bahru. Dengan tertubuhnya Jabatan Pelajaran itu semua aliran sekolah di Johor telah disatukan dalam sistem pelajaran am Johor (lihat Rajah 3.1).

---

24 Sekolah mubaligh pertama di Johor ialah Convent of the Holy Infant Jesus, Johor Bahru, yang ditubuhkan pada tahun 1924.

25 Sultan Ibrahim kpd. Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Arthur Young. 11.5. 1914. J/PPB2. ANJ.

Rajah 3.1 Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, 1883. *Sumber*: Jabatan Pelajaran Johor. (t.th.): 14.

Pada tahun 1887 jabatan ini telah ditambah dengan penubuhan sebuah Lembaga Penasihat Pelajaran yang dianggotai oleh ketua-ketua jabatan kerajaan dan pemimpin setempat. Jawatan Guru Pelawat juga diperkenalkan (lihat Rajah 3.2).

Ekoran termaktubnya Perlembagaan Negeri Johor pada tahun 1895, rombakan besar-besaran telah berlaku dalam struktur kerajaan. Antara jabatan baru yang ditubuhkan ialah Jabatan Agama dan Pelajaran (Ecclesiastical and Education Department), yang menggabungkan Jabatan Pelajaran dan Jabatan Aga-

Rajah 3.2 Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, 1887 – 1888 *Sumber*: Jabatan Pelajaran Johor, (t.th.): 15.

ma, pada tahun 1901.[26] Jabatan ini diketuai oleh seorang Yang Dipertua atau Presiden (lihat Rajah 3.3). Walau bagaimanapun, komponen jabatan ini telah dipisahkan pada tahun 1906 dan bergerak secara berasingan.

Apabila pada tahun 1910, Inggeris berjaya meningkatkan kawalannya ke atas Johor dengan terlantiknya seorang Penasihat Am, pendidikan dengan pengantar bahasa Melayu dan pendidikan agama kekal dalam kawalan pihak pentadbir Melayu. Bahagian pendidikan ini diketuai oleh seorang Ketua Inspektor (Nazir) Sekolah-sekolah Melayu. Walau bagaimanapun, pihak Inggeris diberi tanggungjawab mentadbir pendidikan dengan pengantar bahasa Inggeris dengan terlantiknya seorang Pegawai Pelajaran Inggeris (Gray, 1978:325). Pada tahun 1918 pentadbiran Jabatan Pelajaran telah dibahagi kepada dua, iaitu Jabatan

Rajah 3.3 Struktur Pentadbiran Jabatan Agama dan Pelajaran Johor, 1901. *Sumber*: Jabatan Pelajaran Johor, (t.th.): 16.

26 *Singapore and Straits Directory*, 1901.

Pelajaran Inggeris dan Jabatan Pelajaran Melayu dengan setiap bahagian mempunyai ketua masing-masing (lihat Rajah 3.4).

Satu masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir dalam hal persekolahan anak-anak Melayu ialah masalah kehadiran di sekolah. Pada mulanya ibu bapa agak keberatan untuk kehilangan tenaga bantuan anak mereka di rumah dan di ladang. Mereka tidak begitu tertarik atau tidak begitu mempercayai pelajaran yang bercorak sekular. Dengan itu, satu enakmen[27] telah diperkenalkan pada tahun 1902 mewajibkan ibu bapa bangsa Melayu menghantar anak mereka ke sekolah.

Enakmen 1902

(i) Hendaklah sekalian rakyat dan tiap-tiap orang yang ada duduk dalam perintah Johor ini daripada sebarang bangsa pun menghantarkan sekalian anak-anak laki-lakinya yang cukup umurnya 7 tahun masuk belajar ke dalam sekolah kerajaan tiap-tiap hari yang lain daripada kelepasan ialah di mana-mana ada sekolah Melayu, Qur'an atau Inggeris dan Cina.

(ii) Ialah masa dan umurnya itu dari 7 tahun sehingga 16 tahun selagi belum mendapat kesempurnaan wajiblah tetap dan kekal belajar mereka itu dalam sekolah yang tersebut.

(iii) Adalah bertanggung wajib bagi menghantarkan kanak-kanak ke sekolah ini ialah bapa atau emak atau wali atau sebarang waris kanak-kanak itu.

(iv) Barang siapa daripada yang tersebut di atas ini wajiblah di atas ibu bapa kanak-kanak itu menanggung keberatan dengan disaman akan mereka itu dan dihukum denda $25.00 atau jel sehingga tiga bulan mereka itu serta dikuatkan kanak-kanak itu masuk belajar ke dalam sekolah yang tiada boleh tidak selama-lamanya bagaimana yang tersebut dengan tetap rajin dan usaha. Maka kanak-kanak yang tiada masuk belajar ke dalam sekolah di mana ada bersekolah itu nescaya ditangkap polis akan mereka itu, dan dihukumkan.

---

27 Jabatan Pelajaran Johor. Sejarah Sekolah-sekolah Johor. Dicetak dengan perintah. Johor Bahru. (t.th.) hlm. 3–4.



Rajah 3.4 Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor setelah berpecah kepada Bahagian Pelajaran Inggeris dan Bahagian Pelajaran Melayu, 1918. *Sumber:* Jabatan Pelajaran Johor, (t.th.):18.

Kesedaran bahawa terdapat undang-undang yang boleh memaksa kehadiran kanak-kanak di sekolah itu telah mempunyai kesan yang diharapkan ke atas ibu bapa Melayu. Walau bagaimanapun, masalah kehadiran kanak-kanak di sekolah terus wujud. Satu undang-undang telah diperkenalkan pada tahun 1915 iaitu Undang-undang Kedatangan Sekolah, bagi memaksakanak-kanak lelaki Islam yang tinggal berhampiran dengan sekolah kerajaan hadir belajar di sekolah-sekolah itu.[28] Sebuah undang-undang lagi telah diperkenalkan pada tahun 1919.[29] Namun, adalah sukar melaksanakan undang-undang tersebut. Sungguhpun pada mulanya undang-undang 1915 ini terhad kepada kanak-kanak lelaki Islam, tetapi kemudiannya telah diperluas untuk meliputi kanak-kanak perempuan Islam. Pada bulan Februari, 1929, Baginda Sultan telah bertitah di Dewan supaya Pesuruhjaya, pegawai dan ketua-ketua kampung "menguatkan" kanak-kanak Islam menuntut pelajaran agama Islam di mana-mana sekolah di daerah Johor.[30]

Secara umumnya, sekolah-sekolah Melayu dan agama telah dibuka dengan terdapatnya ramai anak Melayu, tetapi sekolah Inggeris hanya terdapat di kawasan bandar.[31] Untuk sistem pendidikannya, Johor telah melaksanakan sistem baru mengajar bahasa Inggeris serentak dengan bahasa Malaysia. Dalam laporan tahunan 1919, sistem ini dianggap berjaya. Bahkan, H. Mortimer, Pemangku Pegawai Pelajaran Inggeris, mencadangkan supaya pentadbiran sekolah Melayu dan Inggeris disatukan kerana mengikut beliau:[32]

Bukit Zaharah School[33] *shows that the joint teaching of*

---

28 Lihat Kumpulan Surat Sembah. J/RAJA. Juga GA107/15. ANJ.

29 'Amalgamation of Malay and Religious Schools in Johore.' GA578/33. ANJ.

30 SS816/29. ANJ.

31 Sila lihat Lampiran 'L' untuk senarai sekolah rendah dan menengah Inggeris yang ditubuhkan di Johor hingga tahun 1941.

32 Mesyuarat pegawai-pegawai Melayu tentang pelajaran anak-anak Melayu Johor. 2.12.26. MB313/26. ANJ.

33 Sekolah Bukit Zaharah telah ditubuhkan pada tahun 1892 bertempat di sebuah istana, yang terletak di atas sebuah bukit, yang mempunyai nama yang sama. Sekolah ini pada asasnya merupakan sebuah sekolah Inggeris

> *English and Malay is a success and that as and where the same becomes practicable at each educational centre through the State the English and Malay schools be run together under one administration.*

Walaupun perhatian diberikan kepada aspek persekolahan dan pendidikan, namun perjalanan pentadbiran dan susunannya, terutama untuk sekolah-sekolah Melayu dan agama, kurang memuaskan. Keadaan sedemikian telah menggerakkan Penasihat Am mencadangkan kepada kerajaan supaya dilantik seorang Pegawai Pelajaran Inggeris untuk menasihat sekolah-sekolah Melayu.[34] Walau bagaimanapun, pada 10 September 1919, suatu resolusi telah dibentangkan dalam mesyuarat kerajaan mencadangkan:

> *... the establishment of education in Johore on a sound and permanent basis and for its advancement on proper lines it is desirable that Education Board be appointed in Johore to exercise general supervision and control over all matters connected with education in all English and Malay schools.*[35]

Sebuah Jemaah Pelajaran yang mempunyai fungsi sebagai penasihat telah dibentuk pada bulan Oktober 1919 dan dianggotai oleh Ungku Aziz, Datuk Gawler, Mohamed Salleh, J.V. Thompson dan Haji Ismail. Penasihat Am dilantik sebagai pengerusi. Walau bagaimanapun, jemaah itu tidak dapat berfungsi sepenuhnya kerana tidak mempunyai kuasa-kuasa khusus serta sebuah enakmen pelajaran bagi menentukan tanggungjawabnya. Pada bulan September 1921, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan tentang perlembagaan dan fungsi Jabatan Pelajaran dan Jemaah Pelajaran. Ahli-ahli lama jemaah itu dilantik semula kecuali Penasihat Am dan ditambah dengan dua lagi ahli yang dilantik oleh mesyuarat kerajaan. Malangnya, jemaah

---

yang bergelar *English School Johor Bahru*. (Sultan Abu Bakar kpd. Gabenor Negeri-Negeri Selat. 3.7.1892. *State Secretariat Letterbook, 1885–1893*. J/SUK11. ANJ).

34 GA95/18. ANJ.

35 Pemangku Penasihat Am kepada Setiausaha Kerajaan. GA62/26. ANJ.

itu masih tidak dapat berfungsi sebagaimana diharapkan kerana *... the lack of experience and lack of knowledge of the methods of running an Education Department.*[36]

Dari segi pentadbiran pula, hingga tahun 1927 terdapat dua Jabatan Pelajaran. Pertama, Jabatan Pelajaran Melayu yang diketuai oleh Ketua Inspektor Sekolah-sekolah Melayu. Jabatan ini bertanggungjawab terhadap sekolah Melayu dan sekolah agama. Keduanya, ialah Jabatan Inggeris yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran Inggeris. Jabatan ini bertanggungjawab ke atas sekolah Inggeris dan sekolah Tamil. Bermula pada peringkat awal lagi sekolah Inggeris di Johor mengamalkan sistem pendidikan *Anglo-Vernacular*, iaitu mengajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara serentak. Sistem ini bertujuan menjadikan kanak-kanak lelaki Melayu yang mempelajari bahasa Inggeris bersifat dwibahasa. Sehubungan itu, di dalam Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran Inggeris, 1918, Pegawai Pelajaran Inggeris ketika itu, Thompson berpendapat bahawa:

> *The learning of English is yearly becoming more part of Johore Malay boys' life and if we are able to obtain a competent staff of English masters, I see no reason why the educated Johore Malay should not become bilingual.*

Dalam sistem ini bahasa Melayu terus diajar di sekolah Inggeris. Di sekolah Melayu pula pelajaran bahasa Inggeris mula diperkenalkan dalam kurikulum Darjah V (sekolah di Batu Pahat) atau Darjah III (Sekolah Ngee Heng[37] di Johor Bahru). Sebelum itu kanak-kanak hanya menggunakan bahasa Melayu tulisan jawi dan tidak kenal abjad Rumi (Roman).

Keadaan ini agak berbeza dengan sistem pendidikan yang diamalkan di Negeri-Negeri Selat dan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Di negeri-negeri berkenaan kanak-kanak di sekolah Melayu tidak mempelajari bahasa Inggeris tetapi diajar menulis

---

36 Dipetik daripada artikel bertajuk *Johore Education System*. Singapore Free Press. 4.10.1933.

37 Nama penuh sekolah ini ialah Ngee Heng Primary School, sebuah sekolah Inggeris yang dibina pada tahun 1928. Nama Ngee Heng adalah sempena nama sebuah kongsi Cina yang berpengaruh di kawasan itu.

bahasa Melayu dengan cara jawi dan Rumi. Pegawai pelajaran di sana memikirkan bahawa orang Melayu seharusnya menerima pendidikan asas yang kukuh dalam bahasanya sendiri sebelum diperkenalkan kepada bahasa Inggeris. Apabila murid-murid sekolah Melayu yang telah sampai ke Darjah IV (untuk murid lelaki) atau Darjah III (untuk murid perempuan) dipilih untuk memasuki sekolah Inggeris, mereka akan pada mulanya memasuki Standard Pilihan Melayu (Special Malay Class). Dalam kelas ini murid-murid akan diberi latihan bahasa Inggeris secara intensif. Rancangan ini dimulakan pada tahun 1931 dan bahasa Melayu tidak diajar langsung. Setelah dua tahun di kelas tersebut murid-murid yang memperoleh keputusan cemerlang akan memasuki Standard V Inggeris dan diajar juga nota pelajaran bahasa Malaysia. Sementara yang lain akan memasuki Standard IV dan dan segolongan kecil yang lemah pula akan memasuki Standard III.

Sistem *Anglo-Vernacular* telah diperkenalkan dalam tahun 1916 lagi di Johor, tetapi pada tahun 1926 Jemaah Pelajaran memutuskan bahawa sistem itu telah gagal memandangkan kemajuan yang kurang baik dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan itu, jemaah tersebut mengesyorkan[38] supaya sistem itu diberhentikan bermula pada tahun 1927. Sebagai gantinya pendidikan awal hendaklah diberi dalam bahasa Malaysia untuk selama lima tahun. Selepas itu kanak-kanak lelaki itu layak memasuki sekolah Inggeris dengan syarat dia telah lulus peperiksaan Darjah IV sekolah Melayu dan di bawah umur dua belas tahun.[39] Keputusan menerima pendidikan asas vernakular adalah selaras dengan persetujuan yang tercapai dalam *Singapore Educational Conference* tahun 1923, yang menegaskan bahawa adalah lebih baik bahasa ibunda diajar dahulu sebelum diperkenalkan pendidikan *Anglo-Vernacular*.

---

38 Syor yang telah dibuat oleh Jemaah Pelajaran, 6.10.26, SS426/26, ANJ.

39 Walau bagaimanapun tidak terdapat peraturan yang selaras untuk mengawal kemasukan itu. Keadaan ini memungkinkan berlakunya penipuan terutamanya yang berkaitan dengan umur.

Syarat-syarat yang mengawal kemasukan ke sekolah Inggeris dan kemajuan yang agak perlahan hasil sistem *Anglo-Vernacular* sebelum itu memerlukan pengenalan satu sistem *superannuation* bagi menyelesaikan masalah murid-murid terlebih umur. Dalam sistem *superannuation* ini secara puratanya kanak-kanak hendaklah sekurang-kurang dua tahun lebih tua daripada umur yang lazim dalam sesuatu standard. Umpamanya:[40]

Peringkat	Umur lazim	Umur *superannuation*
Std. I	10	12
Std. II	11	13
Std. III	12	14

Baginda Sultan Ibrahim tidak berkenan dengan kanak-kanak lelaki berumur enam belas tahun berada di kelas rendah, iaitu Standard I, II dan III. Baginda berpendapat bahawa budak-budak itu menghalang mereka yang lebih muda daripada memasuki sekolah tersebut.[41]

Jemaah Pelajaran yang telah bersidang pada bulan April 1925 memutuskan bahawa pada masa hadapan kanak-kanak lelaki yang berumur lebih daripada enam belas tahun tidak akan dibenarkan masuk ke kelas rendah. Untuk menghalang kemasukan lewat kanak-kanak ke sekolah Melayu, Undang-undang Kedatangan Sekolah, Bilangan 8 tahun 1915 akan dilaksanakan dengan tegas.

Kerajaan Johor juga merasakan bahawa sistem pendidikan yang ada tidak mencapai prestasi sebagaimana yang dijangkakan. Lantaran kerajaan meminta Jabatan Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menghantar Ketua Inspektor Sekolah Inggeris terutamanya untuk memeriksa Sekolah-sekolah Inggeris. Laporan[42] yang dikemukakan oleh

40 *Johore Educational Policy*. GA615/33. ANJ.

41 Setiausaha Sulit Sultan kepada Penasihat Am. 10.2.1925. GA113/25. ANJ.

42 Ketua Inspektor yang dimaksudkan ialah J. Watson. Beliau memeriksa Sekolah-sekolah Inggeris di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat pada bulan Februari, 1926. Beliau telah menyerahkan laporannya tentang '*The Organisation of the English School of Johore*' pada bulan Mac 1926. GA62/26. Juga SS1205/26. ANJ.

Ketua Inspektor itu menunjukkan kelemahan dari segi organisasi umum sistem sekolah yang ada dan mencadangkan supaya pelajaran Inggeris di Johor disusun semula.

Laporan itu telah dibincangkan dalam mesyuarat kerajaan dan sungguhpun terdapat bantahan keputusan telah dibuat supaya Jabatan Pelajaran dan sistem pendidikan negeri disusun semula supaya selaras dengan sistem pendidikan yang lebih progresif dan berjaya yang terdapat di negeri-negeri jiran. Untuk tujuan penyusunan semula ini Kerajaan Johor telah meminta bantuan R.O Winstedt, Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Winstedt mencadangkan H.R. Cheeseman dipinjamkan ke Johor dan dilantik sebagai *Superintendent of English and Vernacular Education in Johore.*[43]

Sesuai dengan keputusan untuk menyusun semula Jabatan Pelajaran, Jemaah Pelajaran telah dimansuhkan pada tahun 1928 *... as it was considered that the educational progress of the State had not yet sufficiently advanced for an Education Board to function to advantage.*[44] Sebagai gantinya sebuah Jawatankuasa Penasihat (Advisory Committee) yang mempunyai tiga orang ahli telah dilantik untuk membantu Superintenden Pelajaran dalam semua hal yang berkaitan dengan pendidikan dalam bahasa Melayu.

Secara umum dipersetujui bahawa sebelum tahun 1928 Johor tidak mempunyai apa-apa bentuk dasar pendidikan selain impian bahawa suatu hari nanti Johor akan dapat menyediakan suatu bentuk pendidikan *universal* dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia untuk rakyatnya.[45] Bahkan, Winstedt berpendapat *... Johore had the worst English and Malay schools of any of the Malay States on the coast of this Peninsula.*[46] Lantas,

---

43 Winstedt kepada Colonial Secretary, Negeri-Negeri Selat. 7.12.1927. GA62/26. ANJ.

44 Pembubaran itu telah dicadangkan oleh Penasihat Am dan dipersetujui oleh baginda Sultan. (Setiausaha Sulit Sultan kepada Menteri Besar. 14.11.1927. GA648/27. ANJ).

45 Johor Education. *Memorandum on Education, Johore 1928–33.* H.R. Cheeseman. GA615/33. ANJ.

46 Memorandum yang dikemukakan oleh Winstedt semasa mempertahankan

penyusunan semula sistem pendidikan Johor memerlukan satu keterangan yang jelas tentang dasar pendidikan negeri itu. Pada tahun 1928, mesyuarat kerajaan telah memutuskan bahawa dasar dan tujuan pendidikan di Johor adalah seperti yang berikut:[47]

1. *In the English Schools, the aim is to give a primary and secondary education (moral, mental and physical) in day schools for selected boys from Malay Vernacular Schools (and for boys of other races for whom places exist). The enrolments of the schools are to be fixed from time to time in accordance with the number of posts available for boys with an English education in Government or private employment in the State of Johore. The selected boys are to be exempted under certain conditions from payment of school fees but are to pay book fees.*

2. *In the Malay Boys' Schools, the aim is to give a sound primary education (moral, mental and physical) to boys from five to fourteen years of age. Special attention is to be paid to local crafts and industries and to gardening in rural areas.*

3. *In the Malay Girls' Schools, the aim is to give a sound primary education (moral, mental and physical) to girls from five to fourteen years of age. Special attention is to be paid to Needlework and Handwork, Nursing, Cookery and Domestic Economy generally!*[48]

4. *In the Religious Schools, the aim is to give moral and religious instruction in accordance with an approved syllabus and to prepare the pupils for their religious duties.*

Johor masih mengekalkan empat jenis sekolah iaitu sekolah Inggeris, sekolah Melayu lelaki, sekolah Melayu perempuan dan sekolah agama. Sekolah agama yang dibina pada tahun 1918

---

penyusunan semula yang dilakukan oleh Cheeseman terhadap sistem pendidikan di Johor. GA615/33. ANJ.

47 Laporan 'Education in Johore 1928–1933'. Disediakan oleh H.R. Cheeseman, *Superintendent of Education, Johore*. 14.12.1933. GA615/33. ANJ.

48 Menjadi harapan pihak pentadbir Inggeris bahawa menerusi kraftangan seperti menjahit, menenun kain dan membuat les, kanak-kanak perempuan Melayu akan dapat dipengaruhi oleh idea Barat tentang pendidikan.

digelar Sekolah Al-Qur'an dan bertujuan membaca dan mempelajari al-Qur'an. Pada tahun 1923, nama sekolah itu ditukar kepada Sekolah Kitab untuk membayangkan perkembangan kurikulumnya kepada aspek-aspek agama yang lain. Pada tahun 1926, nama sekolah tersebut ditukar sekali lagi kepada sekolah agama. Nama ini masih kekal digunakan hingga ke hari ini. Pendaftaran di sekolah agama mula diwajibkan pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim. Sungguhpun kini pendaftaran tidak lagi diwajibkan, ramai ibu bapa Islam Johor masih menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama. Amalan ini mengekalkan tradisi Johor itu. Amalan lazim kini ialah mendaftar anak-anak masuk Darjah Satu di sekolah agama setelah anak itu masuk Darjah III di Sekolah Rendah Kebangsaan. Sekolah agama dikendalikan oleh Jabatan Agama Johor dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor. Hal ini disebabkan sekolah tersebut merupakan tempat mempelajari agama Islam. Tindakan ini membayangkan usaha memisahkan hal ehwal agama daripada sekular. Walau bagaimanapun, urusan membayar gaji dan menjaga disiplin guru-guru sekolah agama masih terletak di bawah pengurusan Jabatan Pelajaran Johor.[49]

Pendidikan untuk anak-anak Melayu pula diberi secara percuma. Kehadiran di sekolah adalah dimestikan untuk kanak-kanak lelaki, sementara galakan harus diberi kepada kanak-kanak perempuan untuk pergi ke sekolah.

Selain daripada empat jenis sekolah itu, terdapat juga Sekolah Vernakular Tamil. Sungguhpun sekolah Tamil ini menerima bantuan kerajaan tetapi sekolah tersebut lebih merupakan sekolah estet kerana ia terdapat di estet-estet dan diuruskan oleh pihak estet. Pada peringkat awal, golongan sami India yang terpelajar telah menjadikan kuil-kuil mereka sebagai sekolah.[50] Hasil pelaksanaan Undang-undang Buruh (Labour Code) pada tahun 1912, banyak sekolah Tamil didirikan di kawasan luar

---

49 *Johore Annual Report*, (1928:20).

50 Sekolah Tamil yang pertama di Johor ialah Sekolah Tamil Ladang Lanadron, di Daerah Panchor. Sekolah ini dibina pada tahun 1908. (Jabatan Pelajaran Johor, t.th.:85).

bandar (lihat Jadual 3.5). Keadaan ini disebabkan oleh undang-undang tersebut yang menjadikan tanggungjawab pengurus-pengurus ladang (sebahagian besarnya berbangsa Inggeris) menyediakan sekolah jika bilangan kanak-kanak yang berumur tujuh hingga empat belas tahun, yang terdapat di sesebuah ladang, adalah melebihi sepuluh orang.

Sekolah Vernakular Cina pula terletak di bawah kelolaan Pegawai Pelindung Cina (Protector of Chinese)[51] Jadual 3.2 menunjukkan perkembangan sekolah-sekolah Cina di Johor. Pelajaran Cina bergantung sepenuhnya kepada perkembangan penduduk dan sumber kewangan masyarakat tersebut. Pada mulanya pelajaran Cina dilaksanakan sendiri oleh masyarakat itu di bawah sistem 'Sze Szu'. Hal ini telah menyebabkan hanya segolongan kecil kanak-kanak Cina menerima pendidikan. Walau bagaimanapun, selepas Enakmen 1902 dilaksanakan keadaan telah berubah. Sistem 'Sze Szu' itu disusun semula ... "supaya sekolah yang formal dapat memberikan peluang belajar kepada kanak-kanak Cina yang lain" (Jabatan Pelajaran Johor, t.th.:73).

Jadual 3.1 Sekolah Tamil Johor hingga tahun 1941.

Tahun	Sekolah di bandar	Sekolah di luar bandar	Jumlah
1931	2	46	48
1939	9	121	130

Sumber: Jabatan Pelajaran Johor, t.th.:86.

Jadual 3.2 Perkembangan Sekolah Cina Johor, 1901–1941.

Tahun	Bilangan
1901	1
1911	2
1921	16
1931	62
1941	118

Sumber: Jabatan Pelajaran Johor, t.th.:75.

51 Sekolah Cina formal yang pertama telah dibuka pada tahun 1901 dan diberi nama *Johore Baru Chinese School* (*Singapore and Straits Directory*, 1901).

Selain sekolah Tamil dan Cina, terdapat juga kelas-kelas malam serta teknik yang diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Johor untuk melatih kerani-kerani dalam Perkhidmatan Perkeranian Kerajaan. Sekolah-sekolah Vernakular (Melayu, Tamil dan Cina) menyediakan pendidikan asas sementara pendidikan selanjutnya disediakan dalam bahasa Inggeris.

Cheeseman mempertahankan bahawa dasar yang diambil untuk Sekolah Lelaki Melayu adalah untuk menghapuskan masalah buta huruf dan menyediakan kanak-kanak lelaki untuk hari muka. Sementara itu, dasar pendidikan untuk kanak-kanak perempuan diambil atas kepercayaan bahawa:

> *An illiterate female population cripples a nation by the comparative immobilisation of a half of its intellectual resources: the whole texture and strength of the national life are largely dependent on the contribution which women make to it....*[52]

Sungguhpun telah terdapat sekolah Melayu untuk kanak-kanak perempuan pada tahun 1928, tidak terdapat sekolah Inggeris biayaan kerajaan untuk mereka. Sekolah Inggeris yang terdapat untuk kanak-kanak perempuan ketika itu hanyalah Sekolah Convent yang menerima bantuan kerajaan. Selain itu, mata pelajaran yang berkaitan dengan urusan rumah tangga seperti masak-memasak dan menjahit telah diajar di sekolah-sekolah perempuan semenjak awal tahun 1920-an lagi.[53] Mata pelajaran ini telah diberi penekanan dalam penyusunan semula sekolah-sekolah yang dicadangkan oleh Cheeseman pada tahun 1928. Namun, sebuah sekolah khas Tadbir Rumah Tangga hanya ditubuhkan pada tahun 1942 hasil desakan Ibu Azizah bt. Jaafar, iaitu Penyelia Mata Pelajaran Urusan Rumah Tangga. Setelah tamat Darjah V Sekolah Melayu, murid-murid perempuan diterima masuk ke sekolah ini untuk dilatih mentadbir rumah tangga pula.

---

52 Dipetik daripada *Education in Johore 1928–1933*. hlm. 10. H.R. Cheeseman. GA615/33. ANJ.

53 Report on the Malay Girls' School in Johore Bahru signed by Tengku Azizah and Datin Gawler. 10.4.23. SS896/23. ANJ.

Sementara itu dasar yang dibentuk untuk sekolah Inggeris memerlukan dasar sampingan mengehadkan bilangan dan memilih kanak-kanak yang boleh menerima pendidikan Inggeris. Dasar Pendidikan Inggeris corak universal terus diamalkan hingga tahun 1926 apabila dasar itu ditamatkan. Keputusan tersebut diambil setelah terbukti bahawa dasar itu memerlukan *State* mengeluarkan perbelanjaan yang besar. Masalah perbelanjaan juga menunjukkan perlunya bilangan penerima pendidikan Inggeris dihadkan. Lagipun, ... *for a rural State it is by no means essential to more than a limited number.*[54] Sekatan bilangan itu dilakukan dengan memilih kanak-kanak dari sekolah vernakular tertakluk kepada umur, rekod sekolah dan keputusan peperiksaan. Dasar demikian memerlukan supaya umur untuk memulakan persekolahan disesuaikan serta sukatan pelajaran sekolah Melayu disusun semula dan diubah supaya kanak-kanak lelaki tidak menghadapi masalah akibat kemasukan lewat ke sekolah Inggeris. Darjah Pilihan Melayu diwujudkan dalam tahun 1931 untuk melicinkan peralihan kanak-kanak yang terpilih dari sekolah Melayu ke sekolah Inggeris setelah kanak-kanak itu lulus Darjah IV (lelaki) atau III (perempuan). Dengan adanya sistem baru ini diharapkan bahawa sistem *superannuation* akan secara beransur-ansur terhapus.

Dasar pendidikan yang dibentuk pada tahun 1928 ini juga mengambil kira bahawa Sekolah Pertukangan (Trade School) dan institusi-institusi lain untuk latihan vokasional akan dibuka sebaik saja susunan baru sekolah Inggeris dan Vernakular mempunyai asas yang kukuh. Sekolah ini adalah untuk kanak-kanak yang telah menerima pendidikan asas dan didapati tidak berkemampuan mengikuti jenis pendidikan yang terdapat dalam sekolah Inggeris selain lemah dari segi bahasa. Sekolah Pertukangan yang pertama telah dibuka pada tahun 1932 dengan menawarkan kursus tiga tahun dalam bidang pertukangan dan jahitan.

Untuk memudahkan penyusunan semula sistem pendidikan itu, dalam mesyuarat kerajaan bulan Oktober 1928 baginda Sul-

54 *Ibid.* hlm. 11.

tan telah bertitah supaya dua buah Jabatan Pelajaran yang terdapat ketika itu disatukan semula untuk mencapai ... *unity of purpose and a common policy*.[55] Dengan itu, hal-hal pelajaran (Sekolah Lelaki Melayu, Sekolah Perempuan Melayu dan Sekolah Inggeris) di Johor disatukan di bawah satu pentadbiran (lihat Rajah 3.5) yang diketuai oleh Superintenden Pelajaran.

Untuk sekolah agama pula, sebuah jawatankuasa untuk pendidikan agama telah dibentuk. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan sukatan pelajaran, pengajaran dan menasihati Superintenden Pelajaran dalam semua hal yang berkaitan dengan agama dan adat Islam. Untuk hal-hal gaji, disiplin dan rutin pula Sultan menitahkan supaya guru-guru sekolah agama diletakkan di bawah Jabatan Pelajaran.[56]

Kerajaan telah meluluskan skim umum untuk penyusunan semula sekolah Melayu yang dilaksanakan pada tahun 1929,[57] sementara penyusunan semula sekolah Inggeris bermula pada tahun 1928 itu sendiri, iaitu apabila sistem pendidikan yang baru itu dirasmikan. *Johore Education Code 1* telah juga diluluskan pada tahun 1929. Undang-undang itu mengandungi peraturan umum yang diluluskan oleh kerajaan dan cadangan berkaitan dengan organisasi sekolah.

Dengan penyusunan semula itu secara umumnya kerajaan telah membentuk tiga jenis sekolah untuk kanak-kanak Melayu Johor: sekolah Melayu mengajar bacaan, tulisan, kira-kira dan perkara-perkara lain dalam bahasa Melayu; sekolah agama pula mengajar pelajaran agama dengan menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris.

Peraturan dan Sukatan Pelajaran Sekolah

Sehubungan dengan penyusunan semula sistem pelajaran, sukatan pelajaran yang dianggap sesuai juga telah dikeluarkan dengan

---

55 Cheeseman dalam laporannya. GA615/33. Juga MB120/28. ANJ.
56 *Laporan Tahunan Johor*. (1928:20).
57 Keseluruhan penyusunan semula itu telah selesai pada tahun 1930.

disertakan peraturan mengajar bagi kemudahan dan panduan guru-guru. Secara umum kanak-kanak dikehendaki menghadiri sekolah lima hari dalam seminggu, iaitu dari hari Ahad hingga hari Khamis[58] dari jam 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari. Kanak-kanak mula bersekolah ketika berumur enam tahun.

Selain peraturan umum itu terdapat juga peraturan lain khususnya untuk jenis-jenis sekolah yang tertentu. Untuk sekolah Melayu[59] antaranya ditentukan supaya sekolah-sekolah yang tidak menawarkan pelajaran agama di sebelah petang, maka pelajaran tersebut akan diajar kepada murid-murid Darjah III dan ke atas pada tiap-tiap hari dari jam 1:30 petang hingga 2:00 petang. Pelajaran itu akan dikendalikan oleh guru-guru Melayu yang layak mengajarnya. Sungguhpun sekolah Melayu mengajar hingga Darjah V, murid-muridnya dibenarkan masuk ke sekolah Inggeris apabila telah sampai dan lulus Darjah IV. Kemasukan itu pula adalah berdasarkan pilihan dan kebenaran Penguasa (*Superintendent*) Pelajaran. Kanak-kanak menghadiri sekolah Melayu secara percuma.

Peraturan khusus sekolah Inggeris Johor[60] pula ialah bahawa bahasa lain, kecuali bahasa Inggeris dan Melayu, tidak boleh diajar kecuali telah terlebih dahulu mendapat persetujuan Penguasa Pelajaran. Selain itu, bahasa Melayu mesti diajar kepada semua murid lelaki Melayu mulai Standard V. Kanak-kanak yang menghadiri sekolah Inggeris dikehendaki membayar yuran sebanyak tiga ringgit ($3.00) *per mensem* (*Johore Annual Report*, 128).

---

58 Ungku Sulaiman, Yang Dipertua Pejabat Pelajaran, pernah mengirimkan ke Istana salinan surat-surat Tuan Gawler (?), iaitu Ketua Sekolah-sekolah dan Tuan Chilvers, iaitu guru sekolah Inggeris Johor, yang memohon supaya tidak mengajar pada hari Ahad. Surat-surat tersebut telah disembahkan kepada Baginda Sultan, yang bertitah bahawa hari Jumaat merupakan hari kelepasan dan dengan itu, hari Ahad mesti bekerja. (Surat-surat itu disembahkan pada 2.1.1907. *Kumpulan Surat-surat Sembah*, (Jawi). J/RAJA8. ANJ.

59 'Peraturan Am Sekolah-sekolah Melayu Johor, 1937'. P/JP/J2. ANJ.

60 'Regulations for Johore English Schools, 1929'. P/JP/J2. ANJ.



(*Jawatankuasa Sekolah Agama bertanggungjawab terhadap pengajaran dan sukatan pelajaran). *Sumber:* Johore Annual Report on Education, 1929. ANJ.

Rajah 3.5 Struktur Pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, 1928.

Jadual 3.3 Mata pelajaran di Sekolah Agama Perempuan Kerajaan Johor

Tauhid
Ibadat
Membaca dan Menghafaz Qur'an
Tajwid
Tarikh (Sejarah) Islam
Munakahat dan yang bergantung dengan babnya
Muamalat
Faraid
Adab dan Perangai
Tadbir Rumah Tangga dan Ilmu Kesihatan

Sumber: Peraturan Sekolah-sekolah Agama Perempuan Kerajaan Johor, 1939. J/UG2. ANJ.

Bagi Sekolah Agama Perempuan Johor[61] yuran tidak dikenakan, tetapi murid-murid dikehendaki menyediakan sendiri kitab-kitab dan peralatan pelajaran. Perkara-perkara yang diajarkan di sekolah itu pula adalah seperti dalam Jadual 3.3. Kanak-kanak perempuan diterima masuk ke sekolah agama dengan syarat ia datang mendaftar bersama-sama walinya ataupun ganti walinya. Wali ataupun penggantinya itu akan diminta membuat perakuan bahawa ia akan menyediakan peralatan pelajaran dan perkara lain yang berkaitan dengan peraturan murid. Murid juga dikehendaki membawa perakuan bahawa dia telah lulus sekurang-kurangnya Darjah II Sekolah Melayu Kerajaan Johor. Murid yang berkenaan boleh belajar sehingga ke Darjah VI dan kemudian boleh melanjutkan pelajarannya di Sekolah Agama Lelaki dengan syarat kelakuannya diakui baik oleh Guru Besar dan walinya sendiri datang berjumpa dan membawa murid itu bagi mengenalkannya kepada Guru Besar sekolah lelaki yang berkenaan. Wali juga dikehendaki membuat surat akuan menan-

61 'Peraturan Sekolah-sekolah Agama Perempuan Kerajaan Johor'. Pekeliling Bil. 10/39. J/UG2. ANJ.

dakan kerelaannya dan persetujuannya membenarkan anak perempuannya itu belajar di sekolah agama lelaki.

Sukatan Pelajaran

Mata pelajaran yang disediakan untuk sekolah Melayu dan Inggeris adalah secara umumnya serupa, sungguhpun dari segi kandungannya terdapat perbezaan tertentu. Pada asasnya sekolah-sekolah tersebut menekankan kebolehan membaca, menulis dan mengira. Selain itu, mata pelajaran Ilmu Alam (Geografi), Tawarikh (Sejarah), Ilmu Kesihatan dan Pengetahuan Am juga ditawarkan. Kegiatan luar darjah seperti senaman dan permainan dan bercucuk tanam digalakkan (lihat Lampiran 'J' dan 'K' untuk Ringkasan Sukatan Pelajaran yang ditawarkan untuk sekolah Melayu dan Inggeris).

Sungguhpun kedua-dua jenis sekolah Melayu dan Inggeris menawarkan mata pelajaran Ilmu Alam dan Tawarikh, namun tekanan dan orientasi kandungannya adalah berbeza (lihat Jadual 3.4 dan 3.5). Tawarikh mula diajar pada peringkat Darjah III sekolah Melayu dan Standard II sekolah Inggeris. Di sekolah Melayu, secara umumnya ditawarkan Sejarah Johor dan Alam Melayu. Begitu juga diperkenalkan beberapa tokoh yang berkaitan dengan Sejarah Dunia Melayu itu. Sebaliknya, di sekolah Inggeris orientasinya adalah lebih luas dan sejagat, iaitu menyentuh dan mengkaji tentang tokoh-tokoh dunia, tamadun dunia, sejarah Eropah dan Inggeris.

Begitu juga dengan mata pelajaran Ilmu Alam, yang mula diajar pada peringkat Darjah II, sekolah Melayu dan Standard I, sekolah Inggeris. Sungguhpun pada peringkat awal perkara yang diajar adalah serupa seperti mengenal kawasan sekolah dan kawasan sekelilingnya, belajar membaca dan melukis peta serta ilmu alam kejadian, tetapi pada keseluruhannya liputan untuk sekolah Melayu adalah terhad untuk kawasan Johor, Semenanjung Tanah Melayu, Pulau-pulau Melayu dan Benua Asia. Perkara-perkara di peringkat dunia disentuh sedikit sahaja. Sebaliknya, mata pelajaran Ilmu Alam di sekolah Inggeris melampaui Benua Asia untuk mengkaji Amerika Utara, Eropah, Afrika, Amerika Selatan dan Australasia. Juga ditawarkan Ilmu Alam

Manusia, Kaji Cuaca dan Latihan Atlas.

Dari segi tekanan dan orientasi yang berbeza ini, boleh dibahaskan bahawa anak-anak Melayu telah pun belajar tentang sejarah Johor dan Alam Melayu semasa mereka di peringkat sekolah Melayu dan dengan itu, tidak perlu lagi perkara-perkara itu ditawarkan di sekolah Inggeris. Soalnya, bagaimana dengan anak-anak Melayu yang tidak ke sekolah Melayu dahulu sebelum ke sekolah Inggeris? Begitu juga dengan anak-anak golongan imigran. Mereka tentunya tidak akan berpeluang mengenali sejarah tempatan sedangkan itulah yang penting lagi utama untuk memupuk perasaan kesetiaan dan kesepaduan di kalangan penduduk.

Selain perbezaan dari segi tekanan dan orientasi mata pelajaran Ilmu Alam dan Tawarikh, ada juga mata pelajaran yang tidak diajar di sekolah Melayu, tetapi terdapat di sekolah Inggeris. Mata pelajaran itu adalah seperti melukis, menyanyi, pembacaan (puisi yang dihafaz dan dideklamasikan), algebra dan geometri.

Sistem pendidikan tahun 1928 telah berjalan selama lima tahun apabila perihal sistem itu dibangkitkan oleh baginda Sultan berkaitan dengan peraturan yang mengawal kemasukan kanak-kanak lelaki Melayu ke sekolah Inggeris.[62] Peraturan itu memerlukan seorang kanak-kanak lulus sekurang-kurangnya Darjah III sekolah Melayu sebelum dia diterima masuk ke sekolah Inggeris. Alasan yang mendasari peraturan ini terdapat dalam suatu resolusi yang telah dibuat oleh segolongan pakar pendidikan daripada berbagai-bagai negara dalam empayar Inggeris dan yang telah berhimpun di Imperial Education Conference pada tahun 1923.

> *The language best known and understood by the child on his entry into school life is from the educational point of view the most effective medium for his instruction in the preliminary stages of school education.*[63]

---

62 Sultan kepada S.W. Jones, Pemangku Penasihat Am. 26.9.1933. GA615/33. ANJ. Juga lihat CO717/112. PRO.

63 'Johor Educational Policy'. GA615/33. ANJ.

Jadual 3.4 Ringkasan kandungan mata pelajaran tawarikh (Sejarah) yang ditawarkan di sekolah Melayu[a] dan sekolah Inggeris.[b]

Sekolah Melayu	
Darjah III:	Hikayat Johor.
Darjah IV:	Sejarah Alam Melayu. – Antara lain tentang sejarah Palembang tua, Singapura tua, kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu, Kerajaan Melayu Melaka dan Johor.
Darjah V dan Kelas Pelatih:	Sejarah Alam Melayu mengikut Bab-bab yang dikehendaki di dalam Peperiksaan Tanjung Malim.
Sekolah Inggeris	
Standard II:	Cerita tentang kehidupan tokoh-tokoh yang mempunyai kaitan dengan sejarah tempatan seperti Confucius, Buddha, Alexander the Great, Nabi Muhammad s.a.w. dan Marco Polo.
Standard III:	Belajar tentang tokoh-tokoh yang terkenal dalam sejarah dunia seperti Pericles, Asoka, Charlemagne dan Napoleon.
Standard IV:	Tamadun awal, pembentukan negara-bangsa Eropah, penemuan-penemuan peringkat dunia dan peluasan empayar Inggeris.
Standard V:	Bersambung daripada Standard IV.
Standard VI:	Sejarah England dengan penekanan diberi kepada perkembangan aspek ekonomi dan perlembagaan.
Standard VII:	Bersambung daripada Standard VI.

Sumber: a: Peraturan Am Sekolah-sekolah Melayu Johor, 1937. P/JP/J2.ANJ.
b: Regulations for Johore English Schools,1929. P/JP/J2.

Jadual 3.5 Ringkasan kandungan mata pelajaran Ilmu Alam (Geografi) yang ditawarkan di sekolah Melayu[a] dan sekolah Inggeris[b]

Sekolah Melayu	
Darjah II:	Antara lain belajar mengenali keadaan sekolah dan kawasan di kelilingnya. Mengenal rupa bukit, sungai, gunung, pulau dan lain-lain. Belajar melukis peta. Mengetahui hasil mahsul kampung sendiri.
Darjah III:	Mengulang pelajaran Darjah II. Melukis peta kawasan sekolah, mukim dan daerah sendiri. Mengetahui hal negeri Johor. Perkara-perkara besar negeri-negeri lain Semenanjung Tanah Melayu. Ibu-ibu negeri gugusan Pulau Melayu.
Darjah IV:	Hal ehwal Semenanjung Tanah Melayu, gugusan Pulau-pulau Melayu dan sedikit perkara tentang hal dunia. Ilmu alam kejadian.
Darjah V dan Kelas Pelatih:	Mengulang pelajaran Darjah IV dengan melukis peta Benua Asia dan negeri-negeri dalam benua itu. Ilmu Alam Kejadian.
Sekolah Inggeris	
Standard I:	Mengenali keadaan sekolah dan kawasan sekelilingnya. Mempelajari istilah-istilah Ilmu Alam yang mudah.
Standard II:	Pelajaran di luar darjah. *Journey talks.* Ilmu Alam Manusia.
Standard III:	Ilmu alam petempatan atau negeri di mana letaknya sekolah itu. Perbandingan kehidupan penduduk tempatan dengan penduduk di negeri lain atau bahagian dunia apabila keadaannya adalah amat berbeza daripada yang terdapat di Tanah Melayu.
Standard IV:	Ilmu Alam Semenanjung Tanah Melayu. Ilmu Alam Fizikal. Kaji cuaca secara mudah.

Standard V:	Ilmu Alam benua Asia dan Eropah. Negara-negara dunia, penduduk semua negara dan haiwan semua negara. Ilmu Alam Fizikal. Latihan atlas, membaca dan membina peta.
Standard VI:	Ilmu Alam Amerika Utara dan Afrika. Ilmu Alam Fizikal. Kaji Cuaca peringkat tempatan dan membuat perbandingan dengan cuaca negara-negara di Amerika Utara dan Afrika. Latihan atlas dan membaca peta.
Standard VII:	Amerika Selatan, Australasia dan Malaya. Latihan atlas. Membaca dan membuat peta. Ilmu Alam Fizikal.

Sumber: a: Peraturan Am Sekolah-sekolah Melayu Johor, 1937. P/JP/J2.ANJ.
b: Regulations for Johore English Schools, 1929. P/JP/J2.

Baginda Sultan ingin menghapuskan peraturan itu dan ibu bapa diberi kebebasan memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke mana-mana sekolah kerajaan. Baginda Sultan ingin melihat orang Melayu Johor diberi peluang mendapat pendidikan Inggeris yang terbaik pada umur yang muda supaya mereka dapat bersaing dengan kanak-kanak bangsa lain. Baginda bertitah:

> *I cannot sufficiently stress the importance of the Malay boy learning English at an early age, in order that he may compete on equal terms with boys of other nationalities. In order to facilitate this I would suggest that English be taught in the vernacular school side by side with Malay, so that on leaving they can enter the English School at a higher level.*[64]

Bahkan, adalah lebih baik jika bahasa Inggeris dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah Melayu kerana hal itu akan ... *better prepare the Malays to take their rightful places in the State's technical departments – places now falling by default to alien.*[65]

64 Surat persendirian Sultan Ibrahim kpd. Jones, Pemangku Penasihat Am Johor. 26.9.1933. GA615/33. ANJ. Juga lihat CO717/112. PRO.
65 *Ibid.*

Walau bagaimanapun, Winstedt mempunyai pendapat yang sebaliknya. Beliau berpendapat bahawa:

> *Beyond dispute it is the ruin of a race like the Malay not to be educated in its own language, spelling the end of its particular characteristics and religion and leading it to become merged in surrounding races ... (furthermore) ... a Johor ruling class trained only in English would soon lose the respect and sympathy of the mass of the people who for a long time will speak only Malay.*[66]

Penjelasan ini tentunya agak bersifat *paternalistic* dan bertentangan dengan apa yang telah beliau katakan dalam sebuah laporan apabila beliau menegaskan peranan bahasa Inggeris di Tanah Melayu sebagai:[67]

(a) *to provide a lingua franca for the many races from China, India, Arabia, Japan and elsewhere who would refuse to learn Malay, the language of a race with a culture less advanced than their own;*

(b) *to provide a lingua franca for those members of Oriental races including Malays who are employed by the Government or commercial houses in capacities that demand knowledge of English;*

(c) *to provide the more intelligent members of the local races with a language in which modern scholarship and science can be studied.*

Isu ini bukan sahaja dibincangkan oleh pegawai pentadbir tetapi juga dibangkitkan semasa perbincangan tentang pendidikan[68] dalam mesyuarat kerajaan bulan Oktober 1933. Ketika itu Engku Abdul Hamid bin Abdul Majid telah mengemukakan usul mewujudkan semula Jemaah Pelajaran[69] bagi menyiasat

---

66 Thomas kpd. Pejabat Kolonial, 6.3.1935. Terlampir memorandum yang disediakan oleh Winstedt. CO717/112. PRO.

67 *"Educational Policy Report"*. R.O. Winstedt. GA428/28. ANJ.

68 *Singapore Free Press*. 4.10.1933. Juga GA615/33. ANJ.

69 Lihat juga MB254/33 perihal ... "membawa runding kiranya kerajaan

hal-hal yang berkaitan dengan kaedah pendidikan di Johor. Beliau berpendapat bahawa hasil yang paling baik tidak dapat diperolehi di bawah sistem yang ada kerana kanak-kanak lelaki Melayu dimestikan mencapai Darjah IV sebelum diterima masuk di dalam sekolah Inggeris. Engku Abdul Hamid mempertahankan bahawa di bawah sistem ini seorang budak lelaki Melayu yang menghadiri sekolah Melayu di sebelah pagi dan sekolah agama di sebelah petang dikehendaki melakukan lebih daripada yang sepatutnya kerana ia dikehendaki mempelajari bahasa ibundanya terlebih dahulu ditambah dengan mempelajari al-Qur'an serta pengetahuan agama. Hasilnya, budak itu adalah ... *unduly handicapped in comparison with boys of other nationalities who go direct to English schools and who are not compelled to spend at least three years in a Vernacular School.*[70] Lantas, dengan menghidupkan semula Jemaah Pelajaran diharapkan akan dapat membetulkan kelemahan sistem pendidikan yang terdapat di sekolah vernakular.[71]

Dalam perdebatan itu telah terdapat juga usaha untuk menghidupkan semula sistem *Anglo-Vernacular*, iaitu mempelajari bahasa Inggeris di sebelah pagi dan bahasa Melayu di sebelah petang. Walau bagaimanapun, mesyuarat bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat untuk mengkaji keseluruhan hal dan dasar pendidikan di Johor.

Ekoran perdebatan di mesyuarat kerajaan, Superintenden Pelajaran telah mengemukakan suatu memorandum tentang Dasar Pendidikan Johor[72] dan meminta supaya ... *in justice to the educational progress of the State and in justice to me,* dasar yang diperkenalkan di sekolah Inggeris pada tahun 1928 dan di sekolah Melayu pada tahun 1929 itu, diberi peluang berjalan

---

boleh menghidupkan semula jawatankuasa bagi Jemaah Pelajaran". ANJ.

70 Dalam artikel '*Johore's Enviable Financial Position*'. *Straits Times.* 18.10.1933.

71 Perdebatan dalam mesyuarat kerajaan sebagaimana yang dilaporkan dalam *Singapore Free Press,* 4.10.1933.

72 Superintendent of Education kpd. General Adviser. 8.10.1933. GA615/33. ANJ.

sekurang-kurangnya sehingga tahun 1937 untuk menilai kejayaannya. Menyokong Cheeseman, Winstedt mengemukakan bahawa:

> *The present education system of Johore is a tried avenue to success: leave that straight avenue to wander in the trackless jungle of vague ideas and amateur suggestions and you invite disaster for your children and backwardness for this State.*[73]

Ekoran memorandum[74] itu isu tentang dasar pendidikan telah sekali lagi dibincang dalam mesyuarat kerajaan yang berlangsung pada 17 Oktober 1933. Kritikan yang dikemukakan dalam mesyuarat kerajaan sebelumnya telah ditarik balik. Walau bagaimanapun, telah dicadangkan supaya suatu penyiasatan dijalankan bagi menyelesaikan mana-mana salah faham yang wujud memandangkan kritikan terhadap sistem pendidikan itu telah datangnya daripada orang Melayu sendiri yang ... *British Government had pledged to educate up to the standard of governing their own country.*[75] Juga, mesyuarat itu bersetuju bahawa perbincangan selanjutnya tentang pendidikan ditangguhkan sehingga Ahli-ahli Majlis berpeluang mengkaji persoalan itu dengan bantuan maklumat yang boleh dipercayai. Suatu laporan tentang pendidikan di Johor, 1928–1933, telah disediakan oleh Superintenden Pelajaran, H.R. Cheeseman, dan diterbitkan pada 13 Disember 1933.

Masih berasa tidak senang dengan sistem pendidikan yang ada, terutamanya tentang pendidikan Inggeris anak-anak Melayu, baginda Sultan telah pula mengutus surat kepada Sir Philip Cunliffe-Lister[76] dengan harapan bahawa Setiausaha Negara itu

---

73 Memorandum Winstedt mempertahankan penyusunan semula pendidikan di Johor, yang dilakukan oleh Cheeseman. GA615/33. ANJ.

74 Datuk Sir David Galloway mencadangkan supaya memorandum itu diterbitkan sebagai kertas majlis untuk menghindarkan daripada berlakunya kesalahan dan salah faham mengenai dasar pendidikan itu pada masa hadapan. *Straits Times*. 18.10.1933.

75 *Straits Times*. 18.10.1933.

76 Sultan kpd. Secretary of State, 13.11.1934. MB317/34. ANJ.

akan dapat membantu memperbaiki keadaan. Baginda Sultan mengakui kegagalan usaha mengajar kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris di peringkat sekolah rendah. Namun demikian, baginda menegaskan bahawa pelajaran membaca al-Qur'an, yang dilakukan di sebelah malam oleh ibu bapa tidak menggganggu pelajaran yang diberikan di sekolah Inggeris. Sebaliknya, pelajaran al-Qur'an itu telah memastikan bahawa kanak-kanak Melayu, daripada umur muda lagi, telah biasa dengan bahasa ibunda dan kesusasteraan mereka serta juga tulisan Arab.

Soal bahasa juga telah dikaitkan dengan pekerjaan:[77]

> *... while it is the law in my country that both languages ... should be recognised, infact almost every detail of administration is carried out in English. Many of the important posts are held by Eurasians, Chinese, Singhales, Indians, Sikhs and Bengalis, who speak little or no Malay, while the Malay official who is conversant with both languages does not receive one cent more in pay than those whose knowledge is limited to English. ... (therefore the Sultan felt) the necessity for giving my Malay subjects every opportunity for competing on equal terms with those who are now filling all the important posts in my country.*

Kandungan surat itu telah juga dibincangkan oleh pegawai-pegawai Melayu[78] di dalam satu perjumpaan yang diadakan di pejabat Datuk Menteri Besar pada 10.12.1934. Mereka bersetuju dengan permintaan melonggarkan syarat kemasukan ke sekolah Inggeris, tetapi:

> ... hendaklah berjaga-jaga jangan sampai hilang daripada belajar bahasa Melayu. Sekiranya diberi kebebasan kepada ibu bapa ... pada memberi pelajaran bahasa Melayu ditakuti sedikit benar yang berfikir mustahak. ... (dengan itu, dicadangkan supaya) ... disatukan pelajaran bahasa Melayu dan agama serta belajar pada sebelah petang bagi tempat-tempat

---

77 *Ibid.*

78 Memorandum bertarikh 9.1.1935 telah ditulis oleh Datuk Awang Omar. MB317/34. ANJ.

di bandar yang ada sekolah-sekolah Inggeris dan bagi sekolah-sekolah kampung yang tidak ada sekolah Inggeris ... di sebelah pagi.

Cadangan menyatukan pelajaran bahasa Melayu dan agama itu pernah dikemukakan oleh Datuk Abdullah bin Abdul Rahman, iaitu Yang Dipertua Jabatan Agama Johor, semasa mesyuarat kerajaan pada 3.10.1933.[79] Penyatuan itu adalah untuk menjimatkan masa kanak-kanak Melayu. Kitab-kitab agama dicadang digunakan sekali gus untuk pelajaran agama dan bahasa Melayu. Dalam ucapannya semasa mesyuarat kerajaan bulan Oktober 1933 itu, Datuk Abdullah telah mengemukakan lima tujuan cadangan penyatuan itu:

(a) supaya semua sekolah Melayu itu ada di dalamnya pelajaran agama atas kadar fardu ain yang wajib atas anak-anak orang Melayu itu tiap-tiap seorang dapat pelajaran agama.

(b) juga melepaskan daripada tuntutan-tuntutan bagi pihak daerah-daerah atau kampung-kampung yang mengatakan ada tempat dapat sekolah agama, ada yang tidak dapat pada hal semua rakyat Johor dan sama beragama Islam.

(c) tidak berkehendakkan tambahan guru-guru lagi bagi mengadakan sekolah baru barangkali boleh juga dikurangkan.

(d) ada juga masa bagi kanak-kanak di dalam kampung boleh dapat peluang kerja sendiri di dalam kampung-kampungnya di sebelah petang dan dapat waktu bagi anak-anak Melayu di dalam bandar yang ada sekolah Inggeris boleh masuk sekolah Inggeris di sebelah pagi dan mengambil pelajaran bahasa Melayu dan agama di sebelah petang.

(e) kalau begitu tidaklah dikehendakkan anak-anak Melayu yang diam di dalam bandar-bandar yang ada sekolah Inggeris itu masuk dalam sekolah Inggeris kemudian daripada dia telah lulus dalam standard empat sekolah Melayu dan kemudian daripada telah menggunakan umurnya empat atau lima

79 Datuk Abdul Rahman kepada Jurutulis Mesyuarat Kerajaan, 24.9.1933, MB253/33 dan MB238/33, ANJ. Perkara itu juga telah ditonjolkan dalam surat khabar *Warta Malaya* pada 17, 19 dan 21.10.1933.

> tahun di dalam sekolah Melayu (ertinya telah berumur dua belas atau tiga belas tahun baharu boleh masuk sekolah Inggeris) dan apabila tidak cukup kelulusannya diberhentikan sebab telah lebih umurnya itu. Tetapi atas perubahan ini bolehlah dimasukkan anak-anak Melayu di dalam bandar-bandar itu berumur tujuh tahun belajar dalam bahasa Inggeris permulaan sebab di sebelah petangnya dia akan dapat belajar bahasa Melayu dan agama. (Inilah dikatakan tujuan atas menyelamatkan masa).

Cadangan itu disokong oleh Ahli-ahli Majlis iaitu Datuk Awang bin Omar dan Datuk Abdul Rahman bin Mohd. Yasin. Cadangan itu dianggap sebagai satu peluang bagi anak-anak Melayu di bandar mempelajari bahasa Inggeris di sebelah pagi dan di sebelah petangnya pula mereka boleh belajar bahasa Melayu dan agama. Sebaliknya, kanak-kanak di sekolah-sekolah kampung yang tidak berpeluang menerima pelajaran Inggeris diberi tambahan pelajaran ... "cucuk tanam dan lain-lain yang berguna kelak mencari kehidupannya di kampung."[80]

Oleh kerana hal penyatuan ini bersangkut-paut dengan soal agama, maka Pemangku Penasihat Am, S.W. Jones, telah mengesyorkan supaya perkara itu dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis Agama, iaitu Jawatankuasa Kecil Penasihat Agama. Laporan Jawatankuasa itu kelak dipertimbangkan oleh kerajaan.

Setakat memorandum 1935 ditulis cadangan penyatuan itu telah pun dijalankan oleh Jawatankuasa tersebut, namun tidak diketahui keberkesanannya. Walau bagaimanapun, dicadangkan supaya suatu jawatankuasa ditubuhkan bagi menyelidiki perkara ini dan mengemukakan syor.

Pada tahun 1938 telah dicadangkan supaya ditambah pengajaran bahasa Inggeris ke dalam kurikulum sekolah Melayu untuk anak-anak Melayu yang berkemungkinan memasuki sekolah Inggeris kerajaan.[81] Cadangan ini dikemukakan supaya kanak-kanak tersebut berupaya bersaing dengan kanak-kanak

---

80 Ucapan sokongan Datuk Awang bin Omar terhadap usul Datuk Abdullah bin Abdul Rahman. 3.10.1933. MB253/33. ANJ.

81 Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran Johor, 1938. GA322/39. ANJ.

Cina dan India yang telah menerima persekolahan asas dalam bahasa Inggeris.

Sekolah Pertukangan[82]

Sekolah Pertukangan Johor atau Johore Trade School telah ditubuhkan pada tahun 1932 sebagai sebahagian daripada dasar menyusun semula sistem pendidikan negeri itu. Sekolah ini dibuka dengan tujuan memberikan peluang kepada murid-murid lelaki yang telah tamat pelajaran mereka di sekolah-sekolah vernakular, dilatih dalam kerja-kerja pertukangan kayu dan jahitan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1933 baginda Sultan telah menarik perhatian pihak sekolah itu. Baginda berpendapat sekolah itu tidak berfaedah kepada orang Melayu,[83] terutamanya kursus pertukangan dan jahitan yang ditawarkan.[84] Baginda berpendapat secara umumnya kanak-kanak lelaki Melayu yang dilatih dalam bidang pertukangan dan jahitan itu tidak berupaya bersaing dengan kaum-kaum lain yang lebih berpengalaman. Baginda mengesyorkan supaya sekolah itu ditutup dan digantikan dengan sebuah Sekolah Pertanian dan Perhutanan, yang pernah pada satu masa dahulu dibuka oleh Sultan Abu Bakar.[85] Namun, Penguasa Pelajaran mempunyai pendapat yang sebaliknya sebagaimana jelas dalam memorandum tentang Sekolah Pertukangan Johor[86] yang dikemukakan oleh beliau. Penguasa itu

---

82 Kini sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Vokasional selaras dengan sekolah-sekolah yang serupa di seluruh negara Malaysia.

83 Baginda Sultan kepada S.W. Jones, Pemangku Penasihat Am. 15.7.1933. GA436/33. ANJ.

84 Kursus-kursus itu telah dipilih setelah rundingan dilakukan dengan Guru-guru Kanan di sekolah Melayu negeri itu semasa di persidangan tahunan, 1930. Guru-guru tersebut berpendapat bahawa masih terdapat peluang dalam kemahiran ini yang kini dimonopoli oleh kaum pendatang.

85 Pada tahun 1885 sebuah Sekolah Pertanian telah ditubuhkan di Johor. (*Singapore and Straits Directory*, 1885).

86 Memorandum yang dikemukakan pada 16.7.1933. Juga, lihat memorandum tentang Sekolah Pertukangan (Trade School, Johore Bahru) yang disediakan oleh sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada J.R. Barton, S.Q. Wong, D. Galloway dan W. Miller MacKay, yang merupakan ahli tidak rasmi Majlis. Kesemuanya dalam GA436/33. ANJ.

amat yakin bahawa ... *an important step has been taken towards the preparation of Malays to take their place in the branches of the industrial as well as the clerical and professional life of the country.*

Begitu juga S.W. Jones, Pemangku Penasihat Am, yang berpendapat bahawa mengajar pertukangan dan jahitan bermakna murid-murid yang terlibat akan memperoleh kemahiran yang baru sedangkan kursus perhutanan mempunyai nilai yang sedikit kepada pekebun kecil Melayu. Lagipun, sebuah Sekolah Pertanian telah pun ditubuhkan di Serdang. Walau bagaimanapun, perkiraan boleh dibuat tentang kursus pendek dalam pertanian.[87]

Kebimbangan Sultan dan Pentadbir Melayu terbukti benar apabila lepasan pertama sekolah itu (1935) gagal memperoleh pekerjaan tanpa bantuan kerajaan. Superintenden Pelajaran yang menggantikan Cheeseman telah menjelaskan bahawa:

> *These boys are all young Johore Malays without capital or trading tradition, unless therefore they can get assistance and advice on leaving the school it is unlikely that they will be able to establish themselves in the face of Chinese and Indian competition.*[88]

Isu tentang Sekolah Pertukangan ini telah sekali lagi dibangkitkan pada tahun 1937[89] apabila baginda Sultan mencadangkan supaya sekolah itu menyediakan mata pelajaran dalam jurusan komersial (seperti berkenaan dengan pendawaian elektrik, telefon, dan mekanik motor) yang dianggap lebih berguna dan menguntungkan kanak-kanak itu. Walau bagaimanapun, Penguasa Pelajaran menyangkal cadangan itu dengan mengemukakan pendapat bahawa ... *it seems to me that there is far less scope for Malay boys in business than there is in trade. Business houses are mainly Chinese and Indians.*[90]

---

87 Minit S.W. Jones. 22.7.33. GA436/33. ANJ.
88 Superintendent of Education kepada Setiausaha Kerajaan. 28.1.1935. SS362/35. ANJ.
89 GA1029/37. ANJ.
90 Superintendent of Education kepada Menteri Besar. 28.11.1937. GA1029/37. ANJ.

Berdasarkan pendapat Penguasa berkenaan kurikulum asal sekolah tersebut telah dikekalkan dan sekali gus meneruskan masalah mendapat pekerjaan di kalangan lepasannya.[91] Namun demikian, pada tahun 1937 Jawatankuasa Penasihat sekolah itu telah menerima suatu cadangan supaya bahagian mekanik dan elektrik ditambah ke dalam kurikulum. Cadangan itu kemudiannya dipanjangkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. Pada tahun 1939 mata pelajaran Pendawaian Elektrik dan Membaiki Jentera Motor telah diperkenalkan.

Dari Jawi ke Rumi

Semenjak 1889 lagi perkara tentang bahasa Melayu tulisan Jawi telah ditekankan oleh pihak pentadbir dan pemerintah Johor. Datuk Menteri Johor[92] ketika itu telah menekankan agar semua surat kerajaan ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan abjad Arab, yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Ringkasnya, semua utusan kerajaan dikendalikan dalam bahasa Melayu tulisan Jawi kecuali surat-surat yang berkenaan dengan imigresen, yang dibenarkan ditulis dalam bahasa Inggeris.[93] Walau bagaimanapun, selaras dengan perubahan yang berlaku di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, terdapat peralihan secara perlahan-lahan daripada tulisan Jawi ke Rumi (*Romanised*) pula yang menggunakan abjad Roman.

Pada awal 1890-an terdapat usaha memperkenalkan tulisan Rumi di negeri-negeri jajahan Inggeris sebagai langkah ke arah *Anglicising the schools* (Chelliah, 1947:69) dalam erti kata supaya sekolah Melayu menjadi serupa ataupun seakan-akan sekolah Inggeris dan secara umumnya bahasa Inggeris menggantikan tempat bahasa tempatan. Tulisan Rumi digalakkan di negeri-negeri itu kerana tulisan Jawi hanya difahami oleh orang

---

91 Lihat SS362/35 – Employment of Trade School Graduates; GA1029/37 – Johore Trade School; juga SS5003/38. ANJ.

92 Pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar gelaran Datuk Menteri telah ditukar kepada Menteri Besar.

93 Datuk Menteri Johor kepada Tuan Howard Bentley 17.11.1889. *Salinan Surat-surat Datuk Menteri Johor, 1886–1891*. J/SUK 11. ANJ.

Melayu. Keadaan ini dianggap sebagai tidak sesuai dalam sebuah masyarakat yang mengandungi berbagai-bagai kumpulan etnik. Lagipun, penduduk yang berbilang kaum itu mempunyai pengetahuan bahasa Melayu lisan yang mencukupi untuk membolehkan mereka memahami dan membaca bahasa itu sekiranya ditulis dengan menggunakan skrip Roman. Hal ini juga pernah dilihat sebagai salah satu faktor yang boleh membawa kepada kanak-kanak bukan Melayu memasuki sekolah Melayu (Stevenson, 1975:107). Yang lebih penting ialah hakikat bahawa pegawai-pegawai Inggeris boleh membaca skrip Rumi (Roman) dengan lebih cepat berbanding dengan membaca skrip Jawi (Arab) (Stevenson, 1975:108). Lagipun, Jawi mempunyai batasan dan kekurangan yang menyebabkan ia tidak boleh berkembang sejajar dengan perkembangan bahasa Melayu moden. Antara kekurangan itu ialah terdapatnya kekaburan tertentu dalam sistem ejaan yang menggunakan Jawi serta berpandukan sistem yang terdapat dalam bahasa Arab.[94] Dengan itu, apabila tulisan Rumi diperkenalkan oleh pihak Inggeris, berlakulah peralihan umum ke arah tulisan Rumi itu.

Dalam Laporan Tahunan Pendidikan, 1904 telah dinyatakan bahawa:

> *The Roman character is associated in all the Malay mind with the vigour and intelligence of white races, while the Arabic character associated with the unintelligent study of the Qur'an seems unsuited for the practical purposes of life.*

Memandangkan hal itu, bermula tahun 1904 tulisan Jawi beransur-ansur dikurangkan. Bahasa Melayu tulisan Rumi digunakan dalam semua dokumen rasmi, buku teks dan kesusasteraan umum. Tulisan Rumi ini dieja mengikut sistem yang dicadangkan oleh sebuah jawatankuasa yang telah dilantik untuk menimbangkan dan melaporkan tentang merumikan bahasa

94 Shellabear, W.G. 1901. *'The Evolution of Malay Spelling'. JSBRAS.* Jld. 36. Hlm. 75–135.

Melayu.[95] Sementara itu, tulisan Jawi akan terus diajar di sekolah Melayu kerajaan supaya anak-anak Melayu Islam akan boleh membaca al-Qur'an.

Di Johor juga terdapat usaha memperkenalkan tulisan Rumi di sekolah-sekolah. Dalam syor perubahan yang dikemukakan pada tahun 1912 untuk sekolah Melayu dan Inggeris Johor, umpamanya, terdapat cadangan supaya kanak-kanak yang telah naik ke Darjah II sekolah Melayu diajar tulisan Rumi.[96] Juga, ... "dalam tahun 1921 kelak diperintahkan guru mesti belajar dan mengenal akan huruf Rumi sedikit-sedikit supaya digunakan sebagai mengenal nama-nama negara dan lain-lain dalam peta dunia itu."[97]

Sungguhpun demikian bahasa Melayu tulisan Jawi masih tetap ditekankan seperti terbukti pada tahun 1914. Sebelum kuasa Inggeris ditingkatkan lagi di Johor pada tahun itu, Sultan Ibrahim telah berutusan dengan Gabenor Arthur Young bagi membincangkan beberapa perkara (lihat Lampiran 'H'). Antaranya Sultan bertitah:[98]

> *I have also to request Your Excellency's acceptance of the principle that Malay and English should be accepted as official languages for use in my Court of Justice and in all departments of my Government. In the case of the Malay written language, the Jawi character should be given this official recognition.*

Gabenor Young telah bersetuju menerima cadangan baginda Sultan itu.[99]

Sungguhpun soal tulisan telah dipersetujui pada tahun 1914, namun secara beransur-ansur berlaku penekanan ke arah

---

95 Jawatankuasa itu dianggotai oleh H.C. Belfield, D.G. Campbell dan R.J. Wilkinson.

96 'Perubahan yang disyorkan di sekolah Melayu dan Inggeris Johor'. 19.12.1912. *Surat Titah Perintah*. J/RAJA8. ANJ.

97 Penyata Sekolah-sekolah Melayu, al-Qur'an dan Kitab di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat – 1920. SS729/21. ANJ.

98 Sultan Ibrahim kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Arthur Young. 11.5.1914. J/PPB2. ANJ.

99 Gabenor kepada Sultan. 11.5.1914. J/PPB2. ANJ.

menggunakan tulisan Rumi terutamanya mulai tahun 1929 apabila pelajaran Rumi diperkenalkan (Jabatan Pelajaran Johor, t.th: 20). Hal ini menghasilkan ketegangan antara dua kumpulan yang mempunyai pandangan yang berbeza tentang tulisan Jawi dan tulisan Rumi. Pada satu pihak pentabir dan pemerintah Melayu menegaskan penggunaan tulisan Jawi untuk semua utusan rasminya. Pada pihak yang lain pentadbir Inggeris lebih senang dengan tulisan Rumi. Thompson, seorang Pegawai Pelajaran Inggeris, melihat masalah itu sebagai ... *a sentimental objection to Romanised Malay* ...[100] oleh pihak Melayu yang memberi implikasi bahawa orang Melayu masih ingin berpaut kepada cara dan tradisi lama. Tulisan Rumi telah terus digunakan sungguhpun terdapat peringatan supaya tidak berbuat demikian. Umpamanya, Menteri Besar telah mengingatkan bahawa:

> ... semua kepala pejabat supaya mereka memberitahu kakitangan yang di bawahnya hendaklah resit bayaran wang dan lain-lain itu dikeluarkan kepada orang Melayu ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi.[101]

Peringatan itu dibuat ekoran rungutan ... "bahawa resit-resit bayaran wang ditulis dalam bahasa Inggeris di atas form-form yang telah dicap dengan bahasa Melayu, terutama kepada orang Melayu yang tiada mengetahui bahasa Inggeris."[102]

Kerajaan telah terdorong untuk memberi perhatian terhadap dilema pilihan yang wujud antara tulisan Jawi dan Rumi ini apabila soal itu telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Kerajaan, yang berlangsung pada 16.12.1933. Ekoran rungutan orang ramai dan peringatan Setiausaha Kerajaan tentang bahasa Inggeris dan bahasa Melayu-Jawi, Datuk Abdullah Esa, iaitu Pesuruhjaya Kerajaan Negeri, Segamat, telah mengemukakan rundingan[103] sama ada:

---

100 Laporan tahunan Jabatan Pelajaran Inggeris Johor, 1921.P/JP/J1. ANJ.
101 Menteri Besar kepada Setiausaha Kerajaan SUK. 2.8.1933. MB 187/1933. ANJ.
102 Menteri Besar kepada SUK. 2.8.1933. MB187/33. ANJ.
103 MB238/1933. ANJ.

> Kerajaan akan membuang atau memberhentikan sekali tulisan Rumi dalam form yang digunakan dalam pejabat-pejabat kerajaan kerana bahasa dan tulisan Melayu dan Inggeris itu sahaja telah dijadikan perjawatan, iaitu dipakai dalam jawatan kerajaan.

Dalam jawapan rasminya, Winstedt menyatakan:[104]

> *Romanized writing of the Malay language was only a question of the most useful means of writing the language. It had nothing to do with the question of the language itself. By Romanized Malay members of other communities were able to understand much more than they would otherwise. Besides this, Malays could easily gain a knowledge of the English language through Romanized Malay and it assisted the Malays in the matter of obtaining employment since they could work for a man of any nationality and enable him to understand them.*

Persoalan tulisan Jawi-Rumi ini telah menimbulkan perbincangan dan berbagai-bagai reaksi di kalangan pentadbir Melayu dan Inggeris.[105] Persoalan ini juga menggerakkan Winstedt terus menerangkan[106] bahawa ejaan Rumi itu berguna kerana:

(a) ia menolong orang-orang Melayu dapat kerja dengan orang-orang daripada bangsa-bangsa lain yang tidak tahu Jawi;

(b) ia menolong anak-anak Melayu yang belajar Inggeris;

(c) kerananya terbuka karangan-karangan fasal tanam-tanaman dan lain-lain dicap dalam Pulau-pulau Timor perintah Belanda;

(d) dengan Romanise itu boleh menzahirkan bunyi-bunyi Melayu lebih baik daripada bahasa Jawi dan Datuk Haji telah menyatakan kepada saya ia akan menggunakan Romanise itu dalam kamus (*dictionary*) Johor yang ada dibuatnya;

---

104 Cabutan *Singapore Free Press*. 18.12.1933. MB194/34. ANJ.

105 Lihat minit-minit dalam MB328/33 dan MB194/34. ANJ.

106 Winstedt kepada Setiausaha Kerajaan. 23.7.1934. MB19/34. Juga lihat MB10/34. ANJ.

(e) halnya itu sangat berguna dalam form-form kerajaan yang tertentu yang dikehendakkan diketahui oleh orang-orang ramai yang tak tahu Jawi.

Dalam penjelasan lanjutnya kepada Jurutulis Mesyuarat Kerajaan,[107] Datuk Abdullah Esa menyatakan bahawa beliau mencadangkan agar tulisan Rumi tidak langsung digunakan dalam sebarang borang (form) kerajaan, hanya gunakan bahasa Melayu tulisan Jawi dan bahasa Inggeris. Begitu juga, minit-minit kerajaan hendaklah ditulis dengan tulisan Jawi. Namun, Winstedt berpendapat bahawa tulisan Rumi itu mesti digunakan apabila menulis kepada ataupun mengeluarkan pemberitahuan (notis) untuk bangsa Cina dan India, yang tidak mengetahui bahasa Inggeris ataupun mengenali tulisan Jawi.[108]

Secara umum telah terdapat tulisan Rumi digunakan pada tahun 1937 dalam utusan rasmi dan borang-borang kerajaan, sedangkan penggunaan tulisan Jawi mula terhad kepada sebagai mata pelajaran di sekolah Melayu, digunakan di sekolah agama dan untuk membaca al-Qur'an.

Pengenalan dan perkembangan sistem pendidikan yang lebih tersusun di Johor memperlihatkan peralihan penekanan daripada suatu yang berorientasikan agama kepada suatu yang bercorak sekular Barat. Penekanan ke atas pendidikan corak agama dikurangkan untuk memasukkan perkara-perkara berbentuk duniawi yang membawa kepada perbezaan fungsi antara 'agama' dan 'state'. Ilmu duniawi Barat diperkenalkan berdasarkan rasional menyediakan penduduk untuk masa hadapan mereka dan membolehkan mereka menghadapi tuntutan dan cabaran dunia dengan lebih berkeyakinan lagi. Peralihan ini memperlihatkan juga bagaimana nilai dan kepercayaan masyarakat tradisional digantikan dengan sikap yang rasional, kritis lagi sekular terhadap proses pembelajaran.

Pada cara tertentu sistem pendidikan yang dikembangkan

---

107 Pesuruhjaya Kerajaan bagi Segamat kepada Jurutulis Mesyuarat Kerajaan. 5.8.1934. MB194/34. ANJ.

108 Minit bertarikh 9.8.1934. MB194/34. ANJ.

selepas tahun 1928 menjamin berlakunya difusi umum pengetahuan sekular Barat, terutamanya melalui sekolah Inggeris. Pendidikan adalah lebih tersusun serta mempunyai matlamat yang lebih jelas. Juga, sistem pendidikan itu memastikan bahawa kerajaan akan sentiasa dibekalkan dengan pekerja yang berkebolehan dan terlatih. Namun demikian, tidak semua penduduk Johor mempunyai peluang menikmati pendidikan Inggeris. Pada asasnya, pendidikan Inggeris merupakan satu fenomena bandar dan peluang menikmatinya adalah lebih besar untuk penduduk bandar berbanding dengan penduduk di kampung. Bagi menghuraikan keadaan ini, Cheeseman pernah dalam laporannya[109] menjelaskan bahawa:

> *For the industrial city, a knowledge of English may be essential to more than a limited number. Moreover, westernisation of the kampung and the small centres of rural districts did not appear to be desirable.*[110]

Tiga jenis pendidikan utama yang terdapat di Johor dan dibiayai oleh kerajaan – Vernakular, Inggeris dan agama (Islam) – menghasilkan kesan yang berlainan akibat pertembungan dua budaya dan tamadun yang berlainan.[111] Dari satu segi, pelajaran bahasa Inggeris dan penggunaan buku teks Inggeris telah membuka fikiran rakyat Johor kepada suatu aliran kemajuan di mana terdapatnya kebebasan bersuara dan menulis, mengkritik dan sebagainya. Sistem pendidikan Inggeris tidak menekankan pembentukan kesedaran tempatan (*local conciousness*), tetapi lebih menghala ke Eropah sebagaimana yang dibayangkan dalam sukatan pelajarannya, buku teks dan peperiksaan. Kanak-kanak Johor lebih mengenali Eropah dan Britain daripada mengenali negara jiran mereka, iaitu Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Dari segi yang lain pula, Sekolah

---

109 H.R. Cheeseman, 'Education in Johore 1928–1933', GA615/33, ANJ.

110 *Ibid.*, 11.

111 Selain sekolah-sekolah yang dibiayai penuh oleh kerajaan, terdapat juga sekolah-sekolah lain yang menerima bantuan kerajaan seperti sekolah mubaligh Kristian dan sekolah vernakular Tamil.

Vernakular – pendidikan asas – lebih tertumpu kepada pelajaran membaca, menulis dan mengira sungguhpun terdapat beberapa mata pelajaran lain yang diajar. Selain itu, pendidikan Vernakular dan agama memastikan bahawa tradisi dan adat resam masih dikekalkan. Pendidikan agama terutamanya memastikan bahawa Johor tetap memiliki kesedaran agama yang kukuh sungguhpun ia mempunyai hubungan rapat dengan sekular Barat.

Selain itu, pendidikan jenis Barat menanamkan norma-norma yang menekankan pencapaian, persaingan, iaitu nilai-nilai universalistik yang agak berbeza daripada nilai-nilai partikularistik masyarakat tradisional Johor. Terdapat peluang-peluang baru dalam usaha mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengubah masyarakat Johor. Hasilnya, telah muncul jenis baru golongan elit yang mempunyai nilai, kemahiran dan aspirasi yang berlainan daripada yang wujud dulu.

Pada peringkat awal pentadbir dan pemerintah tempatan memainkan peranan memperkenalkan dan menjinak-jinakkan rakyat Johor dengan idea dan pendidikan bercorak Barat. Walau bagaimanapun, terutamanya selepas 1928 pentadbiran dan kawalan pendidikan hampir keseluruhannya diambil alih oleh pihak Inggeris. Pihak Inggeris yang lebih menentukan apa yang patut dipelajari oleh kanak-kanak tempatan, arah dan matlamat pelajaran. Sungguhpun pada masa-masa tertentu pentadbir dan pemerintah Melayu menimbulkan isu-isu dan masalah yang berkaitan dengan pendidikan yang kurang menyenangkan mereka, namun pihak Inggeris selalunya berupaya mempertahankan dasar pendidikan mereka dan menangkis kritikan-kritikan itu. Hal ini mungkin kerana orang Melayu cenderung menimbulkan hal-hal yang cetek, yang mudah dikenal pasti dan diberi penyelesaian politik. Jarang-jarang sekali (ataupun tidak pernah) dibangkitkan secara langsung isu-isu yang asas. Begitu juga dengan implikasi sosial dan falsafahnya.

BAB 4

TANAH DAN TANAMAN

Perkembangan dan kemajuan perdagangan, industri dan imperialisme Eropah, terutama pada suku terakhir abad ke-19 telah antara lain mengakibatkan peningkatan permintaan terhadap bahan-bahan mentah. Telah diakui secara umum bahawa tanpa dapat mengawal sumber-sumber ekonomi, kuasa politik tidak mempunyai apa-apa pengertian. Dengan itu, kuasa Barat cuba mengawal sumber-sumber ekonomi yang terdapat di negara yang dijajahinya dan tidak membataskan diri mereka kepada kegiatan perdagangan semata-mata. Oleh kerana keinginan mendapatkan bahan-bahan mentah yang telah mula-mula membawa orang Barat ke luar Eropah, dan mengelak daripada menghadapi masalah mendapatkan bekalan itu, mereka cuba pula memiliki dan menguasai negara yang menghasilkan bahan-bahan mentah tersebut.

Apabila kuasa Barat sampai di rantau Kepulauan Melayu amnya dan Johor khususnya, telah terdapat di situ suatu sistem ekonomi dan pemilikan tanah, yang dari kaca mata Barat kelihatan agak mudah dan serba kekurangan. Pada hemat mereka sistem yang sedemikian tentunya tidak dapat memenuhi kepentingan Barat dan dengan itu, perlu diubah ataupun diganti. Sebahagian besar kegiatan ekonomi, idea, sistem dan institusi yang berkaitan dengan amalan ekonomi peribumi diubah dan digantikan dengan yang baharu yang berlandaskan pengalaman, idea, kepentingan, konsep dan pemahaman Barat. Proses mengubah dan membina semula ini memerlukan pemindahan dan transfor-

masi institusi. Proses ini juga memerlukan penyusunan semula, pengubahsuaian, atau penghapusan institusi tradisional peribumi yang telah dibentuk dan disokong oleh penduduk tempatan apabila mereka cuba menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Sebagai gantinya institusi baru diperkenalkan.

Dalam kes Johor, kemajuan dunia yang berlaku pada separuh kedua abad ke-19 itu telah menyebabkan kawalan ke atasnya menjadi lebih imperatif untuk kuasa Inggeris sekiranya mereka ingin mengawal tanah dan sumber-sumbernya. Dari segi ekonomi, secara umumnya Kerajaan Johor pada masa itu telah berjaya memenuhi fungsi-fungsi asas yang berkaitan dengan pertanian negeri, memungut hasil (pendapatan) negeri dan mewujudkan serta mengekalkan keadaan yang aman. Berdasarkan keadaan yang wujud pada masa itu, boleh dikatakan bahawa Kerajaan Johor telah berupaya menyediakan pentadbiran dan pengurusan yang baik terhadap sistem yang sedia ada. Malangnya, bagi penjajah Barat hal itu belum mencukupi. Perubahan perlu dikenakan kepada sistem ekonomi peribumi yang sedia ada:

> *... capitalism would have been made impossible without the fixed, orderly, and rational distribution of populations on a large scale. Many of the changes were manifested in the change in the meaning of the term 'economy', to refer to an efficient regulation of society rather than a good management of a household* (Das, 1986:59).

Apabila Inggeris berjaya mengawal Johor melalui pelantikan seorang Penasihat Am pada 1910, mereka lantas berusaha meneruskan hasrat itu.

Ekonomi dan Sistem Pemegangan Tanah Peribumi[1]

Ekonomi penduduk Melayu secara umumnya terdiri daripada sekumpulan petani yang tinggal di kawasan petempatan tertentu,

---

1 Pengetahuan tentang adat resam peribumi di Malaya secara umum dan di Johor khususnya adalah agak terhad. Antara sumber yang boleh dirujuk berhubung dengan perkara ini ialah Gullick (1969, 1987), Hooker (1967, 1970), Maxwell (1885), Wilkinson (1957) dan Winstedt (1932, 1935).

yang lazimnya pula adalah terpisah antara satu sama lain akibat ketiadaan cara berhubung kecuali melalui sungai atau laut. Kawasan petempatan berasaskan sistem tali air atau perairan menjadi satu daripada sifat masyarakat tradisi kerana sistem perairan merupakan satu kaedah perhubungan. Pada asasnya penduduk Melayu menjalani kehidupan ekonomi sara diri: bercucuk tanam, berburu dan menangkap ikan. Tenaga kerja yang digunakan adalah tenaga sendiri, tanpa pengkhususan dan diarahkan bagi memenuhi keperluan asas seisi rumah.

Dalam ekonomi Melayu yang sedemikian tanah digunakan secara kecil-kecilan, dikawal oleh keperluan keluarga dan jarang-jarang melebihi dua atau tiga ekar. Biasanya tanah ini dikerjakan oleh seorang individu atau sebuah keluarga untuk kehidupan mereka. Pada masa tanah masih banyak, sesiapa saja boleh meneroka hutan untuk menjadikan kediaman dan bercucuk tanam. Bahkan penduduk bebas memilih tanah yang ingin diduduki dan dikerjakan. Mereka tidak perlu membayar apa-apa untuk mendapatkan tanah itu. Secara umum mereka tidak mempunyai apa-apa tanda hak milik tanah selain bersandarkan *ancient customary tenure*, sungguhpun ada yang menerima Surat Akuan ataupun Surat Kebenaran Menebang Menebas daripada pihak pemerintah.

Dari segi hak memiliki tanah orang Melayu amnya dan seorang raja ataupun sultan khususnya mempunyai hak *usufructuary* (Meek, 1968, Maxwell, 1885). Hak *usufructuary* ini boleh didefinisikan sebagai hak menggunakan tanah yang telah diperolehi dengan meneroka hutan dan kemudian bercucuk tanam di atasnya. Setelah tanah dikerjakan untuk beberapa lama tanpa ditinggalkan maka wujud pula hak empunya, iaitu tanah menjadi hak orang yang membersihkan dan mengerjakannya. Walau bagaimanapun, orang itu mestilah anak Melayu dan tanah itu pula tidak bertuan. Berhubung dengan hak memiliki tanah ini Maxwell (1885:3–4) menyatakan bahawa dalam adat resam Melayu:

> *... there is no restriction upon the selection and appropriation of forest land, and a proprietary right is created by the clearing of the land followed by continuous occupation. Forest land*

and land which, though once cleared, has been abandoned and bears no trace of appropriation (such as fruit trees still existing) are said technically to be tanah mati, or 'dead land'. He who, by clearing or cultivation, or by building a house, causes that to live which was dead (menghidupkan bumi), acquires a proprietary right in the land, which now becomes tanah hidup ('live land')... His right to the land is absolute as long as occupation continues, or as long as the land bears signs of appropriation.

Pada pandangan Maxwell, Sultan atau Raja mempunyai hak ke atas tanah. Oleh sebab tanah yang ditinggalkan oleh pemiliknya terserah kepada Sultan dan oleh kerana baginda berhak merampas sama ada tanaman ataupun tanah kerana kegagalan pemilik membayar cukai ke atas tanah yang telah dikerjakan itu, maka telah terbentuk doktrin bahawa hak absolut ke atas tanah, termasuk tanah yang telah dikerjakan, ditinggalkan ataupun diterangkan, adalah terletak pada Raja/Sultan. Doktrin ini memberi implikasi bahawa ... *the rights of proprietorship of the cultivator were subordinate to the allodial and absolute rights of the Sultan* (Lim Teck Ghee, 1976:7). Rakyat memiliki tanah dengan izin Sultan. Sebagai gantinya rakyat dikehendaki menyerahkan sebahagian tertentu daripada hasil yang diperolehinya kepada Raja dan tertakluk kepada syarat dan obligasi feudal yang tertentu.

Secara umum boleh dikatakan bahawa dari segi teorinya, masyarakat Melayu telah pun mempunyai sistem tanah dengan hak dan obligasi yang difahami semua pihak, sungguhpun dari segi praktiknya mungkin terdapat perbezaan. Dalam masyarakat Melayu tradisional, tanah merupakan sumber penting untuk modal dan kehidupan. Tanah adalah terjalin ke dalam keseluruhan struktur sosioekonomi dan politik masyarakat.

Namun demikian pada tahun 1890, Swettenham (Residen Perak) telah mengemukakan pendapatnya bahawa:

... there was not in the pre-Residential period any system of payment by tenths, or, indeed, any recognized system of

native tenure of any kind. The people occupied and cultivated such lands as they chose, and paid nothing for them, but the authorities, Sultan, State Officer, local headman, or anak Raja, whoever had the power or might, dispossessed the occupants at pleasure, or helped themselves to any produce that they thought worth having whenever they felt able and inclined (Wong, 1977:18).

Di Johor, terdapat surat-surat tertentu yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah tradisi bagi menunjukkan bahawa seseorang penduduk itu telah memperoleh kebenaran untuk meneroka hutan dan seterusnya bercucuk tanam di situ. Surat-surat itu biasanya diperolehi melalui Penghulu.

Pembukaan Johor dan sekali gus pembangunan awal ekonominya bermula apabila *gutta perca*, atau juga dikenali sebagai getah taban, iaitu hasilan hutan, dijumpai dan permintaan terhadapnya meningkat di luar negeri. Permintaan terhadap bahan ini meningkat apabila pada tahun 1840 Dr. Mongomerie mendapati bahawa getah pokok itu mengandungi bahan-bahan yang berguna sebagai penebat kabel di laut supaya berkeadaan baik, untuk kegunaan domestik juga dalam rawatan pembedahan (Khoo Kay Kim, 1968:84). Apabila faedah kegunaannya disedari dan permintaan terhadapnya meningkat, Temenggung Ibrahim telah cuba memonopoli perdagangan hasil getah itu. Temenggung bukan saja mengarahkan orangnya mendapatkan *gutta perca* di Johor, tetapi juga telah menetapkan supaya semua hasilan hutan yang hendak dibawa ke Singapura hendaklah dijual kepadanya pada harga yang ditetapkan. Bagi memastikan bahawa *gutta perca* dari Johor tidak sampai ke tangan pedagang lain, Temenggung telah menempatkan kapal-kapalnya di pangkalan-pangkalan penting untuk menanti perahu-perahu itu bagi membeli muatannya.[2] Tentu sekali tindakan Temenggung itu tidak menyenangkan ramai pihak termasuk Tengku Ali dan Dewan Perniagaan Singapura.

---

2 Dipetik daripada Ahmad Fawzi Basri (1988:16).

Oleh kerana *gutta perca* ini merupakan pokok hutan maka eksploitasi yang berlebihan terhadapnya telah menyebabkan pokok-pokok itu menjadi semakin tidak produktif. Bahkan, menjelang tahun 1848, hampir kesemua pokok itu di Selatan Johor telah musnah (Turnbull, 1972:278). Walau bagaimanapun, kegiatan menanam gambir dan lada hitam telah membantu menyelamatkan keadaan ekonomi Johor.

Usaha membuka kebun gambir dan lada ini telah bermula semenjak tahun 1844. Agak sukar untuk menentukan tarikh yang tepat bermulanya kegiatan menanam gambir dan lada hitam di Johor. Tahun 1844 diambil berdasarkan Surat Sungai yang terawal yang dijumpai dikeluarkan oleh Ungku Abdul Rahman, iaitu Pemangku Sultan, berkaitan dengan pembukaan sebuah kebun di Sungai Sekudai (Trocki, 1976:146).[3] Ketika itu Temenggung Ibrahim telah menggalakkan orang Cina Singapura membuka kebun menanam gambir-lada di Johor. Ramai penanam gambir-lada juga berhijrah ke Johor disebabkan oleh masalah yang dihadapi di Singapura.[4] Sistem Kangcu yang diamalkan di Singapura telah diambil dan diubahsuai untuk dilaksanakan di Johor. Dalam konteks pentadbiran *vis-a-vis* tanah, cara yang dilakukan ke atas pekebun gambir-lada Cina adalah agak berbeza daripada yang dilakukan ke atas pekebun Melayu. Sistem kangcu ini memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi Johor dan menerusinya juga ditunjukkan bagaimana Kerajaan Johor telah berjaya menguruskan kegiatan orang Cina dengan cekap. Memandangkan hal ini, Trocki (1979:162) mengemukakan bahawa sistem kangcu ini tidak boleh dipisahkan daripada Kerajaan Johor kerana sistem ini lebih daripada semata-mata merupakan keperintisan pertanian, bahkan boleh dianggap sebagai perniagaan kuasi-kerajaan.

---

3 Sungguhpun demikian kegiatan menanam gambir dan lada hitam ini mungkin telah bermula semenjak awal tahun 1820-an lagi (Jackson, 1965:83).

4 Jackson (1965:80–83); Trocki (1979:87–89); Turnbull (1972:152–154; 1959:43) dan Winstedt (1932:91).

Sistem Kangcu[5]

Suatu kegiatan pertanian yang agak tersusun di Johor bermula dengan kegiatan menanam gambir-lada[6] menerusi sistem kangcu. Sistem Kangcu ini yang merujuk kepada satu sistem penempatan, penanaman dan pemegangan tanah telah bermula apabila pemerintah Johor mengambil dasar menggalakkan orang Cina membuka kebun gambir-lada di Johor. Dasar itu diambil atas nasihat W.W. Ker, seorang sahabat Temenggung Ibrahim dan yang juga merupakan pengasas firma *Paterson, Simons and Company*[7] (Khoo Kay Kim, 1968:83).

Orang Cina yang dianggap berkemampuan menjalankan usaha itu telah dibenarkan membuka tanah dan mewujudkan kawasan-kawasan penempatan berdekatan beberapa batang sungai. Tumpuan penempatan di sungai mungkin kerana sungai merupakan cara pengangkutan dan perhubungan yang paling mudah ketika itu.... *Rivers served as highways of immigration and, later as arteries of commerce* (Jackson, 1965:84). Kebenaran membuka kebun itu diberi melalui Surat Sungai, yang merupakan geran membenarkan seorang Cina itu membuka kebun gambir-lada di *watershed* sungai yang telah dikenal pasti dengan syarat kawasan itu belum dimiliki orang lain selain mengawal penanaman di kawasan yang diliputi oleh geran itu (Trocki, 1979:90; Coope, 1936:247). Pemilik Surat Sungai ini diberi gelaran kangcu, yang bermaksud pemilik atau 'tuan sungai',

5 Kajian tentang Sistem Kangcu telah banyak dilakukan terutamanya oleh sarjana-sarjana Barat termasuk Coope (1936); Elcum (1912); Jackson (1968); Trocki (1975, 1976, 1979); Turnbull (1957). Para sarjana tempatan yang mengkaji tentang sistem ini termasuk Ahmad Fawzi Basri (1984) dan Tan Tek Soon (1902).

6 Ungkapan 'gambir-lada' digunakan kerana terdapat kombinasi tanaman gambir dan lada hitam di sebuah kawasan yang sama. Lada hitam mengambil masa kira-kira 3 tahun untuk mendatangkan hasil, sedangkan gambir hanya mengambil masa 4 bulan. Kedua-dua tumbuhan ditanam sekali untuk mendapatkan keuntungan dalam masa yang singkat. Ungkapan tersebut digunakan dalam urusan pentadbiran dan undang-undang yang berkaitan dengannya seperti *Undang-undang Kesejahteraan Hal Kerana Gambir-Lada*, 10 Ramadan 1284. Lihat juga Jackson, 1965:79–80.

7 Firma ini pada mulanya dikenali dengan nama Kerr, Rawson and Company, yang merupakan pengeksport perintis *gutta perca*.

yang menunjukkan bahawa ia mempunyai monopoli dan kawalan ke atas keseluruhan lembah sungai itu selain memiliki kebun gambir-lada. Keluasan pembukaan kawasan tidak ditetapkan secara tepat, sekadar dinyatakan, umpamanya ... *one cauldron, that is as much land as will supply one cauldron of the type customarily used by Chinese*[8] dan satu kawah (cauldron) bermaksud antara 30 hingga 50 ekar.[9]

Akibat permintaan yang meningkat terhadap gambir-lada dan perkembangan yang berlaku di kawasan-kawasan penempatan, muncul beberapa buah bangsal[10] berhampiran sungai yang dimiliki oleh kangcu tadi. Setiap bangsal ini pula dipunyai oleh 'Tuan Kebun'.[11] Dengan itu, kangcu juga menjadi ketua kepada sekumpulan bangsal yang terdapat di sekitar sungainya itu. Perkembangan ini memerlukan kangcu membina sebuah markas besar bagi mengawal dan mentadbir bangsal dan kebun yang terdapat di sekitar sungai miliknya itu. Markas ini pula bergelar 'kangkar'[12] dan biasanya terletak di tebing muara sungai.

---

8 Dipetik daripada Coope, 1936:248.

9 *Ibid.*

10 Bangsal adalah kawasan-kawasan kecil yang ditanam dengan gambir dan lada hitam. Setiap bangsal dikerjakan oleh seramai 9–10 orang pekerja. Purata keluasan setiap bangsal adalah antara 10 dan 50 ekar yang menghasilkan kira-kira 100 hingga 200 pikul gambir dan 50 hingga 150 pikul lada hitam setiap tahun (Jackson, 1965:88).

11 'Tuan Kebun' ini telah dikurniakan sebidang tanah berdekatan dengan sebatang sungai yang dimiliki oleh seorang kangcu. Tanah itu diteroka dan ditanam dengan gambir-lada. Lantas, sungguhpun kangcu diberi kuasa memonopoli sesebatang sungai, ia tidak memiliki kesemua tanah di sekitar sungai itu – sekadar yang telah ditetapkan untuknya saja.

12 Mengikut Coope (1936:247) perkataan 'kangkar' ini bukanlah perkataan Melayu tetapi perkataan Cina. 'Kangkar' merujuk kepada ... *village headquarters around which the plantations centred* (Coope, 1936:249). Secara literalnya, perkataan 'kangkar' bermaksud *river foot* (Trocki, 1979:90). Pada mulanya kampung-kampung lazim terdapat di tebing sungai (Coope, 1936:249) atau sebuah bangunan besar dibina berdekatan muara sungai (Trocki, 1979:90). Seseorang yang berada di kebun dan ingin ke kampung itu akan menyatakan bahawa beliau ingin "turun ke sungai". Maka, 'kangkar' boleh diterjemah sebagai 'tebing sungai' (*riverside*). Semua 'kangkar' dibuka dengan kebenaran bertulis Kerajaan Johor melalui 'Surat Sungai' (Ahmad Fawzi Basri, 1988:50) dan ketua 'kangkar' digelar 'kangcu'.

Jackson (1965:88) berpendapat bahawa kangkar digunakan untuk merujuk

Kangcu juga menerima Surat Tauliah atau mandat daripada Kerajaan Johor untuk mentadbir serta mempunyai kuasa dan hak ke atas kangkarnya. Bahkan, kerajaan juga menganugerahkannya lambang kuasa kangcu dalam bentuk dua batang rotan dan sebilah lembing (Ahmad Fawzi Basri, 1984(a):12). Sekiranya seorang kangcu meletakkan jawatan maka lembing dan rotan kangcu perlu diserahkan kembali kepada kerajaan.[13] Selain memimpin Tuan-tuan Kebun, kangcu juga mengawal konsesi hasilan (*revenue concessions*). Menerusi mandat yang diterima, kangcu menjadi ejen utama kerajaan di kebun-kebun, dan bertanggungjawab menjaga keamanan serta menerima hak monopoli ke atas perniagaan, perjudian, pajak gadai dan pembekalan candu, arak dan daging babi (Coope, 1936:251; Thio, 1969:96 dan Jackson, 1965:86). Sebagai gantinya kangcu membayar sewa, yuran lesen dan cukai-cukai lain. Kanun Kangcu 1873, ada menerangkan tentang tanggungjawab kangcu itu. Sistem yang diamalkan ini menekankan pemimpin tempatan sebagai ejen Sultan dan dalam masa yang sama sistem itu disepadukan ke dalam pentadbiran Melayu disebabkan kuasa yang ada pada kangcu itu telah dikurniakan oleh Sultan. Dalam hal ini Jackson (1965:86) berpendapat:

> *Agricultural colonisation and development by immigrant aliens could proceed within the organisational framework introduced by the immigrants, superficially integrated into the Malay administration in that the Temenggung was recognised as its titular head, but in practice standing almost entirely outside the jurisdiction of the existing local authorities.*

Sungguhpun pada mulanya kangcu yang memiliki Surat

---

kepada kampung pusat kangcu dan keseluruhan kawasan yang dikerjakan dan diuruskan daripada pusat itu, iaitu kawasan yang diiktiraf oleh penguasa Melayu sebagai yang telah dikurniakan kepada kangcu sebagaimana tertulis di dalam Surat Sungainya. Mengikut Jackson lagi saiz kangkar boleh berbeza kurang daripada 2500 ekar kepada lebih daripada 20 000 ekar.

13 Datuk Menteri kepada Merinyu Abdul Rahman. Juga, Datuk Menteri kepada Residen Muar. 4.11.1889. *Salinan Surat Datuk Menteri.* J/SUK11. ANJ.

Sungai dan Surat Tauliah bagi mengawal kawasannya sekali gus mengadakan ikatan dengan kerajaan, namun akibat perkembangan dan perubahan keadaan, yang menerima Surat Tauliah itu tidak semestinya lagi Tuan Sungai, yang mungkin bermastautin di Singapura dan/atau memiliki lebih daripada satu kangkar (Coope, 1936:251). Kangcu yang menetap di kangkar boleh dianggap sebagai pengurus yang bertindak bagi pihak tuan punya kawasan itu.

Sungguhpun kebun-kebun gambir-lada dibuka di Johor, tetapi disebabkan modal untuk kegiatan itu telah didatangkan dari Singapura maka perdagangan gambir-lada dikawal dari Singapura. Peningkatan harga gambir-lada pada tahun-tahun 1860-an lebih menggalakkan pertumbuhan ekonomi Johor. Keadaan ini telah menyebabkan Temenggung Abu Bakar cuba mengalihkan pusat perdagangan gambir dari Singapura ke Johor mungkin sebagai langkah menunjukkan kebebasan ekonominya pada tahun 1864. Baginda telah membuat peraturan baru berhubung dengan sistem eksport dan import di Tanjung Puteri. Baginda mahu semua bot dagangan antara Johor dan Singapura berhenti di Tanjung Puteri selain mengarahkan supaya semua pekebun gambir-lada di Johor membawa hasilan mereka ke sana untuk didaftarkan.[14] Namun, tindakannya itu telah menimbulkan keadaan tidak senang dan bantahan di kalangan peniaga gambir Cina di Singapura dan dari *Chambers of Commerce*.[15] Kerajaan Singapura, yang menganggap Temenggung ingin memonopoli perdagangan itu, juga telah membantah bagi pihak pedagang.[16] Keadaan yang timbul itu, yang juga dirujuk sebagai *Tanjong Puteri Controversy*, menyebabkan Abu Bakar terpaksa

---

14 Abu Bakar kepada Burn, Secretary to Government. 20.10.1864.; Abu Bakar kepada Macpherson. 7.4.1865. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ. Juga CO273/16. PRO.

15 Abu Bakar kepada Burn. 20.10.1864.; Abu Bakar kepada Macpherson. 7.4.1865.; Abu Bakar kepada Secretary to Government, Straits Settlements. 17.1.1866. *Maharaja Letterbook*. J/RAJA9. ANJ. Juga lihat, Turnbull, 1972:289; (Trocki, 1979:131–136).

16 Secretary of Government, Straits Settlements to Abu Bakar. 12.1.1865.; Secretary of Government, Straits Settlements to Secretary of Government, India. 27.5.1865. CO273/16. PRO.

melupakan tujuannya itu (Turnbull, 1959:43–55).

Pada tahun 1885 terdapat 188[17] buah kawasan kebun gambir-lada (Ahmad Fawzi Basri, 1984(a):43–46). Johor merupakan pengeluar terulung dua komoditi itu pada tahun 1886 (Khoo Kay Kim, 1968:92). Dari segi tenaga kerja pula menjelang tahun 1894 telah terdapat 210 000 orang Cina di Johor. Kebanyakan daripada pekerja ataupun kuli kebun ini berasal dari Wilayah Swatow (Lake, 1894:290) sungguhpun ada juga yang berasal dari wilayah suku Hokkien, Kek dan Macao.[18] Mereka telah sampai ke rantau ini menerusi ejen kuli Cina ke Singapura dan kemudiannya ke Johor. Kuli-kuli ini dikawal rapi. Bahkan, terdapat amaran bahawa ... "Singkek-singkek atau kuli-kuli yang lari dari tempatnya tiada boleh diterima (oleh) sebarang tauke kebun lain".[19] Amaran ini dimasukkan juga ke dalam Kanun Kangcu[20] yang dikuatkuasakan pada tahun 1873.[21] Menerusi Kanun Kangcu ini sifat-sifat asas sistem Cina itu telah diinstitusikan, dikanunkan dan disahkan oleh *state*.

Sungguhpun Kanun Kangcu 1873 banyak menjelaskan tentang segala aspek Sistem Kangcu, namun Kanun itu bukanlah

---

17 Kawasan-kawasan itu ialah Tebrau, Sungai Tebrau, Sungai Sekudai, Sungai Pulai, Pontian Kecil, Pontian Besar, Sungai Bonot, Sungai Batu Pahat, Sungai Muar (Kanan), Sungai Johor R.B., L.B., Sungai Lebam, Air Samak, Sungai Santi, Air Satu, Pantai Timur, Sedili Besar dan Sedili Kanan.

18 Dipetik dalam Ahmad Fawzi Basri, 1984(a):9.

19 Pemberitahu Kerajaan, 1 Rabiulawal 1313 (10 Ogos 1896). J/SUK13. ANJ.

20 Tajuk asal Kanun ini ialah "Kanun, iaitu Undang-undang yang Dipakai bagi Segala Kangcu di dalam Daerah Johor", tetapi lebih dirujuk sebagai Undang-undang Kangcu ataupun Kanun Kangcu 1873.

21 Kerana sebab-sebab yang penulis sendiri tidak dapat pastikan, Ahmad Fawzi Basri (1984(a):12) menyatakan bahawa Kanun Kangcu ini mengandungi 83 fasal dan 81 fasal (1988:51). Coope (1936:252–261) pula menunjukkan terdapat 81 fasal. Dokumen asal yang bertulisan jawi (Undang-undang Kangcu 1873. J/PU 1. ANJ) menunjukkan hanya ada 80 fasal. Fasal yang ke-80 ini berbunyi:

> *Fasal yang ke delapan puluh – barang siapa tauke-tauke kebun yang telah mendapat salah serta ditangkap akan dia oleh orang-orang polis maka kangcu boleh tunggu dua minggu. Jikalau tiada apa datang atau belum sampai bicaranya hendaklah kangcu beri surat dengan segeranya kepada tauke yang memaju kebun yang tersebut.*

satu-satunya Kanun yang digunakan untuk melaksanakan dan mengurus sistem itu. Sebelum itu, telah terdapat beberapa undang-undang lain yang telah dikuatkuasakan, yang berkaitan dengan kegiatan menanam gambir-lada:

1. Undang-undang Memasukkan Nama ke dalam Daftar. 16 Zulkaedah 1282 (kira-kira 28 Oktober 1865).
2. Undang-undang Pengukuh Undang-undang Memasukkan Nama dalam Daftar. 20 Safar 1283 (11 Mac 1866).
3. Undang-undang Mencegah Gambir yang Tidak Baik. 1 Rejab 1284 (28 Jun 1867).
4. Undang-undang Kesejahteraan Hak Kerana Gambir-Lada. 10 Ramadan 1284 (13 September 1867).
5. Tambahan kepada Undang-undang bagi Kesejahteraan Hak Kerana Gambir-Lada. 12 Rabiulakhir 1285 (A.D. 1868).
6. Undang-undang Hal Gambir-Lada. 2 Zulhijah 1288 (A.D. 1871).

Selepas Kanun Kangcu 1873 itu, terdapat dua undang-undang lain yang dilaksanakan berkaitan dengan kegiatan menanam gambir-lada:

1. Undang-undang Nombor Satu bagi Tahun 1293 (1876) Kerana Memeliharakan Hak yang Bergantungan Atas Gambir-Lada.
2. Peraturan pada Melarangkan Gambir-Lada Gelap. 25 Jamadilakhir 1310 (3 Januari 1894).

Walau bagaimanapun, secara umum Kanun Kangcu 1873, boleh dianggap sebagai puncak kepada kesemua undang-undang itu. Selain daripada menjelaskan hal yang berkaitan dengan keistimewaan, peranan dan tanggungjawab Kangcu serta perjalanan sistem itu, Kanun ini juga menekankan tentang keselamatan dan pembangunan ekonomi Johor. Kanun ini juga meliputi peraturan untuk 'Tauke Kebun' dan 'Tauke Pemajak Kebun'. Kanun

Kangcu ini berkuat kuasa sehingga Sistem Kangcu dibubarkan pada tahun 1917.

Dalam situasi yang wujud pada abad ke-19 itu, Sistem Kangcu terbukti dapat berjalan dengan cekap dan berkesan. Walau bagaimanapun, perubahan yang berlaku dalam aspek ekonomi dan politik tempatan dan antarabangsa lewat abad ke-19 itu, telah menjejaskan perjalanan sistem tersebut. Pada tahun-tahun 1890-an Johor telah mengalami puncak perkembangan pengeluaran gambir-lada (Ahmad Fawzi Basri, 1984(a):34). Tetapi selepas itu berlakunya kemerosotan pengeluaran, antaranya akibat kekurangan singkek atau kuli kebun, untuk mengerjakan kebun. Kemerosotan ini telah membimbangkan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah membincangkan hal itu dan perkara yang berkaitan dengannya. Langkah-langkah diambil untuk memperbaiki keadaan, umpamanya, ... "Tauke Pajak Kebun Gambir-Lada diminta supaya menambahkan kuli-kuli yang tidak mencukupi, dua orang setiap tahun, sehingga cukup bilangan untuk mengerjakan kebun gambir-lada".[22] Begitu juga rayuan Kongkek[23] meminta supaya kerajaan mengurangkan cukai gambir telah dipersetujui oleh Mesyuarat Kerajaan[24] dan dikebelakangkan mulai tahun 1916.

Kemerosotan pengeluaran adalah juga disebabkan ancaman kemunculan ladang-ladang getah. Pelaksanaan Undang-undang Tanah pada tahun 1910 telah memungkinkan pemindahan hak

---

22 Keputusan Mesyuarat Kongkek dan Kongsoh yang diadakan pada 23 Ramadan 1313 telah dipetik daripada *Pemberitahu Kerajaan*, 10 Ogos 1896 (1 Rabiulawal 1313). ANJ.

23 Kongkek atau Persatuan Gambir-Lada (Gambier and Pepper Society) merupakan sebuah *guild* yang antara lain mengawal dan menentukan harga kedua-dua komoditi tersebut. Juga, ... *standardized weights and measures and in general looked after the interests of the taukehs* (Trocki, 1979:179). Kongkek telah ditubuhkan di Singapura pada tahun 1867 untuk perlindungan bersama ahli kewangan (financies) dan penanam serta melindungi perdagangan antara Johor dan Singapura (Jackson, 1965:93n73). Persatuan ini terdiri daripada pekedai-pekedai yang membekalkan penanam dengan ... *all the necessaries of life, implements of husbandry, seeds and cuttings* (Trocki, 1979:165).

24 Lihat Minit Mesyuarat Kerajaan, 15 Oktober 1913. Juga, Pekeliling Menteri Besar, 28 Jun 1917. SUK 535/17. ANJ.

milik tanah sekali gus penukaran jenis tanaman. Kebanyakan kuli juga telah bertukar kerja ke ladang getah.

Kemerosotan pengeluaran gambir-lada ini juga telah menjejaskan peranan dan pengaruh kongsi di kalangan orang Cina. Hal ini menyebabkan pada tahun 1904 Bahagian Hal Ehwal Orang Cina ditubuhkan bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan. Pada tahun 1911 bahagian ini telah dikembangkan lagi untuk menjadi satu Jabatan tersendiri bergelar Bahagian Orang Cina dan Jabatan Pajak Hasil. Peranan dan pengaruh kongsi langsung dimansuhkan pada tahun 1914 apabila segala hal ehwal orang Cina di Johor diletakkan di bawah *Protector of Chinese and Superintendent Monopoly* dengan cawangannya di Muar, Batu Pahat dan Kota Tinggi.[25]

Kemerosotan pengeluaran gambir-lada dan perkembangan yang berlaku ekoran daripadanya; persaingan dengan tanaman getah dan ramainya kuli kebun yang telah memilih untuk bekerja di ladang getah serta pelaksanaan cara baru mentadbir tanah telah berkesudahan dengan Sistem Kangcu dimansuhkan apabila Undang-undang (Memansuhkan) Kuasa-kuasa Kangcu, 1917, dikuatkuasakan mulai 1 Disember 1917.[26] Undang-undang pemansuhan ini juga menetapkan jumlah ganti rugi yang akan diberikan, iaitu sebanyak lima kali ganda daripada untung bersih tahunan – dari tahun 1915 hingga 1917.[27]

Sebelum tahun 1917, iaitu pada tahun 1910 Undang-undang Tanah telah diperkenalkan. Pada masa itu penghasilan dan pengeksportan gambir-lada telah merosot dan pekebun Cina mengalihkan perhatian kepada penanaman getah yang mula meningkat permintaannya. Permohonan mula diterima daripada pekebun Cina untuk membolehkan sebahagian daripada tanah gambir-lada ditukar kepada tanaman getah. Memandangkan keadaan ini Persuruhjaya Tanah dan Galian bersetuju dengan pemansuhan Sistem Kangcu. Beliau berpendapat oleh kerana

---

25 Pemangku Setiausaha bagi Perkara-perkara Cina kepada Pemangku Setiausaha Kerajaan. 27.7.1914 dan 18.11.1914. J/DUN1. ANJ.

26 *Johore Government Gazette* No. 154. 26 November 1917. J/SUK 10. ANJ.

27 *The Kangchu Rights (Abolition) Enactment*, 1917. GA147/17. ANJ.

Surat Keterangan telah diganti dengan geran, dan getah menggantikan gambir-lada, maka hak kangcu untuk hanya menanam gambir-lada telah dilanggar. Maka ... *as there is no cauldron, there is no kebun, so where there is no gambier, there is no kangcu.*[28]

Selain Surat Sungai yang merupakan asas Sistem Kangcu, terdapat beberapa jenis Surat lain untuk mengurus kegiatan menanam lada dan pemegangan tanah oleh golongan Cina. Hubungan pentadbiran antara kerajaan dan kongsi ditentukan oleh Surat Sungai, Surat Jual Beli atau Surat Pajak. Sementara hubungan antara kerajaan dan kangcu dizahirkan melalui Surat Tauliah.

Organisasi Pentadbiran Tanah Johor

Dari segi pentadbiran, Johor telah bermula dengan hanya tiga jabatan yang terletak di Teluk Belanga untuk menguruskan hal ehwal negeri (lihat Bab 2). Tidak terdapat jabatan yang khusus untuk menguruskan hal ehwal tanah. Surat kebenaran membuka kebun gambir-lada di Johor telah diuruskan oleh Pejabat Menteri Besar. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan Johor telah pun mempunyai peraturannya sendiri berhubung dengan tanah. Sultan dianggap sebagai mempunyai hak *usufructuary* ke atas tanah dan rakyatnya memerlukan Surat Akuan atau Surat Kebenaran Tebang-tebas untuk meneroka hutan dan menjadikannya kebun. Sistem pemegangan tanah untuk orang Melayu agak berbeza daripada yang diamalkan untuk golongan Cina. Orang Cina memerlukan Surat Sungai atau Surat Keterangan untuk membuka kebun gambir-lada di bawah Sistem Kangcu.

Kemajuan Johor menyebabkan semakin banyak tanah dibuka oleh golongan Melayu dan Cina. Untuk mengurangkan timbulnya perbalahan dan konflik berhubung dengan soal sempadan serta masalah lain yang berkaitan dengan tanah, pentadbirannya disusun.

---

28 J.W. Simmons, *Commissioner of Lands and Mines. Memorandum regarding Kangcu rights.* Mac 1917. GA848/1919. ANJ.

Pembaharuan berkaitan dengan mendaftar hak milik tanah bermula pada tahun 1866 selepas Kontroversi Tanjung Puteri selesai. Langkah ini dianggap sebagai satu tindakan yang berguna serta menguntungkan, terutamanya mereka yang mempunyai minat terhadap kebun gambir-lada.[29] Langkah ini kemudiannya dimasukkan ke dalam Kanun Kangcu 1873. Pada tahun 1874 telah terdapat Jabatan Tanah[30] untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan tanah. Walau bagaimanapun, pada masa itu jabatan tersebut digabungkan dengan urusan kerja raya. Maka, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Tanah dan Kerja Raya.

Selaras dengan pertumbuhan pesat ekonomi, jentera pentadbiran berhubung dengan tanah telah dikembangkan dan dikhususkan lagi. Jabatan Tanah dan Kerja Raya telah dipisahkan menjadi Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Ukur dan Tanah. Tetapi mulai tahun 1883 Jabatan Ukur dan Tanah telah dipisahkan menjadi Jabatan Ukur dan Jabatan Tanah.[31] Antara tugas baru Jabatan Ukur ialah menjaga hal ehwal perkebunan gambir-lada. Walau bagaimanapun, urusan pendaftaran kebun gambir-lada masih dikendalikan oleh Pejabat Pesuruhjaya Polis Negeri.[32] Jabatan Tanah yang diketuai oleh Datuk Bentara Luar bertanggungjawab dalam kerja ukur-mengukur seluruh negeri Johor.[33]

Pertumbuhan ekonomi Johor yang terus meningkat menyebabkan pada tahun 1885 (SSD, 1885:170) sekali lagi Jabatan Ukur mengalami perubahan. Jabatan tersebut telah dibahagi kepada empat bahagian iaitu (a) Bahagian Ukur Kawasan Gambir-Lada (b) Kawasan Ladang Kopi (c) Cawangan Keluaran

---

29 *Logan kepada Secretary of Government.* 21.11.1864. CO273/16. PRO. Juga, Trocki 1979:136.

30 SSC&D, 1874:1–3, NLS.

31 Ahmad Fawzi Basri, 1988:70. Juga SSD 1883. NLS.

32 Tugas pendaftaran itu telah dijalankan oleh Persuruhjaya Polis Johor sekurang-kurangnya semenjak tahun 1868 lagi.

33 Hasil kerja ukur-mengukur itu, Datuk Bentara Luar, Muhammad Salleh Perang, telah berjaya melukiskan sebuah peta negeri Johor, yang diakui tepat dan disahkan oleh pakar Juruukur di London. (Lihat Peta 1 yang dilampirkan). Peta asal berukuran 149 cm. × 123 cm. (58.75 inci × 47.5 inci). ANJ.

Hutan dan Pendaftaran Sungai-sungai, dan (d) Cawangan Pendaftaran Ladang Kopi. Datuk Bentara Luar diberi tugas khusus mengetuai Jabatan Ukur bagi Bahagian Perkebunan Gambir-Lada. Menjelang tahun 1890 pula, Bahagian-bahagian Pendaftaran Sungai, Kebun Gambir-Lada dan Pengeluaran Hasil Hutan telah dikeluarkan dari Jabatan Ukur dan disatukan di bawah Jabatan Pendaftaran Sungai.[34]

Pada tahun 1895 telah terdapat Jabatan Inspektor Kebun Gambir-Lada. Pembangunan yang semakin pesat telah memerlukan Jabatan Ukur dibahagikan kepada dua untuk bahagian bandar dan luar bandar. Lantas pada tahun 1900 terdapat Jabatan Kerja Raya dan Ukur Tanah Bandar serta Suruhanjaya Perbandaran untuk bandar. Jabatan Pertanian dan Ukur dan Suruhanjaya Hutan pula untuk kawasan desa.

Penyusunan semula jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pentadbiran tanah menunjukkan betapa beratnya perhatian yang diberikan kepada pengurusan dan pentadbirannya. Kerajaan Johor menginginkan tanah ditadbir dengan secekap mungkin. Akibat perubahan dan penyusunan semula yang dilakukan ke atas jabatan-jabatan berkenaan, menjelang 1909, iaitu tahun sebelum Penasihat Am Inggeris dilantik, Johor telah mempunyai jabatan-jabatan yang mempunyai tugas khusus berkaitan dengan tanah seperti Jabatan Ukur, Jabatan Tanah, dan Jabatan Pendaftaran. Perkembangan yang diperlihatkan dari segi pentadbiran tanah menunjukkan bahawa Johor mempunyai satu cara pentadbiran yang agak cekap dan berkesan, sungguhpun dari kaca mata Inggeris masih kurang memuaskan.

Oleh kerana tanah semakin menjadi penting akibat kemajuan dan pembangunan negeri serta getah, maka pada tahun 1906 Mesyuarat Kerajaan telah membentuk jawatan Pesuruhjaya Tanah dan Pemungut Hasil di peringkat daerah.[35] Datuk Bentara Luar dilantik menjadi Pesuruhjaya untuk Batu Pahat dan utara Johor. Manakala, kawasan selatan Johor dipimpin oleh Datuk Yahya Awaluddin (Fawzi Basri, 1988:125).

---

34 SSD, 1890. NLS. Juga Ahmad Fawzi Basri,1988:71.

35 Majlis Mesyuarat Kerajaan. 29 April 1906. J/DUN7. ANJ.

Dasar Tanah dan Undang-undang Tanah 1910

Sehingga awal tahun 1910 terdapat beberapa bentuk pemilikan tanah: (i) tanah yang dimiliki untuk selama-lamanya dan tidak tertakluk kepada apa-apa syarat penanaman dan tidak perlu bayar sewa, (ii) tanah yang diberi semata-mata untuk menanam gambir-lada. Kebenaran diberi hanya untuk bercucuk tanam dan tidak terdapat hak milik, (iii) tanah yang diperolehi berdasarkan sewaan jangka panjang. Biasanya diberi kepada orang Eropah dan (iv) tanah saiz kecil diduduki terutamanya oleh golongan Melayu berdasarkan Undang-undang Adat.

Dasar ekonomi penjajah bagi memajukan industri pertanian untuk eksport di Johor berkehendakkan satu sistem baru pemilikan tanah diperkenalkan iaitu satu sistem yang sesuai dan dapat menggalakkan eksploitasi ke atas sumber-sumber tanah oleh pihak kapitalis atau peniaga. Sistem cara milik tanah peribumi berdasarkan pertanian sara diri dianggap tidak mencukupi serta mempunyai banyak kelemahan untuk menjalankan fungsi baru itu. Lagipun wujud kepercayaan bahawa tanah di Johor hanya boleh dimajukan dengan menggunakan modal dan tenaga kerja asing.

Apabila British berjaya menguasai Johor dan melantik seorang Penasihat Am, telah terbentuk satu peluang untuk pegawai British mewujudkan suatu undang-undang baru mentadbir tanah. Pentadbiran tanah di Johor telah diletakkan di bawah kawalan British yang telah berusaha menyusunnya semula.

Dalam sebuah memorandum tahun 1911 berhubung dengan tanah, Pemungut Hasil Tanah Batu Pahat, J.L. Humphreys, telah menulis bahawa:

> *In a community where the tenure of land determines more than anything else the content or discontent of the people, it seems to be the duty of Government to free the customary holders from the abuses attendant on undemarcated lands, insecure titles, and expensive cumbrous and uncertain transfers and transmission and by making registration of title universal, to give them the advantages of a survey, a permenant settlement, and a land system that has proved else-*

where to be of the greatest benefit to the native community.[36]

Pesuruhjaya Tanah dan Galian pula berpendapat bahawa:

Customary tenure is perhaps ideal where the land is merely under fruit trees, jagong *and* tebu: *where its boundaries are well known: where it is regarded as* pesaka *and never sold: where money is never borrowed on its security; and where the adjoining land is held on the same terms, and by people of the same race. But it is by no means ideal when the land is planted, as a commercial enterprise, with rubber or coconuts; where it is constantly bought, sold or charged; where the boundaries and area are indefinite; and where it is surrounded by land held under different tenure by people of various nationalities.*[37]

Secara umum pentadbir penjajah Inggeris mempunyai anggapan bahawa sistem cara milik tanah Melayu (i) mengandungi potensi untuk autoriti dan kuasa yang berkaitan dengan tanah disalahgunakan oleh Sultan atau pegawai-pegawainya, dan (ii) kemungkinan runtuhnya norma-norma yang diamalkan berkaitan dengan tanah. Hal ini bermakna bahawa mereka mempunyai peluang untuk memperkenalkan dan mengenakan perubahan untuk faedah penduduk dengan menghapuskan unsur-unsur yang tidak jelas yang terkandung dalam sistem peribumi itu (Lim Teck Ghee, 1976:8–9).

Inggeris juga beranggapan sistem cara milik tanah dan hal-hal yang berkaitan dengan tanah yang wujud pada abad ke-19 mengelirukan kerana penilaian tidak dilakukan dan tidak terdapat cara permohonan tanah yang betul. Akibatnya, kerajaan mempunyai sedikit saja kuasa atau juga tidak berupaya untuk mengenakan haknya. Dengan itu, kerajaan mengalami kerugian

---

36 Memorandum yang ditulis oleh Pemungut Hasil Tanah Batu Pahat ini, boleh didapati dalam *Land Report.* CLM&S 251/15. ANJ.

37 Commissioner of Land and Mines to General Adviser. 5.9.1916. GA585/1916. ANJ.

dari segi hasil yang seharusnya dikutip dalam bentuk cukai tanah.

Lagipun hasil peningkatan permintaan terhadap tanah untuk tanaman getah, menjelang 1910 ... *it was evident to the government that the large areas being alienated for rubber plantations made an adequate survey imperative.*[38] Walau bagaimanapun, untuk membolehkan pengukuran dilakukan Undang-undang Tanah perlu dimodenkan dan disusun.[39]

Bagi mengatasi masalah ini suatu sistem moden Undang-undang Tanah dirasakan perlu diperkenalkan untuk menjadikan negeri Johor lebih menarik kepada modal dan perusahaan (Thio, 1969:245), terutama sekali untuk menarik pelaburan pihak Eropah. Surat Akuan dan surat-surat yang lain perlu dihapuskan dan diganti dengan hak milik yang lebih khusus. Tanah perlu dinilai terlebih dahulu dan perbelanjaan untuk menjalankan kerja mengukur itu akan ditanggung oleh pihak pemohon hak milik itu. Undang-undang yang bakal diperkenalkan itu seharusnya dibentuk mengikut konsepsi Inggeris (Barat) tentang pemilikan tanah secara persendirian. Undang-undang Tanah ini nanti akan membolehkan seorang Pesuruhjaya Tanah dilantik untuk menyelidik dan membuat keputusan tentang sesuatu permohonan memiliki tanah.

Apabila Penasihat Am di Johor dilantik, beliau telah memujuk Sultan supaya melantik pegawai-pegawai penjajah untuk mengajar pegawai-pegawai Melayu cara-cara pentadbiran yang terbaru (Thio, 1969:244). Pegawai-pegawai penjajah ini termasuk Penasihat Undang-undang, Penolong Penasihat Am, Pesuruhjaya Kastam dan Pemungut Hasil Tanah.... *Campbell own appointments of Commissioner of Land, Mines and Surveys was gazetted a few months later* (Thio, 1969:245). Dengan itu, kuasa mengawal tanah telah berpindah tangan daripada pihak pegawai

---

38 .... to Governor. 12.6.1910. *Johor State Secretariat Letterbook, 1910–1911*. J/SUK11. ANJ.

39 *Johore in 1910*. ANJ. Laporan tahunan pertama setelah Inggeris diberi kuasa di Johor. Laporan disediakan oleh D.G.Campbell. Juga lihat *Young to Harcourt*. 14.11.1914. CO273/412. PRO.

Melayu kepada Inggeris. Untuk memastikan bahawa Inggeris dapat mempengaruhi dasar, perancangan dan pentadbiran negeri, sebuah Mesyuarat Kerja Dewan telah ditubuhkan pada 17 September 1912 melalui Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.[40] Penasihat Am telah menjadi salah seorang daripada anggotanya.[41] Mesyuarat Kerja Dewan yang merupakan sebuah badan eksekutif berfungsi ... "maka kepada Mesyuarat itulah dibawa perihal tanah, tanam-tanaman dan galian, segala kerja raya, tawaran-tawaran, perihal menaikkan pangkat dan juga syor bagi mengadakan undang-undang dan lain-lain hal yang mustahak (H. Mohd. Said Sulaiman, 1950:80)."

Pegawai penjajah telah berjaya meyakinkan kerajaan tentang perlunya suatu perumusan dan pelaksanaan dasar tanah yang jelas lagi konsisten untuk pembangunan negeri itu. Hasilnya, atas gesaan D.G. Campbell, iaitu Penasihat Am Inggeris, sebuah Undang-undang Tanah telah diterima dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 17 September 1910, bagi menggantikan peraturan tanah mengikut adat resam Melayu. Penerimaan Undang-undang Tanah ini meletakkan Johor sejajar dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dari segi pentadbiran tanah.

Undang-undang baru ini membawa masuk satu sistem cara milik tanah yang sesungguhnya asing dan mengetepikan sistem peribumi Melayu. Undang-undang ini adalah berdasarkan prinsip-prinsip dan konsep yang mungkin telah berakarumbikan zaman feudal di England dan dengan itu, tidak berkaitan dengan keadaan yang wujud di Johor. Undang-undang Tanah ini menggunakan konsep undang-undang Barat tentang cara milik tanah. Undang-undang ini menyatukan undang-undang pemberimilikan tanah (*land alienation*), pendaftaran tanah, hasil tanah, beberapa arahan pentadbiran kepada pegawai penilai tanah dan

---

40 Lihat Emerson, 1968:205 dan Hj. Mohd. Said Sulaiman, 1950:80.

41 Ahli-ahli yang lain ialah Sultan sebagai Yang Dipertua Dewan, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Pemangku Setiausaha Kerajaan, Penolong Setiausaha Kerajaan, Pesuruhjaya Kerajaan Muar, Yang Dipertua Agama, Pemeriksa Kira-kira Besar Negeri, Pelindung Orang Cina dan Penasihat Undang-undang (SSD, 1917:494, NLS).

Pendaftar Hak Milik. Undang-undang ini juga memudahkan proses perolehan dan pemindahan hak milik dan dengan itu, memberikan gambaran pemilikan yang lebih terjamin dan lebih meyakinan pelabur. Ringkasnya, undang-undang ini mengandungi matlamat memeriksa dan mendaftar semua tanah yang telah diduduki, menilai semua tanah di negeri Johor dan mengeluarkan sijil hak milik kepada semua pemilik tanah Melayu dengan menyatakan jenis serta jumlah cukai yang perlu dibayarnya.

Sistem cara milik tanah menerusi pendaftaran ini mirip yang terdapat di Australia, Burma (Myanmar) dan Ceylon (Sri Lanka), iaitu Sistem Torrens.[42] Sistem ini dilaksanakan menerusi Jabatan Tanah, yang diberi tugas mengesahkan tanah yang telah lama diduduki secara haram, meningkatkan daftar sewa tahunan, mengawal tanah supaya tidak lagi diduduki secara haram dan mendaftar tanah yang mempunyai surat-surat milikan yang lama. Sistem geran diwujudkan untuk pemegangan yang besar, sementara kebun kecil (10 ekar ke bawah) didaftarkan di bawah Daftar Mukim. Dengan itu, semua blok tanah yang besar saiznya untuk tanaman getah dan tanaman lain diberi milik melalui pemberian geran. Kedua-dua jenis pemegangan ini adalah tertakluk kepada cukai tanah tahunan. Melalui cara ini semua tanah milik persendirian diharap dapat didaftarkan dan sempadan semua pemegangan dinilai dan dimasukkan ke dalam peta.[43]

Dengan cara ini juga akan membolehkan seorang penduduk memiliki tanahnya sendiri, dan setelah memilikinya, mempunyai kuasa untuk menjual tanah itu, membuat pinjaman dengan bersandarkannya atau mewariskannya tanpa terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak atau menghadapi formaliti undang-undang yang kompleks.

---

42 Sistem *Torrens* telah direka oleh Sir Robert Torrens, seorang Gabenor di south Australia. Sistem ini bertujuan menyatukan jaminan pemegangan yang maksimum dengan formaliti yang paling sedikit dari segi mewujudkan atau memindahkan pemilikan yang sah (Lim Teck Ghee, 1976:16). Sistem ini telah terbukti berjaya.

43 Lihat Lampiran 'N' untuk premium (harga tanah), sewa tanah dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan urusan tanah.

Selain itu, semua tanah yang belum diberi milik atau disimpan untuk tujuan awam, atau bukan merupakan hutan simpanan, dianggap sebagai tanah *state* dengan hak milik berpegang kepada Sultan negeri itu. Tanah *state* ditukar kepada hak milik persendirian oleh pegawai yang bertindak bagi pihak Sultan itu.

Sebelum tahun 1910, Raja atau Sultan mempunyai hak mengagihkan tanah yang belum diduduki dengan memberikan geran atau surat-surat tertentu. Namun demikian, kadangkala tanah diduduki tanpa mematuhi peraturan itu. Amalan ini berakhir apabila sistem pendaftaran hak milik diperkenalkan. Mereka yang menduduki tanah tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau dengan tidak mempunyai hak yang sah dianggap sebagai penduduk tanpa izin.

Sistem cara milik tanah yang baru ini dan yang diperkenalkan menerusi Undang-undang Tanah dianggap sebagai memberikan ... *absolute security of title*[44] dan menguntungkan pekebun kecil.[45] Lagipun Undang-undang Tanah ini:

> *... was more than a procedural code – it was the heart of the colonial system, the intellectual fulcrum of government, within the context of the colonial state, it established and defined many, if not most, of the essential moral and contractual relationships which existed between government and the marketplace, economic development, law, wealth and the individual* (Gray, 1978:164).

Terdapat bantahan terhadap pelaksanaan Undang-undang Tanah itu[46]

> *But such protests are inevitable and when the landholders realise the advantages of the new and simple over the old*

---

44 Pemungut Hasil Tanah Batu Pahat. *Report on Land Office Batu Pahat* 1913, dalam CLM77/14. ANJ.

45 Sebagaimana didakwa oleh Pesuruhjaya Tanah dan Galian dalam *Report on Land Department*, 1917. SUK627/18. ANJ.

46 Minit Pesuruhjaya Tanah dan Galian pada 24.6.1916 berhubung dengan bantahan yang dikemukakan oleh Orang Kaya Abu Bakar. CLM1745/16. ANJ.

and cumbrous procedures they will be eager to get their land registered under the new law.[47]

Kesan Pelaksanaan Dasar dan Undang-undang Tanah

Langkah pertama selepas Undang-undang Tanah diterima ialah untuk menyusun sebuah daftar tanah yang dimiliki berdasarkan undang-undang dan adat peribumi. Usaha ini menimbulkan banyak masalah kepada Pejabat Tanah dan pemegang kepada berbagai-bagai jenis hak milik tanah dan permit membuka tanah yang pernah dikeluarkan.[48] Terdapat masalah memujuk pemilik-pemilik tanah supaya menilai dan mendaftar tanah mereka.

Pada tahun 1924 terdapat suatu usaha untuk 'memaksa' penduduk supaya mendaftarkan tanah mereka. Pesuruhjaya Tanah dan Galian telah mengeluarkan suatu Pemberitahu tentang memohon geran besar dan geran kecil.[49] Penduduk telah diberitahu bahawa mulai 1 Mac 1924 sehingga 30 Jun 1925, mereka yang mempunyai Surat Akuan ke atas tanah tertentu atau telah menduduki beberapa lama tanah tertentu tanpa mendaftarkannya di Pejabat Tanah, membayar sewa tanah atau membuat permohonan kepada Pemungut Hasil Tanah untuk mendapatkan geran besar atau geran kecil, bolehlah mendapatkan geran itu dengan membayar kadar premium yang rendah (ringan). Selepas tempoh yang ditetapkan itu, permohonan akan dikenakan premium yang lebih mahal serta diperlukan membayar baki sewa tanah. Selain itu, mereka yang menduduki tanah tanpa memohon geran besar atau geran kecil akan disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman kerana menduduki tanah kerajaan tanpa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

Pemberitahuan yang dikeluarkan pada 1 Mac 1924 itu menghasilkan kesan yang dianggap positif[50] kerana banyak dari-

---

47 Penolong Penasihat Muar. *Report on Muar District* 1912. GA72/12. ANJ.

48 Lihat Lampiran 'P' tentang jenis-jenis geran, hak milik dan surat yang berkaitan dengan tanah dan yang pernah dikeluarkan di Johor.

49 Pemberitahu ini yang bertarikh 1 Mac 1924 terdapat dalam MB142/23. ANJ.

50 *Annual Report* CLM Johor, 1924. CLM24/25. ANJ.

pada permohonan yang diterima pada tahun 1924, itu datangnya daripada mereka yang telah lama menduduki tanah tanpa izin atau mereka yang memegang sesuatu jenis dokumen hak milik yang belum didaftarkan.

Surat Sementara

Kerajaan juga telah memaklumkan bahawa kadar bilangan kebun kecil adalah terlalu banyak dan proses pendaftaran pada peringkat mukim agak lembap.[51] Penasihat Am juga tidak berpuas hati dengan sifat Surat Sementara dan dengan itu sedang menimbangkan satu cara untuk mempercepat proses menilai dan menyediakan satu bentuk Surat Sementara yang diperbaiki berdasarkan nilai tersebut.

Pada tahun 1931, Hakim W.H. Thorne telah menarik perhatian Kerajaan kepada keadaan undang-undang di Johor yang mempunyai kesan ke atas tanah yang dipegang di bawah Surat Sementara.[52] Oleh kerana Surat Sementara tidak dilindungi oleh Undang-undang Tanah ... *great doubt exists as to the manner in which land held under* Surat Sementara *can be attached in execution of judgements of the Court.* Juga, ... *how charges of land held under* Surat Sementara *can realise their securities.*

Hakim W.H. Thorne berpendapat bahawa masalah itu perlu diberikan perhatian kerana:

> ... *very large areas of land are held under* Surat Sementara *and are developed with the aid of money lent on charge of these lands. If chargees in such cases are without security, they will refuse to end, and the result may have serious effects upon the future development of land in this state.*[53]

Memandangkan masalah itu Penasihat Am telah mencadangkan untuk memberhentikan pengeluaran Surat Sementara

---

51 *Johore Annual Report* 1928. CLM1/29. ANJ.
52 Hakim kepada Setiausaha Kerajaan. 18.5.1931. CLM311/31. ANJ.
53 *Ibid.*

dan kembali kepada dasar Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.[54] Sebelum ini Surat Sementara telah dikeluarkan untuk menggantikan dokumen-dokumen lama berhubung dengan tanah yang telah lama diduduki. Di bawah Peraturan Tanah 1920, Surat Sementara dalam bentuk baru telah dikeluarkan.[55] Pada mulanya Surat Sementara dikeluarkan kerana Jabatan Ukur tidak berupaya memenuhi jumlah permohonan nilaian yang diterima pada satu-satu masa. Surat Sementara dikeluarkan sebagai langkah sementara supaya pemohon tanah tertentu tidak terhalang oleh kelewatan itu, sebaliknya boleh memulakan kerja memajukan tanah. Apabila nilaian selesai, Surat Sementara itu diganti dengan surat ketetapan[56] dalam bentuk geran besar ataupun geran kecil.

Sementara itu Pemungut Hasil Tanah Kota Tinggi mencadangkan supaya tanah di bawah Surat Sementara dinilai dan dimasukkan segera ke dalam Daftar Mukim, kerana bagi menggantikan Surat Sementara dengan Cabutan daripada Daftar Mukim akan memakan masa yang lama kerana Jabatan Ukur terlalu dibebani kerja.[57] Dengan itu, Jabatan Ukur perlu diajak berunding dan jabatan itu seharusnya dapat menentukan sama ada sudah tiba masanya untuk memberhentikan pengeluaran Surat Sementara itu[58] ataupun belum. Pemungut Hasil Tanah Batu Pahat pula mencadangkan supaya sementara menunggu nilaian dijalankan Surat Sementara itu disahkan dan semua urusan berkaitan dengan tanah itu didaftarkan.[59]

Tanah Simpan (Rizab) Melayu

Satu implikasi serius apabila suatu sistem cara milik tanah yang

---

54 CLM to CLR Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi, Segamat, Endau, Keluang dan Kukup. 16.6.1931. CLM311/31. ANJ.
55 CLR Johore Bahru to CLM. 6.7.1931. CLM311/31. ANJ.
56 CLR Keluang to CLM. 19.7.1931. CLM311/31. ANJ.
57 CLR Kota Tinggi to CLM. 23.6.1931. CLM311/31. ANJ.
58 CLR Keluang to CLM. 19.7.1931. CLM311/31. ANJ.
59 CLR Batu Pahat to CLM. 27.7.1931. CLM311/31. ANJ.

menekankan keindividuan dan komersil diperkenalkan ke dalam satu komuniti tani yang sebelum itu hanya mengenali tanah sebagai sumber pengeluaran ialah bahawa sungguhpun agak mudah untuk golongan tani mendapatkan tanah, begitu jugalah mudahnya baginya menghapuskan ataupun menjualkan tanah itu. Kenaikan harga tanah akibat pelaksanaan Undang-undang Tanah pada tahun 1910 telah menggalakkan ramai orang Melayu menjual ataupun menggadaikan tanah warisan mereka tanpa mengingati atau menyedari akan akibatnya. Fenomena ini telah berlaku sehingga ke suatu peringkat yang agak serius menyebabkan Setiausaha Kerajaan, yang bertindak bagi pihak Sultan, mengarah Pesuruhjaya Kerajaan dan penghulu campur tangan bagi menghalang tanah yang telah dikerjakan dijual kepada orang bukan Melayu kerana bimbang akhirnya orang Melayu tidak akan mempunyai tanah. Menurut Setiausaha Kerajaan:

> Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia suka akan masing-masing itu berbuat dan memeliharakan kebunnya bagai memperoleh kehidupan rezeki dan restu dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia tiada suka dan tiada berkenan akan masing-masing berbuat kebun dalam Johor dan jajahan daerahnya bagi berjual kepada bangsa lain kerana pada akhirnya kelak perbuatan yang demikian menjadikan orang Melayu itu tiada mempunyai suatu apa kebun....[60]

Tentu sekali arahan yang sedemikian tidak menyenangkan pegawai Inggeris yang menganggapnya sebagai campur tangan dalam prosedur birokratis dan menyalahi prinsip yang termaktub dalam Undang-undang Tanah itu. Bahkan, G.A.Elcum, iaitu Pemangku Penasihat Am, enggan mengubah Undang-undang Tanah untuk menghalang penjualan tanah sebagaimana yang dicadangkan oleh elit Melayu. Beliau menganggap bahawa:

> *... such a law would defeat its own object, & instead of benefitting Malay landowners, as intended, would injure them seriously ... (it) must involve a very serious lowering*

60 SUK kpd. PJK Muar. 13.5.1912. GA145/1912. ANJ. Juga lihat SUK kepada PJK Batu Pahat. 14.5.1912. CLM680/25. ANJ.

of the value of such land, and the injury so done to the cultivators would outweigh the benefits to them of being protected against their own improvidence.[61]

Ekoran daripada itu arahan kepada Pesuruhjaya Kerajaan telah ditukar. Sekiranya perlu, orang Melayu boleh menjual tanah mereka untuk menjelaskan hutang, mengerjakan Haji dan sebagainya.[62] Arahan yang sedemikian difahamkan pula sebagai orang Melayu tidak boleh menjual tanah mereka tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pesuruhjaya Kerajaan *... an officer who has nothing whatever to do with land matters and is not even mentioned in the Land Enactment.*[63]

Pada tahun 1916 Sultan sendiri telah mencadangkan supaya:

> *The Moslem owners of plantations ... should be prohibited from selling their plantations to foreigners because such sale would end in hardship for the people in the country. They would always be more or less prosperous if they kept their plantations, whereas if they sell them the money obtained thereby would not last long and our people would return to poverty.*[64]

Untuk mengeruhkan lagi keadaan, pegawai Melayu telah mencadangkan supaya halangan menjual tanah itu dimaktubkan ke dalam undang-undang. Pegawai Inggeris tidak dapat memahami kebimbangan orang Melayu terhadap kemungkinan hilangnya tunjang sosial dan budaya mereka. Mereka gagal memahami bahawa tindakan itu adalah untuk mengelak daripada berlakunya sesuatu yang buruk sekiranya terlalu banyak tanah orang Melayu dijual.

---

61 Minit Pemangku Penasihat Am tentang halaman penjualan tanah Melayu. 6.8.1912. SS(M)912/12. ANJ.

62 Setiausaha Kerajaan kepada Pesuruhjaya Kerajaan, Batu Pahat. 18.6.1912. CLM680/25. ANJ.

63 AA Muar to General Adviser. 13.6.1912. Juga, lihat General Adviser to AA Muar. 19.6.1912 dan CLR Muar to General Adviser. 15.4.1913. GA243/13. ANJ.

64 Memorandum on Sultan's view on Muar. Deputy Menteri Besar to General Adviser. 17.4.1916. GA263/16. ANJ.

Pesuruhjaya Tanah dan Galian juga tidak bersimpati dengan dilema orang Melayu berhubung soal tanah. Apabila beliau menerima petisyen daripada tujuh orang Penghulu Segamat tentang pemberimilikan dan penjualan tanah kampung kepada orang asing, terutamanya kepada orang Cina dan tentang masalah-masalah yang timbul di kampung akibat tindakan itu, Pesuruhjaya itu telah mencatatkan:

> *Well, why does the Malay sell to them? And if he chooses to sell why should the new-comer be debarred from buying? Surely, the fact is that the new-comer is the more energetic, and that the Malay gets into debt and has to sell. Why should the foreigner be unable to take over land if the Malay is improvident? The Penghulus seem to want some sort of Malay Reservations as in the Federated Malay States. They evidently do not know that land in those reservations is notoriously less valuable than land elsewhere, merely because it can only be sold to the Malay. Do they want reservations so that any friction which arises may be amongst Malays only?*[65]

Dengan itu wujud keadaan bahawa orang Melayu dibiarkan membuat sesuka hati berkaitan dengan tanahnya. Pegawai-pegawai Melayu mendesak supaya diadakan satu sistem baru pemberimilikan tanah, sementara pegawai Inggeris pula menekankan dasar *laissez faire*. Masalah asas tetap wujud – orang Melayu semakin kehilangan tanah mereka dan akibatnya keadaan ekonomi semakin buruk di sekitar tahun-tahun 1920-an, masalah keberhutangan pula wujud. Untuk melindungi pemilik tanah Melayu daripada terus kehilangan tanah, pada tahun 1929 Penasihat Am, G. Shaw, telah diarahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris, Sir Hugh Clifford, untuk mengatasi keadaan itu. Pada 24 Februari 1929, Shaw telah mencadangkan pembentukan dua tanah simpanan di kawasan timur negeri Johor:[66]

---

65 Minit oleh CLM. 9.3.1927. CLM6/27. ANJ.

66 Salah satu daripada kawasan itu terletak di selatan sungai Endau di sebelah barat Penyabong. Luas kawasannya ialah kira-kira 126 batu persegi. Kawasan kedua ialah di daerah Kota Tinggi, terletak di selatan Sungai Sedili.

where Malay subjects of Johore might still find available land for development and might be inclined to develop it in the knowledge that their 'usaha' would not go to anyone but those of similar religion and nationality.[67]

Tanah di kawasan simpan tidak akan diberi milik kepada bukan Melayu. Pendaftaran pemindahan dan perubahan akan hanya dilakukan terhadap orang Melayu. Tindakan ini memerlukan suatu undang-undang tertentu. Reaksi yang diterima daripada pegawai Melayu tidak seperti yang dijangkakan. Sungguhpun Sultan, hasil rundingan dengan Majlis Eksekutif dan pegawai kanan Melayu, pada dasarnya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Penasihat Am itu, namun pendirian baginda agak berbeza daripada yang terdapat pada tahun 1916. Baginda bertitah bahawa baginda sentiasa cuba menolak idea simpanan seperti yang telah dicadangkan itu. Sultan Ibrahim berpendapat bahawa:[68]

(a) *Malays should look after themselves.*

(b) *Johore has, in its population, so small an admixture of indigenous Malays that the working of a system of reservation would be difficult.*

(c) *The indigenous Malay population has had more opportunities of wealth than most similar populations and is generally wealthy enough, but most of the wealth has been derived from sale of land either planted in rubber or for the planting of rubber. Consequently, there is now no part of Johor which can be said to be the abiding place of Johore Malays. Even if Mr. Douglas Campbell's time (some fourteen years ago) when, according to His Highness, this question*

Luas kawasannya pula ialah 161 batu persegi. (CLM to CLR Kota Tinggi. 5.10.1929. CLM101/29. ANJ).

67 General Adviser to Secretary to High Commissioner of Malay States. 2.3.1929. CLM101/29. ANJ.

68 GA to Secretary to High Commissioner of Malay States. 2.3.1929. CLM101/29. ANJ. Juga, Secretary to High Commissioner to GA. 5.2.1929. GA100/29. ANJ.

was first mooted no single mukim of Johore could be said to be Malay held – Chinese and Dutch subjects were everywhere.

Majlis Eksekutif juga merasa amat berat untuk menerima cadangan itu kerana kebebasan memindah milik disekat dan dasar itu tidak memberikan penyelesaian yang sebenar terhadap masalah memiliki tanah.[69]

Pada 4 Mac 1931, *Malay Reservation Enactment* telah digazetkan untuk makluman umum sebelum ia dibawa ke Majlis Kerajaan. Undang-undang itu mengambil secara *mutatis mutandis* undang-undang Negeri-Negeri Melayu Bersekutu berhubung dengan perkara itu. Ekoran daripada pemberitahuan itu, 210 orang ceti Johor telah merakamkan bantahan mereka terhadap Bahagian 11(3) Undang-undang tersebut. Bantahan ini disebabkan keadaan meleset telah menjatuhkan nilai tanah dan keadaan itu akan diburukkan lagi akibat tindakan simpanan, sedangkan bayaran terhadap nilai yang rendah itu adalah untuk membayar hutang (CLM101/29). Walau bagaimanapun, S.W. Jones, iaitu Pesuruhjaya Tanah dan Galian, berpendapat bahawa bantahan golongan Ceti itu mudah diatasi.[70]

Pada 21 Disember 1931 *Malay Reservation Committee* telah menyerahkan sebuah laporan tentang cadangan supaya menghalang pendaftaran semua kepentingan bukan Melayu di tanah yang terdapat di kawasan simpanan Melayu. Jawatan kuasa itu juga telah mempertimbangkan cadangan untuk menukar *Malay Reservation Enactment.*[71] Laporan tersebut mencadangkan supaya tidak kurang daripada 60 peratus daripada kawasan negeri dijadikan simpanan demi kemajuan penduduk Melayu.

Jones[72] juga telah mengemukakan satu lagi bantahan, iaitu bahawa nilai pasaran tanah di kawasan simpan Melayu berkurangan akibat halangan kepada urusan jual beli, mencagar dan

---

69 Draft Reservation Enactment. CLM517/34. ANJ.
70 S.W. Jones. 19.11.1932. CLM101/29. ANJ.
71 Report of the Malay Reservation Committee. CLM101/29. ANJ.
72 Memorandum. S.W. Jones. 19.11.32. CLM101/29. ANJ.

menyewa. Akibatnya, pemilik tanah di kawasan simpan Melayu mendapati bahawa walau apa pun yang dikerjakan di tanahnya itu, dia tidak akan dapat menjual ataupun menyewakan tanah itu dengan mendapat keuntungan. Sedangkan tujuan memiliki tanah ialah supaya ia akan dapat menjualnya bila-bila perlu kerana tanah itu merupakan modal dan simpanannya.

Pesuruhjaya Tanah dan Galian percaya bahawa bantahan itu adalah lebih berat di Johor berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Kaum pendatang Melayu Sumatera dan Jawa telah banyak menyumbang kepada pembangunan Johor dari segi membuka tanah dan bercucuk tanam. Tindakan ini diambil sebagai satu langkah bertujuan menguntungkan anak tempatan dan menghalang mereka daripada kehilangan tanah mereka. Namun, wajaran yang sedemikian tidak dapat dipanjangkan kepada golongan imigran itu kerana sebarang perbezaan pula akan menimbulkan kesukaran.

Jones seterusnya mencadangkan supaya ... *Before anything else is done, the feeling of the Malays – the Malays affected, I mean, the agriculturalists – might be ascertained ... If opinion is by a large majority hostile, the project should be dropped.*

Cadangan itu telah diterima oleh Penasihat Am, R.O. Winstedt. Beliau telah meminta supaya Pesuruhjaya Kerajaan Muar, Batu Pahat dan Segamat serta Penolong Penasihat setiap daerah mendapatkan pendapat masing-masing Penghulu dan Ketua Kampung tentang baik buruknya memperkenalkan *Malay Reservation Enactment* seperti yang dimaklumkan pada 4 Mac 1931.[73] Penghulu, Ketua Kampung dan orang tua-tua di kampung yang lain di semua daerah bersetuju supaya undang-undang itu diperkenalkan.[74] Selain itu terdapat juga cadangan daripada penghulu-

---

73 Winstedt kepada Pesuruhjaya Kerajaan Muar, Batu Pahat dan Segamat dan Penolong Penasihat Muar, Batu Pahat, Pontian, Keluang, Segamat dan Kota Tinggi. 15.12.1932. CLM101/29. ANJ.

74 AA Batu Pahat to GA. 21.12.1932.; PJK Batu Pahat to GA. 22.12.1932.; PJK Segamat to GA. 25.12.1932.; AA Segamat to GA. 31.12.1932.; AA Keluang to GA. 28.12.1932.; AA Muar to GA. Januari 1933.; PJK Muar to GA (Tidak bertarikh); AA Kota Tinggi GA. 16.1.1933. AA Kukup to GA. 15.2.1933. Kesemuanya terdapat di dalam CLM 101/29. ANJ.

penghulu Muar supaya menjadikan ... *illegal dan non-effective an irrecoverable Power of Attorney to a non-Malay authorising occupation of any land in the Malay Reservation.*[75]

Walau bagaimanapun, dalam suratnya kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar telah membuat teguran bahawa:

> ... adapun rang undang-undang ini telah dizahirkan dalam Warta Kerajaan dalam sedikit tahun yang lepas. Dengan sebab bantahan kuat undang-undang itu ditarik balik dan tidak diluluskan. Oleh kerana sekarang telah dibangkitkan semula tak dapat tidak haruslah ditimbangkan semula.[76]

Rundingan tentang undang-undang hendak mengadakan kawasan rizab bagi orang Melayu telah juga dibawa dalam Mesyuarat Kerajaan pada 30 Mei 1933 oleh Abdullah bin Esa, iaitu Pesuruhjaya Kerajaan Segamat. Skim simpanan untuk seluruh negeri itu telah diluluskan oleh Mesyuarat Kerajaan pada tahun 1935.[77]

Sistem Penghulu

Pelaksanaan Undang-undang Tanah ini juga mempunyai kesan ke atas sistem dan peranan penghulu. Sebelum 1910 Orang Kaya dan penghulu mempunyai kuasa untuk mengagih dan memberi tanah berdasarkan adat resam Melayu. Walau bagaimanapun, selepas 1910 hanya tanah yang telah diukur dan dapat pengesahan Pesuruhjaya Tanah dan Galian sahaja yang boleh diberi geran. Dengan itu, kuasa untuk mengagih atau memberi tanah telah berpindah daripada penghulu kepada Pemungut Hasil Tanah, yang kini mempunyai kuasa mengeluarkan geran tanah.

Selain daripada mengurangkan kuasa, Undang-undang Tanah ini juga telah menukar status penghulu kepada seorang yang dibayar gaji. Sebelum 1910 kerajaan membenarkan penghulu mengutip cukai dan komisen tertentu seperti cukai tanah,

---

75 AA Muar to GA. Januari 1933. CLM101/29. ANJ.
76 Menteri Besar kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan. 7.6.1933. ANJ.
77 Malay Reservation Bill. SS1531/32. ANJ.

cukai keluaran dan cukai naungan, komisen kerja ukur tanah, menentukan sempadan dan komisen mendapat surat akuan penghulu, daripada kawasan jagaannya.[78]

Pada tahun 1916 kerajaan telah menyemak semula sistem penghulu. Hasil semakan itu penghulu dilarang daripada menerima komisen kerana urusan berkaitan dengan tanah. Sebagai gantinya kerajaan bersetuju membayar gaji tetap kepada penghulu.[79] Seperti yang dinyatakan dalam pekeliling kerajaan, kini penghulu dikehendaki memberi pertolongan kepada Pemungut Hasil Tanah dalam hal-hal ..."menyelesaikan milik tanah yang ada sekarang dan membenarkan permintaan yang baharu dan lain-lain".[80] Dengan itu, penghulu menjadi kakitangan kerajaan dalam erti kata yang sebenarnya dengan skim gaji dan perkhidmatannya.[81]

Penerimaan sistem penghulu bergaji ini boleh dianggap sebagai perubahan pentadbiran yang terpenting dalam Jabatan Tanah. Sistem ini mula-mula diperkenalkan di Muar dan Batu Pahat pada tahun 1917.[82] Sistem baru itu menyebabkan beberapa orang penghulu yang telah lama berkhidmat dibersarakan serta dilantik beberapa orang penghulu yang baru untuk tujuan mentadbir Undang-undang Tanah.

Undang-undang Tanah juga memungkinkan kawasan jagaan penghulu disusun semula. Sungguhpun Pesuruhjaya Kerajaan telah menentukan kawasan-kawasan itu pada tahun 1909 lagi, tetapi dibaiki lagi ekoran undang-undang itu.

Sempadan kawasan iaitu, mukim jagaan penghulu juga

---

78 Penghulu Abu Hassan, Pengkalan Bukit kepada PJK Muar. 10.3.1918. SS364/1918. ANJ. Komisen bagi kerja ukur tanah, sempadan dan mendapat surat perakuan penghulu ialah $1.00 bagi setiap jalur (bidang) tanah yang terlibat. Juga lihat PJK Muar kepada Timbalan SUK. 31.1.1918. SS364/1918. ANJ.

79 Pekeliling 15/1916. 5.9.1916. SS614/16. ANJ.

80 Timbalan Menteri Besar kepada PJK Muar. 1.4.1917. SS398/1918. ANJ.

81 Lampiran 'O' menunjukkan cadangan Penolong Penasihat Am, Muar, tentang jumlah gaji yang harus dibayar kepada penghulu-penghulu Muar berdasarkan prestasi mereka

82 CLM kepada SUK. 25.3.1918. Terdapat lampiran, Reporton the Land Department for 1917. SS627/1918. ANJ.

ditentukan dengan jelas dan diselaraskan dengan keadaan yang terdapat di Negeri-Negeri Melayu lainnya (Ahmad Fawzi Basri, 1988:115). Hasil tindakan yang diambil oleh Pejabat Tanah Daerah itu terdapat penghulu dibersarakan bagi menyelaraskan setiap mukim hanya mempunyai seorang penghulu sahaja sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-undang Tanah. Walaupun keadaan ini dibantah oleh penghulu-penghulu,[83] tetapi ia terus dilaksanakan.

Hasil penyusunan semula mukim-mukim, penghulu mula memimpin sekumpulan kampung. Setiap kampung ini pula dipimpin oleh seorang Ketua Kampung yang menerima Surat Tauliah daripada Sultan. Ketua Kampung ditugaskan membantu penghulu menjaga kebajikan dan kesejahteraan kampung masing-masing. Walau bagaimanapun, berbeza daripada penghulu, Ketua Kampung tidak menerima sebarang bentuk bayaran daripada kerajaan.

Umumnya, perubahan organisasi pentadbiran tanah menyebabkan sistem pentadbiran tanah menjadi lebih mudah. Mulai 1910 kuasa Pesuruhjaya Kerajaan dalam hal ehwal tanah telah diambil alih oleh Penolong Penasihat, selain daripada kuasa kehakiman dan kuasa menggubal dasar kerajaan. Penolong Penasihat itu juga merupakan Pemungut Hasil Tanah dengan dibantu oleh penghulu yang bergaji tetap. Kawasan-kawasan tanah kini dipecahkan mengikut mukim untuk memudahkan urusan pentadbiran tanah.

Pertanian di Johor

Pada awal pembangunan negeri, Johor tidak mempunyai satu dasar pertanian yang jelas lagi khusus. Pada masa itu apa jenis tanaman yang diberi tumpuan bergantung kepada tahap permintaan terhadapnya. Umpamanya, mulai tahun 1844 hingga ke akhir abad ke-19, tumpuan diberikan kepada kegiatan menanam gambir dan lada hitam dan kemudian diikuti oleh tanaman getah pada awal abad ke-20. Namun demikian, antara tahun-tahun

83 Surat-surat bantahan terdapat dalam SUK 364/1918. ANJ.

1921 dan 1930 kecenderungan Johor ialah ke arah pengembangan pesat sektor pertanian.[84] Secara umum, boleh dikatakan bahawa asas kepada dasar pertanian pegawai penjajah Inggeris di Johor ialah kemajuan pertanian ladang/estet yang amat berbeza daripada jenis kebun kecil peribumi. Kegiatan pertanian di Johor boleh dibahagi kepada dua, iaitu ladang/estet[85] yang sebahagian besarnya dimiliki oleh kapitalis Eropah dan Asiatik dan keduanya, kebun kecil.

Pada sebahagian besar abad ke-19, sektor pertanian telah didominasi oleh kegiatan menanam gambir dan lada hitam untuk eksport. Walau bagaimanapun, tanaman ini telah diganti dengan getah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pengenalan Enakmen Tanah pada tahun 1910 membolehkan kawasan tanah yang luas dimajukan untuk tanaman getah. Secara umum pertanian ladang dicirikan oleh penggunaan kawasan tanah yang agak luas dan oleh kegiatan menanam tanaman untuk eksport. Pertanian jenis ini juga memerlukan ramai tenaga kerja dan banyak modal, iaitu dua faktor yang tidak dapat dipenuhi oleh ekonomi peribumi. Ciri-ciri ini adalah berbeza daripada ciri pertanian kebun kecil yang menekankan konsep kesederhanaan dan secukup hidup. Berbeza daripada pertanian ladang, sedikit saja tenaga kerja yang diperlukan untuk mengerjakan kawasan tanah yang kecil keluasannya. Modal yang diperlukan juga kecil dan tumpuan adalah lebih kepada tanaman untuk kegunaan sendiri dan keluarga.

Oleh sebab pertanian ladang memerlukan banyak modal, maka satu ciri perkembangan awal pertanian jenis ini ialah kaitannya dengan modal Barat, khususnya Inggeris. Suatu pendapat yang telah diminitkan oleh Residen Selangor pada tahun 1894

---

84 H.A. Tempany, Director of Agriculture, SS and FMS. Report on Agricultural Department in Johore 17.3.1934. GA248/34. ANJ. Kerajaan Johor telah mengundang Pengarah itu ke negeri ini dengan tujuan membuat laporan tentang keadaan pertanian dan organisasi perkhidmatan pertanian yang terdapat di sana.

85 Estet didefinisikan sebagai mempunyai keluasan tanah lebih daripada 100 ekar. Kebun kecil pula mempunyai keluasan tanah 10 ekar ataupun kurang.

boleh menjelaskan hal ini iaitu.... *We want to get European planters in ... because they are the only race who, so far, are inclined to spend much money in this part of the world on agriculture.*[86]

Pegawai Inggeris juga mempercayai bahawa hanya sekumpulan bangsa Eropah yang berkemampuan membawa pengetahuan, tenaga dan modal untuk menukarkan hutan kepada ladang yang luas. Mereka beranggapan bahawa tiada bangsa Asia yang berkeupayaan, berpengalaman atau mempunyai kesungguhan untuk berbuat demikian.[87] Walau bagaimanapun, pengalaman Johor berikutnya berhubung dengan pertanian ladang membuktikan bahawa teori keunggulan Eropah itu agak meleset dan bukan bangsa Eropah saja yang mampu memajukan pertanian jenis itu (lihat Jadual 4.1 di bawah).

Jadual 4.1 Bangsa pemilik ladang/estet di Johor.

Bangsa	Luas kawasan (Ekar)
Eropah	278 000
Cina	160 000
Jepun	54 000
India	14 000
Melayu	3 000
Bangsa-bangsa Asia yang lain	1 000
	510 000

Sumber: Report on Agriculture Department in Johore. H.A. Tempany, Director of Agriculture, SS dan FMS. 17.3.1934. GA248/34.

86 Minit oleh Residen Selangor. 7.9.1894. Mempunyai kaitan dengan surat Residen, Selangor to Colonial Secretary. 31.8.1894. SSF759/94. ANS.

87 Komen ini telah dibuat oleh seorang Residen Perak dalam *Laporan Tahunan Perak 1894* berhubung dengan situasi di negeri itu. Walau bagaimanapun komen itu menggambarkan secara umumnya sikap pegawai penjajah Inggeris terhadap keupayaan orang Asia amnya dan golongan peribumi khususnya. Komen itu telah dipetik daripada Lim Teck Ghee, 1976:82–83.

Jenis Tanaman Ladang

Seperti yang telah dinyatakan di bahagian awal bab ini industri getah telah wujud akibat dua perangsang, iaitu kemerosotan harga dan hasil tanaman gambir dan lada hitam serta peningkatan permintaan terhadap getah. Perhatian semakin meningkat terutama selepas Undang-undang Tanah diperkenalkan pada 1910, yang juga merupakan tahun meledak (*boom year*) untuk tanaman getah.[88] Bahkan, pada separuh pertama tahun 1910 itu saja permohonan untuk sebanyak 250 000 ekar tanah telah diluluskan untuk tanaman getah.[89] Keadaan ini berterusan dari tahun 1911 hingga 1912 dan mula menurun pada tahun 1913 akibat jatuhnya harga getah. Menjelang tahun 1911 umpamanya, sebanyak 100 000 ekar tanah dimiliki oleh bangsa Jepun untuk tanaman getah.[90] Dengan perkembangan yang pesat itu akhirnya getah berjaya menggantikan tanaman gambir dan lada hitam. ... *It took over the land, the labour force and the capital which had accumulated as a result of gambier agriculture* (Trocki, 1979:214) dan menjadi asas kepada kesejahteraan ekonomi Johor.

Selepas Perang Dunia Pertama (1914–1918) industri getah telah mengalami kemelesetan akibat kejatuhan harga yang teruk. Keadaan itu merupakan satu rintangan kepada kemajuan industri getah itu sebagaimana yang dibayangkan dalam keadaan umum penjagaan tanaman, perparitan dan sebagainya. Banyak daripada estet mula mengehadkan keluaran getah mereka dengan mengubah sistem menoreh dan dengan tidak menoreh sesebuah kawasan tertentu dalam sesuatu pusingan.[91] Sebaliknya, banyak daripada kebun kecil telah ditinggalkan buat sementara waktu. Pemiliknya cuba mencari pekerjaan di tempat lain atau, sekiranya mereka merupakan pendatang, telah pulang ke tanah air asal mereka. Terdapat juga mereka yang berhijrah ke daerah lain dan

---

88 Memo tentang "Some reasons for the present low market value of land in Johore". GA858/23. ANJ.

89 *Johore Annual Report, 1910.* J/SUK2. ANJ. Juga, Thio, 1969: 245.

90 *Johore Annual Report 1911.* J/SUK2. ANJ.

91 *Annual Agriculture Report, 1921.* SS279/22. ANJ.

menanam padi serta tanaman makanan yang lain.[92]

Dalam keadaan sedemikian dan untuk menstabilkan pasaran, *Rubber Growers Association* mencadangkan supaya keluaran dihadkan secara sukarela. Walau bagaimanapun, disebabkan kurangnya kerjasama daripada pihak ladang dan tiada kawalan terhadap pengeluaran di kebun kecil, idea tersebut terpaksa diketepikan.[93] Sebagai gantinya Kerajaan telah bertindak mengenakan sekatan secara paksa. Pada 1 November 1922 *Rubber Restriction Scheme* telah dilaksanakan di Johor ekoran terlaksananya skim tersebut di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat pada bulan Oktober tahun yang sama. Pengeluaran getah dihadkan kepada 40% dan pekebun kecil diberi elaun sebanyak dua belas kati setiap ekar setiap bulan dengan bekalan dibuat setiap tiga bulan.[94] Akibat skim ini harga getah telah meningkat sebanyak 50%. Untuk memastikan bahawa dasar ini dilaksanakan dengan cekap sebuah *Rubber Restriction Department* telah dibentuk.

Berdasarkan sekatan ini, kerajaan cuba akur kepada Undang-undang yang telah diluluskan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Desakan keadaan telah menyebabkan Undang-undang itu telah dirumuskan secara tergesa-gesa dan dengan itu terdapat banyak kelemahan yang boleh diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Dengan itu, sebagai menggantikannya, pada bulan Julai 1923 suatu Undang-undang yang baru telah diluluskan.

Di bawah *Restriction Enactment* ini setiap estet diberikan suatu *Standard Production* berasaskan jumlah getah yang dihasilkan daripada November 1919 sehingga 1920, atau berdasarkan umur pokok yang dikira berpandukan skel Duncan.[95] Setiap tiga bulan sesebuah estet boleh mengeksport sejumlah peratus tertentu daripada *Standard Production* itu (lihat contoh dalam Jadual 4.2). Pemungut Hasil Tanah dan Jawatankuasa Tempatan

---

92 *Ibid.*
93 *Johore Annual Report 1922.* SS257/23. ANJ.
94 *CLM Annual Report 1922.* CLM1119/22. ANJ.
95 *Annual Report 1922–23,* Rubber Restriction Department. SS510/24. ANJ.

setiap daerah ditugaskan menjalankan kerja-kerja menilai *Standard Production* setiap estet. Pemungut Hasil Tanah bertanggungjawab ke atas tanah getah yang luasnya 100 ekar ke bawah, sementara Jawatankuasa Tempatan mengendalikan estet yang luasnya melebihi 100 ekar.

Kupon pula dikeluarkan untuk tanah getah seluas 25 ekar dan ke bawah sementara lesen eskport diberikan kepada estet yang luasnya melebihi 25 ekar. Kupon ini dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah. Nama pemilik tertulis pada lesen eksport, tetapi tidak pada kupon. Sekiranya pemegang lesen ingin menjual getahnya secara lokal dan tidak mengeksportnya, maka ia akan menukarkan keseluruhan atau sebahagian daripada lesennya itu, yang akan diserahkan kepada pembeli getahnya.[96]

Salah satu masalah ialah halangan penjualan kupon tanpa getah. Untuk tujuan itu, setiap kupon dituliskan nama penerimanya, bilangan setiap kupon pula ditulis dalam daftar keluaran dan peniaga yang membeli getah dengan menggunakan kupon tertentu dikehendaki memasukkan maklumat yang sama ke dalam bukunya. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk meneliti buku-buku peniaga getah kerana biasanya getah dijual dan dibeli beberapa kali sebelum dieksport.

Semasa skim ini baru diperkenalkan terdapat pekebun kecil yang terpengaruh untuk menjual kupon tanpa getah memandangkan kupon itu sendiri mempunyai nilai komersial. Apabila ia berlaku, kupon tidak diperolehi lagi. Pada bulan Mei 1925, ahli-ahli Mukim Kampung Parit Bakar, Muar, telah mengirim surat bantahan kepada Menteri Besar kerana tidak menerima kupon daripada Pejabat Tanah Muar.[97] Apabila diselidiki oleh Pesuruhjaya Tanah dan Galian, didapati bahawa banyak pemilik kebun kecil telah diberi kupon sungguhpun tidak terdapat getah di tanah tersebut.[98] Ada kalanya terdapat juga getah tetapi tidak

---

96 Deputy Governor SS to Colonial Office. Supplementary Report of the Stevenson Rubber Committee. 19.2.1923. GA686/22. ANJ.

97 Ahli-ahli Mukim Kg. Parit Bakar, Muar, kepada Menteri Besar. Mei 1925. MB130/25. ANJ.

98 Laporan CLM terhadap bantahan yang dikemukakan. 18.5.1925. MB130/25. ANJ.

Jadual 4.2 Peratus eksport berdasarkan *standard production* untuk setiap suku tahun.

Suku tahun pertama	Nov. 1922–Jan. 1923	60%
Suku tahun kedua	Feb. 1923–April 1923	60%
Suku tahun ketiga	Mei 1923–Julai 1923	65%
Suku tahun keempat	Ogos 1923–Okt. 1923	60%
Suku tahun kelima	Nov. 1923–Jan. 1924	60%

Sumber: Laporan Tahunan 1922–1923, Jabatan Sekatan Getah SS510/24.

dilaporkan. Dengan itu, Pemungut Hasil Tanah Muar telah mengarahkan supaya kupon tidak dikeluarkan lagi sehingga terdapat maklumat tentang jumlah getah yang terdapat di sesebuah kebun.[99]

Kelancaran pelaksanaan *Rubber Restriction Scheme* ini banyak bergantung kepada tindakan peniaga getah. Dengan itu pada tahun 1923 banyak peraturan telah diluluskan untuk mengawal perjalanan kegiatan mereka, seperti memerlukan mereka menghantarkan pulangan bulanan. Stok yang terdapat di estet-estet juga dibanci.

Pelaksanaan skim ini mempunyai masalahnya yang tersendiri. Sekatan mengeksport getah telah menyebabkan berlakunya penipuan. Semasa penggunaan kupon cetakan, terdapat sebilangan besar getah dieksport dengan menggunakan kupon palsu. Mereka yang tertangkap telah didenda. Pada awal skim ini dilaksanakan didapati kesalahan ini banyak dilakukan di Muar.[100]

---

99 Selain bantahan ini terdapat juga bantahan-bantahan lain yang berkaitan dengan mendapatkan kupon. Lihat MB186/25 (ANJ) berkaitan dengan bantahan orang Melayu Muar yang dikirimkan kepada Sultan berkaitan dengan mendapatkan kupon. Pemilik tanah di Batu Pahat juga telah membantah kepada Sultan. 1.11.1927. MB270/27. ANJ.

100 Nilai denda yang dikenakan di daerah tertentu berdasarkan kesalahan di bawah berbagai-bagai undang-undang yang berkaitan dengan *rubber restriction* ialah:

Johor Bahru	$2950.00
Muar	$6788.70
Batu Pahat	$1150.00

Data diperolehi daripada *Annual Report 1922–23*, Rubber Restriction Department. SS510/24. ANJ.

Selain itu, pada tahun 1923 sebanyak 1400 pikul getah telah dirampas dan dibakar.[101]

Di sekitar tahun 1924 keadaan pulih semula dan permintaan terhadap tanah baru untuk menanam getah mula meningkat.[102] Peningkatan permohonan ini mungkin disebabkan harga getah yang memuaskan dan sebahagiannya kerana getah merupakan tanaman yang paling mudah untuk diusahakan.[103] Pemungut Hasil Tanah Muar telah mengingatkan bahawa untuk memberi tumpuan kepada getah saja mungkin bukan satu langkah yang bijak, memandangkan kejatuhan harga getah dan keadaan meleset boleh berlaku lagi pada masa depan. Keadaan seperti itu memberi kesan yang teruk terutamanya ke atas pekebun kecil. Dengan itu, beliau berpendapat seharusnya tanaman-tanaman lain juga digalakkan untuk diusahakan seperti getah, buah pinang dan buah-buahan yang lain.

Sungguhpun kebanyakan permohonan tanah yang bersaiz besar adalah untuk tanaman getah, namun pada tahun 1919, buat pertama kalinya kelapa sawit Afrika mendapat perhatian. Terdapat permohonan tanah untuk tanaman tersebut.[104] Perhatian dan permintaan terhadap kelapa sawit semakin meningkat dan menjelang tahun 1925[105] sebanyak 1035 ekar tanah telah ditanam dengan tanaman itu. Sebanyak 1400 ekar tanah pula sedang dibersihkan untuk ditanam pada tahun 1926.

Tanaman Makanan

Kebanyakan pekebun kecil di Johor lebih memberi tumpuan kepada mengusahakan tanaman makanan termasuk ubi, nanas, kelapa kering dan sayur-sayuran, daripada tanaman eksport. Sebahagian daripada hasil tanaman itu kemudiannya ditukar dengan beras yang diimport terutamanya dari Negeri Thai. Sebe-

---

101 *Annual Report 1922–23*, Rubber Restriction Department. SS510/24. ANJ.
102 *Annual Report CLM Johore 1924*. CLM24/25. ANJ.
103 CLR Muar to CLM. 16.9.26. CLM858/26. ANJ.
104 *Land Office Report 1919*. CLM968/20. ANJ.
105 *Johore Annual Report 1925*. J/SUK2. ANJ.

narnya Johor pernah menanam padi. Pada tahun 1896 umpamanya, terdapat ura-ura menjalankan kegiatan menanam padi di Muar dan kawasan sekitarnya kerana pada masa itu harga beras sedang meningkat.[106] Walau bagaimanapun, semenjak 10 hingga 12 tahun kebelakangan, iaitu semenjak kira-kira tahun 1907, kegiatan itu telah tiada dijalankan lagi[107] apabila tumpuan diberikan kepada mengusahakan tanaman makanan yang lain.

Menanam Padi di Johor

Pegawai penjajah Inggeris amat mengharapkan agar anak-anak Johor menanam padi, terutama apabila didapati bahawa ... "beras Siam yang biasa dibawa masuk ke Johor akan barangkali bertambah-tambah kurang dan harganya akan menjadi berganda-ganda lebih mahal."[108] Dengan itu, kerajaan memberi galakan terhadap usaha menanam padi terutama di Muar dan Batu Pahat dan kawasan-kawasan yang sesuai untuk tanaman itu.

Dalam hal ini tenaga Penghulu digunakan untuk menjalankan kempen menanam padi. Penghulu dikehendaki menggalakkan anak buah mereka supaya menanami semula tanah sawah yang lama dan ... *to open up as many new sawah as possible rent free for 5 years and thereafter at a rental of 60 cents per acre on a title by entry in the Mukim Register.*[109]

Dalam memorandumnya Penolong Penasihat Batu Pahat telah melahirkan kebimbangannya kerana (i) penduduk Batu Pahat kurang pengalaman membuka kawasan untuk menanam padi basah dan (ii) mereka juga kurang pengetahuan tentang bagaimana mengawal air. Ini boleh menyebabkan kegagalan usaha penanaman akibat kejahilan. Kebanyakan penduduk Johor amnya, dan Batu Pahat khususnya merupakan penanam getah

---

106 SUK, Datuk Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak, kepada PJK Muar. 15.9.1896. *Salinan Surat-surat Datuk Menteri dan SUK Johor 1891–1899.* J/SUK11. ANJ.

107 *Annual Land Report 1918.* SS580/19. ANJ.

108 Pemberitahu Kerajaan Johor. 25.2.1919. GA67/1919. ANJ.

109 Memorandum Penolong Penasihat Batu Pahat. 11.2.1919. GA67/1919. ANJ.

dan dengan itu, agak sukar untuk menggalakkan mereka menanam padi kerana:

> *Under the present conditions the paradox is true that it is not the high price of rice but only a fall in the price of rubber which would move the raiat here to open up sawahs voluntarily.*[110]

Tambahan pula ... *The soil throughout most of the state is unsuitable nor have the people got it in the blood.*[111] Pendek kata ... *there is no padi tradition in Johore.*[112] Dengan itu, Penolong Penasihat Batu Pahat berpendapat sekiranya masih mahukan padi ditanam, kerajaan seharusnya menghulurkan beberapa bantuan yang lain kepada Penghulu. Umpamanya, di Melaka ancaman hukuman denda dikenakan untuk memastikan rakyat berpegang kepada janji mereka untuk membersihkan, menanam dan menuai padi, menyediakan benih yang baik dan sebagainya.

Pada 25 Februari 1919 Kerajaan telah mengumumkan bahawa:

> Adalah pekerjaan bersawah padi itu teramatlah mustahak supaya diadakan dan di mana-mana tempat yang biasa dahulu ada bertanam padi seekar maka wajiblah pada masa ini ada bertanam padi sepuluh ekar ... Jika sekiranya anak-anak buah itu sendiri tiada daya upaya hendak mengadakan belanja membuat tali air maka hendaklah Orang Kaya, Penghulu-Penghulu dan Ketua-ketua Kampung itu menulis surat kepada kerajaan memohon pertolongan.[113]

Sungguhpun tanaman padi diusahakan, tetapi ... "oleh sebab tiada berapa serempak orang-orang itu bertanam ataupun tidak mengikut syarat-syaratnya yang biasa ditanam yang patut diikhtiarkan jadi sia-sialah sesetengah orang itu bertanam tiada mendapat faedahnya".[114]

---

110 *Ibid.*
111 *Johore Annual Report 1928.* CLM1/29. ANJ.
112 *Annual Report CLM 1930.* SS705/31. ANJ.
113 Pemberitahu Kerajaan. 25.2.1919. GA67/1919. ANJ.
114 Laporan Sub-Agricultural Inspector Batu Pahat tentang kegiatan menanam padi di daerah itu. 3.4.1921.CLRBP112/21. ANJ.

Dengan itu Pemangku Inspektor Pertanian Batu Pahat telah mencadangkan beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah: (i) Pesuruhjaya Tanah dan Galian membuat pengumuman tentang tarikh menanam benih padi supaya dapat dilakukan secara serentak, (ii) melaporkan kepada Pemungut Hasil Tanah Batu Pahat tentang orang yang ingkar membersihkan sawah padi mereka dan (iii) Pesuruhjaya Tanah dan Galian mengirimkan racun dan ubat untuk membanteras makhluk perosak.

Pemangku Inspektor Pertanian pula telah melaporkan pada tahun 1922 bahawa padi hanya ditanam secara kecil-kecilan kerana kegiatan itu tidak diamalkan secara meluas atau difahami oleh kebanyakan orang Melayu Johor.[115] Sekiranya ada pun padi ditanam, orang Melayu Johor lebih suka menanam padi tugal berbanding padi sawah. Perparitan dan saliran juga didapati merupakan masalah.

Dasar menggalakkan penanaman padi di Johor tidak begitu berjaya, sehinggakan pada tahun 1926 Pesuruhjaya Tanah dan Galian telah bertindak mendapatkan pandangan daripada daerah-daerah berhubung dengan usaha menggalakkan kegiatan menanam padi dan tanaman lain selain getah.[116] Hasil pendapat yang diperolehi daripada Pemungut Hasil Tanah berbagai-bagai daerah Pesuruhjaya itu telah menyediakan suatu memorandum tentang kedudukan setiap daerah *vis-a-vis* menanam padi dan tanaman yang lain. Cadangan-cadangan yang dikemukakan juga telah diambil kira. Berdasarkan maklumat yang disusun itu Pesuruhjaya tersebut akhirnya membuat kesimpulan bahawa:

> *... padi is not a favoured crop. It is not very surprising. The work entailed is decidedly arduous and the profits hitherto have been very small and unless we can make it more attractive from a financial point the small area now under cultivation is likely to diminish.*

Menyedari keadaan itu, maka kerajaan seharusnya meng-

115 *Third Quarterly Agricultural Report 1922.* SS1448/21. ANJ.
116 CLM892/26. ANJ.

ambil sesuatu tindakan seperti perkenalkan suatu undang-undang seperti *The Rice Cultivation Enactment Pahang* Bil. 11, 1897.[117] Pesuruhjaya Kerajaan Muar juga telah mengeluarkan notis menggalakkan penduduk Muar supaya menanam padi dengan menjanjikan beberapa bantuan menyediakan tanah yang sesuai, membina empangan dan saliran, menyediakan benih berhasil tinggi dan mengetepikan premium bagi tanah padi serta mengenakan sewa tanah sebanyak 60 sen seekar.[118] Walau bagaimanapun, masih sukar menggalakkan penduduk Johor menanam padi.

Sungguhpun banyak perhatian diberi dari segi menggalak penduduk Johor menanam padi, tidak bermakna tanaman makanan lain telah tidak diberi perhatian. Kekurangan minat terhadap tanaman padi ialah kerana terdapatnya tumpuan yang diberikan kepada tanaman makanan yang lain. Tanaman makanan ini termasuk nanas yang telah ditanam semenjak akhir abad ke-19, terutama di Johor Selatan. Pada 1899 ada disebutkan tentang memajak kebun nanas.[119] Pada tahun 1921 telah dilaporkan bahawa sekurang-kurangnya 3000 ekar telah ditanam dengan nanas dan 1000 ekar lagi akan ditanam dengan nanas apabila kerja membersihkan tanah selesai.[120] Menjelang tahun 1925, sebanyak 16 000 ekar telah ditanam dengan nanas.[121]

Kelapa merupakan satu lagi tanaman yang diusahakan di kebun kecil. Pokok ini ditanam dengan meluasnya di tepi pantai. Hasilnya banyak dieksport dalam bentuk kelapa kering. Menjelang tahun 1925 keluasan kawasan yang ditanam dengan kelapa ialah 9 0000 ekar.[122] Kawasan kelapa yang terbesar dan paling berhasil ialah antara Benut dan Senggarang.

---

117 Minit ditulis oleh CLR Muar. 6.6.1927. CLM450/27. ANJ.

118 *Ibid.*

119 SUK, Datuk Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak kepada Kepala Suruhjaya Bandaran, Datuk Yahya Awaludin. 22.3.1899. *Surat-surat Datuk Menteri dan SUK 1891–1899.* Jil. 2. J/SUK11. ANJ.

120 *Quarterly Agricultural Report 1922.* SS1448/2. ANJ.

121 *Johore Annual Report 1925.* J/SUK2. ANJ.

122 *Ibid.*

Jadual 4.3 Anggaran keluasan kawasan penanaman di Johor pada akhir tahun 1932.

Jenis tanaman	Ekar
Getah	854 700
Kelapa	165 100
Nanas	39 300
Kelapa sawit	27 800
Ubi	17 300
Pinang	10 000
Kopi	4 600
Pisang	6 000
Buah-buahan campuran	8 000
Derris	1 800
Gambir	1 700
Tembakau	1 400
Sagu	1 200
Beras	19 300
Tanaman kecilan yang lain	1 000
Jumlah	1 159 200

Sumber: Report on Agricultural Development in Johore. H.A. Tempany. Director of Agriculture, SS & FMS. GA248/34.

Secara ringkasnya pada akhir 1932 telah terdapat berbagai-bagai jenis tanaman eksport dan makanan di Johor (lihat Jadual 4.3). Bahkan:

> *Johore has the largest cultivated area of each of the major crops grown in any one administrative unit in the country except rice, viz – rubber, coconuts, pineapples and oil palms, while there is no crop of any importance which is grown in Malaya which is not cultivated.*[123]

123 Report on Agricultural Development in Johore. H.A. Tempany. Director of Agriculture, SS and FMS. GA248/34. ANJ.

BAB 5

IMIGRASI DAN TENAGA KERJA

Satu dasar tanah yang liberal dan sistem hak milik tanah yang diperkenalkan pada tahun 1910 masih belum dapat menjamin kemajuan pertanian ladang yang mula diperkenalkan di Johor pada akhir abad ke-19. Tenaga kerja yang mencukupi amat diperlukan. Dengan kata lain, tanah dan tenaga kerja tidak boleh dipisahkan dan sebarang usaha menyusun semula sistem tanah mestilah mengutamakan hal tenaga kerja. Oleh yang demikian, penyusunan semula sistem hak milik tanah telah mengubah sistem ekonomi negeri Johor dan masyarakat tempatan, sebagaimana tenaga kerja disusun berdasarkan keperluan Barat/penjajah. Penjajah telah mengetepikan tenaga kerja tempatan dengan membawa masuk tenaga kerja asing, yang mengakibatkan pembentukan segmentasi sosial dalam masyarakat Johor.[1]

Dengan itu, kemasukan secara beramai-ramai tenaga kerja asing ini telah membentuk sebuah masyarakat majmuk yang kekal hingga ke hari ini. Istilah masyarakat majmuk mula digu-

---

1 Bab ini menghadapi beberapa masalah, khususnya kekurangan data dan kesukaran mendapatkan data yang sedia ada. Umpamanya, fail di Arkib Cawangan Johor Bahru dan di Perpustakaan Nasional Singapura lebih terbatas kepada maklumat berkenaan imigran Cina dan India. Data yang berkaitan dengan pendatang Jawa di Johor khususnya terlalu sedikit sehinggakan kajian ini terpaksa bergantung pada beberapa sumber yang lain. Antaranya kajian dan penulisan yang dilakukan oleh Khazin Mohd. Tamrin (1992, 1981,1979) dan beberapa tesis dan penulisan lain. Juga, pada rujukan fail hasil penyelidikan orang lain.

nakan oleh J.S. Furnivall (1948) setelah menjalankan kajian di Indonesia dan Burma. Furnivall berpendapat bahawa di bawah pemerintahan penjajah, perkembangan politik Barat bertembung dan berinteraksi dengan masyarakat Timur tradisional untuk membentuk sejenis sistem sosial yang digelarnya sebagai 'masyarakat majmuk'. Masyarakat jenis ini terbahagi kepada komuniti yang berasingan dan mempunyai perbezaan dari segi ras, etnik dan linguistik. Oleh sebab masyarakat majmuk ini merupakan pembentukan khusus penjajah berasaskan pemerintahan pecah dan perintah bagi memenuhi fungsi ekonomi tertentu, maka Furnivall berpendapat bahawa ... *the emphasis on production rather than on social life, is characteristic of a plural society* (1939:450).

Perkembangan dan perluasan Barat telah mengakibatkan banyak negara ditakluki dan ekorannya, sistem sosial dan budaya tempatan yang telah lama wujud mengalami perubahan. Bahkan, mulai abad ke-15 penduduk Eropah mula menjelajahi dunia yang bertujuan untuk meneroka dan berdagang pada awalnya tetapi kemudian menakluki penduduk peribumi di kebanyakan negara yang dijelajahi. Penduduk Eropah sampai ke Amerika Utara, ke Amerika Tengah dan Selatan, ke Afrika dan Australasia (Giddens, 1990:252–54) dan bertemu masyarakat yang berbeza dari segi fizikal, budaya dan teknologi. Melalui perdagangan hamba abdi[2] pula bangsa Eropah telah menghasilkan penghijrahan penduduk secara besar-besaran dari Afrika ke benua Amerika.

Aliran penduduk ini merupakan asas utama terdapatnya komposisi ras dan etnik di negara-negara yang pernah dijajah. Di negara-negara tersebut penduduk peribumi tertakluk kepada pemerintahan Barat. Tidak dinafikan bahawa sebelum datangnya

---

2 Kepercayaan bahawa bangsa Eropah adalah lebih tinggi dari segi sosial, budaya dan fizikal berbanding dengan ras-ras lain, terutamanya yang berkulit hitam, membantu mengabsahkan kegiatan ini. Mengikut Hirseman (1986:332) ... *slavery as it developed in the Americas was one of the most dehumanizing institutions ever created and required a powerful form of racist ideology to justify it.*

Barat ke Asia Tenggara telah pun berlaku pergerakan penduduk (Andaya dan Andaya, 1982). Tanpa sempadan fizikal yang jelas seperti yang terdapat pada hari ini, migrasi beramai-ramai, sama ada secara tersusun ataupun tidak, telah berlaku dengan mudah. Bahkan, boleh dikatakan adanya ... *patterns of acculturation, shifting ethnic coalitions and the possibility of ethnic boundaries being bridged or shifted as opportunities arose* (Hirschman, 1986:332) juga menyumbang kepada kelicinan pergerakan penduduk itu. Namun, dari pertengahan abad ke-19 berlakunya usaha mengkonsolidasi pemerintahan penjajah dan meningkatnya bekalan dan aliran tenaga kerja. Bagi menampung kegiatan ekonomi yang juga semakin meningkat, mekanisme secara formal dibentuk bagi mendapatkan tenaga kerja sekali gus memberi kesan ke atas pergerakan penduduk tersebut.

Pada abad ke-19 gambaran Eropah tentang penduduk Asia memberikan kesan yang signifikan terhadap amalan penjajahan dan terhadap hubungan antara etnik di kalangan penduduk Asia yang wujud ekoran daripadanya (Hirschman, 1986:337). Penjajah menganggap diri mereka lebih berkebolehan dari segi ekonomi dan juga politik berbanding dengan penduduk peribumi yang mereka temui di Asia dan mereka memiliki kuasa untuk mengenakan pandangan mereka itu. Sikap sedemikian yang disatukan dengan rasisme memainkan peranan penting dari segi mengabsahkan sebuah empayar kerana bangsa Eropah merupakan pemerintah sedangkan bangsa lain diperintah.... *The relations between whites and non-whites varied according to different patterns of colonial settlement, and were also influenced by cultural differences between the Europeans themselves.* (Giddens, 1990:256).

Seperti yang telah dinyatakan peluasan kegiatan perdagangan, terutamanya selepas Revolusi Industri di Barat, telah menyebabkan kegiatan ekonomi dan migrasi tenaga kerja meningkat. Di Tanah Melayu, kekurangan bekalan tenaga kerja tempatan diatasi dengan membawa masuk tenaga kerja asing. Aliran terbesar tenaga kerja itu datangnya dari negeri China, tetapi terdapat juga tenaga kerja yang datang dari India dan Indonesia. Golongan petani Melayu tidak diganggu. Maka,

masalah mendapatkan tenaga kerja murah untuk sektor lombong dan ladang telah dapat diatasi. Walau bagaimanapun, ia hanya dapat menyelesaikan masalah mendapatkan tenaga kerja murah sebaliknya menghasilkan sebuah masyarakat pelbagai ras dan hubungan etnik yang berkaitan kerana ... *colonial administration provided few meaningful opportunities for inter-ethnic interaction* (Hirschman, 1986:353). Hasilnya, terbentuk sempadan kumpulan etnik ataupun *group closures* di kalangan komuniti Asia.... *Closure means a process whereby groups maintain boundaries separating one another* (Giddens, 1990:251–252) dan sempadan ini menajamkan lagi pemisahan antara kumpulan-kumpulan etnik serta ras. Dari segi sempadan pekerjaan umpamanya, lombong dan ladang hampir dipenuhi dengan tenaga kerja Cina dan India, sedangkan golongan Melayu digalakkan kekal di kampung-kampung mereka sambil menjalankan kegiatan pertanian sara diri.

Pada zaman kemajuan kebun gambir dan lada hitam pertengahan abad ke-19, Kerajaan Johor telah menggalakkan penggunaan modal asing dan kemasukan tenaga kerja Cina untuk memajukan ekonomi itu. Tindakan ini diambil berpandukan nasihat yang diberikan kepada Temenggung Ibrahim oleh W.W. Ker, iaitu pengasas Paterson, Simons and Company (Khoo Kay Kim, 1968:83). Tenaga kerja tradisional ataupun tempatan tidak terlibat langsung, bahkan dibiarkan untuk menjalankan kegiatan pertanian mereka sendiri. Tenaga kerja Cina telah dibawa masuk dari negeri China melalui Singapura. Sistem kangcu dilaksanakan bertujuan mengawal kemasukan dan kegiatan pekerja Cina ini.[3] Selain itu, pekerja Cina diawasi oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang mengenakan sistem kawalan mereka sendiri. Dengan itu, apabila Inggeris berjaya masuk ke Johor pada 1910, mereka memasuki sebuah *state* yang telah pun mula dimajukan dengan menggunakan usaha serta tenaga golongan Cina.

---

3 Terdapat anggapan bahawa pengenalan sistem kangcu inilah yang telah membolehkan pemerintah Johor mengawal penduduk Cina, berbanding dengan di negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Bermula pada tahun 1860-an, ekonomi Johor menikmati kemajuan yang menggalakkan dan menjelang akhir abad ke-19, industri getah mula menggantikan tanaman gambir-lada dan tanaman lain seperti kopi. Perkembangan baru kegiatan pertanian ini berkehendakkan perusahaan secara besar-besaran yang memerlukan teknik baru serta modal yang lebih banyak, yang secara umum dibekalkan oleh pemodal Barat. Syarat baru ini dan peningkatan kegiatan pertanian secara komersil telah menyebabkan peningkatan permintaan terhadap tenaga kerja bagi menjalankan kerja-kerja yang terlibat dalam perusahaan secara besar-besaran itu. Tenaga kerja peribumi dianggap tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan jenis pertanian yang baru diperkenalkan itu kerana:

> *... these regions were either very sparsely populated or were inhabited by people who were engaged in other parallel forms of economic activity and would not be distracted from their traditional patterns of occupation to take advantage of the new opportunities.* (Arasaratnam, 1979:10).

Ketika mengenakan kuasa mereka ke atas negeri-negeri Melayu, pihak Inggeris telah mengambil keputusan untuk mengekalkan aturan sosial Melayu dengan mengenakan sedikit saja perubahan (Wolf, 1982:376). Inggeris telah memutuskan untuk tidak mengganggu golongan petani Melayu, dan telah mengekalkan beberapa unsur feudal seperti institusi penghulu dan golongan raja. Akibatnya, ... *the great bulk of Malays remained locked within the framework of a traditional society which was changing only slowly* (Roff, 1967:122). Dengan itu, tenaga kerja asing perlu dibawa masuk menerusi migrasi secara tersusun bagi memenuhi permintaan ladang dan menampung ataupun memenuhi kekosongan yang ada supaya perkembangan industri pertanian itu tidak terjejas. Dengan demikian, masalah tenaga kerja yang timbul hasil perkembangan pertanian corak komersial telah dapat diselesaikan melalui dasar imigrasi secara terbuka. Dasar ini bermakna terdapatnya kemasukan golongan imigran secara beramai-ramai. Tenaga kerja asing digalak, juga dibantu masuk ke Johor melalui beberapa cara dan saluran.

Tenaga Kerja Peribumi

Pada zaman sebelum bertapaknya Inggeris di Johor tenaga kerja peribumi mengusahakan tanah milik sendiri atau milik raja secara secukup hidup. Tenaga kerja merupakan unsur penting dalam ekonomi tradisional Melayu dan ahli keluarga menyumbang kepada tenaga yang diperlukan.

Selain mengusahakan tanah sendiri dan menyumbang sebahagian daripada hasil tanaman mereka kepada pemerintah, penduduk juga dikehendaki menyumbang tenaga mereka kepada raja yang memerintah ataupun pemimpin tradisional yang lain. Perkhidmatan kerah ini merupakan suatu kewajipan seorang individu itu kepada pemimpinnya kerana telah dibenarkan menduduki dan mengerjakan tanah di bawah pemerintahan ataupun pentadbirannya. Dalam hal ini Maxwell (1885:110) berpendapat bahawa:

> *Forced service ... is well understood to be an incident of the lot of the cultivator of land, he acquiesces in it as on of the conditions on which he holds his fields, and he usually submits quietly to the orders of his superiors until they reach the pitch of oppression at which he decides that emigration is preferable to slavery.*

Sementara Swettenham pula mengatakan bahawa:

> *Whenever the Sultan, or any Raja, or chief of sufficient authority wanted labour for any public or private work, such as the clearing of the river, the building of a mosque or house, the manning of boats for a journey – all the men within reach were summoned, through the village headmen, to come and undertake this forced labour, for which no payment was ever made.* (Gullick, 1969:108).

Oleh sebab itu, tenaga kerah itu bukanlah merupakan ... *a land tax, for it applied equally to those who occupied or cultivated land and to those who did neither* (Gullick, 1987:99). Dengan itu, boleh dikatakan bahawa semua rakyat tertakluk kepada perkhidmatan kerah itu kecuali ... *musicians of the royal band,*

elephant mahouts, magicians etc. of the royal household ... (Gullick, 1969:64). Mereka yang turut terkecuali termasuklah golongan bangsawan, syed, haji, lebai, pegawai kerajaan, penghulu dan pegawai masjid (Gullick, 1969:108–109). Tenaga kerah itu digunakan untuk membuat jalan, parit atau apa-apa jenis kerja yang dianggap sesuai oleh pihak pemerintah.

Tenaga kerah ini diperolehi daripada kampung-kampung ataupun daerah melalui ketua-ketua ataupun pemimpinnya. Mereka yang enggan mematuhi panggilan kerahan itu akan didenda, tetapi mereka yang mampu akan membuat bayaran kepada pengelola tenaga kerah itu supaya mereka dikecualikan daripada kerahan (Sundaram, 1986:9). Oleh kerana jangka waktu perkhidmatan ataupun bila perkhidmatan mereka itu akan diperlukan tidak pernah ditetapkan, maka didapati rutin kerja dan kegiatan-kegiatan lain mereka yang terlibat itu terganggu. Keadaan sedemikian mendatangkan masalah dan kesusahan terutamanya semasa musim menuai ataupun kegiatan-kegiatan penting lain yang berkaitan dengan pertanian. Keadaan demikian menyebabkan penduduk kampung cuba mengelak diri daripada dikerah. Sekiranya perbuatannya itu menyebabkan hasil tanamannya ataupun hartanya dirampas, maka ia akan tinggalkan saja tanahnya itu untuk pergi ke kawasan atau daerah lain. Dalam keadaan yang tidak menentu itu, maka ... *the people are afraid to cultivate more than enough for their actual necessities, or to keep cattle other than sufficient to plough their fields* (Burns and Cowan, 1975:303).

Kemajuan pertanian ladang dan industri getah pada awal abad ke-20 dan kemasukan pemodal serta peladang Eropah ke Johor merupakan satu sumber baru kemajuan ekonomi negeri menyebabkan keperluan tenaga kerja meningkat. Walau bagaimanapun, jenis tenaga kerja yang diperlukan adalah berlainan daripada yang sedia ada dalam erti kata tenaga kerja yang dibayar upah sebagai menggantikan tenaga kerja yang dikerah ataupun yang bekerja sendiri dan tidak mahir adalah berbeza. Namun, oleh kerana kebanyakan penduduk peribumi pada masa itu memiliki dan mengerjakan tanah sendiri, maka mereka dikatakan sebagai kurang berminat untuk bekerja sebagai buruh

upahan di ladang-ladang getah yang baru dibuka itu.[4] Orang Melayu bekerja di kebun-kebun kecil yang ditanam dengan getah, pinang ataupun kopi, membersihkan hutan dan sebagainya. Juga, ... *not only because the Malay population was so small, but because the Malays would not offer themselves as a permanent labour force* (Sadka, 1970:324), sungguhpun secara lojiknya tenaga kerja peribumi seharusnya merupakan pilihan pertama walaupun atas alasan bahawa kumpulan tenaga kerja itu telah sedia ada dan dengan itu, mudah untuk diurus (Lim Teck Ghee, 1976:100). Walau bagaimanapun ... *Malays did play some part in the new economic development, but in a way that suited them, as casual short-term labour* (Sadka, 1970:325).

Pihak penjajah telah menggunakan faktor-faktor sosial dan persekitaran untuk menerangkan tentang sikap kurang minat orang Melayu, di Malaya amnya dan di Johor khasnya, bekerja di ladang-ladang dan lombong[5] dan mendapatkan faedah-faedah ekonomi yang datang bersamanya. Begitu juga dalam kebanyakan huraian tentang kurangnya penyertaan golongan peribumi dalam bidang ekonomi ladang dan lombong itu digeneralisasikan sebagai sikap kurang minat golongan tersebut terhadap bentuk ekonomi baru itu (Swettenham, 1955; Winstedt, 1961).

Sebenarnya, sikap kurang berminat golongan peribumi itu boleh dijelaskan secara tepat dan khusus dari sudut kesukaran mengubah kemahiran dan peranannya yang telah sekian lama dimainkan dan juga dari segi kesan struktur masyarakat feudal yang wujud pada masa itu. Umpamanya, untuk menukar peranan dan kemahiran daripada seorang nelayan kepada seorang buruh di ladang getah bukanlah satu perkara yang mudah. Pertukaran itu bukan saja melibatkan perubahan pekerjaan dan kemahirannya, tetapi juga melibatkan transformasi dunia ekonominya. Maka, implikasinya bukanlah semata-mata tidak ataupun kurang minat untuk melakukan sesuatu pekerjaan di luar skop sara diri yang dikenali benar itu, tetapi melibatkan pertukaran kemahiran,

---

4 Lihat Hussein Alatas (1977), Hirschman (1987), Emerson (1968), Jackson (1961) dan Swettenham (1900, 1955).

5 Lihat McNair (1972) dan Swettenham (1955).

perubahan pandang dunia dan juga sistem ekonomi. Lagipun, *... given the evident barriers to social mobility in a feudal society and the futility of material acquisition, productive work beyond what was necessary for survival made little sense* (Hirschman, 1986:349). Perkhidmatan kerah telah dihapuskan di negeri Johor khususnya dan di Tanah Melayu amnya, pada lewat abad ke-19 dan golongan peribumi bebas menjalankan kegiatan sara hidup tradisional mereka tanpa gangguan golongan elit tradisional lagi. Namun, apabila dibandingkan syarat-syarat kerja yang ditawarkan oleh pihak majikan penjajah, iaitu dalam konteks kadar upah, keadaan kerja, ikatan kepada majikan dan lain-lain, dengan apa yang sedia ada, iaitu kegiatan ekonomi sara diri tradisional, menangkap ikan dan bercucuk tanam, tiada ikatan dan lain-lain, maka boleh dikatakan golongan Melayu telah membuat pilihan yang agak rasional dari segi ekonomi.[6]

Memandangkan permintaan terhadap tenaga kerja semakin meningkat selaras dengan kemajuan pertanian ladang, seperti yang berlaku di Johor, sesuatu perlu dilakukan oleh pemerintah kolonial bagi menyelesaikan masalah itu. Maka, sebagai menggantikan tenaga tempatan itu, lebih ramai tenaga asing, seperti Cina, India dan Jawa telah diimport oleh Inggeris pada mulanya melalui sistem *indenture* dan kemudiannya di bawah skim imigrasi yang disediakan oleh kerajaan.

Mencari Tenaga Kerja

Pekerja asing tidaklah mudah diperoleh. Dengan itu, untuk mendapatkan mereka, satu dasar imigrasi yang terbuka lagi tersusun disediakan. Tindakan ini mengakibatkan kemasukan beramai-ramai pekerja asing. Pekerja Cina, India dan Jawa telah dibawa masuk ke Johor untuk mengisi kekurangan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, secara umumnya komposisi tenaga kerja imigran itu rata-ratanya adalah lelaki. Jenis kerja keadaan hidup dan sikap masyarakat pada masa itu tidak menggalakkan golongan

6 Lihat juga Lim Chong Yah (1967), Hirschman (1986) dan Hussein Alatas (1977).

wanita berhijrah. Oleh kerana keluarga ditinggalkan, maka tenaga kerja imigran bukanlah bersifat tetap. Kebanyakan tenaga kerja itu berhajat bekerja untuk beberapa tahun, cukup untuk mengumpul harta dan kemudian pulang ke pangkuan keluarga dan negara asal mereka. Akan tetapi, kemajuan ekonomi yang kekal dan stabil memerlukan bekalan tenaga kerja yang tetap dan berterusan. Menyedari akan hakikat itu serta peredaran masa telah menyebabkan kerajaan dan masyarakat mengambil sikap yang lebih terbuka, yang kemudiannya menyebabkan lebih banyak keluarga dibenarkan berhijrah bersama-sama.

Tenaga Kerja Cina

Kaum Cina telah berada di Asia Tenggara semenjak zaman kesultanan Melaka lagi dan corak kegiatan Cina di kawasan itu telah terbentuk lama sebelum pengasasan dan pembukaan Johor. Mereka bekerja umpamanya di petempatan Belanda dan di Brunei sebagai ... *merchants, shopkeepers, artisans, fishermen and coastal traders, as labourers in mines, sugar industry and pepper garden* (Jackson, 1961:8).

Sungguhpun pedagang, penanam candu dan penduduk Cina telah berada di rantau ini berkurun-kurun lamanya, kemasukan tenaga kerja Cina secara beramai-ramai ke Johor bermula apabila pemerintah Johor mengambil dasar menggalakkan mereka membuka kebun gambir-lada di negeri itu (lihat Bab 4). Mulai tahun 1844, Temenggung Ibrahim telah menggalakkan orang Cina Singapura datang ke Johor bagi membuka kebun dan ini telah menyumbang kepada pembentukan kemewahan dan pembangunan negeri Johor. Bagi melicin dan mengawal kemasukan serta kegiatan pekerja Cina itu sistem kangcu, yang asalnya diamalkan di Singapura, telah diubahsuai untuk dilaksanakan di Johor. Melalui Surat Sungai, yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah, seorang kangcu ataupun Kapitan Cina diberi kuasa membuka penempatan dan menanam gambir-lada di kawasan yang telah ditetapkan dengan bantuan pekerjanya.

Tenaga kerja yang diperlukan untuk mengerjakan ladang gambir-lada itu telah dibawa masuk dari Singapura ataupun dari

negeri China, melalui Singapura. Kebanyakan pekerja itu berasal dari wilayah Swatow (Lake, 1894:290) dan beberapa wilayah lain:

> *The labouring classes of people that emigrate ... are mostly very poor. Originally they come with the intention of returning to their native land after a sojourn of 3 or 4 years, but out of 10 only one to two individuals are able to return after that time, and when they do retire they do not take with them much wealth.... The periods of return are various; there are a great many who remain here upwards of 10 and 20 years.*[7]

Tenaga kerja imigran itu sampai ke negeri Johor sama ada sebagai tenaga kerja bebas ataupun melalui sistem *indenture*. Lazimnya, kebanyakan tenaga kerja imigran itu terlalu daif untuk membayar tambang perjalanan mereka. Hasilnya, mereka diambil bekerja dan perjalanan mereka itu dibantu. Mengikut Raffles:

> *It frequently happens that free labourers and others are brought from China and elsewhere as passengers, who have not the means of paying their passage, and under the expectation that individuals resident in Singapore will advance the amount of it on condition of receiving the services of the parties for a limited period in compensation thereof.*[8]

Pekerja yang telah diambil bekerja itu digelar *sinkheh*. Mereka datang dengan harapan dapat mengumpulkan harta dan selepas beberapa tahun mereka pulang ke kampung halaman. Mereka mengikat perjanjian akan bekerja dengan majikan mereka sehingga segala hutang tambang serta perbelanjaan perjalanan mereka itu selesai dibayar. Mereka bekerja tanpa dibayar upah. Sebaliknya, mereka hanya menerima makanan, pakaian dan sedikit wang untuk perbelanjaan kecil. Secara umumnya pada mulanya mereka bekerja di ladang gambir-lada milik Cina.

---

7 Siah U Chin, *The Chinese in Singapore*. JIA. Jil.. II. 1848:283. Dipetik daripada Jackson, 1961:42.

8 Dipetik daripada *S.S. Labour Commission Report* 1890.

Kemudiannya mereka juga bekerja di ladang-ladang getah milik Eropah ataupun Inggeris apabila industri getah semakin menjadi penting di Johor.

Tenaga Kerja India

India telah lama mempunyai hubungan dengan Tanah Melayu melalui kegiatan perdagangan. Sungguhpun penduduk India telah sampai ke rantau ini semenjak abad ke-5[9] lagi, namun migrasi tenaga kerja India yang sistematik tidak wujud. Migrasi berlaku oleh penghijrah secara suka hati tanpa dibantu atau dihalang oleh sebarang undang-undang. Tidak terdapat satu sistem kawalan yang selaras yang boleh dijadikan panduan oleh bakal pencari/pembekal tenaga kerja sehingga tahun 1857. Undang-undang digubal dan diluluskan oleh Kerajaan India secara *ad hoc* berdasarkan masalah khusus yang timbul ataupun yang dihadapi oleh sesebuah negara penerima tertentu berkait dengan tenaga kerja. Namun demikian, pada tahun 1857 dan sekali lagi pada tahun 1859, undang-undang telah diluluskan bagi mengawal trafik bakal pekerja di Teluk Bengal[10] dan dengan itu, bermulalah proses imigrasi secara dibantu. Bentuk imigrasi ini berterusan sehingga tahun 1870 sungguhpun ia tidak lagi sah di sisi undang-undang akibat kelulusan *Indian Emigration Act XIII*, 1864.

Sehingga tahun 1867, Negeri-Negeri Selat telah ditadbir sebagai sebahagian daripada British India. Dengan itu, Negeri-Negeri Selat tertakluk kepada undang-undang India. Pada tahun 1839 Kerajaan British India telah meluluskan *Government of India Act* yang mengharamkan tenaga kerja India berpindah ke tempat-tempat di luar jajahan India, kecuali terdapat pengecua-

9 Pada era ini tersebarnya pengaruh India di Asia Tenggara adalah disebabkan kegiatan bercorak merkantil dan peluasan kuasa ekonomi dan politik Islam. (Lihat, Geertz (1963)

10 Secretary to Government of India to Secretary to Government of Madras. 29.1.1883. *Sessional Papers No. 7 of 1883*. CO275/28. PRO.

lian khas dan ke tempat-tempat khas yang ditentukan oleh kerajaan (Jackson, 1961:59; Arasaratnam, 1979:12). Selagi Negeri-Negeri Selat merupakan sebahagian daripada Syarikat Hindia Timur dan berada di bawah tadbiran British India, pergerakan tenaga kerja ke Negeri-Negeri Selat itu adalah bebas daripada segala kawalan. Apabila negeri-negeri itu keluar dari British India pada tahun 1867 dan menjadi Jajahan Mahkota maka *Government of India Act* 1839 itu dikenakan kepada mereka. Dengan itu, perpindahan pekerja telah dihentikan sehingga tahun 1872 apabila Kerajaan India meluluskan undang-undang membenarkan perpindahan pekerja itu diteruskan. Namun, perpindahan pekerja itu hanya diluluskan untuk Negeri-Negeri Selat dan tidak untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sungguhpun pada mulanya imigrasi pekerja dihadkan untuk Negeri-Negeri Melayu, apabila Kerajaan India berpuas hati dengan cara pekerjanya itu dilayan, secara beransur-ansur halangan itu dilonggarkan sehingga pada tahun 1897 apabila semua bentuk halangan dan kawalan dimansuhkan.

Temenggung Daing Ibrahim dan Sultan Abu Bakar bukan sahaja telah menggalakkan pendatang Cina membuka Johor, tetapi juga menerima kemasukan pendatang pekerja India melalui Kerajaan Selat. Bahkan, pada tahun 1885, Kerajaan Johor telah menyatakan kesediaannya untuk meluluskan undang-undang yang memberi perlindungan kepada imigran India seperti *Indian Immigration Enactment* yang terdapat di negeri Perak,[11] setelah beberapa pindaan dibuat ... *for making the enactment applicable to Johore*[12] Undang-undang itu kemudiannya dikenali sebagai *Johore Enactment for the Protection of Indian Immigrants* ataupun *Johore Indian Immigration Enactment.* Ekoran kelulusan undang-undang itu pada bulan Mac

---

11 Maharaja Abu Bakar kepada C.C Smith, Pemangku Gabenor, Negeri-Negeri Selat. 29.1.1885. *State Secretariat Letterbook, 1885–1893. J/SUK11. Juga, Maharaja of Johore Letterbook, 1885–1888. J/RAJA. ANJ.*

12 *Maharaja of Johore* kepada Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat. *12.3.1885. State Secretariat Letterbook*, 1885-1893. J/SUK11. ANJ.

1886[13] Pejabat Tanah Jajahan telah meluluskan permohonan Johor untuk mendapatkan tenaga kerja India.

Dasar pemerintah Negeri-Negeri Selat pada tahun 1883 adalah untuk menggalakkan imigrasi pekerja India bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap tenaga kerja. Pentadbir Inggeris berpendapat bahawa pekerja India itu merupakan golongan yang suka akan kedamaian serta mudah ditadbir (Parmer, 1960:19). Lagipun, lebih mudah pihak kerajaan berurus dengan mereka berbanding pekerja Cina. Dengan itu, kemasukan mereka harus digalakkan bagi mengimbangi pengaruh pekerja Cina. Dengan adanya galakan ini syarikat yang dulunya mengambil pekerja Cina untuk bekerja di ladang mereka telah menggantikan pekerja itu dengan pekerja Tamil kerana didapati lebih murah (*Labour Research Department*, 1926:36). Bagi menggalakkan kemasukan tenaga kerja India, Undang-undang Kuli Indian-Inggeris telah diluluskan oleh Kerajaan Johor pada 9.6.1907.[14] Undang-undang itu telah disusun oleh Peguam Davidson dan Berkely mengikut Undang-undang Johor dan ditambah mengikut Undang-undang Inggeris, Negeri-Negeri Selat. Undang-undang tersebut telah membolehkan seorang *Superintendent of Immigrants* dilantik untuk menguruskan hal-hal kemasukan pekerja India. Kerajaan India telah berpuas hati dengan aturan yang digubal oleh Kerajaan Johor dan dengan itu, telah menarik balik amaran dan tuntutannya supaya pegawai-pegawai Inggeris disediakan di Johor untuk menjaga dan membantu pekerja India yang masuk ke Johor.[15] Walau bagaimanapun, pekerja India tidak menunjukkan kesediaan untuk menetap di negeri ini, tidak seperti pendatang Cina dan Jawa.[16]

Ramai pekerja India yang bekerja di estet getah adalah dari-

---

13 Sundaram, P.S. 'Economic Development of Johore 1862–1895'. Latihan Akademik. Universiti Malaya, Singapura. 1958:17–19. Dipetik daripada Khoo Kay Kim, 1991:148.

14 Kumpulan Surat-surat Sembah. Jawi. 1907. J/RAJA. ANJ.

15 25.08.1908. Lihat Salinan surat *Acting Chief Secretary* kepada *Government of Madras* yang dikirimkan kepada *Secretary to the Government of India*. 13.7.1908. Kumpulan Surat-surat Sembah, 1908. J/RAJA. ANJ.

16 *Labour Annual Report*. 1930. SS773/31. ANJ.

pada golongan Tamil dan berasal dari selatan India ataupun dari Sri Lanka (Rogers, 1992:18). Hal ini berlaku kerana:

> *... the Indian Government had permitted such recruitment for Malaya only from the Madras state. Further, because of the mechanics of recruitment, the recruiters sought their men primarily from districts adjoining the authorized ports of departure – Nagapatnam and Madras. As Nagapatnam handled by far the greater portion of this traffic, the migrants were drawn from the adjoining districts of Tanjore, Madura and Trichy.* (Arasaratnam, 1979:15).

Seperti tenaga kerja Cina, pekerja India juga telah sampai di Tanah Melayu sama ada sebagai pekerja bebas atau sebagai pekerja kontrak. Mengikut Arasaratnam lagi (1979:11) melalui sistem kontrak ini:

> *... a prospective employer of labour placed an order with a recruiting agent based in India for a supply of a stipulated number of labourers. The recruiting agent thereupon sent his subordinate contact-men into the villages, and picked the required number of men. These men, on signing a contract, were said to be under 'indenture' to the employer for a period of five years.... At the end of this period they could be re-indentured for a further five years, or released from the indenture. Wages were fixed at the time of recruitment and were not subject to any change.*

Selain sistem kontrak terdapat satu lagi sistem pengambilan pekerja yang diamalkan seiringan, iaitu melalui sistem kangani. Kangani merujuk kepada *... a person who was himself an immigrant working on the plantation as a foreman or even as a labourer of some influence and standing* (Arasaratnam, 1979:16). Perkataan kangani, yang bermaksud ketua kumpulan tempatan, berasal daripada perkataan Tamil 'kankani', yang membawa maksud ketua, mandur ataupun pengawas. Perkataan kangani dijadikan suatu istilah tenaga kerja yang khusus dan merujuk kepada ketua sebuah kumpulan pekerja yang bekerja di sebuah estet atau ladang ataupun di sebuah projek binaan.

Melalui sistem kangani seorang majikan yang memerlukan pekerja akan menghantar:

> *... a Tyndal or Kangani to India, giving him an advance to pay expenses, and the man returns with the coolies and in due course repays the advances. By what agreement the coolies are bound to the kangani, who has to recover their passage money from them, is not known, the employer refraining from any interference in details.* (Jackson, 1961:101).

Setelah pekerja India sampai di Pulau Pinang mereka dibawa ke sebuah depot kerajaan. Di sana 'pekerja bebas', iaitu pekerja yang telah menggunakan perbelanjaan sendiri dibenarkan meninggalkan tempat itu. Sebaliknya, pekerja *indentured* 'ditahan' sehingga setelah mereka menandatangani perjanjian kerja dan boleh diserahkan kepada wakil bakal majikan mereka. Walau bagaimanapun, pekerja imigran untuk negeri Johor menandatangani perjanjian mereka apabila sampai di negeri itu.

Berbeza dengan sistem kontrak tenaga kerja yang diambil melalui sistem kangani pada teorinya merupakan pekerja bebas kerana perbelanjaan yang digunakan untuk membawa mereka ke negeri ini dianggap sebagai pinjaman yang harus dibayar balik dalam masa dua tahun. Dengan itu, pekerja itu bebas bekerja di mana-mana saja mereka boleh mendapat pekerjaan. Namun, pada praktiknya pekerja itu terpaksa bekerja dengan majikan yang telah memberi pinjaman kepadanya. Keadaan ini berbeza dengan sistem kontrak yang mana seorang pekerja terpaksa menandatangani kontrak tanda bersetuju bekerja untuk majikan yang khusus dan untuk jangka waktu yang ditetapkan. Ini bermakna pekerja itu tidak boleh bertukar majikan ataupun jenis pekerjaannya sehingga segala kos perbelanjaannya datang ke negeri ini telah selesai dibayar balik.

Apabila sistem kontrak India itu dimansuhkan pada tahun 1910 (Parmer, 1960:50), pengambilan dan bekalan tenaga kerja dilakukan melalui sistem kangani sehingga tahun 1938 apabila migrasi tenaga kerja secara bantuan dari India telah diharamkan

(Arasaratnam, 1979:17) oleh Kerajaan India.[17] Mengikut laporan *Superintendent of Indian Immigrants Johore*[18] kebanyakan tenaga kerja India diambil bekerja oleh Syarikat Inggeris dan diletakkan di bawah pengawas bangsa Eropah, termasuk di Johor. Sedikit saja yang bekerja di estet milik Cina ataupun Jepun.

Tenaga Kerja Jawa

Usaha mendapatkan pekerja untuk ladang atau estet yang besar tidaklah terhad kepada golongan Cina dan India saja. Pulau Jawa turut menjadi sumber imigrasi ini. Sungguhpun imigrasi secara tersusun hanya bermula pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20 hasil kemajuan pengeluaran kopi, dan kemudiannya industri getah, sebenarnya kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu telah bermula sebelum abad ke-19 lagi. Pada tahun 1890 ... *Labour Commission thought that every reasonable measure should be taken to encourage the importation of Javanese labour*[19] dan pada tahun 1887 Kerajaan Hindia Timur Belanda telah meluluskan undang-undang bagi mengatur dan mengawal penghijrahan tenaga kerja Jawa untuk bekerja di luar Pulau Jawa. Namun, ... *it was 1912 before the Labour Department began to pay any special attention to Javanese labour* (Jackson, 1961:129) ekoran tenaga kerja kontrak India dihapuskan pada tahun 1910, dan berlakunya kenaikan harga pasaran getah.

Pada tahun 1909 sebuah syarikat Inggeris telah bertanyakan kepada Kerajaan India Belanda tentang kemungkinan mendapat-

---

17 Perang Dunia Pertama (1914–1918), kemelesetan ekonomi, masalah-masalah kesihatan, kesan pengeluaran getah yang berlebihan (Restriction Scheme), semuanya telah secara langsung ataupun tidak langsung menyumbang kepada terhapusnya aliran kemasukan pekerja India pada tahun 1938. Isu lain yang juga menyumbang kepada pengharaman oleh Kerajaan India itu ialah kritikan yang dikemukakan oleh pihak nasionalis terhadap pergerakan tenaga kerja itu dan terdapatnya berbagai-bagai penyalahgunaan terhadap sistem itu.

18 *Annual Report on Rubber Estates in Johore Employing Tamil Labourers* – 1915. SS269/16. ANJ.

19 Dipetik daripada Jackson, 1961:127.

kan pekerja kontrak Jawa untuk bekerja di estet getah di Johor.[20] Bahkan, Kerajaan Johor telah meluluskan sebuah Ordinan yang serupa *the Straits Settlements Netherland Indian Labourers Ordinance* yang berkuat kuasa pada bulan Oktober 1908.[21] Orang Jawa telah sampai di Tanah Melayu melalui beberapa cara atau saluran sama ada atas perbelanjaan sendiri atau ditanggung oleh ejen yang bergelar syeikh. Mereka yang ditanggung itu menjadi buruh tebusan. Sebuah petikan oleh Khoo Kay Kim (1968:95) menyatakan bahawa pekerja Jawa telah didapatkan ... *by application at the offices of the Steam Cos. who work the Mecca pilgrimage traffic to whom they generally owe money, or through Agents who would have to be introduced by respectable traders.*

Buruh tebusan itu telah sampai di Johor dengan dibiayai oleh Sheikh Haji. Mereka kemudiannya bekerja dengan Sheikh yang telah menanggung perjalanan mereka itu untuk jangka masa yang telah ditentukan tanpa sebarang bayaran, ataupun ditebus dan bekerja dengan tukang tebus untuk selama kira-kira dua tahun. Biasanya kontrak diikat secara lisan (Khazin Md. Tamrin, 1981:41) kerana tukang tebus adalah orang Jawa yang telah datang lebih awal dan telah mempunyai tanah dan kebun. Selain menjadi buruh kontrak ada juga orang Jawa yang cuba mendapatkan tanah untuk tujuan berkebun sendiri. Orang Jawa juga digalakkan datang ke Johor ... *to colonise new areas, which would be scientifically irrigated and drained and organised on modern lines.*[22] Mereka meneroka dan membuka hutan untuk dijadikan kawasan penempatan dan kebun kecil bagi menanam kelapa, pinang dan kopi. Bahkan pada awal pembangunan negeri Johor orang Jawa telah banyak membantu membuka sebahagian besar daripada kawasan barat negeri itu.

Kerajaan Johor tidak mendirikan agensi khas untuk menjaga kepentingan dan mengurus hal-hal pendatang Jawa itu seba-

---

20 *State Secretary to Colonial Secretary, Straits Settlement*. 24.11.1909. *State Secretariat Letterbook* 1902–1909. J/SUK11. ANJ.

21 *Ibid.*

22 'Javanese Immigration'. *Straits Times*. 7 Jan 1938. GA602/38. ANJ..

gaimana agensi yang didirikan untuk pendatang Cina (*Chinese Protectorate*) dan pendatang India (*Indian Emigration and Immigration Departments*). Walau bagaimanapun, *Consul-General of the Netherlands* sentiasa mengawasi mereka. Agensi yang bertanggungjawab mengambil tenaga kerja Jawa dikehendaki membawa mereka bertemu Konsul-Jeneral untuk disiasat agar mereka pergi tanpa paksaan. Setelah kepastian diperolehi bakal penghijrah itu diberi sijil yang akan dibawa ke Jabatan Pelindung Cina untuk menandatangani kontrak.

Kedatangan tenaga kerja Jawa disambut baik kerana mereka bersifat ... *very good natured, docile, accessible and by no means wanting in intelligence.*[23] Lagipun, berbeza dengan orang Cina dan India, keturunan ras yang sama dengan orang Melayu, agama Islam yang dianuti serta corak hidup yang serupa memudahkan orang Jawa bersatu dengan komuniti Melayu tempatan. Bahkan, dalam satu utusan rahsia pada tahun 1911, John Anderson, pernah mengatakan bahawa:

> *As the Javanese are closely akin in race to the Malays, and are like them, Muslims, we are especially anxious to encourage Javanese immigrants as the best means of securing a nucleus of a permanent working population.*[24]

Galakan yang diberi oleh pihak pemerintah telah menyebabkan tenaga kerja Jawa bertambah setiap tahun sungguhpun jumlah mereka adalah kecil berbanding dengan tenaga kerja Cina dan India (sila lihat Jadual 5.1). Namun, mereka juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan ekonomi Johor terutama sebagai pekerja di ladang-ladang pertanian, terutamanya getah, di lombong-lombong, kilang-kilang dan di jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaran. Di jabatan-jabatan tersebut mereka bekerja sebagai pemotong rumput dan pembersih sungai (Laporan Tahunan Johor, 1935:29).

---

23 J. Crawfurd, "Notes on the Population of Java". JIA. Jil. III. 1849:42. Dipetik daripada Lee, 1991:161.

24 Anderson kepada Harcourt. 24.3.1911. Sulit. CO273/369. PRO.

Jadual 5.1 Jumlah Tenaga Kerja Jawa di Johor (1914–1940).[25]

1914 – 5,684 orang	1928 – 5,494 orang
1915 – (tiada data)	1929 – 6,403 orang
1916 – 6,109 orang	1930 – 6,264 orang
1917 – 7,083 orang	1931 – 6,258 orang
1918 – 9,423 orang	1932 – 5,933 orang
1919 – (tiada data)	1933 – 6,946 orang
1920 – 5,489 orang	1934 – 8,336 orang
1921 – (tiada data)	1935 – 7,141 orang
hingga	
1924 – (tiada data)	1936 – 8,875 orang
1925 – 4,055 orang	1937 – 10,489 orang
1926 – 6,248 orang	1938 – 8,411 orang
1927 – 5,486 orang	1939 – 10,241 orang

Bagaimana pula dengan pekerja Eropah? Mengikut *British Malaya*[26] (Mei, 1926:6):

> *The function of the white man in a tropical country is not to labour with his hands, but to direct and control a plentiful and efficient supply of native labour, to assist in the Government of the country, or to engage in opportunities offered for trade and commerce, from an office desk in a bank or mercantile firm.*

Pengawalan Tenaga Kerja

Jika kemasukan awal tenaga kerja asing adalah tanpa kawalan dan pengawasan, kemajuan dan pembangunan ekonomi, khususnya di Johor, telah mengubah keadaan itu. Kemasukan tenaga kerja asing secara beramai-ramai akibat dasar kerajaan yang lebih liberal memerlukan bentuk-bentuk kawalan dan susunan

25 Data dipetik daripada *Johore Annual Report, 1914–1940*. Antara 1914–1918 tenaga kerja Melayu dan Jawa telah disatukan.

26 Suara rasmi *Association of British Malaya*.

yang tertentu supaya kecekapan dan penghasilan yang diharapkan akan tercapai.

Apabila pemerintah Johor menggalakkan kemasukan tenaga kerja Cina, dasar *laissez faire* telah diamalkan terhadap mereka (Gray, 1978:282). Bahkan, ... *Temenggung allowed the Chinese a great deal of freedom to manage their own affairs within the state* (Trocki, 1979:89) dan dengan itu, telah mendasari cara mengawal mereka. Maksudnya, Temenggung telah mengenakan pengawalan secara tidak langsung terhadap pendatang Cina itu. Untuk tujuan itu, sistem kangcu telah diperkenalkan untuk mengurus, mentadbir dan mengawal mereka. Kapitan Cina, iaitu Ketua Kangcu, telah bertanggungjawab terhadap kumpulan tenaga kerja Cina di kawasan yang telah diperuntukkan seperti dalam Surat Sungai. Pada tahun 1873 Kanun Kangcu telah dilaksanakan bagi melicinkan pentadbiran tenaga kerja Cina di Johor. Kanun ini menerangkan tentang tanggungjawab seorang kangcu, yang mentadbir bagi pihak kerajaan. Selain Kanun tersebut terdapat juga beberapa kanun lain yang diperkenalkan berkaitan dengan amalan Sistem Kangcu itu (lihat Bab II dan IV). Pekerja juga tidak dibenarkan berpindah tempat kerja sesuka hati mereka. Pada bulan April, 1899 suatu Pemberitahu Kerajaan telah dikeluarkan:

> ... dari hal pekerja kebun gambir-lada dan lain-lain yang hendak keluar atau berhenti daripada pekerjaannya dikehendaki mendapatkan surat akuan daripada tauke kebunnya ataupun kangcu ataupun wakil-wakil mereka dan tauke-tauke kebun tiada boleh menerima kuli-kuli yang tiada surat akuan itu bekerja dengannya.[27]

Arahan tersebut bertujuan untuk menjaga keamanan, contohnya daripada berlakunya kacau-bilau, tipu-helah ataupun 'mencuri' pekerja antara kebun-kebun.

Selain Sistem Kangcu, tenaga kerja Cina juga dijaga oleh

---

27 Surat Setiausaha Datuk Bentara Dalam, 23.5.1899. *Salinan Surat-surat Datuk Menteri dan Setiausaha Kerajaan. 1891–1899. J/SUK11. ANJ.*

kongsi-kongsi gelap, yang terdapat di mana sahaja adanya penduduk Cina. Kongsi-kongsi gelap ini mengenakan sistem pengawalan mereka sendiri kepada semua ahli mereka yang telah 'dijemput' untuk menganggotai kongsi gelap itu sejurus pendatang itu sampai di sesebuah petempatan. Jackson (1961:49) berpendapat kongsi-kongsi gelap ini ... *provide the institutional framework of the economic and social order within which he lived, and were the means by which, in the last resort, he was disciplined.*

Pada tahun-tahun 1860-an, pemerintah Johor telah mengiktiraf salah sebuah daripada kongsi gelap itu, iaitu Ngee Heng, sebagai satu-satunya kongsi yang sah di negeri itu. Kongsi itu bertanggungjawab mengawal penduduk Cina dan menyelesaikan masalah-masalah jenayah yang mereka lakukan. Walau bagaimanapun, pegawai Inggeris tidak mempersetujui bentuk pemerintahan secara tidak langsung itu, yang mereka anggap sebagai ... *endangering the whole structure of colonial society and government* (Gray, 1978:284). Akibatnya, mereka berusaha menghapuskan bentuk pentadbiran dan pengawalan yang sedemikian. Pada tahun 1905 Pejabat Pelindung Cina (*Protector of Chinese*) telah mula berkhidmat bertujuan menjaga hal-hal pekerja Cina. Sebelum itu, segala kerja berkaitan dengan hal-hal Cina diletakkan di bawah jagaan pejabat polis. Pada tahun 1915, Inggeris telah berjaya mengharamkan pergerakan kongsi Ngee Heng itu.[28] Pada tahun 1917 pula melalui *Kangcu Rights (Abolition) Enactment*.[29] Sistem Kangcu telah dimansuhkan dan pentadbiran serta pengawalan penduduk Cina telah disatukan di bawah pentadbiran pusat.

Seperti juga pendatang Cina, terdapat banyak peraturan dan undang-undang untuk mengatur serta mengawal pergerakan tenaga kerja India. Pada tahun 1884 *Indian Immigration Ordinance* telah diluluskan bertujuan menjaga kepentingan tenaga kerja kontrak. Melalui Akta ini:

---

28 Societies Enactment. GA 189/17.ANJ.
29 GA147/17.ANJ.

... contracts with labourers had to be made under certain prescribed terms, and had to be entered into before the Immigration Agent. It also prescribed the manner in which such labour was to be treated, and laid down the punishable offences against and by it. The Agent was empowered to inspect places where indentured labour was employed (Arasaratnam, 1979:51).

Selaras dengan dasar mentadbir dua golongan tenaga kerja pendatang itu, Cina dan India, – secara berasingan, mereka diuruskan melalui dua organisasi yang berlainan. Untuk pendatang Cina, seorang pegawai Pelindung Cina (Protector of Chinese) telah dilantik mulai tahun 1905 dan bertanggungjawab ke atas semua hal dan urusan yang berkaitan dengan tenaga kerja Cina. Untuk tenaga kerja India pula, sebuah Jabatan Imigrasi Orang India telah ditubuhkan pada tahun 1886 untuk memberi jaminan perlindungan kepada pendatang tersebut sebagaimana yang disyaratkan oleh Kerajaan India. Jabatan itu dipertanggungjawabkan dengan hal-hal yang bersangkutan dengan tenaga kerja India. Dengan meningkatnya aliran kemasukan tenaga kerja India itu, sebuah Jabatan Tenaga Kerja (Buruh) telah ditubuhkan dan diketuai oleh seorang *Controller of Labour*, untuk melindungi kepentingan tenaga kerja itu.

Pada 1 Julai 1914, Undang-undang Kuli Perkebunan telah dikuatkuasakan setelah ia diwartakan.[30] Di bawah undang-undang ini seorang 'Pemelihara Kerja' ataupun *Protector of Labour* dilantik dengan tanggungjawab mengawasi pelaksanaan undang-undang itu. Undang-undang ini meliputi antara lain perihal pekerjaan berdasarkan perjanjian dan sebaliknya; jumlah hari dan jam bekerja; upah dan kerja lebih masa; tentang berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan terhadap pekerja seperti memisahkan keluarga, menganiaya pekerja; kegiatan *crimping* atau 'mencuri pekerja' dan menahan pekerja tanpa sebab, yang semuanya akan dikenakan hukuman; dan tentang kesalahan yang dilakukan oleh pekerja seperti lari dari tempat kerja, yang juga

30 Enactment No. 7, 1914. GA263/16. Juga lihat Surat Titah Perintah. (Fail), 1916. ANJ.

akan dikenakan hukuman; pemeriksaan oleh pihak kerajaan dan diberikan laporan. Dengan adanya perjanjian kerja, seseorang pekerja dimestikan memberi satu bulan notis jika ingin berhenti kerja dengan seseorang majikan. Namun, pada tahun 1922 Undang-undang Buruh itu telah dipinda dan hukuman penjara untuk kesalahan melarikan diri dari tempat kerja telah dimansuhkan. Dengan itu, pekerja boleh meninggalkan tempat kerjanya tanpa memberi apa-apa notis.[31] Undang-undang Kuli Perkebunan ini yang mengatur pekerjaan kuli kebun telah juga menyebabkan pekerja Sinkeh tidak lagi dibenarkan masuk ke Johor.

Undang-undang Buruh telah digubal pada tahun 1924.[32] Undang-undang ini hampir serupa dengan Undang-undang Buruh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang telah diperkenalkan pada tahun 1912. Pada tahun 1928 pula pemangku *Controller of Labour* telah mengusulkan supaya undang-undang yang mengawal keadaan kerja, kesihatan dan pekerja-pekerja lain di Johor dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu diselaraskan memandangkan:

> *... the methods of recruiting labourers from India for Johor and the Federated Malay States are identical, the conditions on estates are very similar and there is a large and continued movement of labourers between the two places.*[33]

Kegiatan industri yang berasaskan pertanian dan kegiatan pertanian itu sendiri yang semakin meningkat memerlukan modal yang banyak, dan bekalan tenaga kerja yang tetap. Akibatnya tenaga kerja turut meningkat di kawasan penduduk yang mengalami masalah pengangguran, ataupun telah dikesampingkan daripada kegiatan pertanian atau industri kampung, ke sebuah kawasan lain yang mengalami kepesatan perkembangan kegiatan ekonomi (Wolf, 1982:361). Tindakan ini telah mengha-

---

31 *Annual Report and Statistics of Indian Labour Employed on Estates and Government Department*, 1922. *Controller of Labour*. SS528/22. ANJ.
32 *Labour Annual Report*, 1930. SS773/31. ANJ.
33 *Acting Controller of Labour*. Kertas minit 2081/28. 13.8.1928. SS2081/28. ANJ.

silkan petempatan semula manusia secara besar-besaran apabila orang ramai membawa tenaga kerja dan sumber mereka keluar dari kawasan yang tidak diperlukan untuk pergi ke kawasan yang terdapat banyak peluang pekerjaan dan peluang mengumpulkan harta.

Sebelum abad ke-19, kegiatan berhijrah telah didorong oleh kemahuan masing-masing pekerja, sama ada Cina, India, Jawa ataupun pekerja-pekerja lain, untuk faedah dan kepentingan masing-masing serta sebagai memenuhi keperluan mereka sendiri. Bermula abad ke-19, terutamanya akibat majunya kegiatan pertanian ladang dan industri yang berkaitan dengannya, pergerakan tenaga kerja adalah untuk memenuhi kepentingan golongan ketiga dan sebagai reaksi kepada tuntutan yang disebabkan oleh faktor-faktor selain daripada faktor peribadi.

Dalam kes Johor, hampir keseluruhan tenaga kerjanya terdiri daripada golongan imigran (sila lihat Jadual 5.2). Tenaga kerja ini diperolehi melalui jentera dan cara yang serupa yang diamalkan di seluruh Tanah Melayu. Komuniti imigran yang utama ialah Cina, India dan Jawa. Kebanyakan mereka bekerja di ladang-ladang pertanian tetapi kira-kira 3300 orang (kebanyakannya pekerja Cina) bekerja di lombong-lombong.[34] Apabila berlakunya keadaan kemelesetan yang teruk pada tahun-tahun 1930 hingga 1933, ramai pekerja imigran telah dihantar pulang ke negara asal mereka bagi menghalang berlakunya pengangguran. Tindakan tersebut dan larangan pekerja asing daripada memasuki negeri ini pada tahun-tahun itu telah menyebabkan timbulnya masalah kekurangan tenaga kerja apabila ekonomi telah pulih semula. Sungguhpun pengimportan tenaga kerja India telah membantu mengurangkan sedikit masalah kekurangan tenaga kerja di estet milik bangsa Eropah,[35] namun masih

34 *Labour Annual Report*, 1930. SS773/31.ANJ.

35 Pada tahun 1934 Kerajaan India telah bersetuju membenarkan kira-kira 24000 orang rakyatnya datang ke Tanah Melayu. Kerajaan juga telah bersetuju membenarkan 4000 orang imigran Cina masuk ke negara ini setiap bulan. (*Johor Planters Associates: Memorandum on the Labour Position in Johor.* GA157/1935.ANJ)

Jadual 5.2 Pekerja Imigran di Johor, 1924–1939.

Tahun	India	Cina	Jawa	Lain-lain
1924	17 725	–	–	–
1925	22 214	14 660	4 055	1 102
1926	31 272	19 006	6 248	1 121
1927	35 925	16 055	5 486	801
1928	32 475	19 607	5 494	1 154
1929	34 642	26 912	6 403	1 594
1930	30 025	29 643	6 264	1 701
1931	23 253	24 626	6 258	1 425
1932	18 113	18 229	5 933	1 765
1933	20 221	18 356	6 964	1 732
1934	28 002	26 143	8 336	2 058
1935	31 490	25 763	7 141	2 152
1936	33 396	27 289	8 875	1 860
1937	45 153	32 974	10 489	1 379
1938	41 636	25 576	8 411	1 433
1939	41 573	30 949	10 241	1 308
				Melayu – 853

Sumber: 1924–25: Annual Report Controller of Labour.
1926–39: Johor Annual Report. J/SUK2. ANJ.

terdapat kekurangan tenaga kerja Cina yang amat serius di estet-estet milik Cina. Kekurangan tenaga kerja itu telah menyebabkan kadar upah meningkat naik sehingga satu takat menggerakkan *Johore Planters' Association* meminta kerajaan menarik balik larangan membawa masuk tenaga kerja dari China dan India bagi mengurangkan masalah itu.[36] Tetapi kerajaan tidak bersetuju adanya kekurangan tenaga kerja yang serius dan dengan itu, menolak permintaan untuk menarik balik larangan tersebut mahupun mengubah kuota yang sedia ada untuk mem-

36 *Johor Planters' Association* kepada Penasihat Am.18.2.1935. GA157/1935.

bawa masuk pekerja asing,[37] kerana tidak inginkan negeri ini dibanjiri oleh imigrasi tanpa kawalan, dan dibangkitkan bahawa:

> *The planters of Johore cannot expect the country to saddle itself with a large alien labour surplus merely to enable them to tide over a permanent shortage or to provide them with a reservoir of surplus labour on which to draw at their convenience, or perhaps use as a lever for forcing down wages.*[38]

Hasrat memajukan pertanian ladang menyebabkan banyak modal dilabur, alat-alat jentera dan teknik baru diperkenalkan, juga kumpulan tenaga kerja dibentuk. Kesemua itu dimungkinkan oleh berbagai-bagai dasar yang diambil oleh pihak pemerintah. Dasar yang liberal telah menyebabkan penduduk imigran di Johor terus meningkat. Tenaga kerja India dan Cina adalah lebih ramai berbanding dengan tenaga kerja Jawa ataupun pekerja tempatan sendiri. Juga, peningkatan bilangan tenaga kerja asing itu berkait rapat dengan pertumbuhan kegiatan pertanian, khususnya pertanian ladang getah dan kemudiannya kelapa sawit dan dimungkinkan oleh migrasi tenaga kerja secara dibantu untuk bekerja di kedua-dua sektor pertanian dan kerajaan. Masalah kurangnya tenaga kerja tempatan telah dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Besar Johor, iaitu Datuk Abdul Hamid Yusuf, pada tahun 1933. Beliau menyarankan supaya anak-anak Melayu Johor diberi kerja dalam berbagai-bagai pekerjaan kerajaan seperti di Pejabat Kerja Raya, Telefon, Telegraf, Elektrik, Cetak, Marin, *Town Board* dan Penjara, dan Keretapi walaupun sebagai pekerja kuli.[39] Timbalan itu berpendapat bahawa ... "tiada lebih baik dan layak bangsa yang empunya negeri diberi pelajaran dan kerja mengerjakan kerajaan tanah airnya sendiri adanya".

Saranan Timbalan Menteri Besar itu telah diedarkan ke pejabat-pejabat kerajaan untuk mendapatkan pandangan dan ulas-

---

37 Penasihat Am kepada Setiausaha, *Johor Planters' Association*. 3.3.1935. Juga, 26.5.1935. GA157/1935. ANJ.

38 *The Singapore Free Press*. Wednesday, 22.5.1935.

39 Timbalan Menteri Besar kepada Penasihat Am. 23.2.1933.MB52/33. ANJ.

an. Secara umumnya dipersetujui bahawa orang Melayu diambil bekerja bila-bila mungkin dan apabila adanya kelayakan. Namun, terdapat juga pandangan bahawa kononnya ... *the Malays has his limitations, while very adaptable, in some occupation, he is useless in others.*[40]

40 Kertas minit. Ulasan D. Galloway. 30.3.1933. MB52/33. ANJ.

BAB 6

KESIMPULAN: PEMBARATAN JOHOR

Abad ke-19 dan separuh pertama abad ke-20 telah dicirikan oleh kegiatan penjajahan dan imperialisme kuasa-kuasa Barat, khususnya Eropah Barat, dan sekali gus berlakunya proses pembaratan. Kuasa-kuasa Barat bukan saja ingin menakluki dan menguasai negara-negara bukan Barat yang telah menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan mereka, tetapi mereka juga ingin membentuk negara-negara tersebut supaya menjadi seperti mereka, dalam erti kata segala hubungan dan fungsi kehidupan penduduk negara-negara bukan Barat hanya boleh difahami dan diukur dalam konteks kerangka yang bersumberkan Barat.

Melalui proses penjajahan dan imperialis, kuasa Barat berhasrat meletakkan negara-negara bukan Barat di bawah pentadbiran dan kawalan mereka sepenuhnya dengan tujuan untuk menguasai sumber-sumber asli yang terdapat di negara-negara yang berkenaan dan juga dipercayai bahawa hanya dengan cara itu penduduk bukan Barat akan dapat ditamadunkan seperti mereka:

> *... the Europeans suffered from ... cultural arrogance ... never a doubt entered their minds that native cultures could be in any way, materially, morally or spiritually, superior to their own, and that the supposedly benighted inhabitants of the darker continents need enlightening.* (Harrison, 1987:48)

Untuk itu, budaya bukan Barat telah diungkai, wibawa tradisional dan amalan tempatan dimusnahkan, ditransformasikan ataupun dirosakkan. Kemudian bahagian-bahagian itu disusun semula berasaskan nilai dan pemikiran Barat.

Bagi negara-negara bukan Barat yang lemah ataupun yang tidak berupaya menentang kemasukan dan dominasi Barat, institusi tradisional mereka telah dimusnahkan. Pihak penjajah juga telah menyusun semula struktur institusi yang dianggap tidak berfaedah ataupun tidak selaras dengan kepentingan mereka. Sebaliknya, terdapat juga negara-negara bukan Barat yang beranggapan lebih berfaedah menerima idea, cara dan nilai asing itu demi mempertahankan kebebasan dan kedaulatan mereka. Mereka mempercayai bahawa mereka boleh menghalang kemasukan dominasi Barat dengan cara mereka sendiri yang mengambil budaya, institusi, nilai, teknologi dan apa saja dari Barat. Namun, pada umumnya negara-negara yang dijajah secara langsung telah dibaratkan oleh pihak penjajah sendiri.

Terdapat juga negara-negara yang cuba menentang penguasaan dan dominasi penjajah dengan cara mereka sendiri yang memulakan proses pembaratan itu. Walau bagaimanapun, penentangan mereka itu telah dapat diatasi oleh pihak penjajah dan dengan itu memungkinkan proses pembaratan dapat dipergiatkan oleh pihak penjajah sendiri. Akhir sekali proses pembaratan juga dialami oleh negara-negara yang telah terlepas daripada penjajahan kuasa Barat seperti negara-negara Turki, China, Jepun dan Thai. Ringkasnya, menjelang akhir abad ke-19 khususnya golongan pemerintah, juga elit negara-negara bukan Barat telah menjadikan Eropah (Barat) sebagai titik rujukan mereka.

Berasaskan pengalaman perubahan sosial yang dilalui oleh masyarakat bukan Barat, persoalannya ialah yang mana dahulu? Adakah pembaratan ataupun pemodenan?

Terdapat dua pendekatan yang berbeza dalam menghuraikan kesan kontak Barat dan bukan Barat ini, yang telah mengubah arus peradaban dunia. Di satu pihak, pemerian sejarah tentang masyarakat yang cenderung kepada proses pemodenan, dalam erti kata imperialisme dan penjajahan Barat menghasilkan pemodenan di negara-negara bukan Barat yang dijajah. Sebalik-

nya, pemerian sosiologi tentang sejarah menunjukkan bahawa proses pembaratan mendahului proses pemodenan dan proses pembaratan berlaku seiringan dengan proses politik yang lain, terutamanya imperialisme dan kolonialisme. Hal ini terserlah dalam pelbagai aspek seperti pentadbiran, pendidikan, pola kegunaan tanah dan tenaga kerja. Proses pembaratan ini berlaku bukan saja di Alam Melayu, tetapi juga di negara-negara lain yang dijajah, iaitu di Afrika, Amerika Latin dan benua Asia.

Secara mikronya pandangan ini adalah sesuai mengikut konteks negeri Johor. Selama ini kajian dan huraian sejarah sering kali memerihalkan apa yang berlaku di Johor sebagai hasil proses pemodenan. Bahkan, terdapat keseluruhan pemahaman konseptual tentang negeri Johor yang berasaskan sejarah pemodenan Johor. Sungguhpun berdasarkan pemerian sejarah memang mudah difahami kenapa kesimpulan pemodenan yang diambil, namun di peringkat makro, ataupun dunia yang lebih luas dan dengan mengambil kira gejala imperialisme dan penjajahan, apa yang sebenarnya berlaku ialah proses membaratkan dunia. Proses ini melibatkan semua penduduk dunia secara serentak tanpa menghiraukan latar belakang budaya mereka sebelumnya mahupun keupayaan atau ketidakupayaan mereka. Johor, sebagai sebuah negeri yang kecil dalam sebuah wilayah yang lebih luas yang telah dijajah tidak terlepas daripada proses pembaratan ini.

Kes Johor

Para sejarawan, baik dari dalam ataupun luar negeri, sering mengungkapkan Johor sebagai sebuah negeri moden, sebuah negeri yang telah mengalami proses pemodenan terutamanya semenjak kedatangan kuasa Barat, khususnya Inggeris. Namun, saya berpendirian bahawa apa yang dialami di Johor itu, khususnya antara 1800–1945 ialah proses pembaratan, bukannya proses pemodenan. Pada asasnya kajian yang dilakukan ini merupakan satu usaha meneliti proses pembaratan yang berlaku di Johor, tetapi yang telah dilabelkan sebagai proses pemodenan, namun dari sudut sosiologi ia dianggap tidak tepat untuk menghuraikan

apa yang telah berlaku. Dalam memahami proses perubahan secara total, sosiologi mengambil satu gambaran global, dan Johor hanya merupakan sebahagian kecil daripada sebuah wilayah yang telah dirombak dan diungkai oleh suatu kuasa besar dunia dari Barat, iaitu British.

Oleh itu, dalam kajian ini saya telah meneliti transformasi negeri Johor melalui proses pembaratan. Saya bukan sekadar berminat untuk menghuraikan sejarah negeri Johor, tetapi juga terhadap penghuraian sosiologikal berminat negeri tersebut dan kedudukannya dalam dunia yang lebih luas kerana Johor tidak wujud dalam keadaan vakum ataupun kekosongan. Sebaliknya, Johor merupakan sebuah unit fizikal yang telah dipengaruhi satu proses imperialisme global yang membawa kepada proses pembaratan itu.

Soalnya, bagaimanakah proses pembaratan itu boleh berlaku di Johor? Dalam menghuraikan persoalan ini, saya melihatnya dari empat aspek, iaitu: (i) perlembagaan dan pentadbiran, (ii) pendidikan, (iii) pola kegunaan tanah, dan (iv) tenaga kerja. Aspek-aspek ini dipilih kerana dalam teknologi pemerintahan imperialis, pengetahuan tentang masyarakat didapati penting disistematikkan. Hal ini kerana

> *... the systematization of knowledge about societies in which the imperialist rule was to be institutionalized played an important part in the technology of governance. Further knowledge about these societies had to be constituted in a manner so as to arrive at stable forms of the "other". Foucault's thesis about Europe states that in the seventeenth and eighteenth centuries there was a gradual transformation in the idea of government from the understanding of power as repression to that of masked control through a politics of normalcy.* (Das, 1986:58).

Lagipun, empat aspek ini merupakan perkara-perkara yang sangat dipentingkan oleh pihak penjajah Barat. Mereka berminat kerana secara falsafah dari segi konsepnya:

> *Disciplinary control was at the heart of the new technologies of governance. ... it was disciplinary technologies*

which underlay the growth, spread, and triumph of capitalism for the new demands of capitalism could have been stymied without the insertion of disciplined, orderly individuals into the machinery of production. (Das, 1986:58–59)

Maka, secara keseluruhannya kajian ini memberikan tumpuan kepada bagaimana negeri Melayu Johor telah dibaratkan, terutamanya antara tahun 1800–1945. Proses pembaratan ini menampilkan cara bagaimana warisan politik yang sedia ada telah diungkai sekali gus disekat perkembangannya dan unsur-unsur asing Barat diperkenalkan dalam selok-belok tataurus (*statecraft)* negeri Johor. Pelbagai huraian tentang proses pembaratan di Johor yang telah dihuraikan dalam bab-bab yang terdahulu, kini perlu disatukan untuk menekankan kaitannya antara satu sama lain.

Kedatangan orang Eropah – Portugis, Belanda, Inggeris – secara beramai-ramai ke Dunia Melayu bermula pada abad ke-16 bertujuan untuk memonopoli perdagangan dan mengawal laluan maritim, tetapi ia berkesudahan dengan mereka mempengaruhi dan mendominasi kawasan-kawasan yang memberi kepentingan kepada mereka. Inggeris telah berjaya menguasai negeri-negeri Melayu di utara dan Negeri-Negeri Selat, tetapi Johor telah terlepas daripada penguasaan terus itu dan menikmati kebebasannya, terutamanya dalam menyelenggarakan hal ehwal dalaman.

Kaitan langsung Johor dengan pentadbiran Inggeris bermula pada tahun 1824 apabila Singapura diserahkan kepada Inggeris. Perjanjian yang ditandatangani pada tahun tersebut bersetuju bahawa tidak seharusnya berlaku campur tangan oleh manamana pihak dalam urusan kerajaan masing-masing. Malangnya, perjanjian itu hanyalah perjanjian sahaja kerana ia tidak menghalang Inggeris daripada campur tangan dalam hal-hal yang difikirkan dapat menjamin penerusan dan perkembangan kepentingannya.

Kemajuan ekonomi yang dinikmati oleh Johor terutamanya semenjak pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim telah mendorong Inggeris bukan hanya untuk memberi nasihat secara

informal, bahkan untuk mengawal dan menguasai Johor sepenuhnya. Namun, laluan untuk Inggeris menguasai Johor tidaklah semudah yang dijangkakan kerana pemerintah Johor berazam sedaya mungkin menghalang Inggeris daripada mempengaruhi, mengawal atau mengambil alih negeri itu. Temenggung Daing Ibrahim sedar akan faedah yang boleh diperoleh jika bekerjasama dan berbaik-baik dengan pihak Inggeris di Singapura, justeru mengelakkan kemungkinan campur tangan secara langsung pihak British, yang pasti merugikan Johor. Maka, pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim telah mengambil sikap mempertahankan negeri dengan mengambil langkah sedar untuk 'membaratkan' sistem pemerintahan Johor. Melalui tindakan itu sistem pemerintahan dan pentadbiran tradisional cuba diperkuat dengan memasukkan unsur-unsur Barat, seperti dari segi teknik dan kaedah (Bab 2).

Proses pembaratan yang telah diasaskan pada zaman pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim, telah diperhebatkan semasa pemerintahan Temenggung Abu Bakar dengan dibantu oleh sekumpulan pegawainya. Sebagai satu langkah pembaratan, organisasi tadbir kerajaan disusun semula. Sebuah Majlis Mesyuarat, yang mengikut corak Parlimen dan Kerajaan Inggeris, telah dibentuk dengan mempunyai peraturan-peraturan kerja yang mirip cara Barat. Struktur ini berterusan sehingga tahun 1895 apabila ia dibahagikan kepada Majlis Negeri ataupun Mesyuarat Kerajaan, dan Jemaah Menteri. Undang-undang Johor yang pada mulanya diasaskan kepada undang-undang Islam telah juga diubah suai supaya lebih mengikut undang-undang Inggeris.

Penyusunan semula organisasi kerajaan melibatkan perkembangan dan peningkatan birokrasi (Bab 2). Daripada hanya tiga buah jabatan semasa pusat pentadbiran terletak di Teluk Belanga, Singapura telah mewujudkan pelbagai jabatan baru ala Barat bertujuan menjalankan fungsi-fungsi baru negeri selain menyelaras, memperkemas dan mempercekap pentadbiran. Terdapat jabatan-jabatan yang lebih khusus untuk menjalankan pelbagai aspek pentadbiran seperti dalam hal kewangan, undang-undang, polis, kesihatan, pelajaran, tanah dan tentera. Pendek

kata jentera pentadbiran disusun, diperbaiki dan dibentuk dengan meningkatkan pengkhususan tugas berdasarkan model Barat. Selain menubuhkan pelbagai jabatan untuk melicinkan perjalanan pentadbiran, Johor juga menyatukan jajahannya menjadi sebuah negeri ala Barat. Sistem-sistem residen, penghulu dan kangcu diamalkan untuk mentadbir jajahan.

Kemuncak proses pembaratan dicapai dengan pengisytiharan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor pada 14 April 1895, yang telah memantapkan kedudukan Johor (Bab 2). Perlembagaan tersebut telah diasaskan mengikut perlembagaan Barat kerana dimotivasikan oleh keinginan membentuk sebuah kerajaan yang berteraskan demokrasi bagi menggantikan pemerintahan bercorak mutlak. Langkah ini sebenarnya tidak memberi kesan terhadap rancangan Inggeris untuk menguasai Johor. Hal ini terbukti setelah kemangkatan Sultan Abu Bakar. Ketika itu Inggeris semakin berazam untuk mengawal Johor secara formal. Hasrat Inggeris itu akhirnya telah tercapai dengan mengatur beberapa langkah strategik. Antaranya Inggeris tidak lagi mengiktiraf Badan Penasihat Johor dan menggagalkan penubuhan Johor State Corporation. Inggeris juga berjaya mempengaruhi Sultan Ibrahim supaya memberhentikan perkhidmatan Dato Sri Amar Abdul Rahman Andak, iaitu setiausaha dan penasihat peribadinya, yang dianggap penghalang kepada kemaraan kuasa Inggeris di Johor. Akhirnya pada tahun 1910, dengan rasminya Johor jatuh ke dalam kawalan Inggeris apabila seorang Penasihat Am berbangsa Inggeris dilantik untuk membantu Sultan Ibrahim.

Dengan kejayaan itu Inggeris tidak berlengah-lengah lagi untuk memantapkan serta memperhebat proses pembaratan yang telah dipelopori oleh Temenggung Daing Ibrahim. Inggeris telah cuba menyusun semula struktur jentera pentadbiran Kerajaan Johor serta membentuk semula aturan wibawa birokratis supaya sesuai dengan kepentingan mereka. Lebih ramai pegawai Inggeris telah dibawa masuk ke Johor bagi mengetuai jabatan-jabatan strategik seperti Jabatan Tanah, Jabatan Pelajaran dan Jabatan Undang-undang. Sebuah Mesyuarat Kerja Dewan juga ditubuhkan pada tahun 1912. Badan ini mempunyai kuasa eksekutif

yang cukup penting. Oleh kerana Penasihat Am adalah salah seorang anggotanya, maka melalui badan ini beliau berpengaruh dalam pelaksanaan dasar Kerajaan Johor. Justeru, Inggeris amnya telah menguasai perancangan dan pentadbiran negeri Johor dengan cara ini.

Sungguhpun Sultan Ibrahim kurang senang dengan tindakan Inggeris yang dianggap oleh baginda sebagai campur tangan dalam hal-hal yang telah lama menjadi bidang kekuasaannya, namun baginda tidak berupaya menghalang apabila pegawai-pegawai Inggeris di Johor dan Gabenor bersetuju untuk lebih mengetatkan kawalan Inggeris ke atas negeri itu. Pada tahun 1914 Sultan Ibrahim telah berkenan memberikan kuasa yang sama seperti yang dipegang oleh Residen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Penasihat Am Johor.

Secara ringkasnya, di Johor proses pembaratan telah berlaku dari segi perundangan dan pentadbiran sehingga mengubah corak pemerintahan daripada yang bersifat mutlak kepada pemerintahan berperlembagaan. Pada mulanya proses pembaratan yang sekali gus membawa perubahan sosial telah diperkenalkan sendiri oleh pemimpin tempatan, bermula pada zaman pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim. Selepas tahun 1914 pula pembaratan dibawa secara langsung oleh pihak Inggeris setelah kuasa kawalan politik Johor berpindah ke tangan mereka.

Proses pembaratan tidak terbatas kepada aspek pentadbiran dan perlembagaan sahaja. Memandangkan kedua-dua aspek tersebut menyentuh dan memberi kesan ke atas hal-hal ekonomi, sosial dan politik masyarakat, maka aspek pendidikan juga tidak terlepas daripada proses pembaratan itu. Melalui proses ini sistem pendidikan tradisional yang berteraskan agama Islam, yang mementingkan kebolehan menghafaz al-Qur'an telah diubahsuai dan digabungkan dengan sistem pendidikan ala Barat yang berteraskan pengetahuan sekular serta berpandukan pengalaman, konsep dan ideologi Barat (Bab 3).

Temenggung Daing Ibrahim telah menyedari akan faedah suatu sistem pendidikan yang formal lagi teratur, yang dapat mendidik rakyatnya supaya berdisiplin, patuh dan menepati waktu di samping membekalkan pengetahuan yang boleh mem-

bantu masa depan mereka. Hasrat ini memerlukan lebih daripada kebolehan membaca dan menulis serta berpengetahuan agama. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Johor pada masa itu memutuskan untuk menyediakan suatu sistem pelajaran yang berpandukan corak pendidikan Barat. Usaha mendidik anak-anak Melayu Johor dengan teratur ini telah diteruskan oleh Sultan Abu Bakar. Jabatan Agama dan Pelajaran telah ditubuhkan pada tahun 1901 untuk tujuan itu dan sekolah-sekolah dibuka di daerah-daerah dalam negeri Johor. Namun, kemudiannya dua bahagian itu telah dipisahkan dan bergerak secara berasingan.

Sebenarnya, sebelum tahun 1928 Johor tidak mempunyai sebarang dasar pendidikan selain impian menyediakan suatu bentuk pendidikan bersifat universal dalam bahasa Melayu dan Inggeris untuk rakyatnya. Walau bagaimanapun, telah wujud ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar dua jenis pendidikan, iaitu sekolah berpengantar bahasa Melayu dan sekolah agama. Anak-anak Melayu Johor mula mengalami pendidikan Barat melalui sekolah mubaligh Kristian di Singapura. Kemudiannya, pada tahun 1864 Johor telah mendirikan sebuah sekolah Inggeris dengan berasaskan sukatan pelajaran jenis Inggeris, yang ditawarkan dalam dua aliran, iaitu Melayu dan Inggeris. Johor mengamalkan sistem pengajaran bahasa Inggeris serentak dengan bahasa Melayu dengan tujuan untuk membolehkan kanak-kanak Melayu Johor, terutamanya lelaki, menguasai dua bahasa. Secara umumnya, sekolah Melayu dan sekolah agama dibina di kawasan kediaman orang Melayu, tetapi sekolah Inggeris hanya terdapat di bandar-bandar. Sungguhpun sekolah dan pelajaran dalam bahasa Inggeris digalakkan di Johor, namun keulungan bahasa Melayu tetap dipelihara.

Apabila Inggeris berjaya meningkatkan kawalannya ke atas Johor pada tahun 1910, pendidikan berpengantar bahasa Melayu dan pendidikan agama kekal dalam kawalan pentadbir Melayu. Walau bagaimanapun, pendidikan berpengantar bahasa Inggeris diletakkan di bawah tanggungjawab pihak Inggeris. Dengan itu, Jabatan Pelajaran dibahagi dua, iaitu Jabatan Pelajaran Inggeris dan Jabatan Pelajaran Melayu. Hanya pada tahun 1928 selaras dengan hasrat kerajaan, yang sendirinya tidak bebas daripada

pengaruh Inggeris, menyusun semula sistem pendidikan Johor, maka difikirkan perlu dirumuskan satu dasar pendidikan negeri yang jelas. Sesuai dengan dasar itu, Johor masih mengekalkan (i) sekolah Melayu dan Inggeris lelaki, (ii) sekolah Melayu perempuan, dan (iii) sekolah agama. Pengendalian, pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah ini kecuali sekolah agama, dilakukan oleh sebuah Jabatan Pelajaran sahaja. Sekolah agama pula terus terletak di bawah Jabatan Agama Johor kerana mata pelajarannya adalah tentang agama Islam. Tindakan ini membayangkan usaha memisahkan hal-hal agama daripada hal-hal sekular. Selain tiga jenis sekolah itu, terdapat juga sekolah-sekolah vernakular Tamil, yang diuruskan oleh pihak estet dan sekolah vernakular Cina, yang terletak di bawah kelolaan Pegawai Pelindung Cina. Terdapat juga kelas-kelas malam dan teknik, yang diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Johor untuk melatih kerani-kerani dalam Perkhidmatan Pengkeranian Kerajaan. Dasar pendidikan tahun 1928 ini juga mengambil kira penyediaan latihan vokasional untuk kanak-kanak yang menerima pendidikan asas sekolah aliran Melayu, tetapi didapati tidak berkemampuan mengikut jenis pendidikan yang ditawarkan di sekolah aliran Inggeris.

Bukan sahaja sistem, organisasi dan struktur pelajaran disusun semula supaya sesuai dengan tuntutan model Barat, malah sukatan pelajaran juga diubahsuai supaya dapat memenuhi hasrat kerajaan memberikan rakyat lebih daripada pengetahuan membaca, mengira, menulis dan pengetahuan agama (Bab 3). Sungguhpun pada asasnya kedua-dua jenis sekolah Melayu dan Inggeris menyediakan mata pelajaran yang serupa, namun perbezaan wujud dari segi sukatan pelajaran, penekanan, orientasi dan kandungan. Umpamanya, secara umum kandungan mata pelajaran sekolah Melayu adalah lebih bersifat tempatan sedangkan untuk sekolah Inggeris kandungan mata pelajarannya lebih bersifat universal. Ada juga mata pelajaran yang hanya ditawarkan di sekolah Inggeris, dan tidak di sekolah Melayu.

Dalam alam pendidikan ini, perubahan bukan saja terdapat dalam soal bahasa pengantar, tetapi juga dari segi tulisan yang digunakan untuk menyampaikan ilmu itu. Bahasa Melayu tulisan

Jawi yang selama ini digunakan dalam hampir semua urusan pentadbiran dan pendidikan, secara perlahan-lahan telah diambil alih oleh tulisan Rumi yang menggunakan abjad Roman. Peralihan ini dianggap sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan sekular yang banyak diambil dari Barat. Sebaliknya, penggunaan tulisan Jawi mula terbatas kepada mata pelajaran tertentu di sekolah Melayu dan sekolah agama khasnya.

Cara tanah ditadbir, dikawal dan diagih juga mengalami transformasi hasil proses pembaratan itu (Bab 4). Undang-undang tanah yang dikuatkuasakan pada tahun 1910 telah menghapuskan sistem milik tanah tradisional dan cara pentadbiran yang berkaitan dengannya. Secara umumnya Johor telah mempunyai peraturannya sendiri berhubung dengan urusan dan pentadbiran hal ehwal tanah. Sebelum kedatangan Inggeris, Sultan mempunyai hak *usufructory* ke atas tanah dan rakyatnya memerlukan surat-surat tertentu untuk membuka hutan dan menjadikannya tempat bercucuk tanam. Bahkan, sebelum tahun 1910 terdapat beberapa jenis surat yang telah dikeluarkan oleh pihak pemerintah tradisional berkaitan dengan sistem pemegangan tanah di Johor. Surat-surat tertentu dikeluarkan bagi menunjukkan bahawa seseorang penduduk itu telah mendapat kebenaran untuk membuka hutan dan bercucuk tanam.

Secara umumnya sehingga awal tahun 1910 terdapat beberapa bentuk pemilikan tanah: (i) tanah yang dimiliki untuk selama-lamanya dan tidak tertakluk kepada apa-apa syarat penanaman dan tidak perlu membayar sewa; (ii) tanah yang diberi semata-mata untuk menanam gambir-lada. Kebenaran diberi hanya untuk bercucuk tanam dan tidak terdapat status hak milik; (iii) tanah yang diperoleh berdasarkan sewaan jangka panjang. Biasanya jenis ini diberi kepada orang Eropah dan (iv) tanah saiz kecil yang diduduki terutamanya oleh golongan Melayu berdasarkan Undang-undang Adat.

Pihak British mendapati sistem cara milik tanah dan pentadbiran tanah di Johor sebagai mengelirukan kerana kerja-kerja pengukuran tidak dilakukan dan tidak terdapat cara permohonan tanah yang betul. Lagipun, dasar ekonomi penjajah berkaitan dengan pertanian untuk eksport berkehendakkan satu sistem hak

milik tanah yang baru, yang berasaskan Sistem *Torrens*. Bagi mengatasi segala masalah dan halangan yang berkaitan dengan tanah, Undang-undang Tanah yang baru telah diperkenalkan oleh pentadbir Inggeris, yang menggantikan kuasa mengawal tanah daripada pihak pegawai Melayu. Surat Akuan dan Surat-surat Tradisional yang lain dihapuskan dan diganti dengan status hak milik yang lebih khusus. Undang-undang Tanah ini mengandungi matlamat memeriksa dan mendaftar semua tanah yang telah diduduki, menilai semua tanah di negeri Johor dan mengeluarkan sijil hak milik kepada semua pemilik tanah Melayu dengan menyatakan jenis cukai serta jumlah cukai yang perlu dibayar oleh seseorang pemilik yang berkenaan. Konsep geran (untuk tanah lebih daripada 10 ekar) dan Daftar Mukim (untuk tanah 10 ekar ke bawah) telah diperkenalkan. Undang-undang ini juga membolehkan seseorang penduduk memiliki tanahnya sendiri yang boleh pula dijual ataupun dicagarkan sekiranya perlu.

Jenis tanaman eksport juga mengalami perubahan berdasarkan permintaan di peringkat dunia. Kegiatan pertanian tidak lagi terhad kepada golongan peribumi dan berasaskan sara diri, tetapi telah didominasi oleh sistem perladangan yang mementingkan tanaman eksport dan penggunaan banyak modal (Bab 4). Tanaman gambir dan lada hitam yang mendominasi ekonomi abad ke-19 telah diganti dengan tanaman getah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Tanaman baru untuk eksport ini menggunakan kawasan tanah yang agak luas, kumpulan tenaga kerja yang besar dan modal yang banyak. Selain getah, tanaman kelapa sawit juga diperkenalkan sebagai tanaman eksport.

Kegiatan berkebun secara kecil-kecilan tetap diteruskan, namun dari segi skala ekonomi tidak mampu menggugat kedudukan ladang-ladang besar tersebut. Keadaan agak berbeza di kebun-kebun kecil milik penduduk peribumi. Sungguhpun terdapat pekebun-pekebun kecil Melayu yang mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit, kebanyakannya lebih menumpukan tanaman makanan seperti nanas, kelapa dan ubi.

Sehubungan dengan perubahan yang berlaku kepada pola kegunaan tanah dan mempelbagaikan tanaman akibat proses pembaratan, komposisi dan susunan tenaga kerja juga meng-

alami perubahan bagi memenuhi keperluan dan kepentingan golongan pemodal, khususnya yang datang dari Barat. Tenaga kerja tempatan telah digantikan dengan tenaga kerja asing sekiranya berlaku permintaan melebihi penawaran terhadap sektor-sektor ekonomi (Bab 5).

Pada zaman sebelum bertapaknya Inggeris di Johor, tenaga kerja peribumi adalah bersifat sara diri, di tanah milik sendiri atas dasar secukup hidup. Selain itu, penduduk peribumi dikehendaki menyumbang sebahagian daripada hasil tanaman mereka kepada pemerintah dan menyertai sistem kerah, iaitu menyumbang tenaga mereka kepada raja yang memerintah ataupun pemimpin tradisional yang lain. Pada zaman berkembangnya kebun gambir-lada Johor telah menggalakkan kemasukan tenaga kerja Cina untuk memajukan ekonomi negeri dan sekali gus membantu membangunkan Johor. Tenaga kerja peribumi tidak terlibat langsung dalam kegiatan penanaman itu. Melalui sistem kangcu kemasukan dan kegiatan pekerja Cina ke Johor dikawal.

Ekoran kemasukan Inggeris secara rasmi ke Johor pada tahun 1910 dan kemajuan yang dialami dalam sektor pertanian ketika itu, pihak Inggeris telah memutuskan agar kemasukan dan pengawalan tenaga kerja asing perlu dilakukan dengan lebih tersusun untuk memenuhi permintaan 'ladang'. Golongan petani Melayu tidak akan diminta untuk menyertai sektor perladangan itu. Sungguhpun kemasukan tenaga kerja asing ke Johor telah lama berlaku, tetapi dengan adanya dasar imigrasi secara terbuka selepas tahun 1910, maka kemasukan tenaga kerja asing lebih digalakkan melalui beberapa cara dan saluran (Bab 5).

Tenaga kerja Cina dan India telah dibawa masuk sama ada melalui sistem kontrak ataupun sebagai tenaga kerja bebas. Sistem kangani juga telah digunakan untuk mengimport pekerja India. Pentadbir Inggeris mendapati tenaga kerja India lebih mudah ditadbir dan diurus berbanding tenaga kerja Cina. Usaha mendapatkan pekerja ladang tidaklah terhad kepada golongan Cina dan India. Kemasukan tenaga kerja Jawa juga digalakkan. Mereka pergi ke Johor sama ada dengan perbelanjaan sendiri ataupun menjadi buruh tebusan kerana perbelanjaan ditanggung

oleh ejen yang bergelar syeikh. Seperti tenaga kerja India, Inggeris mendapati tenaga kerja Jawa mudah diurus. Lagipun orang Jawa lebih mudah diserapkan ke dalam komuniti Melayu tempatan memandangkan antara mereka terdapat sedikit saja perbezaan latar belakang budaya. Apa pun sistem ataupun saluran yang digunakan untuk memasuki negeri Johor, kecuali tenaga kerja bebas, kesemua tenaga kerja asing perlu membuat perjanjian tertentu untuk bekerja.

Pesatnya pembangunan ekonomi negeri Johor telah memperketat proses mengimport tenaga kerja asing. Sistem Kangcu telah diperkenalkan bagi mengurus, mentadbir dan mengawal tenaga kerja Cina. Terdapat juga Kanun Kangcu 1873 yang dilaksanakan untuk melicinkan usaha mentadbir tenaga kerja Cina. Selain pengawalan secara formal, tenaga kerja Cina juga diawasi oleh kongsi-kongsi gelap yang menggunakan sistem pengawalan mereka sendiri. Seperti juga pendatang Cina, terdapat peraturan dan undang-undang untuk mengawal pergerakan pekerja India, seperti *Indian Immigration Ordinance 1884*. Pada tahun 1914 Undang-undang Kuli Perkebunan dilaksanakan bertujuan menjaga dan menjelaskan hak serta tanggungjawab pekerja ladang. Namun, pada tahun 1922, undang-undang tersebut telah dipinda dan pada tahun 1924 Undang-undang Buruh yang baru telah diperkenalkan.

Kesan Pembaratan

Proses pembaratan telah memperkenalkan berbagai-bagai unsur baru dalam kehidupan sosial rakyat tempatan umpamanya dari segi pendidikan, sains dan teknologi, perubatan, dan pentadbiran. Walau bagaimanapun, oleh kerana negeri Johor merupakan sebuah entiti yang mempunyai budaya, nilai dan tamadunnya yang tersendiri, maka proses pembaratan yang berlaku telah dihambat oleh berbagai-bagai masalah, yang diikuti pula oleh proses pengubahsuaian masyarakat Johor. Ringkasnya, dalam beberapa hal terdapat penyatuan unsur-unsur Barat dengan nilai dan idea serta amalan tempatan. Walau bagaimanapun, tidak keseluruhan masyarakat Johor dapat diubah secara total kerana

berlakunya proses penyesuaian terhadap unsur-unsur tertentu Barat yang boleh diambil supaya bersesuaian dengan keperluan tempatan, seperti penggunaan serentak tulisan Rumi dan Jawi dalam pentadbiran dan pendidikan.

Perkembangan yang semakin kompleks yang berlaku dalam organisasi Kerajaan Johor memperlihatkan peralihan penguasaan teraju pentadbiran daripada elit tradisional Melayu kepada elit birokratik Melayu dan Inggeris. Pelantikan ke sesuatu jawatan dibuat berdasarkan sistem yang lebih teratur lagi objektif dan tidak lagi berasaskan tali persaudaraan ataupun kesetiaan, tetapi lebih berasaskan pencapaian, pendidikan, kelayakan, pengalaman, kebolehan dan kecekapan. Pegawai-pegawai bekerja sepenuh masa dan dibayar gaji yang tetap. Mulai tahun 1913 mereka tertakluk kepada Perintah Am selain Perlembagaan Negeri yang dimaktubkan pada tahun 1895. Sekurang-kurangnya semenjak tahun 1900 skim perkhidmatan awam telah diberi gelaran Jawatan Tadbir ataupun *Sultan's Civil Service*. Menjelang tahun 1909, Johor telah pun mempunyai jentera perkhidmatan awam berserta ciri-ciri birokrasi Barat.

Perlembagaan Negeri 1895 telah menghasilkan beberapa perubahan penting dalam pentadbiran dan pemerintahan tradisional peribumi negeri Johor. Corak pemerintahan bertukar daripada bercorak mutlak kepada Raja Berperlembagaan. Raja tidak lagi boleh bertindak sesuka hati, sebaliknya mesti mendapatkan nasihat Jemaah Pangkuan Negeri. Perubahan terpenting ekoran pengisytiharan Perlembagaan Negeri itu ialah ketetapan bahawa negeri Johor ataupun sebahagian daripada negeri itu tidak boleh diserahkan kepada mana-mana kuasa Eropah ataupun kerajaan asing. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan itu tidak menghalang penjajah Inggeris daripada terus cuba menguasai negeri Johor. Sungguhpun selepas tahun 1914 seolah-olah terdapat sebuah kerajaan Johor, namun sebenarnya terdapat keselarian antara perkhidmatan Melayu dan Inggeris dalam struktur pentadbiran negeri. Keadaan seiringan atau dua sistem ini timbul kerana pentadbiran peribumi Johor dikekalkan walaupun Inggeris berkuasa dari segi undang-undangnya. Lagipun, Inggeris tidak berjaya menghapuskan terus sistem pentadbiran peribumi

yang telah lama wujud. Keadaan ini juga menyembunyikan hakikat bahawa kuasa yang sebenar terletak di tangan Inggeris walaupun terdapat pergantungan kepada pegawai-pegawai Melayu pada peringkat tempatan.

Sistem penghulu dikekalkan memandangkan faedah yang boleh diperoleh daripadanya. Walau bagaimanapun, kuasa dan peranan tradisi penghulu semakin dikurangkan dan penghulu diserapkan ke jawatan bergaji tetap. Dengan itu, secara umum boleh dikatakan bahawa sungguhpun terdapat sebuah sistem pentadbiran yang bermodelkan lunas-lunas Barat, dan secara beransur-ansur aturan tradisional kerajaan bertukar menjadi sebuah jentera birokrasi ala Barat, tetapi pada masa yang sama pada peringkat tempatan masih terdapat bentuk-bentuk kawalan bercorak tradisional.

Pengenalan dan perkembangan sistem pendidikan yang lebih tersusun di Johor memperlihatkan peralihan penekanan daripada berorientasikan agama kepada yang bercorak sekular Barat. Penekanan ke atas pendidikan bercorak agama dikurangkan untuk memasukkan perkara-perkara yang berbentuk duniawi yang menjelaskan lagi perbezaan fungsi antara agama dan *State*. Ilmu-ilmu duniawi Barat diperkenalkan berdasarkan rasional menyediakan penduduk untuk masa hadapan mereka dan membolehkan mereka menghadapi tuntutan dan cabaran dunia dengan lebih yakin. Peralihan ini memperlihatkan juga bagaimana nilai dan kepercayaan masyarakat tradisional digantikan dengan sikap yang rasional, kritis lagi sekular terhadap pembelajaran.

Secara umum boleh dikatakan bahawa walaupun unsur-unsur Barat diperkenalkan, namun pengenalan nilai, kaedah dan teknik Barat itu tidaklah dilakukan sepenuhnya. Satu perkara yang tidak diketepikan dalam usaha memperkenalkan unsur-unsur Barat itu ialah agama. Sungguhpun proses pembaratan telah menggugat aspek agama melalui pengenalan institusi dan amalan yang bercorak sekular dan dalam banyak hal impak pembaratan telah mengecilkan skop agama dalam bidang sosial dan politik masyarakat, namun tidak juga boleh dikatakan bahawa sikap sekular mendominasi kehidupan masyarakat kerana

langkah-langkah tetap diambil untuk menyelaraskan aspek sekular dan agama supaya sesuatu yang diperkenalkan itu akan lebih sesuai dengan keperluan masyarakat.

Satu perubahan terpenting hasil proses pembaratan dalam aspek tanah ialah pengenalan Undang-undang Tanah pada tahun 1910. Pelaksanaan undang-undang itu menyebabkan semua bentuk tradisional hak milik tanah terhapus. Undang-undang itu juga mengesahkan bahawa autoriti yang berkaitan dengan tanah terletak di tangan pihak penjajah Inggeris. Undang-undang ini membawa masuk satu sistem cara milik tanah yang sesungguhnya asing sambil mengetepikan sistem hak milik Melayu prapembaratan. Perubahan turut berlaku dalam struktur dan organisasi pentadbiran tanah. Pembirokrasian yang semakin meningkat dalam pentadbiran tanah menunjukkan perhatian berat yang semakin diberikan kepadanya.

Sehubungan dengan tanah dan usaha mengerjakan tanah ialah soal tenaga kerja. Hampir keseluruhan tenaga kerja di negeri Johor, terutama di sektor-sektor ladang dan lombong terdiri daripada golongan pendatang yang diperoleh melalui pelbagai cara. Berbagai-bagai peraturan dan undang-undang pula telah digubal untuk mengawal kemasukan mereka supaya negeri Johor tidak dibanjiri imigrasi tanpa kawalan, sekali gus, untuk menjaga kepentingan dan hak pekerja itu sendiri. Satu kesan penting kemasukan tenaga kerja asing ke negeri Johor ialah terbentuknya sebuah masyarakat pelbagai ras yang terdapat sehingga ke hari ini.

Kesan proses pembaratan dan proses penyesuaian serta saduran yang mengiringinya menunjukkan terdapatnya berbagai-bagai dualisme, kontradiksi dan kepentingan yang bertentangan dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat Johor. Keadaan ini wujud kerana unsur-unsur baru Barat yang diperkenalkan itu tidak dapat menghapuskan sepenuhnya sifat dan sistem masyarakat yang sedia ada. Bahkan, boleh dikatakan bahawa proses pembaratan telah menyumbang kepada kelahiran pelbagai proses sosial ini di dalam masyarakat tersebut. Pertembungan antara teknologi dan sistem tanaman ladang yang diperkenalkan di Johor dengan sistem ekonomi tradisional tempatan menghasil-

kan dualisme ekonomi iaitu, terdapatnya kedua-dua sektor tradisional dan moden yang wujud bersama-sama dalam sebuah masyarakat. Konsep ekonomi dualisme ini telah diperkenalkan oleh J.H. Boeke (1953) berkaitan dengan masyarakat Timur yang umumnya mengalami dominasi dan penjajahan Barat. Dalam ekonomi dualisme ini, ekonomi penjajah yang menekankan teknologi tinggi serta modal yang banyak dan yang diimport bertentangan dengan ekonomi peribumi yang mempunyai ciri-ciri sebaliknya. Maka, pada satu pihak terdapat ekonomi moden jenis Barat yang juga memberi kesan ke atas aliran dan agihan tenaga kerja termasuk tenaga kerja asing. Pada pihak yang lain pula terdapat ekonomi tradisional tempatan dikekalkan dengan penekanan ke atas tenaga kerja peribumi. Keadaan ekonomi yang sedemikian menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi penjajah dan sebaliknya merugikan penduduk tempatan.

Dalam ekonomi dualisme ini secara umumnya terdapat peladang di sektor moden dan petani di sektor yang satu lagi. Walau bagaimanapun, di Johor, selain dua golongan tersebut terdapat satu golongan lain, iaitu golongan spekulator. Permintaan terhadap tanaman eksport seperti getah dan kopi sekali gus perkembangan dalam sektor ladang dan keadaan yang menggalakkan berkaitan dengan tanah telah meningkatkan lagi permintaan terhadap tanah, terutamanya daripada golongan peladang Eropah. Permintaan yang sedemikian sungguhpun dialu-alukan oleh pihak pemerintah tetapi telah menimbulkan gejala spekulasi tanah kerana nilai tanah dijangkakan meningkat. Sungguhpun Undang-undang Tanah diperkenalkan, namun undang-undang tersebut tidak berjaya menghapuskan kegiatan spekulasi itu. Spekulasi bukan saja berlaku berkaitan dengan tanah, tetapi juga dari segi jenis tanaman. Secara umumnya, pertanian ladang pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20 bersifat amat spekulatif disebabkan kaitan rapatnya dengan keadaan dan tuntutan ekonomi luaran. Peningkatan dan kejatuhan harga sesuatu keluaran pertanian tertentu di pasaran luar menyumbang kepada meningkatnya ataupun kurangnya minat terhadap penanaman sesuatu jenis tanaman menyebabkan petani beralih kepada tanaman yang

lebih menguntungkan.

Kontradiksi juga boleh dilihat dari segi tradisi dan perubahan. Sementara perubahan diadakan melalui proses pembaratan, terdapat pengubahsuaian yang dilakukan supaya amalan tradisi masyarakat yang dianggap penting untuk menjamin kewujudan kesinambungan dapat dikekalkan. Tradisi dan perubahan juga dapat dilihat dari segi sistem pendidikan yang diperkenalkan di Johor, terutamanya di kalangan kanak-kanak Melayu. Terdapat percantuman cara pendidikan peribumi, moden dan agama sebagai hasil pengenalan jenis pendidikan moden Barat yang berasaskan falsafah sekular ke dalam sebuah masyarakat yang sudah sedia ada satu sistem pendidikan yang berteraskan agama. Maka didapati anak-anak Melayu Johor menuntut di sekolah aliran Melayu ataupun Inggeris di sebelah pagi dan di sebelah petangnya pula menghadiri sekolah agama. Di sekolah-sekolah sekular aliran Melayu, bahasa Inggeris diajar dan sebaliknya pula berlaku di sekolah aliran Inggeris.

Dalam konteks masyarakat pula menjelang berakhirnya pemerintahan penjajah telah terbentuk sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India, yang wujud dalam satu masyarakat tetapi hidup secara berasingan dan tidak bersatu. Golongan-golongan ini mempunyai autonomi dari segi budaya dan bahasa serta mempunyai orientasi dan minat politik yang berbeza-beza. Mereka berada dalam keadaan sedemikian hasil falsafah pecah dan perintah pihak Inggeris yang berkehendakkan masing-masing golongan itu memenuhi fungsi-fungsi ekonomi tertentu yang khusus dan tidak lebih daripada itu.

Sementara Johor telah mengambil banyak institusi dan bentuk Barat yang mempunyai sifat sekular dan didasari nilai-nilai sekular, namun ia telah mempertahankan nilai-nilai agama dan tradisi tempatan yang telah berjaya diterapkan ke dalam institusi baru tersebut. Tindakan ini merupakan satu cara memberi pengertian kepada bentuk-bentuk dan struktur baru kehidupan politik, khususnya dalam konteks warisan negeri Johor itu sendiri. Sistem pendidikan pula mencerminkan konflik antara nilai tradisional dan teknologi Barat. Penegasan terhadap identiti keagamaan merupakan satu tanda penerimaan bentuk-bentuk baru

institusi politik pada satu pihak, sambil mengekalkan perbezaan-perbezaan nasional yang ada dan identiti tersendiri sebagai sebuah negeri yang bebas di pihak yang lain. Kesannya, terhasil pembaratan sistem pemerintahan negeri Johor, yang kemudiannya telah pula mendasari proses pemodenan masyarakat Johor.

LAMPIRAN A(i)

PERJANJIAN PERTAMA ANTARA DATUK TEMENGGUNG ABDUL RAHMAN SRI MAHARAJA DENGAN THOMAS STAMFORD RAFFLES BERTARIKH 4 RABIULAKHIR 1234 (30 JANUARI 1819)*

DATUK Temenggung Sri Maharaja Abdul Rahman Raja Singapura yang memerintah Singapura dan sekalian tukan (توكن) pulau mana yang di dalam perintahnya Singapura di dalam nama sendiri dan di dalam nama Sri Sultan Hussain Muhamad Syah Raja Johore dan Sri Paduka Thomas Stamford Raffles Leftenan Gabenor Bangka Hulu dengan segala daerahnya Wakil Sri Maharaja Gabenor Jeneral di Benggala Yang Maha Mulia.

Dari sebab lama bersahabat dengan perdagangan perniagaan antara kompeni Inggeris dengan negeri daerah yang di bawah perintah negeri Singapura itulah baik dibikinkan pekerjaan yang patut tiada boleh putus selama-lamanya.

Perkara yang pertama maka boleh kompeni Inggeris membikin lagi loji akan diperduduk di Singapura atau lain-lain tempat yang di bawah perintah Singapura Johore.

Perkara yang kedua dari sebab itu kompeni Inggeris berjanji pelihara Datuk Temenggung Sri Maharaja.

Perkara yang ketiga darihal tanah kompeni mahu bikin loji penduduk kompeni boleh kasi pada satu tahun kepada Datuk Temenggung Sri Maharaja tiga ribu rial.

Perkara yang keempat maka Datuk Temenggung ada perjanjian selama-lamanya yang kompeni Inggeris boleh duduk dan pelihara seperti janji ini tiada ia boleh masuk bicara atau lepas masuk di dalam daerahnya pada segala bangsa yang lain daripada bangsa Inggeris.

---

* *Sumber*: Untuk Lampiran A(i), A(ii) dan A(iii):
Mohd. Said Sulaiman, *Buku Teriti Johore dengan Pertambahannya*. (Jawi). 1941:3–10.

Perkara yang kelima maka apabila datang Sri Sultan yang dijalankan sampai di sini boleh dihabiskan segala perkara-perkara hal perjanjian ini dan tetapi kompeni Inggeris boleh pilih satu tempat mahu dinaikkan bala tenteranya dengan alat perkakasnya dan menaikkan bendera kompeni Inggeris maka dari itu diturunkan tandatangan dan cop kedua kita di dalam kertas ini tatkala diperbuat surat ini kepada empat haribulan Rabiulakhir tahun 1234.

LAMPIRAN A(ii)

TRITI YANG KEDUA ANTARA THOMAS RAFFLES DENGAN SULTAN HUSSEIN MUHAMMAD SYAH DAN DATUK TEMENGGUNG ABDUL RAHMAN SRI MAHARAJA BERTARIKH 11 RABIULAKHIR 1234, KEPADA 6 FEBRUARI 1819

Bahawa inilah surat perjanjian sahabat bersahabat tanda muafakat antara kompeni Inggeris yang diperbuat oleh Honorable Sir Thomas Stamford Raffles konta Leftenan Gabenor Bencoolen serta segala daerahnya ialah wakil yang mutlak daripada Most Noble Francis Murphy Hastings Gabenor Jeneral Bengal dan segala daerahnya taklukan di bawah bendera kompeni Inggeris yang mulia dengan Sultan Hussein Muhammad Shah yang takhta kerajaan di dalam negeri Johor dan Datuk Temenggung Sri Maharaja Abdul Rahman yang memerintah Singapura serta daerahnya.

Fasal Yang Pertama

Maka darihal surat perjanjian dahulu daripada bulan Rabiulakhir kepada timbul bulan empat, hari yang diperbuat Sir Thomas Stamford Raffles di dalam nama kompeni Inggeris dan yang diperbuat dan Temenggung Sri Maharaja Abdul Rahman yang memerintah Singapura dan daerahnya di dalam namanya sendiri dan di dalam nama Sultan Hussein Muhammad Syah. Maka sekarang ini Sultan Hussein Muhammad Syah mengaku menentukan sekalian perkara di dalam janji itu.

Fasal Yang Kedua

Maka adalah laka pulak darihal perjanjian itu dan dari tiada boleh rugi Sultan Hussein Muhammad Syah sekarang ini atau ada belakang dari sebab perkara-perkara di dalam janji ini. Maka kompeni Inggeris janji dan muafakat bayar kepada Sultan itu pada setahun "lima" ribu ringgit selama-lamanya kompeni Inggeris menduduki tempat itu dengan loji di

dalam tanah daerah taklukan marhum yang turun-temurun kepada Sultan Hussein Muhammad Syah itu dan laka kompeni Inggeris berjanji pelihara Sultan itu selama-lamanya dia duduk dekat tempat diperintah kompeni Inggeris tetapi betul Sultan boleh mengerti kompeni Inggeris di dalam janji sahabat bersahabat ini dan di dalam janji ini memeliharakan Sultan kompeni Inggeris tiada berjanji masuk di dalam bicara hal Kerajaan atau pemerintah Sultan dan tiada dia janji berperang pada lain-lain negeri dari sebab mahu mendirikan adat perintahnya.

Fasal Yang Ketiga

Maka darihal Datuk Temenggung Sri Maharaja Abdul Rahman yang memerintah Singapura serta daerahnya sudah di dalam perjanjian dahulu itu diperbuat kepada empat hari bulan Rabiulakhir ini sudah kasah masuk terima kompeni Inggeris oleh dia membuat loji di Singapura atau lain-lain tempat di dalam daerah takluknya dan darihal perjanjian kompeni di dalam janji dahulu itu kompeni bayarkan kepada Datuk Temenggung itu pada tiap-tiap tahun tiga ribu ringgit dan janji kompeni oleh memelihara tanda sahabat bersahabat dengan Datuk Temenggung itu maka pada janji ini sekalian perkara di dalam perjanjian itu sekarang ini mengaku dan menentukan seperti yang tersebut di dalamnya.

Fasal Yang Keempat

Maka Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Sri Maharaja Abdul Rahman ada berjanji dan muafakat jikalau ada musuh seteru kepada kompeni di dalam lojinya atau di mana-mana ia duduk di dalam daerah taklukan Sultan dan Temenggung itu hendaklah ditolong atas kompeni.

Fasal Yang Kelima

Maka Sultan dan Temenggung itu muafakat serta berjanji dengan bersumpah tiada boleh dia atau dia punya anak atau dia punya waris gantinya di belakang tiada boleh memakai janji dengan lain-lain negeri dan tiada boleh dia benarkan masuk duduk lain orang putih baik dari Eropah baik Amerika memakai loji atau bicara memerintah di dalam daerahnya selama-lamanya kompeni Inggeris ada duduk di dalam itu dan selama-lamanya kompeni Inggeris pun pelihara dan tolong atas Sultan dan Temenggung itu seperti yang tersebut di dalam surat perjanjian ini.

Fasal Yang Keenam

Maka sekalian orang yang ada di dalam loji kompeni Inggeris dan segala orang yang suka pada kemudian hari duduk di bawah bendera Inggeris maka hendaklah tersebut di dalam surat buku kompeni Inggeris oleh kompeni Inggeris memerintah dan mehakimkan di atas semuanya orang itu.

Fasal Yang Ketujuh

Maka darihal segala hukuman atas orang hitam di sebelah Timur ini hendaklah dimuafakatkan kepada kemudian hari antara kompeni Inggeris dengan Sultan dan Temenggung itu kerana pada sekarang ini tiada boleh tentu berapa banyak orang boleh duduk dekat kompeni punya perintah dan berapa banyak lain orang itu punya adat.

Fasal Yang Kedelapan

Maka bendera Singapura itu adalah di dalam pelihara kompeni Inggeris boleh kompeni Inggeris memerintahkan segala perkara hasil dan cukai atas perahu-perahu dan kapal yang masuk berniaga.

Fasal Yang Kesembilan

Maka darihal hasil cukai yang kemudian hari di atas segala barang di kalangan kapal atau perahu-perahu yang keluar masuk berniaga di Singapura oleh Datuk Temenggung Sri Maharaja boleh dia dapat bahagi dua dari hasil cukai segala perahu kapal orang hitam dan laka oleh kompeni Inggeris membayar segala belanja atas menjaga bendera terima hasil cukai itu.

Maka dari itu kita menurunkan tandatangan serta cap kita kedua di dalam kertas ini.

Diperbuat surat kepada sebelas hari bulan Rabiulakhir tahun 1234.

Tersurat negeri Singapura adanya.

(Pada 6 Februari 1819)

Sain dan
sebagainya

Cop
Tuan Thomas Raffles

Cop Datuk Temenggung
Abdul Rahman Sri Maharaja

Cop Sultan
Hussein Muhammad Syah

LAMPIRAN A(iii)

TRITI YANG KETIGA ANTARA THOMAS RAFFLES DENGAN SULTAN HUSSEIN MUHAMMAD SYAH DAN DATUK TEMENGGUNG ABDUL RAHMAN BERTARIKH 2 RAMADAN 1234

Bahawa ini pada menyatakan maka adalah Sultan Hussein Muhammad Syah dan Engku Temenggung Abdul Rahman dan Tuan Besar Gabenor Raffles dan Tuan Major William Farquhar maka adalah tuan-tuan yang tersebut ini muafakat menentukan hukum dan perintah dan kampung-kampung orang-orang tempat duduk masing-masing dengan bangsanya dan kaptennya.

Fasal yang pertama adalah sempadan tanah yang di dalam peliharaan kompeni iaitu di sebelah barat dari Tanjung Malang membawa ke timur sampai Tanjung Katong dan ke daratnya samakan peluru meriam dari loji berkeliling. Maka adalah yang di dalam sempadan yang tersebut ini mana tempat rumah-rumah perkampungan sekalian orang banyak itu di luar kampung Sultan dan Temenggung melainkan di bawah hukuman Residen dan seperti ladang dan kebun-kebun yang sudah ada atau yang akan datang boleh Temenggung kasi pada siapa suka seperti dahulu juga akan tetapi hendaklah memberitahu kepada Residen.

Fasal yang kedua maka hendaklah segala Cina-Cina berpindah ke seberang membuat kampung dari jambatan besar membawa ke hilir dan segala Melayu-Melayu orang Engku Temenggung atau orang lain berkampung di seberang dari jambatan besar membawa ke hulu sungai.

Fasal yang ketiga barang suatu hal ehwal bicara dalam negeri ini hendaklah muafakat dan mesyuarat dahulu tuan yang bertiga. Apabila sudah tetap pakat maka baharulah menyuruh orang memukul canang atau menampal pelekat memberitahu sekalian orang dalam negeri ini.

Fasal yang keempat apabila tiap-tiap hari Isnin jam pukul sepuluh boleh Sultan dengan Temenggung dan Residen berkumpul di rumah

bicara dan jikalau ada uzur Sultan atau Temenggung boleh wakilnya datang ke rumah bicara itu.

Fasal yang kelima hendaklah sekalian kapitan atau penghulu tua-tua kampung atau dusun datang ke rumah bicara memberi repot ertinya memberitahu segala hal ehwal pekerjaan yang telah terbuat dalam negeri ini atau mengadukan sebarang kesusahan dan perdakwaan kepada tuan-tuan dalam tempat bicara kepada hari Isnin.

Fasal yang keenam sebarang bangsa yang ada dalam negeri ini jikalau tiada kebenaran hukumnya kapitan tuan atau penghulunya atas orang itu maka hendaklah orang itu datang mengadu ke rumah bicara kepada Residen boleh Residen lihat periksa bagaimana hukumnya yang patut.

Fasal yang ketujuh sekali-kali tiada boleh mengambil hasil tol cukai atau dipajakkan sesuatu di dalam negeri ini. Jika tiada dengan suka tuan Sultan dan Temenggung dan Mejar Farquhar orang bertiga itu tiadalah boleh jadi sebarang pekerjaan.

Sebab sungguh dengan nyatanya suka sama suka maka adalah tuan-tuan bertiga membubuh cop di bawah ini. Terkarang surat ini dalam negeri Singapura kepada 2 hari bulan Ramadan Sunat 1234.

Cop Thomas Raffles	Cop Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja	Cop Sultan Hussein Muhammad Syah

Cop
William Major
Farquhar

LAMPIRAN B

TRITI SULTAN HUSSEIN MUHAMMAD SYAH DAN DATUK TEMENGGUNG ABDUL RAHMAN MENYERAHKAN PULAU SINGAPURA DENGAN LAUTNYA DAN SELAT DAN PULAU KECIL-KECIL KEPADA GABENOR INGGERIS TARIKH 2 OGOS 1824*

Inilah surat muafakat dan perjanjian sahabat bersahabat antara Kompeni Inggeris serta Paduka Sri Sultan Johor dan Datuk Temenggung Johor itu. Maka didirikan akan surat perjanjian ini pada Hijrah seribu dua ratus tiga puluh sembilan tahun pada enam hari bulan Zulhijah iaitu pada tahun Inggeris seribu delapan ratus dua puluh empat pada dua hari bulan Ogos, iaitu antara Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja serta Tuan Residen John Crawfurd Esquire wakil mutlak Gabenor Jeneral di Bengal, iaitu Right Honourable William Pitt, Lord Amherst wakil mutlak Kompeni Inggeris yang memerintahkan segala negeri Hindia yang di dalam perintah Kompeni Inggeris itu dan ialah yang menetapkan perjanjian itu adanya.

Fasal Yang Pertama

Bahawa tetaplah damai dan sahabat bersahabat antara Kompeni Inggeris dengan Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja sampai kepada warisnya yang akan menggantikan keduanya selama-lamanya.

Fasal Yang Kedua

Bermula maka perjanjian Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah serta Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja itu serahkan

---

* *Sumber*: Mohd. Said Sulaiman, *Buku Teriti Johore dengan Pertambahannya* (Jawi). 1941:14–19.

Pulau Singapura dengan laut dan selat dan pulau kecil-kecil iaitu sepuluh batu jauhnya berkeliling Pulau Singapura itu menjadi milik kerajaan Kompeni Inggeris sampai kepada warisnya yang akan mengganti-kan dia selama-lamanya.

Fasal Yang Ketiga

Adapun sebab Pulau Singapura dan selat dan pulau kecil-kecil yang berkeliling Pulau Singapura milik Kerajaan Kompeni Inggeris seperti yang tersebut dalam Fasal Yang Kedua tadi, maka perjanjian Kompeni Inggeris akan membayar kepada Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah tiga puluh tiga ribu dua ratus ringgit bulat pada sekalian dan pada tiap-tiap bulan seribu tiga ratus ringgit bulat banyaknya pada seumur hidup Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah itu. Lagi sebab milik kerajaan yang tersebut tadi itu maka perjanjian Kompeni Inggeris membayar kepada Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dua puluh enam ribu delapan ratus ringgit bulat pada sekalian dan pada tiap-tiap bulan tujuh ratus ringgit bulat pada seumur hidup Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja itu adanya.

Fasal Yang Keempat

Syahdan maka telah redalah Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah sebab perjanjian segala hal yang tersebut dalam Fasal Yang Kedua dan Yang Ketiga tadi sudah terima tiga puluh ribu dan lain-lain ratus ringgit bulat seperti lagi seribu tiga ratus ringgit bulat pada bulan yang pertama. Turut perjanjian itu juga lagipun Datuk Temenggung Abdul Rahman Maharaja sudah terima dua puluh enam ribu delapan ratus ringgit bulat dengan redanya serta tujuh ratus ringgit bulat pada bulan yang pertama atas perjanjian telah tersebut dalam Fasal Yang Kedua dan Yang Ketiga itu jua adanya.

Fasal Yang Kelima

Arakian maka perjanjian Kompeni Inggeris akan menyambut dan berlaku kepada Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dengan hormat dan adat yang pada dengan pangkatnya Yang Mulia baik selama ia diam di Pulau Singapura baik apabila ia pergi datang di Singapura adanya.

Fasal Yang Keenam

Bermula jikalau Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah atau waris gantinya dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja atau waris gantinya berkehendak pindah dari Singapura serta diam tetap pada barang tempat lain di tanah milik Paduka Sri Sultan dan Datuk Temenggung itu maka perjanjian Kompeni Inggeris sebab pindah itu akan membayar kepada Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dua puluh ribu ringgit bulat banyaknya atau kepada waris gantinya dan kepada Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja atau waris gantinya lima belas ribu ringgit bulat banyaknya.

Fasal Yang Ketujuh

Adapun sebab perjanjian yang tersebut dalam Fasal Yang Keenam maka ditinggalkan oleh Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dan waris yang akan menggantikan keduanya selamanya, iaitu segala harta miliknya yang tiada dipindah iaitu seperti tanahnya dan rumah-rumah dan kebun-kebun dan segala jenis kayu-kayu iaitu dalam Pulau Singapura baik pada segala pulau taklukan Singapura itu diserahkannya kepada tangan Kompeni Inggeris datang kepada warisnya yang akan menggantikan dia selama-lamanya iaitu daripada ketika pindahnya ke tanahnya di tempat lain, tetapi mengertilah kedua pihak dengan tiada bersalahan bahawa segala harta pengiring dan orang Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja yang di luar sempadan tanah Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja tiada tersebut dan tiada dimasukkan dalam fasal ini.

Fasal Yang Kedelapan

Maka perjanjian Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dengan warisnya yang akan menggantikan keduanya, maka selama ia diam dalam Pulau Singapura atau selama keduanya mengambil pembayar pada bulan daripada Kompeni Inggeris seperti yang tersebut dalam surat perjanjian ini, maka tiada boleh ia bermuafakat atas barang pekerjaan dengan barang bangsa orang lain jikalau tiada dengan setahu Kompeni Inggeris atau warisnya yang akan menggantikan dia selamanya.

Fasal Yang Kesembilan

Maka jikalau Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja itu berpindah ke tanah miliknya dan jikalau datang barang susah atau bahaya di tempat itu maka perjanjian Kompeni Inggeris memberi perlindungan kepada dia di Pulau Singapura atau di Pulau Pinang.

Fasal Yang Kesepuluh

Bermula maka perjanjian Kompeni Inggeris tiada akan masuk pada barang hal daripada hukum adat yang pada tangan paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dan perjanjian Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja itu tiada masuk pada barang pekerjaan daripada hukum adat yang dalam tangan Kompeni Inggeris. Lagipun perjanjian kedua pihak itu tiada akan memberi pertolongan satu sama lain pada barang hal pergaduhan atau perang dan tiada memberi bantu melawan musuh dan tiada sedia dengan musuh kedua pihak adanya.

Fasal Yang Kesebelas

Syahdan maka perjanjian kedua pihak itu tolong-menolong menangkap dan menghukum segala pencuri dan penyamun dan perompak baik di darat baik di laut iaitu pada segala tempat yang dalam perintah kedua pihak adanya.

Fasal Yang Kedua Belas

Maka perjanjian Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja memberi segala orang masuk keluar dan berniaga dengan tiada bersusahan serta memberi pada segala orang Inggeris masuk keluar dan berniaga kepada segala negeri dan tempat yang takluk pada Johor seperti bangsa yang terlebih dikasihi iaitu daripada segala hukum adat dan kebajikan Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Abdul Rahman Sri Maharaja.

Fasal Yang Ketiga Belas

Maka selama Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk

Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja diam dalam Pulau Singapura maka perjanjian Kompeni Inggeris jikalau orangnya atau peng-iringnya lari atau meninggalkan pekerjaan Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah atau Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja, maka sekali-kali tiada ada bermula orang itu diam atau duduk di Pulau Singapura atau barang tempat yang takluk pada Singapura itu, iaitu jikalau ia orang yang telah jadi dengan bantuan di tanah milik Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja yang dalam hukumnya pada sekarang ini dengan kenyataannya dan jikalau sudah dituliskan namanya dengan sukanya dan ketika ia masuk pekerjaan Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja dalam daftar yang ditaruh oleh orang besar yang menjadi Residen pada ketika itu.

Fasal Yang Keempat Belas

Maka mengertilah kedua pihak bahawa barang surat perjanjian yang telah ada antara Kompeni Inggeris dengan Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja itu tiada terpakai lagi kemudian daripada hari ini melainkan kuasa yang diserahkan oleh Paduka Sri Sultan Hussein Muhammad Syah dan Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja kepada Kompeni Inggeris akan mendirikan bendera Inggeris di dalam Pulau Singapura sepertimana yang telah tersebut di dalam perjanjian yang dahulu itu jua adanya.

Terselesai di Singapura pada hari bulan dan tahun yang tersebut di atas itu.

Cop John Crawfurd Residen Singapura	Cop Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja	Cop Sultan Hussein Muhammad Syah

LAMPIRAN C

PERSETIAAN ANTARA SULTAN ALI DENGAN TEMENGGUNG IBRAHIM MENYERAHKAN HAK MILIK KERAJAAN DAN SEMUA TANAH JAJAHAN JOHOR 10 MAC 1855*

BAHAWA inilah perjanjian sahabat bersahabat yang setiawan dan perdamaian serta muafakat antara Yang Mulia Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah dengan Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja kerana kedua pihak yang tersebut itu adalah bersama-sama suka berselesai dan memutuskan perselisihan dan perbezaan yang selama ini telah ada jadi di antara kedua pihak yang tersebut itu dari-hal masing-masing tuntutan dan mempunyai negeri dengan segala daerahnya Kerajaan Johor dan lagi supaya berlebih menetapkan dan meneguhkan perdamaian dan sahabat bersahabat yang setiawan dan selamat sempurnanya di antara kedua pihak yang tersebut itu dari masa ini hingga sampai selama-lamanya yang akan datang.

1. Perkara yang pertama – Adalah Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibrahim ibni Sultan Hussein Muhammad Syah dirinya sendiri sampai keturunannya atau waris gantinya adalah di dalam surat ini ada menyerahkan dengan sepenuh-penuh kerajaan dan haknya kepada Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja sampai kepada keturunannya atau waris gantinya selama-lamanya ialah semuanya tanah daerah takluk Johor itu melainkan tanah Kesang yang kemudian lagi disebutkan dalam surat ini.
2. Perkara yang kedua – Sebab kerana serahan itu bagaimana tersebut di dalam perkara yang pertama iaitu Datuk Daing Temeng-

* *Sumber*: Mohd. Said Sulaiman, *Buku Teriti Johore dengan Pertambahannya* (Jawi). 1941:20 – 23.

gung Ibrahim Seri Maharaja Ibni di mana Temenggung Ibrahim Sri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja di dalam surat ini ada berjanji membayarkan kepada waktu terbubuh tandatangan dan cop di dalam surat ini ialah wang lima ribu ringgit ($5000) pada Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah dan lagi dia berjanji bahawa Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya daripada dan kemudian di sehari bulan Januari pada tahun seribu lapan ratus lima puluh lima (1855) iaitu mesti membayar kepada Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah sampai kepada keturunannya atau waris gantinya ialah wang lima ratus ringgit pada tiap-tiap bulan selama-lamanya ($500).

3. Perkara yang ketiga – Adalah Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja ada melepaskan sekalian tuntutan di atas daerah tanah Kesang dan Sungai Muar dan ialah Sungai Kesang itu menjadi sempadannya sebelah utara dan Sungai Muar itu sempadan sebelah selatan dan ialah tanah itu tatkala dahulu ada di dalam daerah juga dan lagi dikabulkan Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya mempunyai dan memakai tanah itu dengan secukup-cukup kerajaan dan memilik selama-lamanya.

4. Perkara yang keempat – Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya ada berjanji di dalam ini bahawa tanah daerah Kesang yang tersebut itu tiadalah boleh diberi atau dijualkan pada siap-siapa atau pada lain-lain Raja jikalau tiada lebih dahulu ditawarkan pada East India Co. dan kemudian kepada Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya dengan sama harga dan perjanjian yang Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya telah sudah suka dan boleh mendapat menyerah pada siapa-siapa atau pada Raja-raja yang lain yang hendak membeli itu.

5. Perkara yang kelima – Rakyat masing-masing kedua pihak membuat perjanjian bolehlah mendapat bebas berniaga keluar masuk

pada segala negeri-negeri dan daerah-daerahnya tetapi boleh menanggung hukum dari sebab salah atau dosa yang terbuat di dalam daerah Selat atau yang lain bagaimana adat istiadat dan hukum yang terpakai di tempat itu dan lagi kedua-dua pihak yang membuat perjanjian ini ada bersungguh-sungguhnya berjanji pada dirinya sendiri sampai pada keturunannya atau waris gantinya tiadalah boleh apa-apa hal sampai akan menjadi atau menimbulkan atau menghidupkan pergaduhan di dalam negeri satu pada yang lainnya melainkan dengan bersetia yang sebenar-benarnya mengikut dan memegang perjanjian demikian yang telah terbuat ini oleh asing-asing adanya.

6. Perkara yang keenam – Kedua-dua pihak yang membuat surat perjanjian ini ada berjanji bahawa apa-apa perselisihan atau kekusutan yang kemudian akan terjadi atau terbabit di antara kedua pihak itu darihal yang tersebut di dalam perkara yang keempat dan yang kelima bolehlah diserahkan perselesaian itu pada hukuman atau perselesaian *Government* India kerana sebabnya dengan ketahui Gabenor India itu perjanjian ini di antara kedua-dua pihak ada berbuat.

7. Perkara yang ketujuh – Tiada apa-apa yang tertulis atau tersebut dalam surat perjanjian ini boleh dikatakan atau disangkakan mengubah atau mencacatkan perkara-perkara dalam perjanjian yang dahulu ada terbuat pada dua hari bulan Ogos pada tahun seribu lapan ratus dua puluh empat (1824) di antara East India Co. dengan Almarhum Temenggung Johor adalah sahlah seperti yang tersebut ini sebab sungguh dengan nyatanya serta suka sama suka masing-masing ada membubuh tandatangan serta memeteraikan cop di bawah syarat ini di hadapan saksinya tamat termaktub surat perjanjian ini di dalam Singapura kepada sepuluh hari bulan Mac pada tahun seribu lapan ratus lima puluh lima, (1855).

Saksi-saksi

Tandatangan
Residen Konsular, Singapura

Mohor	Mohor
Sultan Ali Iskandar Syah ibni Sultan Hussein Muhammad Syah	Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman

(Terjemahan)

LAMPIRAN D

SURAT PERJANJIAN SETIA KERAJAAN JOHOR 11 DISEMBER 1885*

Adalah surat perjanjian ini atas beberapa perkara yang khas berkenaan dengan perhubungan antara Her Majesty's Government of The Straits Settlement dengan Government of The Independent State of Johore (Kerajaan Johor yang Merdeka) telah diperbuat di antara Right Honourable Frederick S. Stanley, Her Majesty's Secretary of States for the Colonies (Setiausaha Kerajaan Yang Maha Mulia bagi Jajahan Takluk-takluk) bagi pihak Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, Empress of India (Permaisuri Kerajaan yang Berkesatu bagi Negeri Britain Besar dan Mahasuri bagi India) dengan Yang Maha Mulia Maharaja Johor.

Fasal Yang Pertama

Adapun kedua-dua kerajaan yang tersebut pada setiap masa akan bersama-sama dengan muhibah pada menentukan hal orang-orang yang mendiami dengan aman dalam jajahan yang berjiran bagi (مريكئيت) dan jua pada bersatu dalam hal menahani langgaran atas jajahan masing-masing daripada langgaran musuh dari luar dan pada berbalas-balas menyerahkan orang-orang yang dituduh atau yang telah dihukumkan salah atas sebarang kejahatan atau kesalahan ialah mengikut bagaimana syarat-syarat yang ditentukan di antara dua kerajaan yang tersebut.

---

* *Sumber*: Mohd. Said Sulaiman, *Buku Teriti Johore dengan Pertambahannya* (Jawi). 1941:41–44.

Fasal Yang Kedua

Yang Maha Mulia Maharaja Johor sanggup apakala diminta oleh Kerajaan Straits Settlement pada bersama-sama membuat aturan bagi mempersenangkan perniagaan dan pada menjalankan perhubungan darat seluruh negeri Kerajaan Johor dengan Kerajaan Pahang.

Fasal Yang Ketiga

Sekiranya Kerajaan Straits Settlement atau berkehendak pada sebarang masa meletakkan seorang pegawai British menjadi ejen (wakil mendiami dalam negeri Kerajaan Johor dengan menjalankan jawatan menyamai bagai seorang Consular Officer (Pegawai Pengawal Bangsa) adalah Yang Maha Mulia Maharaja akan bersedia pada memberi dengan bersih daripada apa-apa bayaran suatu tempat kedudukan yang munasabah dalam jajahannya supaya menjadi suatu tempat kediaman bagi dibangunkan kerana pergunaan pegawai yang sedemikian.

Fasal Yang Keempat

Sebarang jenis wang perbelanjaan yang laku dalam Straits Settlement yang dikehendaki bagi penggunaan Kerajaan Johor hendaklah diperberikan oleh Kerajaan Straits Settlement dengan hitungan yang tidak lebih tinggi daripada yang ada bagi wang perbelanjaan yang seumpama demikian ialah seperti diperberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri-negeri Melayu yang dipernaungi (*Malay Protected State*) dan dengan sama had-had banyaknya. Yang Maha Mulia Maharaja bagi pihaknya sanggup iaitu permintaan bagi kerajaannya atas pertolongan wang perbelanjaan iaitu dengan sesungguhnya dihadkan bagi maksud-maksud yang termustahak bagi orang-orang yang mendiami dalam negeri Kerajaan Johor dan wang perbelanjaan yang sedemikian itu dikeluarkan hendaklah menurut syarat had-had yang sedemikian ialah yang membetuli menurut perbelanjaan wang yang sah seperti yang ada berlaku dalam Straits Settlement.

Fasal Yang Kelima

Adalah Gobenor Straits Settlements dengan persemangatan surat-surat perjanjian setia yang dahulu-dahulu berkehendak pada sepanjang masa dengan segala daya upayanya menjalankan sebarang jua apa langkah yang didapati termustahak pada memeliharakan Government dan Jajahan Johor daripada sebarang langgaran musuh-musuh dari pihak luar.

Maka dengan hal-hal ini atau tujuan seumpamanya adalah pegawai-pegawai bagi Her Majesty pada sepanjang-panjang masa mempunyai kebebasan pada memasuki laut-laut (*waters*) bagi negeri Kerajaan Johor, dan adalah diperjanjikan iaitu laut-laut yang tersebut lanjutnya hingga tiga batu dari pantai negeri Kerajaan itu ataupun sebarang laut yang kurang dari enam batu lebarnya ialah hingga pada suatu goresnya yang dikira bagi pertengahan di antara pantai laut dua buah negeri itu.

Fasal Yang Keenam

Adalah Maharaja Johor dengan persemangatan surat-surat perjanjian setia yang lebih dahulu sanggup bagi pihaknya iaitu tidak dengan tiada pengetahuan dan keredaan Her Majesty's Government berbuat apa-apa rundingan sebarang surat perjanjian setia atau masuk dalam suatu perikatan dengan sebarang kerajaan keluaran atau mencampuri dalam hal siasat negeri-negeri atau pemerintahan bagi sebarang Kerajaan Melayu (United State) atau berbuat sebarang kurnia (*grant*) atau kelulusan (*concession*) kepada lain daripada rakyat Inggeris atau kompeni-kompeni British atau orang-orang daripada bangsa Cina, Melayu atau lain-lain bangsa di sebelah Timur (*Oriental race*) atau memasuki ke dalam sebarang utus-mengutus perihal siasat negeri dengan sebarang kerajaan luar.

Dan lagi diperjanjikan iaitu jikalau jadi suatu perbangkitan utus-mengutus perihal siasat negeri di antara Yang Maha Mulia Maharaja dengan sebarang kerajaan luar maka utus-mengutus yang demikian hendaklah dijalankan melalui kerajaan Her Majesty, kepadanyalah Yang Maha Mulia bertumpu bagi panduan dan perjagaan (*control*) perhubungan keluarannya.

Fasal Yang Ketujuh

Bahawasanya Yang Maha Mulia Maharaja Johor telah memberi ketahuan kepada Gobenor Straits Settlements maksud orang besar-besarnya dan orang-orangnya ialah baginya supaya memakai gelaran Sultan. Yang demikian diperjanjikan lagi iaitu pada menimbangkan persahabatan yang setia dan keadaan muhibah yang sentiasa bagi Yang Maha Mulia telah pertunjukan kepada kerajaan Her Majesty The Queen dan Empress dan jua atas syarat-syarat yang terkandung dalam surat peringatan ini adalah ianya dan waris-waris dan gantinya yang dengan sahnya menggantikan menurut adat Melayu iaitu pada ke hadapan di-

akukanlah ianya seperti Yang Maha Mulia Sultan bagi negeri dan jajahan Johor dan dialamatkanlah bagi sedemikian.

Pada menyaksikan yang tersebut adalah Right Honourable Frederick Stanley dan Yang Maha Mulia yang tersebut itu Maharaja Johor menyainlah surat perjanjian ini di Colonial Office, London. Sebelas haribulan Disember, seribu delapan ratus lapan puluh lima.

(Sain) Frederick S. Stanley _____

(Sain dalam Melayu) Abu Bakar[1] _____

Dipersaksikan oleh

(Sain) Robert J.W. Herbert

(Sain) Abdul Rahman[2]

(1) Sultan Johor.
(2) Datuk Sri Amar Diraja.

LAMPIRAN E

FUNGSI PESURUHJAYA BESAR KERAJAAN 1895 – 1913*

Lambang Kerajaan Johor Ingatan Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Fasal Jabatan Pesuruhjaya Besar Kerajaan Bagi Jajahan-jajahan

1. Adapun Pesuruhjaya Besar Kerajaan itu pegawai yang pekerjaan khas bagi memeriksa jajahan bila-bila dikehendakkan yakni bukannya dia jadi kepada atas jajahan-jajahan maka demikian sesungguhpun ada dia tiadalah tertahan atau tersekat. Wakil-wakil Raja bagi jajahan-jajahan itu daripada terus berkenaan dan berhubung dengan perjabatan Setiausaha Kerajaan pada tentang-tentang surat-surat kerja dan penyata-penyata apatah lagi terus kepada Raja sendiri.
2. Pesuruhjaya Besar itu wajib baginya mengambil tahu segala pegawainya (*official*) yang berkenaan dengan hal-hal dan faedah-faedah sesuatu jajahan supaya yang demikian ada dalam perhatian bagi pergunaan dan panduannya bila-bila ia ada melakukan pemeriksaan jajahan-jajahan itu. Maka dari sebab itu hendaklah ada dalam pejabatnya salinan-salinan atau nukil-nukil surat-suratnya yang bertulis-tulis di antara kerajaan dengan wakil-wakil Raja yang memerintah jajahan-jajahan itu.
3. Pesuruhjaya Besar itu termaklum ada dalam jemaah yang terbesar sekali dalam kerajaan iaitu Jemaah Menteri dan demikian adalah pangkat dan kedudukannya seorang menteri dan pekerjaan memeriksa jajahan-jajahan itu terutamalah suatu ketetapan bagi pegangannya.
4. Adapun untuk atau kawasan Jabatan Pesuruhjaya Besar iaitu antara dia dengan Perjabatan Setiausaha Kerajaan dan tiada terus

---

* *Sumber: Salinan Surat Titah Perintah.* Menteri Besar kepada Engku Sulaiman, 22 Sept. 1895. J/RAJA 8. ANJ.

di antara dia dengan wakil-wakil Raja yang memerintah jajahan-jajahan seperti dengan aturan seorang kepala atas pegawai-pegawai itu atau seperti membelakangkan perjabatan Setiausaha Kerajaan dan demikian adalah keadaan menteri yang khas pada tentang membantu kerajaan dalam perkara-perkara jajahan.

5. Tiap-tiap jajahan yang mengkehendaki syor atau perintah atau kebenaran kerajaan dan yang jadi bertulis-tulis di antara Pesuruhjaya Besar dengan wakil-wakil Raja bagi jajahan-jajahan hendaklah bagi pihak Pesuruhjaya Besar itu menyebutkan seperti dari Kerajaan oleh kerana ada termaklum kerja-kerja yang dijalankannya dengan pegawai-pegawai jajahan itu terlebih dahulu sudah ada dalam pengetahuan Raja atau Setiausaha Kerajaan bagi pihak Raja.

6. Adapun anggaran masa bagi Pesuruhjaya Besar itu melawat sesuatu jajahan itu dua bulan sekali melainkan jika ada hal-hal dan kerja-kerja yang mustahak yang mengkehendaki lebih selalu daripada itu dengan titah perintah atau kebenaran Raja atau Setiausaha Kerajaan bagi pihak Raja.

LAMPIRAN F

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR 1895*

ABU BAKAR
Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahi RabbAl-Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Sayidina Muhammadin Wa Ala Alihi Wasahbihi Ajmain

AL-WASAK billah Abu Bakar bagi kerajaan dan Jajahan Johor dan segala Daerah Takluknya Sultan Yang Dipertuan Raja dan kepala bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat dan Raja dan kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

Bahawa adalah kita dengan hak-hak kuat kuasa kerajaan kita dan kelebihan-kelebihan kita menjadi Raja yang memerintah dan memiliki Kerajaan Johor ini dan segala daerah takluknya serta pula dengan syor persekutuan dan persetujuan sekalian ahli-ahli Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan kita dan lain-lain orang-orang besar dan ketua-ketua negeri telah menimbang memikir dan mengatakan patut harus serta munasabah dengan masa dan zaman ini akan kita dengan nama dan bagi dan kerana pihak diri kita dan bagi dan kerana pihak waris-waris ganti-ganti kita Raja-raja yang memerintah atau Sultan-sultan Johor membuat menjadi mengada dan mendirikan dan mengurnia memberi menganugerah dan menghadiahkan kepada dan bagi dan kerana pergunaan kerajaan rakyat dan isi negeri kita suatu undang-undang dan peraturan bagi memerintah dan mentadbirkan kerajaan yang dinamakan dia "Undang-undang Tubuh Kerajaan" iaitu yang akan berkekalan dan berpanjangan turun-temurun menjadi dan bersifat undang-undang bagi kerajaan negeri dan rakyat kita menjadi suatu pusaka yang tiada boleh diubah dipinda ditukar diorak dipecah atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan dibuka semula atau dibinasakan adanya.

---

* *Sumber*: Ahmad Fawzi Basri, 1988. *Johor: 1855–1917*. Hlm. 153–178.

Dan bahawa adalah kita dengan nama dan bagi dan kerana pihak diri kita sendiri dan bagi kerana waris-waris dan ganti-ganti kita Raja-raja yang memerintah dan memiliki kerajaan ini iaitu Sultan-sultan Johor berkenaan suka dan reda berbuat seperti yang tersebut di atas tadi.

Dan bahawa adalah pula orang-orang besar dan ketua-ketua kerajaan kita dengan nama dan bagi kerana pihak dirinya sendiri dan bagi dan kerana ganti-gantinya masing-masing serta sekalian isi negeri dan rakyat kerajaan kita demikian juga suka reda sedia dan taat dengan dan makna perkataan-perkataan

a. "Raja" maknanya Raja yang memerintah Kerajaan Johor dan segala Jajahan dan Daerah Takluknya yakni Sultan Yang Dipertuan Johor.

b. "Waris-waris" maknanya anak Raja yang bakal ganti Raja.

c. "Waris yang kedua" maknanya anak Raja yang setingkat bawah waris.

d. "Waris yang lain" maknanya seorang anak Raja yang dikatakan boleh mengambil tempat waris yang kedua dan waris yang boleh menjadi "bakal" jika tempat-tempat dan pangkat-pangkat yang demikian itu tiada berisi.

e. "Menteri-menteri" iaitu ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri dan yang ada dalam bilang "Jemaah Menteri".

f. "Ketua-ketua" iaitu ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang tiada dalam bilang "Jemaah Menteri" dan pegawai-pegawai yang lain yang terjumlah besar pangkatnya serta Orang-orang Kaya dan Penghulu-penghulu Besar yang berpangkat seperti mereka itu.

g. "Jemaah Pangkuan Negeri" iaitu ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut dalam (e) dan (f) ialah yang dikatakan di dalam hukum syarak. "Ahli Al-hal bersuara dalam pekerjaan memilih Raja dan dalam perkara besar-besar yang mengkehendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbangan orang ramai atau isi negeri.

Anak Raja yang lelaki sampai tiga keturunan daripada tiap-tiap pemerintah Kerajaan Johor dimulai dari Almarhum Abdul Rahman membawa kepada Almarhum Ibrahim dan Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar yakni zuriat-zuriat masing-masing itu hingga tiga

pangkat ke bawah (anakanda-anakanda, cunda-cunda, cucuanda-cucuanda) ada sekaliannya termaklum dan terkandung dalam jumlah Ahli-ahli Jemaah pangkuan negeri akan tetapi dalam hal memilih melantik dan menjadikan Raja hanyalah yang ada berkuasa iaitu mana-mana daripadanya yang ada pada masa itu menjadi menteri-menteri atau ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan atau pegawai-pegawai yang terjumlah besar pangkatnya seperti dalam (e) dan (f).

UNDANG-UNDANG

1. Segala syarah-syarah yang ada di atas ini disifatkan seperti suatu bahagian daripada "Undang-undang Tubuh Kerajaan" itu iaitu di mana-mana yang ada berkenaan di dalamnya.

Syarah-syarah itu undang-undang juga.

RAJA DAN KERAJAAN

2. Raja itu hendaklah daripada bangsa Melayu dan darah Raja yang turunan daripada pemerintah-pemerintah Johor dan lelaki dan beragama Islam dan demikian juga pihak-pihak yang dikatakan "waris" dan "waris yang kedua" dan "waris yang lain".

Pemerintah Melayu darah Raja agama Islam.

3. Raja itu (di belakang daripada masa Raja yang ada ini) hendaklah daripada zuriat yakni keturunan daripada tubuh badan darah daging Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan Abu Bakar ibni Almarhum Ibrahim dan hendaklah yang demikian yang diaku sebenarnya sah dan halal dan adalah zuriat yang boleh menjadi Raja itu daripada anak cucu-cicit dan sebagainya yang keturunan daripada sebelah lelaki dahulu lepas-satu keturunan lain pula hingga akhirnya yakni tiada sekali-kali boleh dan tiada sah diperajakan yang lain daripada zuriat Yang Mulia Sultan Abu Bakar itu selagi ada keturunan seperti yang tersebut melainkan di-

Memilih Raja zuriat Sultan Abu Bakar.

kecualikan pada tentang seorang keturunannya yang ditimbangkan dan ditentukan kemudian daripada sehabis-habis dan secukup-cukup siasat oleh "Jemaah Pangkuan Kerajaan" tiada layak dijadikan Raja iaitu yang ada kecacatan yang besar-besar dan berat-berat yang menyalahi sifat Raja-raja seperti gila dan buta dan bisu atau mempunyai sifat-sifat yang kejian yang tiada dibenarkan oleh hukum syariat menjadi Raja.

Zuriat Almarhum Ibrahim dan Almarhum Abdul Rahman.

4. Jikalau pada suatu masa telah habis dan tiada lagi tinggal keturunan zuriat yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar atau jikalau adapun tiada layak diperajakan oleh kerana sebab-sebab yang tersebut dalam fasal yang ketiga di atas itu hendaklah dipilih dan dilantik dijadikan Raja seseorang anak Raja lelaki daripada keturunan zuriat Almarhum Temenggung Ibrahim maka jikalau tiada pula atau tiada yang ditimbangkan layak daripada keturunan zuriat Almarhum Ibrahim itu hendaklah dipilih dan dilantik dijadikan Raja seseorang lelaki daripada keturunan zuriat Almarhum Temenggung Abdul Rahman dan salah satu daripada hal ini hendaklah yang dijadikan Raja itu yang sebenarnya daripada darah yang diaku sah dan halal.

Jikalau tiada keturunan daripada zuriat Abu Bakar atau Ibrahim atau Abdul Rahman.

5. Sekiranya sampai pada suatu masa tiada seorang pun tinggal lagi daripada ketiga-tiga zuriat pemerintah-pemerintah yang tersebut dalam fasal-fasal yang lalu itu atau jika adapun tiada yang mempunyai sifat-sifat seperti yang diwajibkan oleh undang-undang ini dan hukum syarak akan terpulanglah hal memilih melantik dan menjadikan Raja itu kepada maklum dan fikiran dan timbangan Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan

Jemaah Pangkuan Negeri atau ahli hal-hal walakad akan tetapi adalah dipersyaratkan hendaklah yang diambil dipilih dilantik dan dijadikan Raja itu seorang lelaki yang cukup umur dan sempurna akal daripada bangsa Melayu Johor betul dan rakyat Kerajaan Johor serta beragama Islam dan ahli daripada darah yang merdeka dan baik dan yang diaku sah dan halal dengan ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasanya dan ada mempunyai nama budi pekerti tabiat perangai dan tingkah laku yang baik dan kepujian. Maka jikalau yang diambil dipilih dilantik dan dijadikan Raja itu seorang yang bukan daripada darah Raja akan termaklumlah hal yang demikian menjadi suatu kecualian atas undang-undang yang tersebut dalam fasal yang kedua dan sahlah adanya.

Khianat daripada waris-waris yang di bawah.

6. Jikalau "waris" atau "waris yang kedua" atau "waris yang lain" atau seorang daripada zuriat yang tersebut dalam beberapa fasal itu yang di atas tadi ada berbuat atau menjawab hendak berbuat sesuatu benda atau jalan atau ikhtiar yang bersifat khianat atau seseorang yang lebih hampir kedudukannya pada takhta Kerajaan Johor daripada kedudukan dirinya sendiri dengan niat hendak membinasakan ahli atau ahli-ahli Kerajaan yang lebih hampir itu supaya dirinya sendiri atau seorang lain daripada keturunannya atau seorang daripada darah yang lain sekali boleh dengan aturan atau jalan atau sebab khianat itu dapat menjadi Raja iaitu seperti "waris" berbuat atas Raja yang memerintah atau "waris yang kedua" berbuat atas Raja yang memerintah atau "waris yang kedua" berbuat keturunannya tiada sekali-kali mempunyai hak lagi boleh mewarisi

takhta kerajaan atau "waris" atau atas salah satu daripadanya atau "waris yang lain" berbuat atas ketiga itu atau atas sesuatu daripadanya atau keturunan yang jauh daripada cadangan-cadangan bagi giliran-giliran menjadi Raja di antara zuriat-zuriat itu maka adalah perbuatan yang demikian itu ditimbangkan sebesar-besar jahat dan salahnya dan adalah hukuman di atas seseorang atau sesuatu pasukan yang demikian berdosa jikalau bukan hukum mati dikeluarkan dia dari negeri dan disifatkan dan sekalian keturunannya tiada sekali-kali mempunyai hak lagi boleh mewarisi takhta Kerajaan Johor sekiranya pun sekali peredaran hal-hal dengan kudrat Tuhan membawakan hingga seolah-olah sampai pada dirinya atau keturunannya dan demikian juga jikalau ada hak-hak yang diperolehinya daripada kerajaan seperti pangkatnya dan belanja hidupnya akan diberhentikan dan dipulangkan kembali kepada negeri.

Gelaran bakal Raja.

7. "Waris" itu (seperti yang ada tersebut dalam kenyataan (b) digelar akan dia "Tengku Mahkota Johor" dan bermaknalah gelaran itu yakni bakal Raja dan demikian tiadalah boleh dipakai oleh atau diletakkan atas seseorang anak Raja yang bukan tertentu bakal yang akan menjadi ganti Raja.

Bakal Raja tiada boleh campur dalam perkara negeri.

8. "Waris" itu tiada sekali-kali berkuasa atau boleh campur di dalam sesuatu perkara negeri atau kerajaan melainkan jikalau ada titah perintah Raja kepadanya yang telah diberitahu kepada Jemaah Menteri dan demikian juga "waris yang kedua" dan "waris yang lain" dan kerabat-kerabat Raja yang lain-lain.

9. Adalah Raja itu jikalau dilantik akan dia menjadi Raja dahulu daripada berumur genap dua puluh satu tahun hitungan Islam tiadalah disifatkan dia cukup umur maka dalam masa belum cukup umurnya itu hendaklah ada seorang menjadi pemangkunya dan pemangku yang demikian itu hendaklah dijadikan dan ditentukan dengan pilihan menteri-menteri kerajaan sama ada daripada darah Raja atau tidak.

Raja dilantik dahulu daripada cukup umur.

10. Segala perbuatan-perbuatan Raja yang kurang umur itu dalam perkara negeri tertanggunglah atas dan kepada pemangkunya maka jikalau tiada berbetulan pada perbuatan-perbuatan itu dengan adat dan undang-undang itu adalah hak dan kuasa bagi menteri-menteri itu menukar akan pemangku itu dan menggantikan lain.

Perbuatan-perbuatan Raja yang belum cukup umur.

11. Jikalau Raja berangkat dalam sesuatu pelayaran atau perjalanan meninggalkan jajahan Johor yang jauhnya lima hari punya perjalanan atau pelayaran bagi hendak menyaksikan tempat yang dipergikan itu iaitu dengan angkatan yang terlebih ringkas dan anggaran lama pemergiannya pergi balik tidak kurang dari tiga puluh hari hendaklah ditentukan lebih dahulu daripada berangkat itu suatu pangkuan Raja dengan aturan-aturan bagaimana yang difikirkan patut pada masa itu. Maka ahli atau ahli-ahli pangkuan inilah yang jadi ganti Raja dalam sepeninggalannya pada tentang-tentang pekerjaan-pekerjaan kerajaan yang terdapat bagi Raja sendiri mengambil fadhul di dalamnya.

Raja berangkat belayar hendak menentukan pangkuan Raja.

12. Jikalau Raja meninggalkan negeri dan jajahan Johor lebih dari lima (5) tahun daripada masa ia mula pertama bertolak dari negerinya dan bersemayam di tempat atau di tem-

Raja meninggalkan terlalu lama.

pat-tempat orang lain dengan tiada suatu kesakitan yang sebenarnya boleh menahan akan dia daripada balik atau dengan tiada suatu keuzuran atau pekerjaan atau hal yang menjadikan patut ia berlama-lamaan berhenti lagi di negeri atau negeri-negeri asing adalah hak dan kuat kuasa bagi Mesyuarat Kerajaan boleh mesyuarat pada menimbangkan hal itu hingga dapat suatu ketetapan adakah patut dinanti lagi akan Raja berangkat balik dan jikalau ditetapkan patut dinanti lagi bagi berapa lamakah lagi patut dinanti itu atau patut dan wajib disifatkan halnya yang sebenarnya tiada hendak balik lagi dan demikian boleh dilantik dan diangkat akan gantinya.

Diangkat Raja baru.

13. Jikalau kiranya dengan sebab ketiadaan Raja bersemayam di dalam negeri dan jajahan Johor genap lima tahun lamanya bagaimana yang tersebut dalam fasal yang kedua belas atas tadi maka telah dilantik dan diangkat akan gantinya akan disifatkanlah Raja yang lama itu seperti sudah menarik diri daripada kerajaan dan hak-hak dan tuntutan-tuntutan atas kerajaan dan hal-halnya pada tentang kerajaan akan terjumlah pada keadaan bekas Raja juga dan demikian akan termaklumlah dia pada undang-undang yang menentukan dan menghukumkan perkara-perkara yang berkenaan dengan bekas Raja.

Tiada wajib Raja baharu mengembalikan Kerajaan.

14. Jikalau kemudian daripada telah dilantikkan diangkat akan Raja baharu maka balik bekas Raja itu tiadalah hal baliknya itu boleh mewajibkan turun Raja gantinya itu daripada takhta kerajaan dan menyerahkan kembali hak-hak kerajaan kepadanya meskipun baliknya itu sehari sahaja pun di belakang daripada telah dilantik diangkat akan gantinya itu.

15. Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan Kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi Raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau oleh kerana hendak mendapat mengambil dan menerima sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga ada larang dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat Raja. Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika Raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat Raja derhaka ia kepada Raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.

Raja tiada boleh menyerahkan negeri kepada Kerajaan lain.

16. Menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan tiada juga boleh sekali-kali berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa atau Kerajaan Eropah atau lainnya dengan maksud hendak menyerahkan negeri dan Kerajaan Johor. Maka jikalau dilanggar atau dicubanya hendak melanggar akan tegahan ini terjatuhlah ia pada hukuman orang yang derhaka kepada Raja dan kerajaan dan bolehlah dihukumkan sekalian yang berdosa itu dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya.

Menteri-menteri dan jemaah pangkuan negeri tiada boleh menyerahkan negeri kepada Kerajaan lain.

17. Jikalau Raja itu pada sebarang masa di atas kerajaannya tiada suka lagi menjadi Raja dan demikian hendak berhenti dan melepaskan hak-hak dan kuat kuasa kerajaan oleh kerana sebarang rupa atau jenis keuzuran sama ada keuzuran itu reda ia menzahirkan atau tidak bolehlah ia lepas dan berhenti daripada menjadi Raja serta adalah hak baginya boleh duduk di mana-mana tempat yang diperkenannya sama ada di dalam jajahan Johor atau di dalam mana-mana negeri yang bermuhibah dan yang tiada berkelahi dengan Kerajaan Johor.

Raja hendak berhenti dengan Kerajaan.

18. Jikalau pada masa Raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya ada ia di dalam negerinya sendiri hendaklah titah dan pertandaan dan persaksian bagi perbuatan itu diperbuat dengan surat yang bercap dengan cap besar kerajaan serta dengan tapak tangan Raja itu sendiri dengan sekurang-kurangnya tiga orang menteri kerajaan hadir menyaksikan dengan tandatangan masing-masing dan hendaklah hal itu diberitahu dan dizahirkan oleh Jemaah Menteri kepada isi negeri dengan seberapa segera serta dinyatakan sekali sesiapa yang menggantikan dia iaitu jikalau sudah tentu gantinya dengan mengikut bagaimana aturan undang-undang ini di atas hal yang demikian.

Aturan Raja berhenti daripada Kerajaan.

19. Jikalau pada masa Raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya itu tidak ia di dalam negerinya yakni ada sebuah negeri asing tiadalah dipersyaratkan perbuatannya itu dengan aturan-aturan bagaimana yang ada disebutkan dalam fasal yang lalu tadi melainkan mana-mana aturan yang patut dan yang disifatkan sah sahajalah

Raja hendak berhenti tetapi tiada dalam negerinya sendiri.

wajib dibuat dalam hal menentukan dan menyaksikan kelepasannya daripada menjadi Raja itu.

Bekas Raja tiada boleh mencampur dalam perkara-perkara negeri.

20. Raja yang sudah menarik diri dan berhenti daripada kerajaannya seperti yang tersebut dalam fasal-fasal yang ketiga belas dan ketujuh belas itu tiada sekali-kali boleh bercampur atau ganggu atau masuk mulut dalam sebarang perkara negeri dan kerajaan sama ada ia duduk dalam jajahan Johor atau jajahan asing melainkan dengan permintaan Raja yang memerintah yang telah menggantikan dia yang disertai oleh Mesyuarat Kerajaan atau dengan permohonan Mesyuarat Kerajaan yang diterima dan diperkenankan oleh Raja yang memerintah.

Bekas Raja ada hak boleh dapat belanja hidup.

21. Bekas Raja itu sama ada ia duduk dalam jajahan Johor atau tidak adalah hak baginya boleh mendapat bagi belanja hidupnya suatu bayaran daripada hasil negeri yang tiada lebih dari suku atau seperempat daripada jumlah yang ditentukan bagi angkatan hidupnya pada masa ia menjadi Raja yang memerintah serta pula pada hak boleh mendapat suatu rumah tempat kediaman yang layak baginya jikalau ia duduk di dalam jajahan Johor iaitu pun pada tempat-tempat yang berpatutan juga dan belanja hidup yang demikian itu berpanjanganlah sampai mangkatnya dan rumah tempat kediamannya itu kemudian daripada mangkatnya akan terpulanglah menjadi pusaka kepada warisnya mengikut bagaimana hukum syariat.

Salah besar bekas Raja mengacum-acum orang suruh menderhaka.

22. Jikalau bekas Raja itu mencampuri atau mengganggui atau masuk mulut dalam sebarang perkara negeri tiada dengan syarat-syarat seperti yang tersebut dalam fasal yang kedua puluh di atas itu adalah hak bagi

kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya dan lama masa tahanan itu terpulang makluman kepada Raja yang memerintah dengan Mesyuarat Kerajaan. Dan jikalau bekas Raja itu mengacum-acum orang pada berbuat derhaka atau bermuafakat dengan sebarang orang atau kerajaan asing dengan niat hendak berbuat atau mendatangkan kecederaan atas negeri atau faedah negeri maka adalah hak bagi kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya serta memandang atasnya dan menyifatkan dia seperti seorang yang berdosa kepada kerajaan.

Tuntutan hendak menjadi Raja Muda Bendahara dan Temenggung ada hak bagi Raja boleh menjadikan.

23. Tiada sekali-kali boleh menuntut atau wajib atau harus diterima tuntutan seorang kerabat Raja berkehendakkan dirinya dilantik atau dijadikan atau digelar Raja Muda, Bendahara atau Temenggung atau sesuatu gelaran yang lain yang pada zaman dahulu telah ada atau telah biasa dipakai dalam Kerajaan Johor akan tetapi ada hak bagi Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan boleh melantik menjadikan dan menggelar daripada kerabatnya sama ada yang jauh atau yang dekat seseorang Raja Muda atau Bendahara atau Temenggung atau kedua-duanya atau ketiga-tiganya maka dalam hal-hal yang demikian adalah pangkat martabat jawatan pekerjaan kuasa-kuasa hak-hak dan lain-lain aturan seperti berketurunan atau tidak gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat yang demikian itu semuanya dalam kuasa Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan dan menetapkan pada masa melantik dan menjadikan itu dan lagi adalah hak dan kuasa pada Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerjaan boleh memecat akan mereka itu jikalau ada cukup kesa-

lahan atau dosanya yang mengharuskan demikian.

24. Jikalau ada Raja Muda dan Bendahara dan Temenggung adalah tertentu bagi ketiga-tiganya itu terjumlah pada ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri dan adalah pangkatnya di antara masing-masing itu bagaimana yang disebutkan aturan gelaran-gelarannya di sini juga.

Pangkat-pangkat dan jawatan-jawatan Raja Muda Bendahara dan Temenggung.

25. Adalah pada tentang Raja yang dikurniakan Allah Tuhan Yang Maha Tinggi dan dengan berkat Nabi Muhammad s.a.w. ada lagi memerintah ini (iaitu kita Abu Bakar Sultan bagi kerajaan dan jajahan Johor yang telah dengan sebab dan Perkenan Tuhan Rabbul-alamin telah menolong menjadikan Kerajaan Johor apa yang ada rupanya ini ialah bagi yang demikian mengucap kita syukur beribu-ribu syukur) dengan keredaan dan timbang-an Mesyuarat Kerajaan kita tiada ditentukan sesuatu jumlah wang yang tetap bagi belanja kita kerana istana-istana dan angkatan-angkatan tubuh badan kita sendiri akan tetapi adalah kita dengan surat ini menjadi-kan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang bagi Raja-raja Johor yang di belakang daripada kita tiada sekali-kali boleh seseorang pun mengambil dan mema-kai bagi pergunaan dirinya satu duit pun lebih dari jumlah yang telah ditentukan dari-pada sesuatu masa kepada suatu masa oleh Mesyuarat Kerajaan maka pada tentang itu inilah pula kita jadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang bahawa hen-daklah jumlah wang yang ditentukan bagi belanja Raja itu sebenar-benarnya berpatut-an cukup dan padan dengan pangkat dan

Belanja Raja.

martabat kebesaran Raja Kerajaan dan dalam aturan mencatatkan berapa banyak belanja Raja itu tiadalah sekali-kali boleh diambil fadhul atas apa-apa pendapatan Raja itu yang terbit daripada harta-harta dan hak-haknya sendiri dan yang bukan hak kerajaan.

Belanja kerabat-kerabat siapa yang boleh dapat.

26. Belanja-belanja hidup bagi kerabat-kerabat Raja semuanya terserah pada maklum Raja dengan syor dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan banyaknya dan adalah kerabat-kerabat yang ditentukan ada hak boleh dapat belanja-belanja hidup itu seperti di bawah ini:

a. Isteri Raja yang bergelar Sultanah atau Permaisuri.

b. Putera-putera dan puteri-puteri Raja.

c. Saudara-saudara Raja lelaki dan perempuan.

d. Ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda saudara Raja.

e. Anak-anak saudara Raja yang sudah mangkat ayahanda atau bondanya.

(Yang Raja punya saudara-saudara benar seperti dalam Fasal (3) itu) jika ada dua beradik atau lebih boleh dapat sekurang-kurangnya setengah daripada pendapatan ayahanda atau bondanya yang sudah mangkat itu iaitu dibahagikan di antaranya masing-masing dengan aturan yang berpatutan jadi pemberian kerajaan bagi belanja hidupnya istimewa dan terutama ditimbangkan hal-hal anak-anak saudara Raja yang demikian itu yang kecil-kecil atau yang perempuan dan yang tiada bersuami. Maka

yang lain daripada yang tersebut ini tiadalah sekali-kali hak atas belanja hidup daripada kerajaan melainkan jika ada dikurniakan ialah semata-mata oleh pandangan dan timbangan Raja dengan syor dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan.

Adalah erti "Raja" itu iaitu "Raja yang ada tangan memerintah atau sudah memerintah dan sudah mangkat".

Hak anak Raja yang pegawai.

27. Anak-anak Raja (lelaki) yang ada memegang jawatan-jawatan kerajaan boleh mendapat kurnia yang ditentukan bagi jawatan-jawatan itu meskipun telah ada menerima belanja hidupnya daripada kerajaan ialah keadaannya sama dengan pegawai-pegawai yang lain juga dalam hal yang demikian.

JEMAAH MENTERI

Menteri-menteri.

28. Adalah Menteri-menteri itu iaitu dijadikan daripada pegawai-pegawai besar kerajaan dan adalah termaklum hak baginya terjumlah menjadi ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan maka tiap-tiap pegawai yang termaklum ada kedudukannya menjadi menteri itu hendaklah ada titah perintah Raja menyebut dan menerangkan yang demikian itu supaya mengesahkan hak-haknya dan pangkatnya.

Beberapa orang Menteri.

29. Hendaklah bilangan banyak Menteri itu tiada kurang dari delapan orang dan tiadalah lebih dari dua belas orang dan adalah gelaran ketua daripada menteri-menteri itu iaitu Menteri Besar (lain daripada gelarannya yang lain jika ada) dan dialah yang menjadi Yang Dipertua Mesyuarat Kerajaan.

Bangsa dan agama Menteri-menteri.

30. Hendaklah Menteri-Menteri itu daripada bangsa Melayu dan rakyat Johor dan ber-

agama Islam dan adalah kuat kuasa undang-undang ini membawa dan menarik ke belakang juga yakni jika ada Menteri yang bukan daripada bangsa rakyat dan agama yang tersebut tiadalah sah keadaannya itu daripada masa diluluskan undang-undang ini. Dan hendaklah disahkan semula dengan aturan-aturan yang membetuli akan dia.

Menteri-menteri bersumpah.

31. Hendaklah tiap-tiap pegawai yang dijadikan Menteri itu mengangkat sumpah dan sumpah itu disahkan dengan tandatangannya dalam sebuah kitab yang ditentukan bagi itu di hadapan dua orang saksi daripada pegawai-pegawai kerajaan menyatakan dirinya sebenarnya daripada bangsa Melayu dan rakyat Johor, dan agama Islam serta mengaku bersetia dengan Raja dan kerajaannya.

Kekurangan ahli dalam Jemaah Menteri

32. Jikalau ada kekurangan bilangan dalam Jemaah Menteri itu bolehlah dipenuhkan semula dengan aturan sama ada dengan pilihan Raja yang dipersertai oleh Jemaah Menteri atau dengan pilihan Jemaah Menteri itu yang diperkenankan dan diakui oleh Raja dan hendaklah titah perintah menjadikan akan seseorang pegawai dan memasukkan di dalam Jemaah Menteri itu dengan surat yang bercap dengan cap besar kerajaan dan yang menyebut sekali nama jawatannya.

Raja dan Jemaah Menteri menambah kekurangan Jemaah Menteri.

33. Jikalau keduanya Raja dan Jemaah Menteri itu berlain-lain memilih seorang bagi mencukupkan bilangan Jemaah Menteri itu maka berselisih yakni tiada sama pilihannya akan terpulangkah maklum hal itu kepada Raja dengan syor Menteri Besar dan Naib Menteri Besar pada menimbang dan menentukan siapa daripada dua itu munasabah dan baik diterima.

34. Adapun hal menjadikan dan memilih akan Menteri Besar itu semata-mata hak bagi Raja dan hal memilih akan Naib Menteri Besar itu hak bagi Jemaah Menteri tetapi hendaklah juga dengan perkenan Raja dahulu daripada disah dan ditetapkan. Menteri Besar dan Naib Menteri Besar.

35. Tiada boleh dijadikan Menteri Besar atau naib Menteri Besar akan seseorang yang bukan sudah sedia ada dalam bilangan pegawai-pegawai besar kerajaan dan sudah menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan.

36. Menteri Besar dan Naib Menteri Besar dan lain-lain Menteri ada masing-masing itu kuasa baginya boleh memohon lepas daripada Jemaah Menteri dan jika diterima permohonannya itu akan lepaslah akan tetapi tiadalah hal ia undur daripada Jemaah Menteri itu mengharuskan dia menarik diri daripada Mesyuarat Kerajaan melainkan dengan kesukaannya sendiri itu pun jika diterima permohonannya. Menteri-menteri boleh memohon lepas dari jawatannya.

37. Seseorang pegawai besar yang telah masuk dalam Jemaah Menteri dan telah undur daripada Jemaah itu dengan aturan yang tersebut dalam fasal yang di atas ini adalah ia sentiasa dalam keadaan boleh dipilih dan dimasukkan menjadi ahli lagi dalam Jemaah dan Mesyuarat Kerajaan. Menteri-menteri yang sudah undur boleh dipilih semula.

38. Tiadalah terpaksa seseorang pegawai menjunjung titah perintah memasukkan ia dalam Jemaah Menteri atau Mesyuarat Kerajaan dan tiada wajiblah dia menyatakan sebab-sebab yang tiada sanggup itu. Tiada terpaksa pegawai jadi Menteri

39. Tiada diwajibkan bagi seseorang pegawai yang menjadi Menteri walaupun Menteri Besar atau Naib Menteri Besar itu ada ia mempunyai gelaran "Datuk" sama ada bagi Menteri-menteri tidak usah dengan ada gelaran.

kerajaan atau gelaran Datuk bagi sesuatu darjah yang dikurniakan oleh Raja kepadanya atau sesuatu gelaran yang lain akan tetapi adalah termaklum pangkatnya di antara taulan-taulannya dan dalam istiadat-istiadat kerajaan dan di hadapan isi negeri oleh kerana hak jawatan menjadi Menteri itu.

Raja ada hak mengeluarkan Menteri dan Jemaah Menteri boleh memohon lepaskan seorang daripada taulannya.

40. Adalah hak dan kuatkuasa bagi Raja boleh melepaskan dan mengeluarkan seseorang Menteri itu boleh memohon kepada Raja meminta lepas dan dan keluarkan seseorang taulannya daripada Jemaah Menteri jawatannya itu jikalau Menteri yang demikian itu telah berbuat sesuatu kesalahan yang berat dosanya pada hukum syariat atau pada undang-undang negeri atau pada timbangan istiadat kehormatan dan yang telah dapati dengan cukup siasat telah terang dan didapati ia berdosa iaitu seperti menderhaka atau mencuba hendak menderhaka kepada Raja atau kerajaan atau membunuh atau menyuruh atau berserta pada mencuba atau bersubahat membunuh orang atau merompak menyamun atau mencuba berbuat sesuatu daripada itu atau makan suap atau mencuba hendak makan suap atau suatu lain perbuatan yang jahat dan berdosa pada hukum Allah dan hukum negeri dan bolehlah kelepasan dan keluarganya daripada jawatannya itu sama ada dengan ditambah atasnya sesuatu hukuman lain atau tidak atau sama ada dengan pecat atau diturunkan dia daripada pangkatnya (jikalau ada ia berpangkat atau gelaran yang lain) atau tidak mengikuti bagaimana timbangan Raja pada masa menimbangkan dosa pegawai yang demikian itu.

Menteri-menteri dan pegawai-pegawai yang bergelar keluar dari jawatannya.

41. Jikalau seseorang Menteri atau pegawai ada gelaran Datuk atau lain-lain gelaran kerajaan keluar dari jawatannya dengan memohon lepas atau dilepaskan daripada jawatannya dengan tiada sesuatu kesalahan atau dosa seperti yang tersebut di atas tadi hanyalah tercabut daripada namanya gelaran yang tertentu atau khas. Bagi jabatannya sahaja iaitu misalnya "Datuk Penggawa" atau "Datuk Bentara" jikalau ia memohon keluar daripada Jemaah Menteri akan tercabutlah daripadanya gelaran yang menjadikan jawatannya iaitu "Penggawa" atau "Bentara" dan teranglah gelaran atau pangkat "Datuk" itu sahaja kepadanya dan demikian juga aturan gelaran-gelaran yang terbit daripada darjah yang dikurniakan kepada seseorang pegawai Kerajaan.

Pekerjaan-pekerjaan Jemaah Menteri.

42. Adalah Jemaah Menteri itu kaedahnya menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan yang khas kepada Raja maka dari sebab itu harus wajib dan berbahagia bagi Raja mengambil syor fikiran dan ikhtiar daripada Jemaah itu dalam segala pekerjaan dan perkara yang berkenaan dengan faedah-faedah negeri dan rakyat dan demikian pula patut dan harus bagi tiap-tiap Menteri itu dalam perkara-perkara yang besar-besar dan berat-berat dalam jawatannya sendiri meminta dan mengambil syor fikiran dan ikhtiar tulan-tulannya yakni aturannya tolong-menolong akan tetapi adalah tanggungan-tanggungan baik jahat jawatannya ia sendiri jua.

Persidangan Jemaah Menteri.

43. Hendaklah Jemaah Menteri itu bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali melainkan dalam bulan Ramadan dan pada hari-hari besar tidak diwajibkan dan pada lain-lain masa bila-bila dikehendakkan.

Pertama – Dengan titah perintah Raja.
Kedua – Dengan permintaan Menteri Besar atau Naib.
Ketiga – Dengan permintaan tiga orang ahli Jemaah Menteri.

44. Dalam sesuatu persidangan Jemaah Menteri lima (5) orang jadi ahli suatu "cukup bilang" jikalau Raja ada bersama-sama hadir tiga orang ahli memadailah bagi suatu cukup bilang akan tetapi wajibkan jika ada masa diberitahu kepada semua ahli yang ada dalam negeri hal hendak diadakan persidangan itu. Cukup bilangan Jemaah Menteri.

MESYUARAT KERAJAAN

45. Adapun timbalan yang am kepada kerajaan iaitu Mesyuarat Kerajaan namanya dan yang menjadi ahli-ahli baginya iaitu Menteri-menteri dan lain pegawai besar dan ketua-ketua kerajaan yang dijadikan oleh Raja dengan syor Jemaah Menteri daripada suatu masa kepada suatu masa. Timbalan am bagi Kerajaan.

46. Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang lain daripada Menteri-menteri hendaklah dijadikan dengan pilihan Raja dan dengan syor atau persekutuan Jemaah Menteri dan bilangan ahli-ahlinya tiada kurang dari 16 orang iaitu masuk seorang Yang Dipertua dan naib Yang Dipertuan. Ahli Mesyuarat Kerajaan.

47. Tidak diwajibkan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan itu semuanya daripada bangsa Melayu atau agama Islam akan tetapi wajibkan semuanya daripada rakyat Johor. Wajib daripada rakyat Johor

48. Hendaklah tiap-tiap ahli Mesyuarat Kerajaan itu masuk dengan mengangkat sumpah Mengangkat sumpah bersetia.

bersetia kepada Raja dan kerajaan dan mengaku akan memberi segala syor fikiran.

Pekerjaan Mesyuarat Kerajaan.

49. Adapun pekerjaan-pekerjaan Mesyuarat Kerajaan itu iaitu terutamanya membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat iaitu seperti membuat dan menjadikan membetul dan menambah atau membezakan undang-undang dan aturan daripada segala jenis dan rupa melainkan undang-undang agama dan hukum syarak dan memikirkan hal membuka negeri dan mengerjakan umrah negeri dan memberi ikhtiar-ikhtiar yang baik bagi menerbitkan hasil dan menambah akan perniagaan dan membaiki hal-hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman dalam negeri dan daerah takluk jajahan Johor dan memanjangkan muhibah perdamaian dengan kerajaan-kerajaan asing.

Cukup bilang Mesyuarat Kerajaan.

50. Adalah cukup bilang bagi sesuatu persidangan Mesyuarat Kerajaan itu tujuh (7) orang jikalau jumlah semua ahlinya, tiada kurang dari enam belas (16) orang dan lima belas (15) orang jikalau semuanya tiada kurang dari tiga puluh dua (32) orang dan tiga puluh satu (31) orang jikalau semuanya tiada kurang dari enam puluh empat (64) orang atau lebih.

Persidangan-persidangan Mesyuarat Kerajaan.

51. Hendaklah Mesyuarat Kerajaan itu bersidang sekurang-kurangnya dua bulan sekali atau bila-bila ada titah perintah menyuruh atau bila-bila diminta oleh Jemaah Menteri atau bila-bila dikehendakkan oleh tiada kurang dari separuh daripada jumlah bilangan ahli-ahli dalam Jemaah Mesyuarat Kerajaan itu. Iaitu hendaklah kehendak ahli-ahli

itu dan pekerjaan atau perkara yang hendak dimesyuaratkan itu dinyatakan kepada Jemaah Menteri jelas tiga (3) hari lebih dahulu dan tiada diwajibkan sesuatu persidangan itu diadakan dalam bulan puasa atau pada hari-hari yang tertentu hari besar Kerajaan atau hari atau kelepasan orang ramai. Dan adalah makna dua bulan sekali itu iaitu renggang di antara penghabisan suatu masa yang dikatakan ada lagi duduk mesyuarat (sama ada banyak hari-harinya atau sedikit) dengan masa permulaan persidangan yang baharu hendak diadakan.

Ahli-ahli sama dan setara hak-haknya dalam persidangan.

52. Di dalam segala persidangan dan pada segala masa persidangan Mesyuarat Kerajaan adalah sekalian ahli itu sama dan setara hak-hak dan kuatkuasa seorang dengan lain iaitu tiap-tiap seorang ada suatu "suara" yang boleh digunakannya pada menyertai atau berlawan atas barang yang dimesyuaratkan itu tetapi tiadalah diwajibkan atas tiap-tiap ahli Mesyuarat Kerajaan itu menggunakan "suaranya" melainkan dengan kesukaannya sendiri.

Maka apa-apa keputusan pihak yang banyak bilangan suara itulah yang diterima dan boleh disembahkan kepada Raja.

Ingatan Persidangan disimpan.

53. Hendaklah hal-hal yang jadi dalam persidangan-persidangan Mesyuarat Kerajaan itu ditulis dan disimpan ingatannya (minit, dalam sesuatu kitab dengan terang dan sempurna) dan undang-undang atau aturan-aturan atau benda-benda yang berkenaan dengan isi negeri hendaklah dizahirkan setelah dapat lulusan atau kebenaran Raja.

Kebenaran-kebenaran Raja.

54. Hendaklah tiap-tiap lulusan atau kebenaran Raja itu menentukan pada apa masa akan

mulai berlaku undang-undang atau aturan-aturan yang telah dijadikan itu.

Tiada dapat kebenaran Raja atau keputusan-keputusan.

55. Jikalau ada sesuatu undang-undang atau atur atau perkara atau benda yang tidak lulus atau dibenarkan oleh Raja bolehlah dibawa semula ke dalam persidangan Mesyuarat Kerajaan pada kali yang lain persidangan nya dan jikalau sudah tiga kali berturut-turut tiada lulus dan dibenarkan oleh Raja tiadalah boleh perkara itu dibawa lagi melainkan setahun di belakang daripada masa yang akhir telah dipersidangkan.

Maka jikalau ditetapkan demikian jua timbangan perkara itu oleh Mesyuarat Kerajaan pada kali yang keempatnya haruslah dilulus dan dibenarkan oleh Raja kerana yang demikian hapuskan tafsir Raja.

Cadangan dalam undang-undang ini.

56. Adalah dicadangkan dalam undang-undang ini bagi Mesyuarat Kerajaan itu ada hal bagi Raja dan kerajaan boleh membaiki dan membetul meminda-minda dan menambah-nambah akan aturan-aturan dan undang-undang bagi persidangan dan kedudukan Mesyuarat Kerajaan akan tetapi hendaklah apa-apa aturan dan undang-undang yang ada tengah berjalan dan dipakai itu dilakukan dengan kuat dan sebenarnya selagi belum ada dipecah atau dimansuhkan dengan lain.

BERBAGAI-BAGAI INGATAN

Agama negeri dan agama lain.

57. Adalah yang dikatakan "agama negeri" bagi jajahan dan Kerajaan Johor ini iaitu agama Islam maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya menjadi dan diaku dan

disebut "agama negeri" yakni tiadalah sesekali-kali boleh sebarang agama lain. Dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala agama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperagamakan dalam segala dan segenap daerah takluk Kerajaan Johor oleh orang-orang yang beragamakan ia.

58. Hendaklah segala undang-undang dan adat-adat negeri dijalankan dan diperakukan dengan adil dan benar oleh segala mahkamah kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di antara sekalian isi negeri dan yang dagang yang berhenti dan duduk bernaung di dalamnya sama ada bagi sementara atau dengan berlanjut-lanjutan masanya yakni dengan tiada sedikit juga pun melebih akan timbang rasa atau pandangan atau cenderung kepada pihak-pihak yang beragamakan agama negeri iaitu Islam atau memperbezakan rakyat negeri dengan yang bukan rakyat negeri.

Undang-undang dan ibadat negeri.

59. Hendaklah Raja dan Kerajaan Johor sentiasa dan berkekalan ada dalam keadaan dan kedudukan yang muhibah dan baik dengan kerajaan-kerajaan lain istimewanya dan terutamanya dengan bangsa dan Kerajaan British (Inggeris).

Muhibah kerajaan lain-lain dengan kerajaan.

60. Selagi tidak ada perbuatan yang sah dan terang aniaya yang besar dan jahat dari pihak bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan yang ada perjanjian (*treaty*) dengan Kerajaan Johor dan tiada perbuatan-perbuatan yang memecahkan perjanjian atau perjanjian-perjanjian yang telah ada sedia diperbuat atau yang akan diperbuat dengan kerajaan-kerajaan asing itu.

Memegang perjanjian (treaty).

61. Hendaklah ucapan kerajaan iaitu "Kepada Allah Berserah" itu dan tanda kerajaan dan mahkota serta alatan kerajaan dan bendera Raja dan bendera negeri atau bangsa itu sekaliannya itu selama-lamanya dipakai dan diperkenalkan dengan rupa dan keadaannya bagaimana yang ada itu juga dengan tiada diubah dan dipindah-pindah dan demikian juga ucapan kerabat Raja itu "muafakat itu berkat" hendaklah dipakai dan diperkekalkan. Ucapan kerajaan.

62. Hendaklah dua jenis darjah yang ada sekarang selama-lama dipakai dan diperkekalkan bagaimana rupa dan keadaannya yang ada itu juga iaitu Datuk Kerabat Yang Amat Dihormati dan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia itu dan daripada pingat-pingat yang ada itu hendaklah selama-lamanya dipakai dan diperkenalkan "pingat besi" itu iaitu balasan bagi keberanian dan jasa-jasa kepada kerajaan dalam pekerjaan-pekerjaan yang merbahaya kepada nyawa. Darjah dan pingat besi dikekalkan.

63. Sungguhpun dinyatakan di dalam undang-undang ini hendaklah dipakai dan diperkenalkan darjah-darjah yang tersebut itu tiada pula dilarang atau ditegah akan Raja daripada membuat menjadi dan mengadakan darjah-darjah dan tanda-tanda kemuliaan dan kebesaran yang lain kerana Raja itu mata air bagi segala kemuliaan dan kebesaran akan tetapi adalah diperingatkan janganlah diperbuat dijadi dan diadakan sesuatu darjah lain dengan sebab semata-mata hendak membanyakkan dan menambahkan bilangan darjah-darjah sahaja dengan tiada difikirkan dengan cermat dan baik adakah berguna dan berkehendak dijadikan yang baharu kerana banyak bilangan dan terlalu Ingatan jangan deras membuat darjah.

banyak kelihatan di dalam negeri tanda-tanda kemuliaan dan kebenaran itu akan menjadikan kurang mutu dan kurang harga semuanya itu istimewa pada tentang suatu kerajaan yang kecil.

64. Pada akhir undang-undang dan ingatan ini adalah kita percadangkan dan persyaratkan bagi diri kita dan waris ganti kita dengan syor dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan sentiasa ada hak dan kuat kuasa boleh menambah-nambah dan membesar-besarkan kawasan undang-undang ini daripada suatu masa kepada suatu masa bila-bila sahaja difikirkan patut atau wajib diperbuat demikian iaitu dengan aturan tiada mengubah meminda mengorak memecah dan membinasakan asas atau maksud atau tujuan undang-undang yang kita telah perbuatkan adakan dirikan dan tetapkan ini. Dan lagi pula ada hak dan kuat kuasa bagi kita dan waris-waris ganti kita dengan pertolongan dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan atau bagi Mesyuarat Kerajaan sahaja boleh menentu dan menetapkan syarah-syarah tafsir-tafsir bacaan-bacaan dan makna-makna segala atau sesuatu daripada fasal-fasal yang terkandung di dalam undang-undang ini jika pada sebarang masa yang ke hadapan kelak didapati patut dan harus diperbuat demikian oleh kerana hendak menjadikan dia lebih dan makna-makna maka yang demikian kelak ditentu dan ditetapkan akan jadi dan diterimalah seperti suatu bahagian daripada undang-undang tubuh kerajaan ini juga dan akan terpakailah dengan tiada boleh ditampik-tampik lagi adanya.

Mesyuarat Kerajaan boleh menambah atas undang-undang ini.

Bahkan demikianlah undang-undang dan aturan-aturan Tubuh kerajaan Johor.

Barang dihormati Allah Subhanahu Watala Mulkalmulk dan diberkati Nabi Muhammad s.a.w. akan segala undang-undang dan aturan-aturan Tubuh Kerajaan Johor ini selama-lamanya Amin Yarabbul-alamin.

Diperbuat dalam istana kita di Johor Bahru pada 18 haribulan Syawal Hijaratan Nabi s.a.w. seribu tiga ratus dua belas sanat (1312) bersamaan dengan hitungan Masihi 14 hari bulan April seribu delapan ratus sembilan puluh lima (1895) iaitu tahun yang ketiga puluh empat kita di atas kerajaan.

Pada menyaksikan lulus dan ketetapan Undang-undang Tubuh Kerajaan ini serta persekutuan dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan dengan aturan yang taat teguh bersetia dan benar adalah sekalian ahli Mesyuarat Kerajaan yang hadir membubuh tandatangan masing-masing di bawah ini:

Mohd. Khalid b. Ibrahim dan Datuk Kerabat	Ibrahim Tengku Mahkota dan Datuk Kerabat	Ungku Sulaiman Ungku dan Datuk Kerabat
Jaafar b. Hj. Muhamad Datuk Menteri Johor	Hj. Muhamad Salleh Datuk dan Hakim	Syed Salim b. Ahmad al-Atas Datuk dan Mufti
Muhamad Ibrahim b. Hj.	Muhamad Salleh b. Perang	Jaafar b. Nong Yahya
Abdullah Munsyi Datuk Bentara Dalam	Datuk Penggawa luar	Datuk Penggawa Timur
Abd. Samad Ibrahim	Muhammad Yahya b. Awaluddin	Al-Haj Abdul Rahman
Datuk Penggawa Barat	Datuk	Datuk dan Kadi
Abdullah b. Tahir Datuk Sri Setia Raja	Yahya b. Syaaban Datuk	Andak Datuk
Muhamad b. Mahbob Datuk	Abdul Rahman b. Andak Datuk Sri Amar Diraja	

Dengan nama Allah Subhanahu Watala mengaku kita dengan sebenar-benarnya berlaku Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini di atas kita dan kerajaan kita adanya.

IBRAHIM

Syahid Ali Zulk
Jaafar bin Haji Muhamad
Istana Besar
24 Hari Rabiulawal Sanat 1313
Berbetulan 14 September tahun Al-Masihi 1895.

COP KERAJAAN

LAMPIRAN F

TAMBAHAN UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR (22 APRIL 1908)

Telah diluluskan dan dibubuh tandatangan oleh sekalian ahli-ahli mesyuarat pada hari Rabu 22 April 1908

BAHAWA adalah kita Ibrahim Sultan Yang Dipertua bagi negeri dan jajahan Johor telah berkenan suka dan bersetuju dan dengan syor dan keredaan dan persekutuan ahli Mesyuarat Kerajaan membuat mengadakan undang-undang ini supaya jadi penambah bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan yang telah diadakan pada Hijrah 1312 (tahun 1895) dan iaitu mengikuti bagaimana yang tersebut di dalam fasal 64 pada akhir undang-undang itu.

Ialah supaya dipakai dan dilakukan di dalam Johor dan segala daerahnya daripada tarikh ini sehingga selama-lamanya dan kepada keturunan waris-waris dan ganti-ganti kita.

Maka undang-undang ini dinamakan Undang-undang Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan bagi Hijrah 1326 bersamaan dengan tahun 1908 ialah seperti di bawah ini:

1. Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya ditahan akan dia atau dipenjarakan melainkan dengan mengikuti perjalanan yang betul bagi undang-undang (*law*) walau oleh Sultan sendiri sekalipun kebebasan dan kemerdekaan segala orang-orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang (*law*) ialah asas bagi kesemua *government* yang baik.

2. Oleh tersangatlah wajib suatu perjalanan yang betul bagi keadilan dan bagi perjagaan nyawa kemerdekaan dan harta bagi tiap-tiap orang maka hakim-hakim dan pengadil-pengadil hendaklah semata-mata merdeka dirinya daripada sebarang asuhan yang datang terus atau tiada terus padanya supaya menyempurnakan pekerjaan yang patut dijalankan dengan adil jika tidak demikian nescaya tiadalah boleh berlaku keadilan atau kepercayaan rakyat pun tiadalah membetuli atas pekerjaan menjalankan undang-undang (*law*) itu dengan sepertinya.

Tidaklah boleh Sultan atau barang siapa daripada Menteri-menterinya memberi perintah kepada mereka itu (hakim-hakim dan pengadil-pengadil) dalam sebarang perkara yang ada di hadapan mahkamah.

3. Barang siapa yang kena paksa daripada kebebasannya atau ditahan dalam kurungan atau dipenjarakan dikecualikan dalam perjalanan yang benar bagi undang-undang (*law*) bolehlah ia sendiri atau siapa bagi pihaknya meminta kepada hakim mahkamah menimbangkan iaitu jika ada sebab yang menjadikan terpenjara itu patut atau tahanan itu mengikut undang-undang hendaklah mahkamah dengan segera menjalankan apa yang dikehendaki oleh keadilan maka jika tiada nampak kepatutannya dalam undang-undang (tiada sah) hendaklah mahkamah perintah lepaskan dia seketika itu juga.

4. Hendaklah Sultan membawa dirinya kepada semua rakyat-rakyatnya dengan kelakuan yang hormat dan adil dengan menunjukkan kasih sayang dan timbangan kepada semua mereka itu dan memerintah mengikut undang-undang (*law*) kerana bukanlah seorang pemerintah yang sebenarnya jika kehendak dan kesukaan hatinya yang memerintah dan bukan undang-undang (*law*) yang memerintah dan lagi hendaklah memelihara agama Islam yang ada itu serta hak-hak dan kemerdekaan-kemerdekaan rakyat-rakyat ingatlah yang Sultan itu telah dilantik atas tempat yang tinggi itu oleh rakyat-rakyat negeri dengan kepercayaan mereka itu yang ia boleh menyempurnakan harapan mereka itu atasnya.

5. Bayaran gaji bagi sebarang pegawai Kerajaan tiada boleh ditahan bila sampai tempohnya jika dengan tiada satu perintah dari kepala perjabatan yang tempat pegawai itu bekerja maka perintah yang demikian itu pula hendaklah ditimbangkan oleh Sultan dalam mesyuarat. Dan lagi sekiranya ada sebarang hutang yang telah disabitkan oleh mahkamah sebarang pegawai Kerajaan tiadalah boleh diberi perintah tahan akan gajinya itu oleh mahkamah jika tiada lain dengan tulisan dari Setiausaha Kerajaan.

Dewan Kerajaan
Johor Bahru
22 April 1908
(20 Rabiulawal 1326)

Dengan titah perintah

Muhamad bin Mahbob
Setiausaha Kerajaan

LAMPIRAN F

TAMBAHAN UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR (17 SEPTEMBER 1912)

IBRAHIM

COP KERAJAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahi Rabb Al-Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Sayidina Muhammadin Wa Ala Alihi Wasahbihi Ajmain

AL-WASAK billah Ibrahim bagi Kerajaan dan jajahan Johore dan segala daerahnya Sultan Yang Dipertuan Raja dan kepala bagi darjah kerabat yang amat dihormati dan Raja dan Kepala bagi darjah mahkota Johor yang amat mulia.

Serubukan.

Bahawa dengan kuat kuasa Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johore kita bertarikh 18 haribulan Syawal 1312 bersamaan tarikh 14 April 1895 adalah dengan persetujuan dan pesertaan ahli Mesyuarat Jemaah Menteri kita dan Mesyuarat Kerajaan kita sukar menjadikan lagi syarat kerana Kerajaan bagi negeri dan jajahan Johore kita dan kita dengan surat ini lafazkan maksud dan kesukaan kita seperti di muka surat berikut:

Keadaan Mesyuarat Kerja.

Maka hendaklah diadakan suatu Mesyuarat Kerja Dewan kerana Kerajaan kita dan Mesyuarat yang tersebut itu hendaklah mengandungi orang yang tersebut seperti yang sekarang ada menjadi ahli-ahli Mesyuarat yang tersebut dan lain-lain orang ialah yang kita jadikan dari suatu masa ke suatu masa dengan akuan perintah yang ada bertandatangan kita bertulis dan hendaklah sekalian orang yang tersebut menanggung jawatannya dalam Mesyuarat yang tersebut selama yang kita sukai.

Sayugia yang demikian adalah kita sekarang menjadikan dan memperbuat butir-butir yang tersebut di bawah ini ialah jadi suatu hakim yang benar dan tetap bagi Mesyuarat Kerja Dewan yang tersebut.

HUKUM BAGI MESYUARAT KERJA DEWAN

1. Ahli bagi Mesyuarat Kerja Dewan mendapati akan lebih pangkatnya dan pangkat susunannya seperti yang ditentukan oleh Raja maka jika tiada yang demikian iaitu pegawai-pegawai yang lebih lama jawatannya ataupun sekiranya dijadikan dengan sama dalam surat menurut susunan nama-nama masing-masing disebutkan di situ. — Pangkat susunan.

2. Maka boleh Raja itu bila ada berfikir patut berkehendakkan akan sebarang ahli Mesyuarat muafakat dewan bersumpah setia dan bersumpah yang demikian hendaklah disahkan dengan tandatangan ditulis dalam sebuah buku yang diadakan kerana pergunaan itu di hadapan dua saksi yang hadir daripada antara pegawai-pegawai Kerajaan. — Sumpah setia.

3. Tiadalah boleh Mesyuarat Kerja Dewan itu menjalankan kerja-kerja jika tiada sempurna dipanggil dengan titah Raja dan tiada boleh juga jika tiada dua ahli sekurang-kurangnya (tidak masuk Raja atau ahli menjadi pengerusi) hadir dan menolong dalam seluruh masa Mesyuarat bagi menjalankan sebarang kerja waktu itu. Maka tiadalah wajib dipanggil sebarang ahli Mesyuarat yang tiada dalam negeri di mana Mesyuarat itu diadakan. — Mesyuarat Kerja tidak menjalankan kerja melainkan dipanggil.

4. Maka bolehlah Raja menitahkan pada mengadakan suatu Mesyuarat Kerja Dewan — Boleh diadakan Mesyuarat Kerja dalam sebarang tempat.

dalam sebarang tempat dalam negeri Johore di mana ianya ada bersemayam dan dalam Mesyuarat yang demikian itu disifatkan lulus menjalankan kerja meskipun ia tidak dengan sempurna menitahkan panggil lebih daripada dua ahli yang hadir.

Raja menjadi Pengerusi.

5. Maka bolehlah Raja hadir dan menjadi pengerusi pada segala Mesyuarat Kerja Dewan dikecualikan kerana gering atau lain-lain yang menahankan maka ketiadaannya itu sebarang ahli yang dititahkannya bolehlah menjadi pengerusi atau jika tiada ahli yang tersebut maka ahli yang lebih tua bagi Mesyuarat itu yang ada hadir bolehlah menjadi pengerusi maka masa Raja tiada berangkat hadir hendaklah segala salinan yang betul bagi segala minit persidangan itu disembahkan dengan masa yang seberapa segera ialah bagi pengetahuannya atau persetujuannya demikianlah menurut perihalnya.

Setiausaha Kerajaan menjunjung titah.

6. Maka hendaklah Setiausaha Kerajaan menjunjungkan titah Raja kepada Mesyuarat Kerja Dewan ialah apa-apa yang dititahkan oleh Raja dari suatu masa ke suatu masa.

Raja dan Setiausaha Kerajaan membawa perkara.

7. Hanyalah Raja dan Setiausaha Kerajaan boleh berkuasa membawa perkara ke dalam Mesyuarat Kerja Dewan kerana nasihat dan timbangannya tetapi sekiranya Setiausaha Kerajaan enggan daripada membawakan sebarang soal perkara ke dalam Mesyuarat itu bila diminta dengan bertulis oleh sebarang ahli berbuat demikian maka terhasulah kepada ahli yang tersebut meminta supaya iaitu dibawa ingatan bersama-sama dengan jawab yang dikembalikan oleh Setiausaha-Kerajaan dalam perkara ini.

8. Maka hendaklah disimpan suatu buku peringatan hari-hari dan minit-minit yang sempurna dan betul bagi segala perkara yang dalam Mesyuarat Kerja Dewan dan hendaklah peringatan-peringatan dan minit-minit itu dibetulkan dan diakukan oleh Setiausaha Kerajaan dan seorang lagi ahli bagi Mesyuarat itu.

Disimpan peringatan Mesyuarat Kerja.

9. Apakah suatu persidangan bagi Mesyuarat itu diadakan dalam suatu tempat iaitu lain daripada tempat kedudukan kerajaan maka hendaklah minit perkara yang dibangkitkan dalam tempat Mesyuarat yang tersebut diutuskan ke tempat kerajaan dan disimpan dengan lain peringatan bagi Mesyuarat maka hendaklah yang demikian diaku oleh sekurang-kurangnya dua orang ahli.

Mesyuarat diadakan lain daripada tempat kedudukan Kerajaan.

10. Maka Setiausaha Kerajaan pada melakukan kuatkuasanya yang telah dikurniakan oleh Raja hendaklah ia dalam sekalian hal itu membawa kepada timbangan Mesyuarat Kerja Dewan dikecualikan dalam perkara-perkara yang hal keadaannya iaitu pada timbangannya adalah kerja Raja itu akan menjadi gendala dengan sebab mengambil syor Mesyuarat dalam hal itu atau apakala perkara-perkara yang hendak diputuskan itu tiada berapa mustahak berkehendakkan syor Mesyuarat atau tidak bermasa lagi mengambil syor Mesyuarat dalam demikian maka hendaklah dengan seberapa segera yang boleh diutuskan kepada Mesyuarat Kerja Dewan akan perbuatan yang telah dilakukan itu serta dengan memberi sebab-sebabnya.

Setiausaha Kerajaan membawa kepada timbangan Mesyuarat Kerja.

11. Maka bolehlah Raja itu menggunakan kuasanya bersalahan daripada nasihat yang disembahkan kepadanya oleh ahli-ahli Mesyuarat Kerja Dewan jika ia berfikir

Boleh Raja menggunakan kuasa menyalahi Mesyuarat-Kerja.

dalam sebarang hal itu betul dibuat demikian ialah pada menjalankan kuasa-kuasa hak-hak dan kelebihan yang benar bagi pihaknya tetapi dalam perkara yang demikian bolehlah ia menulis bagi ingatan yang penuh atas hal kejadian-kejadian dan sebab-sebab bagi yang demikian.

Dipersyaratkan dalam hukum ini.

12. Adalah dipersyaratkan dalam hukum ini iaitu berkenaan dengan Mesyuarat Dewan Raja dan Kerajaan berkuasa pada membaikkan dan pada membetulkan lagi pada mengubah. Pada menambah kepada peraturan dan aturan yang berkenaan dengan persidangan-persidangan dan kedudukan Jemaah-jemaah bagi Mesyuarat Kerja Dewan tetapi dikehendakkan iaitu apa-apa pun fasal-fasal dan peraturan-peraturan yang ada dijalankan dan digunakan hendaklah iaitu dengan sebenar-benarnya dan sebetul-betulnya diperlukan seberapa lama yang hukuman itu tidak dimansuhkan atau digantikan dengan lain.

Diperbuat di Istana Besar kita di Johor Bahru pada 5 hari bulan Syawal Hijrat Al-Nabi s.a.w. seribu tiga ratus tiga puluh sanat (1330) bersamaan dengan hitungan Masihi tujuh belas hari September, seribu sembilan ratus dua belas (1912) iaitu tahun yang ketujuh belas kita di atas Kerajaan.

PEKERJAAN BAGI MESYUARAT KERJA

Adalah dipertentukan oleh Yang Maha Mulia Sultan yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan Johor pada 5 Syaaban seribu tiga ratus tiga puluh dua (1332) bersamaan dengan 29 Jun seribu sembilan ratus empat belas (1914).

Adalah pekerjaan bagi Mesyuarat Kerja iaitu lain daripada perkara-perkara yang lazim bagi Kerajaan menimbangkan segala permohonan bagi tanah tanaman dan galian-galian segala borangan-

borangan dan tawaran-tawaran bagi jabatan kerja raya – segala permohonan cuti – perihal naik pangkat-pangkat – demikian jua syor memperdayakan undang-undang dan lain-lain perkara yang mustahak.

LAMPIRAN F

TAMBAHAN UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR (12 MEI 1914)

IBRAHIM

COP KERAJAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulilahi Rabb Al-Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Sayidina Muhammadin Wa Ala Alihi Wasahbihi Ajmain

AL-WASAK billah Ibrahim bagi kerajaan dan jajahan Johor dan segala daerahnya Sultan Yang Dipertuan Raja dan Kepala bagi Daerah Kerabat Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

Serubukaan.

Bahawanya adalah kita dengan fasal yang ke-47 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor bertarikh 18 Syawal 1312 bersamaan dengan 14 April 1895 menentukan dan menjadikan iaitu tidak diwajibkan ahli Mesyuarat Kerajaan semuanya daripada bangsa Melayu agama Islam akan tetapi diwajibkan semuanya rakyat Johor.

Ahli tambahan bagi Mesyuarat Kerajaan.

Dan bahawasanya pada menjalankan kuasa yang dicadangkan dalam fasal 54 bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan dan dengan syor dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan adalah kita sekarang suka menentukan iaitu bagi tambahan daripada enam belas orang ahli Mesyuarat itu bagaimana yang ada tersebut dalam fasal yang ke-46 bagi undang-undang yang tersebut bolehlah dari satu ke satu masa dibenarkan ahli Mesyuarat itu daripada lain-lain orang tidak daripada rak-

yat Johor dengan dinamakan dia "Ahli Tambahan".

Akuan yang bertulis.

Maka sekarang pada Mesyuarat dan menjalankan kuasa terhak di atas kita seperti yang tersebut di atas itu adalah kita menentukan iaitu orang-orang yang tersebut itu layak dimasukkan dalam Mesyuarat yang tersebut seolah-olah adalah mereka itu seperti rakyat Johor yang tersebut sungguhpun tiadalah terwajib baginya mengangkat sumpah setia kepada Raja dan kerajaan tetapi adalah dia berkehendakkan memberi satu akuan yang tertulis akan memberi segala syor fikiran dan ikhtiar dengan hati yang betul dan niat yang baik bagi kesempurnaan dan keuntungan negeri dan rakyat.

Diperbuat dalam Dewan Johor Bahru pada 16 Jamadilakhir Hijrat Nabi s.a.w. seribu tiga ratus tiga puluh dua bersamaan dengan hitungan Masihi dua belas hari Mei seribu sembilan ratus empat belas iaitu tahun yang kesembilan belas kita di atas kerajaan.

LAMPIRAN F

TAMBAHAN UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR (17 JULAI 1918)

IBRAHIM

COP KERAJAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahi Rabb Al-Alamin Wassalatu
Wassalamu Ala Sayidina Muhammadin Wa Ala
Alihi Wasahbihi Ajmain

AL-WASAK billah Ibrahim bagi kerajaan dan jajahan Johore dan segala daerah takluknya Sultan Yang Dipertuan Raja dan Kepala bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Johor yang Amat Mulia.

Bahawasanya oleh sebab telah terbit faham yang bersalah-salahan tentang pengertian yang betul bagi fasal yang ke-26 dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor kita bertarikh 18 Syawal 1312 bersamaan dengan 14 April 1895 maka wajiblah faham yang bersalah-salahan itu supaya ditentukan yang demikian kita dengan syor dan persekutuan dan persetujuan ahli-ahli Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan kita berkenaan suka memperbuat tambahan pada fasal yang tersebut itu bagaimana yang tersebut itu bagaimana yang tersebut di bawah ini:

"Tiap-tiap orang yang menerima belanja hidup menurut fasal ini pada tarikh ini kerana ianya menjadi anak saudara lelaki atau anak saudara perempuan kepada Raja bolehlah kekal ia menerima belanja hidup yang demikian itu selama hidupnya dengan menurut syarat yang disebutkan di bawah ini."

"Tiap-tiap seorang pun iaitu anak lelaki atau perempuan kepada saudara Raja yang lelaki atau saudara Raja yang perempuan yang telah mangkat yang tiada menerima belanja hidup pada tarikh ini menurut fasal ini boleh berhak dapat dahulu daripada tarikh ini tetapi tiap-tiap seorang yang demikian itu dari tarikh ini dengan menurut syarat yang disebutkan di bawah ini ialah bagaimana yang ditentukan oleh Raja dengan syor dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan atas masing-masing bagi tiap-tiap seorang ini.

Dipersyaratkan lazimlah jika sebarang daripada orang yang mene-

rima belanja hidup menurut fasal ini menyerahkan atau memindahkan milik belanja hidup yang tersebut itu ataupun kena hukum di hadapan sebarang mahkamah dalam negeri ini atau sebarang negeri yang dipunyai oleh Kerajaan Inggeris atau negeri yang lain-lain ialah kerana sebarang dosa atau kesalahan padahal pada menghidangkan maruah ataupun orang itu jadi jatuh muflis (bankrap) maka dalam tiap-tiap hal yang demikian itu nescaya berhentilah belanja hidupnya itu dengan serta-merta.

MUHAMAD BIN MAHBOB
Timbalan Menteri Besar

Dewan Kerajaan
Johor Bahru
17 Julai 1918
(8 Syawal 1336)

Adalah ulangan cetak Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ini serta dengan tambahan-tambahan bertarikh 22 April 1908, 17 September 1912, 12 Mei 1914 dan 17 Julai 1918 diperlulus dan dipertetapkan dengan sempurnanya oleh sekalian ahli-ahli Mesyuarat Jemaah Menteri pad 26 haribulan Zulkaedah 1349 bersamaan dengan 14 April 1931.

ISMAIL
(Tuanku Mahkota of Johore, Datuk Kerabat)

ABU BAKAR OF JOHORE
(Tuanku Aris Bendahara, Datuk Kerabat)

AHMAD
(Tuanku Temenggung, Datuk Kerabat)

MUSTAPHA BIN JAAFAR (Datuk Menteri Besar, Yang Dipertua Mesyuarat)

ABDUL AZIZ BIN ABDUL MAJID
(Ungku, Datuk Kerabat, Timbalan yang Dipertua Mesyuarat)

MUHAMAD BIN MOHD. KHALID
(Ungku, Datuk Kerabat)

MUHAMAD SALLEH BIN ALI
(Datuk Peduka Sri Priwara)

HAJI MOHD. SAID BIN HAJI SULAIMAN
(Mejar Datuk Paduka Sri Setia)

ABU HAMID BIN YUSOF
(Leftenan Kolonel, Datuk Penghulu Beracana)

LAMPIRAN G

ARAHAN MENGENAI PENTADBIRAN BERSEIRING*

Jata Kerajaan Johor

PEMBERITAHU KERAJAAN

Dengan Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Sultan bagi Negeri dan Jajahan Johor

BAHAWA pada dan kemudian daripada tarikh ini hendaklah bagi Pesuruhjaya Kerajaan di Muar, di Batu Pahat dan lain-lain dengan pejabat-pejabat yang ada kepala besarnya di Johor menjalankan pekerjaan masing-masing yang berkenaan bagaimana di bawah ini:

1. Hendaklah Pesuruhjaya Kerajaan diberitahu dan diambil syornya bagi tiap-tiap satu kerja melainkan kerja-kerja yang sedikit dan biasa. Maka aturan ini hendaklah dipakai oleh pejabat-pejabat yang tersebut sama ada kepalanya dalam Johore orang Melayu atau orang putih.
2. Pesuruhjaya Kerajaan ini hendaklah bertanya akan fikiran penasihat tempat masing-masing dalam segala kerja yang ada banyak faedah Kerajaan atau negeri asing. Jika berselisih faham dibawa kepada timbangan Kerajaan.
3. Penasihat yang tersebut hendaklah bermuafakat kepada Pesuruhjaya Kerajaan terutama pada menjawab pertanyaan orang luar yang ada muslihat Kerajaan dalamnya.
4. Kerja bagi pihak Kerajaan dijalankan oleh Pesuruhjaya Kerajaan.

---

* *Sumber*: Pekeliling Setiausaha Kerajaan Johor, 1 Jun 1912. J/SUK 10. ANJ.

LAMPIRAN H

SURAT SULTAN IBRAHIM JOHOR KEPADA GABENOR NEGERI-NEGERI SELAT SIR ARTHUR YOUNG BERTARIKH 11 MEI 1914*

Istana Besar
Johor Bahru
11th. May 1914

Sir,

In view of the proposed extension of the powers of the General Adviser, I have honour to inquire whether the following lines of policy meet with your Excellency's approval and concurrence.

2. As it is possible that there may be occasional differences of opinion between myself and the General Adviser, I would suggest that the opinion of the State Council should be taken whenever such divergences arise and should be communicated to Your Excellency along with the views of the General Adviser.
3. I would also ask whether Your Excellency has any objection on grounds of public policy to the appointment of Europeans as members of my State Council, of my Executive Council and The Judicial Bench of the State of Johore, assuming, of course, that your Excellency concurs in considering the appointment to be necessary and the proposed nominees to be personally suitable.
4. I would be glad also of an assurance that the appointment representatives of the European Unofficial Community in my country would not be subjected to Your Excellency's views.
5. In future European Officers will only be appointed or seconded to the Johore Service with Your Excellency's full concurrence but I would ask that after they have been appointed they should be regarded as Johore officer for the time being and should be expected to wear the Johore white uniform. I also assume that it will be opened to me at any time to recommend that any officer with

---

* *Sumber*: Modification of Agreement and Appointment of General Adviser, 1885. J/PPB2 ANJ.

whose work I am dissatisfied should cease to be employed in Johore.

6. I have also to request Your Excellency's acceptance of the principle that Malay and English should be accepted as official languages for use in my Court of Justice and in all departments of my government. In the case of the Malay written language, the Jawi character should be given this official recognition.
7. There exists at the present time a school for educating Johore Malays to take part in the administration of their country. In the best interest of my people I would ask that this school should continue to be maintained and that preference should always be given to qualified Johore Malays when such are available for employment in the service of their own state.
8. I would request that Malays and Europeans in my service should be treated on term of equality.
9. Should I occasion to wish to travel beyond the limits of the Malay peninsula I would be glad to have authority to settle the matter by obtaining Your Excellency's concurrence.

His excellency

Sir Arthur Young, K.C.M.G,
Governor and Commander-in-Chief
of the Straits Settlement, Singapore

t.t. Ibrahim

LAMPIRAN I

SULTAN DAN TEMENGGUNG JOHOR, MENTERI BESAR, GABENOR NEGERI-NEGERI SELAT, PENASIHAT AM DAN PEMANGKU PENASIHAT AM JOHOR (1800 – 1945)

	Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS)	Sultan dan Temenggung	Menteri Besar[A]	Penasihat Am[D](PA)	Pemangku Penasihat Am[D]
1800					
1805					
1806		1806 – Temenggung Abdul Rahman			
1810					
1811					
1815					
1816					
		1819 – Sultan Hussein Muhammad Syah			
1820					
1821					
1825		1825 – Temenggung Ibrahim			
1826[+]	1826 – Rober Fullerton (Gabenor pertama NNS)				

sambungan **Lampiran I**

	Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS)	Sultan dan Temenggung	Menteri Besar[A]	Penasihat Am[D] (PA)	Pemangku Penasihat Am[D]
	1826 – Pembentukan Residensi (NNS) – Penang, Melaka & Singapura Pejabat Pentadbiran di Penang				
1830	1830 – Robert Ibbetson				
	1832 – Pejabat pentadbiran NNS				
1831	berpindah ke Singapura				
	1833 – Kenneth Murchinson				
1835		1835 – Sultan Hussein mangkat			
1836	1836 – George Bonham				
	1837 – Singapura menjadi pusat pentadbiran NNS				
1840					
1841					
	1843 – William Butterworth				
1845					
1846					

sambungan **Lampiran I**

	Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS)	Sultan dan Temenggung	Menteri Besar[A]	Penasihat Am[D] (PA)	Pemangku Penasihat Am[D]
1850					
1851					
1855	1855 – Edmund Blundell	1855 – Tengku Ali diiktiraf sebagai Sultan melalui Perjanjian 1855 tetapi hanya di Muar – Kesang			
1856			1856 – Datuk Menteri[B]		
	1859 – Orfeur Cavenagah				
1860					
1856					
1858[++]					
1861		1862 – Maharaja Abu Bakar	1862[C] – Datuk Menteri Encik Long meninggal (Dipercayai jawatan Datuk Menteri dikosongkan selepas kematian beliau)		
1865					
1866	1867 – Harry Ord (Gabenor pertama selepas perpindahan pentadbiran NNS daripada *India Office* kepada *Colonial Office*)				
1867[+++]					

sambungan **Lampiran I**

	Gabenor Negeri-negeri Selat (NNS)	Sultan dan Temenggung	Menteri Besar[A]	Penasihat Am[D] (PA)	Pemangku Penasihat Am[D]
1870					
1871					
	1873 – Andrew Clarke				
1875	1875 – William Jervois				
1876					
		1877 – Sultan Ali mangkat dan Kesang dimasukkan ke dalam Johor			
1880	1880 – Federick				
1881	Weld				
1885					
1886			1886 – Datuk Jaafar bin Mohamed (Datuk Bentara)		
	1888 – Cecil Smith				
1890			1890 – MB pertama		
1891			meninggal dunia (Gelaran Datuk Menteri ditukar kepada Menteri Besar semasa pemerintahan Abu Bakar)		

